



Kementerian Belia dan Sukan  
Malaysia



Institut Penyelidikan  
Pembangunan Belia Malaysia

# Malaysian Journal of Youth Studies

VOLUME  
JILID 17

ISSN 2180-1649

DEC  
DIS 2017

## *Makalah/Articles*

### **Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Kecenderungan Keterlibatan Belia di Malaysia dalam Gerakan Islam Radikal**

Nursalihah Ahmad Raston, Yohan Kurniawan, Noor Raihani Zainol, Nurul Hasliana Hamsani & Nurul Fatihah Mohd Fauzi

### **Nilai Kesetiaan dan Kebanggaan Belia Malaysia Terhadap Negara**

Tuan Pah Rokiah Syed Hussain, Hamidi Ismail, Shamsul Anuar Nasarah, Wasitah Mohd Yusof & Zaheruddin Othman

### **Faktor-Faktor Halangan Peningkatan Taraf Pendidikan dan Kemahiran Belia Luar Bandar**

Alias Masek, Shafizza Sahdan & Noor Atikah Zainal Abidin

### **Kefungsian Keluarga dalam Kalangan Belia di Malaysia**

Yaakob Daud, Yahya Don, Mohd Isha Awang, Siti Hajar Mohamad Yusoff, Kamaruddin Kasim & Shukri Zain

### **Peranan Gaya Keibubapaan dalam Pembentukan Kecerdasan Emosi Remaja Luar Bandar: Satu Tinjauan Awal di Sabah**

Abdul Adib Asnawi, Lailawati Madlan @ Endalan & Agnis Sombuling

### **Punca Kes Kehilangan Kanak-Kanak Berdasarkan Perspektif Belia di Serdang, Selangor**

Azlina Mohd Khir, Nor Aina Syafiqa Rodzuwan & Noor Shahirah Muhammad Nizam

### **Youths and The Maintenance of The Portuguese Identity in Melaka**

E-Jynn Yeow, Lee Yok Fee & Sarjit S. Gill

### **Penerimaan Belia Terhadap Portal Berita dalam Talian**

Rahmawati Nurdin, Akmar Hayati Ahmad Ghazali & Sharil Nizam Sha'ri



**Penaung/Patron**

YB Brig Jen Khairy Jamaluddin  
Menteri Belia dan Sukan Malaysia

**Ketua Editor/Editor-in-Chief**

Dr. Zainah Shariff  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

**Editor Eksekutif/Executive Editor**

Dr. Asma Abdullah - Ahli Lembaga Pengarah IYRES  
Prof. Madya Dr. Sarjit S. Gill - Universiti Putra Malaysia  
Shariffah Mamat - IYRES

**Sidang Editorial/Editorial Board**

Mastura Mohamad - IYRES  
Shahhanim Yahya - IYRES  
Mohd Rizal Mohd Sham - IYRES  
Norati'qah Talib - IYRES  
Asnida Abd Hamid - IYRES  
Norhidayah Omar - IYRES  
Nur Aqilah Syazwani Mohd Nor - IYRES  
Noor Sheila Mhd Nasir - IYRES

**Pewasit/Reviewer**

Prof. Dr. Rohani Nasir - UKM  
Prof. Dr. Azizuddin Mohd Sani – UUM  
Prof. Madya Dr. Razeligh Kawangit – UKM  
Prof. Madya Dr. Hair Awang - UKM  
Dr. Arnold Puyok – UNIMAS  
Dr. Zulisman Maksom – UTEM  
Dr. Bakri Mat – UUM  
Dr. Hanina H. Hamsan – UPM  
Dr. Mohd Mursyid Arshad – UPM  
Dr. Nur Afifah V. Abdullah – UKM  
Dr. Janice Nga Lay Hui – UMS  
Dr. Getrude C. Ah Gang @ Grace – UMS  
Dr. Geshina Ayu Mat Saat - USM



INSTITUTE FOR  
YOUTH RESEARCH  
MALAYSIA

# **Malaysian Journal of Youth Studies**

---

**VOLUME  
JILID 17**

**ISSN 2180-1649**

**DEC  
DIS 2017**

---

## *Makalah/Articles*

<b>Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Kecenderungan Keterlibatan Belia di Malaysia dalam Gerakan Islam Radikal</b>	<b>1-10</b>
NURSALIHAH AHMAD RASTON, YOHAN KURNIAWAN, NOOR RAIHANI ZAINOL, NURUL HASLIANA HAMSANI & NURUL FATIHAH MOHD FAUZI	
<b>Nilai Kesetiaan dan Kebanggaan Belia Malaysia Terhadap Negara</b>	<b>11-32</b>
TUAN PAH ROKIAH SYED HUSSAIN, HAMIDI ISMAIL, SHAMSUL ANUAR NASARAH, WASITAH MOHD YUSOF & ZAHERUDDIN OTHMAN	
<b>Faktor-Faktor Halangan Peningkatan Taraf Pendidikan dan Kemahiran Belia Luar Bandar</b>	<b>33-41</b>
ALIAS MASEK, SHAFIZZA SAHDAN & NOOR ATIKAH ZAINAL ABIDIN	
<b>Kefungsian Keluarga dalam Kalangan Belia di Malaysia</b>	<b>43-60</b>
YAAKOB DAUD, YAHYA DON, MOHD ISHA AWANG, SITI HAJAR MOHAMAD YUSOFF, KAMARUDDIN KASIM & SHUKRI ZAIN	
<b>Peranan Gaya Keibubapaan dalam Pembentukan Kecerdasan Emosi Remaja Luar Bandar: Satu Tinjauan Awal di Sabah</b>	<b>61-81</b>
ABDUL ADIB ASNAWI, LAILAWATI MADLAN @ ENDALAN & AGNIS SOMBULING	
<b>Punca Kes Kehilangan Kanak-Kanak Berdasarkan Perspektif Belia di Serdang, Selangor</b>	<b>83-100</b>
AZLINA MOHD KHIR, NOR AINA SYAFIQA RODZUWAN & NOOR SHAHIRAH MUHAMMAD NIZAM	
<b>Youths and The Maintenance of The Portuguese Identity in Melaka</b>	<b>101-116</b>
E-JYNN YEOW, LEE YOK FEE & SARJIT S. GILL	

<b>Penerimaan Belia Terhadap Portal Berita dalam Talian</b> RAHMAWATI NURDIN, AKMAR HAYATI AHMAD GHAZALI & SHARIL NIZAM SHA'RI	<b>117-130</b>
<b>Profil Psikologi Penjenayah Wanita: Satu Tinjauan Literatur</b> SITI NURKHAIRINA MOHD NOR, WAN SHAHRAZAD WAN SULAIMAN & MOHAMMAD RAHIM KAMALUDDIN	<b>131-145</b>
<b>Pemahaman dan Persepsi Mahasiswa Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) Mengenai Aspek Agama dan Kepercayaan di Malaysia</b> CHARANJIT KAUR	<b>147-165</b>
<b>Penggunaan Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara dalam Membangkitkan Semangat Patriotisme dalam Kalangan Belia</b> YOHAN KURNIAWAN, NOOR RAIHANI ZAINOL, NURSALIHAH AHMAD RASTON, HISHAMUDDIN MD SOM & ZAINAI MOHAMED	<b>167-192</b>
<b>Pengamalan Nilai Patriotisme Belia di Sabah</b> SARJIT S. GILL, AHMAD TARMIZI TALIB & MOHD RAHIMI RAMLI	<b>193-207</b>

## FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KECENDERUNGAN KETERLIBATAN BELIA DI MALAYSIA DALAM GERAKAN ISLAM RADIKAL

NURSALIHAH AHMAD RASTON, YOHAN KURNIAWAN, NOOR RAIHANI ZAINOL, NURUL HASLIANA HAMSANI & NURUL FATIHAH MOHD FAUZI

### **ABSTRAK**

*Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang digagaskan oleh Perdana Menteri Malaysia adalah berdasarkan aspirasi golongan belia hari ini untuk membentuk masyarakat Malaysia dalam tempoh 30 tahun akan datang. Oleh itu, golongan belia ini tidak seharusnya terjebak dengan kegiatan yang boleh memudaratkan diri, keluarga dan masyarakat seperti terpengaruh dengan gerakan Islam radikal. Tujuan artikel ini adalah mengenapasti faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan belia terlibat dalam gerakan Islam radikal. Data kajian diperoleh daripada borang soal selidik yang dijalankan di lima zon di Malaysia. Seramai 1,200 orang responden bagi kajian dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan iaitu belia yang beragama Islam. Data yang diperolehi dianalisis secara kaedah deskriptif menggunakan SPSS 18.0 dan struktur model menggunakan AMOS 18.0. Hasil kajian mendapati hanya satu faktor yang tidak signifikan iaitu pengaruh persekitaran ( $0.327 > 0.05$ ). Namun, kesemua faktor yang lain iaitu pengaruh pengetahuan agama Islam, pengaruh media sosial dan pengaruh kawalan yang terdiri daripada kawalan sekolah dan ibu bapa adalah signifikan terhadap kecenderungan keterlibatan belia di Malaysia dalam gerakan Islam radikal. Kajian ini juga mendapati bahawa faktor pengetahuan agama amat memainkan peranan penting dalam kecenderungan belia dalam gerakan Islam radikal kerana nilai pekali regresi ( $\beta$ ) adalah yang tertinggi jika dibandingkan dengan signifikan faktor yang lain iaitu 0.932. Gerakan Islam radikal ini meletakkan sasaran yang tepat untuk menyelewengkan ajaran agama Islam serta mengajarkan pemahaman agama yang sesat. Jadi, pemahaman yang lemah dalam agama Islam merupakan faktor utama belia mudah terpengaruh dengan pujukan serta tawaran gerakan Islam radikal ini walaupun bercanggah dengan ajaran agama Islam. Ini diikuti oleh pengaruh kawalan (0.733) dan pengaruh sosial media (0.651). Impak kajian ini adalah sebagai maklumat penting bagi Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) untuk membina dan menjalankan program khas bagi mendidik, memberi pemahaman seterusnya mencegah belia terlibat dengan kumpulan Islam radikal. Semua peringkat masyarakat haruslah sentiasa peka terhadap faktor-faktor yang mendorong belia terpengaruh dengan gejala negatif agar peranan belia dapat dimanfaatkan untuk perkara yang lebih berfaedah .*

**Kata Kunci:** Agama Islam, Media Sosial, Kawalan, Persekutaran dan Gerakan Islam Radikal

## ABSTRACT

*The National Transformation 2050 (TN50), was the idea of the Prime Minister of Malaysia based on the aspirations of today's youths to form a Malaysian society for the next 30 years. Therefore, youths should not be involved in activities that can harm themselves, their families and communities such as the radical Islamic movement. The purpose of this article was to identify the factors that influence youths' tendency to engage in radical Islamic movements. The data were obtained from questionnaires distributed in five zones in Malaysia. A total of 1,200 respondents for the study were selected using purposive sampling method i.e. Muslim youth. Research data were analyzed using SPSS 18.0, using descriptive statistical method and model structure using AMOS 18.0. The results showed that only one factor was not significant, i.e. Environmental Impact ( $0.327 > 0.05$ ). However, knowledge of Islam, social media and control by school and parents were significant factors towards the inclination of youth involvement in the radical Islamic movement in Malaysia. This study also found that religious knowledge played an important role in the tendency of youth involvement in the radical Islamic movement as the regression coefficient ( $\beta$ ) was highest when compared with other significant factors of 0.932. The radical Islamic movement's modus operandi is by misleading the Islamic teachings and imparting their religious doctrine. Thus, a weak understanding of Islam is a major factor in youths being easily influenced by the radical Islamic movement despite the fact that it is contrary to the teachings of Islam. This was followed by influence of control (0.733) and social media influence (0.651). The findings of this study served as important information for Institute for Youth Research Malaysia (IYRES) to develop and further implement programs to educate and prevent the youth from being involved in radical Islamic groups. All levels of society should be sensitive towards the factors affecting youths' involvement in negative activities and help to channel their energies for beneficial things.*

**Keywords:** Islam, Social Media, Control, Environment and Radical Islamic Movement

## PENGENALAN

Dewasa ini, melakukan kekerasan dengan menggunakan nama agama Islam semakin kerap terjadi. Timbulnya pelbagai ideologi yang bercirikan fahaman keras dan radikal yang berpotensi mempengaruhi masyarakat sekeliling khususnya belia untuk melakukan tindakan-tindakan yang melampaui batas seperti provokasi, ugutan, keganasan, penculikan, penderaan, rampasan, perperangan, pengeboman, pembunuhan dan sebagainya (Zul'azmi & Ahmad Sunawari, 2015). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, radikal berkaitan dengan dasar atau asasnya yang menyeluruh dan menjelaskan. Ia juga membawa maksud memperjuangkan, menyokong atau cenderung kepada perubahan-perubahan dasar sama ada pada bidang atau keadaan politik (ketatanegaraan, ekonomi, sosial dan lain-lain). Golongan radikal Islam memilih jalan yang salah dengan menggunakan keganasan

sebagai cara memperjuangkan politik. Individu yang terlibat dalam kumpulan radikal Islam mendakwa bahawa perbuatan yang dilakukan bukanlah berbentuk keganasan tetapi merupakan satu ‘jihad’ walaupun jelas menunjukkan pembunuhan dan pengeboman yang dilakukan meragut nyawa orang ramai termasuklah golongan warga emas dan juga kanak-kanak.

Kumpulan Islam radikal, ISIS (*Islamic State of Iraq and Syria*) atau dikenali juga sebagai ISIL (*Islamic State of Iraq and The Levant*) atau sebagai IS (*Islamic State*) merupakan kumpulan gerakan Islam radikal yang wujud rentetan daripada gerakan Salafi Jihadi di Iraq. Kumpulan ini pada asalnya terdiri daripada tiga organisasi jihad yang berbeza iaitu Ansar al-Islam yang terdiri dari kelompok Salafi Jihadi warga Iraq yang membentuk kawasan ‘pemerintahan Islam’ mereka yang tersendiri dan mengamalkan kehidupan Islami radikal, keduanya, kumpulan Mujahidin berasal dari Jordan di bumi Iraq yang mengisyiharkan diri mereka sebagai ‘Jamaah al-Tawhid wa al-Jihad’ di bawah pimpinan Abu Mus’ab al-Zarqawi yang berhijrah ke Iraq untuk melancarkan jihad memerangi pendudukan tentera Amerika Syarikat ke atas bumi Iraq dan seterusnya adalah kumpulan mujahidin al-Qaeda yang berhijrah dari Afghanistan akibat serangan Amerika Syarikat ke atas bumi Afghanistan selepas peristiwa 11 September 2001. Kumpulan ini menggunakan ideologi keganasan dan mengkafirkan orang yang tidak sehaluan dengan mereka malah menghalalkan darah sesama individu. Selain itu, kumpulan ini juga membunuh rakyat yang tidak berdosa dan menghalau golongan Kristian dan Yazidi dengan penuh kezaliman. Seruan jihad dan mati syahid yang dipegang oleh kumpulan ini adalah bercanggah dengan Islam dan boleh membawa kepada kekufuran kerana mereka menghalalkan darah sesama umat Islam (Portal Rasmi Fatwa Malaysia, 2014).

Penglibatan belia dalam gerakan ISIS pada masa kini semakin membimbangkan kerana ramai belia di Malaysia yang menyertai kumpulan ISIS tanpa mengetahui secara jelas dan pasti kebenaran perjuangan kumpulan ini. Jiwa muda dan tidak matangnya golongan belia dalam membuat keputusan menyebabkan mereka mudah terlibat dalam gerakan ini. Ancaman yang paling membimbangkan ke atas penglibatan belia dalam gerakan ISIS adalah ketika individu yang terlibat ini pulang ke Malaysia, dikhawatiri akan membuat satu jaringan cubaan menggulingkan kerajaan kerana ideologi kumpulan ini yang menganggap penubuhan negara Islam hanya melalui perperangan dan bukannya sistem demokrasi melalui pilihan raya yang diamalkan ketika ini (Bernama, 2015). Oleh kerana itu sangat penting bagi kerajaan untuk mengenalpasti dan mencegah keterlibatan belia di Malaysia dalam kumpulan radikal ISIS. Jadi, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan penglibatan belia dalam gerakan Islam radikal ini bagi tujuan mencegah supaya jumlah belia yang terlibat dalam kumpulan radikal ini tidak semakin bertambah.

### ***Kajian Literatur***

Menurut Zul’Azmi dan Ahmad Sunawari (2015) yang mengkaji tentang terorisme

sebagai cabaran ideologi muslim masa kini: Satu analisis dari perspektif falsafah, sejak kebelakangan ini, ideologi-ideologi yang mempunyai ciri-ciri fahaman keras dan radikal semakin pesat bercambah. Ideologi-ideologi ini berpotensi mempengaruhi sekeliling untuk melakukan tindakan-tindakan yang ekstrem (melampaui batas) seperti melakukan provokasi, ugutan, keganasan, penculikan, penderaan, rampasan, peperangan, pengeboman, pembunuhan dan lain-lain lagi.

### ***Faktor Pemahaman Agama Islam***

Agama merupakan kepercayaan kepada Tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan dan penerimaan ajaran dan perintah-Nya (Kamus Dewan, 2000). Berdasarkan kajian daripada Khadijah *et al.* (2013) agama merupakan satu anutan dan kepercayaan yang berkembang sebagai suatu ilmu pendidikan dalaman yang mengajar manusia mendalami serta menyelami jiwa mereka sendiri serta hubung kaitnya dengan kekuasaan Tuhan. Selain daripada itu, agama turut memberi makna kepada kewujudan manusia dengan pengukuhan matlamat dan sistem nilai yang berkait dengan semua aspek nilai kehidupan. Berdasarkan kajian Rokhmad (2012), kebanyakan golongan muda yang mempunyai fikiran berlandaskan radikal adalah dalam kalangan siswa dari sekolah umum. Segelintir daripada mereka tidak memiliki dasar agama yang kuat sehingga menyebabkan mereka mudah dipengaruhi oleh kefahaman agama. Mengikut kajian yang dilakukan oleh Dzulhailmi *et al.* (2014) pula, pegangan agama dalam kalangan belia pelbagai kaum di Malaysia mempunyai tahap agama yang rendah, hal ini membolehkan mereka cenderung dalam melakukan aktiviti yang terpesong dari agama seperti memperjuangkan hak keagamaan dari sudut yang salah.

### ***Faktor Pengaruh Media Sosial***

Media juga merupakan medium yang sangat penting dalam membantu penyebaran dakwah Islam. Ia mampu mendorong masyarakat serta mempengaruhi dunia untuk menuju ke arah kebaikan, sebaliknya juga ia mampu manusia ke kancan kehancuran (Rosli Azam, 2011). Namun begitu, ia sering disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab, yang mana peranan media yang paling ketara adalah menyebarkan informasi yang palsu iaitu propaganda dalam maklumat (Rosli Azam, 2011). Secara tidak langsung maklumat diputar belit bagi menjaga kepentingan pihak tertentu. Kemudahan media ini juga digunakan untuk menceroboh dan mengganggu individu atau organisasi lain. Ini kerana ia sukar dikawal kerana segalanya dihubungkan melalui rangkaian antarabangsa (Muhamad Zaki *et al.*, 2011).

### ***Faktor Pengaruh Persekutuan***

Kemunculan pelbagai kelompok militan yang bercirikan fahaman radikal seperti IS ataupun ISIS, aktiviti-aktiviti keganasan yang telah dilakukan dan bakal dilakukan tersebar luas menerusi media. Hal ini memberi kesan kepada golongan belia terdedah tentang kefahaman yang salah terhadap perjuangan Islam. Mengikut teori ekologi manusia, tingkah laku manusia terjadi hasil daripada interaksi dengan persekitaran (Miller, 2007). Teori pembelajaran sosial daripada kajian Bandura (1997), turut menekankan bahawa pembentukan tingkah laku manusia berlaku hasil daripada

interaksi individu, persekitaran dan tingkah laku manusia itu sendiri. Tan Swee Chan dan Rosnah Sutan (2013) turut menyatakan kendiri muncul hasil daripada interaksi organisma dengan persekitarannya dan hasil ini mungkin menonjolkan nilai orang lain yang berbentuk positif atau negatif. Selain itu, berdasarkan kajian Zakaria Stapa (2012), manusia berbeza berdasarkan persekitaran di mana individu itu berada.

### **Faktor Kawalan**

Keluarga dan sekolah merupakan dua (2) institusi yang penting bagi mendidik golongan belia mengenai ilmu agama. Mengikut kajian Zul'Azmi Yaakob dan Ahmad Sunawairi Long (2015), pihak berkuasa dikehendaki memantau institusi pendidikan sama ada di peringkat sekolah rendah, menengah, madrasah, malah pusat pengajian tinggi dalam negara maupun luar negara. Pemantauan dan pengawasan bukan sahaja ditumpukan kepada para pelajar, malah ianya amat penting untuk difokuskan kepada tenaga pengajar kerana daripada individu-individu sedemikianlah ideologi radikalisme mudah tersebar tambahan lagi apabila ada dalam kalangan mereka pernah mempunyai pengalaman belajar ataupun menerima latihan di negara yang bergolak dengan perperangan. Kefahaman serta penyebaran mengenai Islam radikal juga boleh berlaku dengan jayanya melalui pengajaran yang disampaikan oleh guru-guru atau ustaz atau ustazah di sekolah. Hal ini dibuktikan melalui kajian Rokhmad (2012) bahawa pendidikan dan lembaga pendidikan merupakan sumber yang kukuh untuk menjadi penyebar benih radikalisme dalam kalangan belia. Selain itu, kawalan daripada keluarga adalah merupakan elemen yang penting bagi memastikan didikan agama yang sempurna untuk anak-anak agar dapat hindar daripada terlibat dalam gerakan radikal yang menyalahi syariat agama. Ibu bapa adalah merupakan individu paling rapat dengan anak remaja dan menjadi kewajipan ibu bapa dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab untuk memperkuuhkan pendidikan agama anak-anak dan seterusnya memastikan anak-anak ini mempraktikkan ajaran agama yang diajari dalam kehidupan seharian. Penekanan dalam mempraktikkan ajaran agama ini mampu menjadi perisai kepada anak-anak untuk tidak terlibat dengan gejala sosial negatif yang boleh menghancurkan masa depan mereka. Pengetahuan dan amalan agama yang sempurna juga mampu menjadikan remaja lebih rasional dalam menangani cabaran hidup dan seterusnya memaksimumkan segala potensi yang ada pada mereka untuk kemajuan diri, pembangunan agama, bangsa dan juga negara (Fauziah *et al.*, 2012).

### **KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi belia di Malaysia yang cenderung terlibat dalam kumpulan gerakan Islam radikal. Populasi bagi kajian ini adalah semua belia yang beragama Islam di Malaysia. Seramai 1,200 responden bagi kajian ini telah diambil melalui kaedah persampelan bertujuan iaitu belia yang beragama Islam di lima (5) zon di Malaysia. Data bagi kajian ini dikumpul dengan menggunakan borang kaji selidik yang terdiri daripada tujuh (7) bahagian iaitu latar belakang responden, pemahaman agama dan gerakan ISIS, pengaruh media, pengaruh persekitaran,

faktor kawalan dan kecenderungan keterlibatan belia dalam Gerakan Islam Radikal. Analisis kajian ini adalah dengan menggunakan SPSS 18.0 untuk kaedah deskriptif dan *Exploratory Factor Analysis* (EFA), dan juga AMOS 18.0 untuk *Structural Equation Modeling* (SEM) bagi menghasilkan pemetaan model faktor-faktor yang mempengaruhi keterlibatan belia di Malaysia dalam kumpulan gerakan Islam radikal.

## RINGKASAN DAPATAN

### *Ciri-ciri Demografi Responden*

Data lengkap telah dikumpulkan daripada 1,200 responden yang terdiri daripada belia yang beragama Islam di Malaysia untuk mengkaji faktor yang boleh menyebabkan kecenderungan penglibatan belia dalam gerakan Islam radikal. Seramai 782 (34.8%) orang responden terdiri daripada perempuan manakala hanya seramai 418 (34.8%) orang responden lagi adalah lelaki. Secara keseluruhannya, responden mempunyai pendidikan terakhir dalam SPM iaitu seramai 479 (39.9%) orang. Ini diikuti pula dengan responden yang mempunyai diploma dalam jurusan tertentu dengan seramai 285 (23.8%) dan seramai 215 (17.9%) orang daripada mereka adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda. Namun, terdapat juga responden yang berpendidikan di peringkat tinggi iaitu sarjana (2.8%) dan PhD (0.8%). Majoriti responden adalah pelajar iaitu seramai 911 (75.9%) orang manakala seramai 267 (22.2%) orang responden yang bekerja. Namun begitu, terdapat juga responden yang bekerja sambil belajar iaitu seramai 22 (1.8%).

### *Analisis Kebolehpercayaan*

Analisis kebolehpercayaan telah dilakukan untuk menguji tahap konsisten dalam setiap konstruk (pemahaman agama Islam, pengaruh media sosial, pengaruh persekitaran dan pengaruh kawalan terhadap kecenderungan keterlibatan belia dalam gerakan Islam radikal) yang terlibat dalam kajian ini. Jadual 1 menunjukkan nilai cronbach's alpha bagi kebolehpercayaan setiap konstruk. Apabila nilai cronbach's alpha lebih tinggi, maka kebolehpercayaan terhadap soal selidik bagi setiap faktor adalah lebih dipercayai. Menurut Hair et al. (1998), peraturan ibu jari untuk nilai cronbach alpha adalah 0.6 dan ke atas. Keputusan dalam Jadual 1 menunjukkan bahawa ujian kebolehpercayaan bagi kajian ini adalah dipercayai kerana nilai Cronbach's Alpha adalah antara 0.598-0.815. Walaupun nilai kebolehpercayaan bagi konstruk pengaruh kawalan untuk keluarga adalah 0.598 tetapi nilai ini menghampiri nilai yang dicadangkan iaitu 0.6.

### Jadual 1: Ujian Kebolehpercayaan

Faktor	Sub-faktor	N	Cronbach's Alpha
Pemahaman Agama Islam	-	7	0.693
Pengaruh Media Sosial	-	7	0.731
Pengaruh Persekitaran	-	8	0.661
Pengaruh Kawalan	Keluarga Sekolah/Institusi	3 4	0.598 0.635
Gerakan Islam Radikal	-	13	0.815

#### *Structural Equation Modeling*

Selepas memeriksa kesahan konstruk dan kebolehpercayaan, semua model pengukuran dihubungkan kepada model penuh kecenderungan penglibatan belia dalam gerakan Islam radikal. Penilaian model struktur diperiksa berdasarkan *fitness indices*. Ringkasan keputusan *fitness indices* bagi struktur model ditunjukkan dalam Jadual 2. Nilai-nilai indeks tersebut boleh diterima kerana tidak terlampaui jauh dari nilai yang disarankan sebagai penanda aras untuk hasil model yang baik.

### Jadual 2: Ringkasan Keputusan *Fitness Indices* bagi Struktur Model

Fitness Indices	Struktur Model	Penanda Aras
CMIN/df	6.395	<3.0
GFI	0.782	>0.9
AGFI	0.795	>0.9
CFI	0.801	>0.9
RMSEA	0.069	>0.8

Bahagian ini juga mengkaji hubungan antara pengetahuan agama, pengaruh media sosial, pengaruh persekitaran dan pengaruh kawalan terhadap kecenderungan penglibatan belia di Malaysia dalam gerakan Islam radikal. Jadual 3 menunjukkan *standardized regression weights* bersama nilai anggaran dan nilai signifikan pengukuran model. Keputusan menunjukkan, hanya satu faktor yang tidak signifikan iaitu pengaruh persekitaran dengan nilai signifikan  $0.327 > 0.05$ . Namun, kesemua faktor yang lain masing-masing adalah signifikan terhadap kecenderungan penglibatan belia di Malaysia dalam gerakan Islam radikal. Jadual 3 juga menunjukkan, faktor pengetahuan agama amat memainkan peranan penting dalam kecenderungan belia dalam gerakan kumpulan ini kerana nilai pekali regresi ( $\beta$ ) adalah yang tertinggi jika dibandingkan dengan faktor signifikan yang lain iaitu 0.932. Ini diikuti oleh pengaruh kawalan dan pengaruh media sosial.

**Jadual 3: Keputusan Standardized Regression Weight dan Nilai Signifikan**

Faktor	Arah	Sub-Faktor	Pekali regresi ( $\beta$ )	S.E	P-value
Pemahaman Agama	-->	Kecenderungan Gerakan Islam	0.932	0.095	0.000***
Pengaruh Media Sosial	-->	Radikal	0.651	0.0875	0.000***
Pengaruh Persekutaran	-->		0.554	0.233	0.327
Pengaruh Kawalan	-->		0.733	0.1087	0.043**

\*\*\* menunjukkan nilai signifikan yang tinggi p-value<0.001

\*\* menunjukkan nilai signifikan yang tinggi p-value<0.05

## **KESIMPULAN**

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji faktor-faktor kecenderungan penglibatan belia dengan kumpulan ISIS atau gerakan Islam radikal yang lain. Kajian ini telah mendapati bahawa masih sedikit belia di Malaysia yang mengenali dan memahami tujuan perjuangan kumpulan ISIS. Namun, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa faktor pengetahuan agama Islam amat memainkan peranan penting dalam kecenderungan belia dalam gerakan Islam radikal ini dan diikuti oleh faktor pengaruh kawalan dan pengaruh media sosial. Kelemahan dalam pemahaman agama Islam ini boleh mendorong belia untuk terlibat dan menyertai gerakan Islam radikal ini. Pengaruh kawalan dan media sosial juga turut memainkan peranan penting dalam pemahaman tentang kumpulan ISIS atau gerakan Islam radikal yang lain, serta mampu mempengaruhi dan mendorong belia di Malaysia terlibat dengan gerakan Islam radikal ini. Usaha untuk mencegah penglibatan belia di Malaysia dengan kumpulan ISIS dapat dilakukan dengan memberi pengertian dan pemahaman tentang kumpulan ISIS melalui keluarga dan institusi sekolah atau kampus. Selain itu, pihak kerajaan juga dituntut untuk memainkan peranan penting dalam mengawal penggunaan media sosial dan internet serta memberi sokongan dan bantuan penuh kepada keluarga dan institusi sekolah atau kampus. Semua peringkat masyarakat haruslah sentiasa peka terhadap faktor-faktor yang mendorong belia terpengaruh dengan gejala negatif agar peranan belia dapat dimanfaatkan untuk perkara yang lebih berfaedah sekaligus memakmurkan dan memajukan negara.

## RUJUKAN

- Bandura, A. (1997). *Social learning theory*. New Jersey: Prentice-Hall.
- BERNAMA.(2015). Gerakan ISIS melalui media sosial. Diakses pada 22 Februari 2015 dari <http://www.utusan.com.my>
- Dzuhalimi, D., Steven, E. K., Azimi, H., & Hadi, A. S.(2014). Pegangan agama dalam kalangan belia awal pelbagai kaum di Malaysia. *Journal of Science and Humanity*, 9(1), 117-130.
- Fauziah, I., Norulhuda, S., Khadijah, A., Mohd Suhaimi, M., Noremy, M. A., & Salina, N. (2012). Memperkasakan pengetahuan agama dalam kalingan remaja bermasalah tingkah laku: Ke arah pembentukan akhlak remaja sejahtera. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 084-093.
- Kamus Dewan. (2000). Dewan Bahasa Pustaka. Kuala Lumpur.
- Kamus Dewan. (2014). Dewan Bahasa Pustaka. Kuala Lumpur.
- Khadijah, A., Fauziah, I., Mohd Suhaimi, M., Wan Shahrazad, W. S., Salina, N., & Norulhuda, S. (2013). Tahap pengetahuan agama dalam kalangan banduan Parol: Ke arah pembentukan akhlak sejahtera. *E-Bangi Journal of Social Science and Humanities*, 8(2), 1-10.
- Muhamad Zaki, M., Ainurliza, M. T., Zainol Abidin, A., & Noor Adzrah, R. (2011). *Representasi Islam dalam media* (Edisi Pertama, pp. 163–174). Bandar Baru Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Miller, S. A. (2007). *Developmental research method*. 3rd. Ed. California: Sage publication, inc.
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia. (2014). *Isu Umat Islam Malaysia Berjuang Atas Nama ISIS*. Diakses pada 21 Oktober 2015, dari <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/isu-umat-Islam-malaysia-yang-berjuang-atas-nama-isis-0>
- Rosli Azam. (24 September 2011). Keburukan media massa. Diakses dari [azam09.blogspot.com/2011/06/keburukan/media/massa](http://azam09.blogspot.com/2011/06/keburukan/media/massa).
- Rokhmad, A. (2012). Radikalisme Islam dan upaya deradikalasi paham radikal. *Walisongo*, 20(1), 79-114.
- Tan Swee, C., & Rosnah, S. (2013). Faktor-faktor sokongan sosial yang mempengaruhi penghargaan kendiri remaja sekolah menengah daerah Melaka tengah. *Journal of Science and Humanities*, 8(1), 020-029.
- Zakaria Stapa, A. M. I. N. Y. (2012). Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 155-172.
- Zul’Azmi, Y., & Ahmad Sunawari, L. (2015). Terorisme sebagai cabaran ideologi muslim masa kini: Satu analisis dari perspektif falsafah. *International Journal of Islamic Thought*, 7, 58-63.

***Profil Penulis:***

***Nursalihah Ahmad Raston***

*Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan  
Universiti Malaysia Kelantan  
nursalihah.ar@umk.edu.my*

***Yohan Kurniawan, Phd***

*Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah  
Universiti Malaysia Kelantan  
yohan@umk.edu.my*

***Noor Raihani Zainol***

*Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan  
Universiti Malaysia Kelantan  
raihani@umk.edu.my*

***Nurul Hasliana Hamsani***

*Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan  
Universiti Malaysia Kelantan  
hasliana.h@umk.edu.my*

***Nurul Fatihah Mohd Fauzi***

*Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan  
Universiti Malaysia Kelantan  
nurul.fauzi147@gmail.com*

## NILAI KESETIAAN DAN KEBANGGAAN BELIA MALAYSIA TERHADAP NEGARA

TUAN PAH ROKIAH SYED HUSSAIN, HAMIDI ISMAIL , SHAMSUL  
ANUAR NASARAH, WASITAH MOHD YUSOF & ZAHERUDDIN OTHMAN

### ABSTRAK

*Aspek kesetiaan dan kebanggaan golongan belia yang semakin menipis pada masa kini terhadap negara memperlihatkan semangat patriotisme mereka semakin goyah. Objektif artikel ini adalah untuk mengetahui tahap kesetiaan dan kebanggaan golongan belia terhadap negara mengikut zon di Malaysia. Sebanyak 1,500 sampel diambil dalam kalangan belia berumur antara 15 hingga 30 daripada enam (6) zon, iaitu Timur, Tengah, Selatan, Utara, Sabah dan Sarawak. Analisis kajian ini adalah menggunakan teknik statistik deskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa tahap kesetiaan dan kebanggaan belia bagi keseluruhan Malaysia adalah tinggi dengan min 7.28, tetapi Zon Tengah berada pada tahap sederhana. Oleh kerana itu, usaha bagi menyedarkan golongan belia tentang pentingnya semangat patriotisme demi masa hadapan negara perlu dilakukan sebaik mungkin supaya dapat meningkatkan lagi nilai kesetiaan dan kebanggaan belia dalam semua zon di Malaysia.*

**Kata Kunci:** Belia, Kebanggaan Belia, Kesetiaan Belia, Nilai Murni, Patriotisme

### ABSTRACT

*Loyalty and pride in youth towards the country are dwindling thus indicating their patriotism spirit is increasingly precarious. The objective of this article was to determine the level of loyalty and pride in the youth for the country according to zones in Malaysia. A total of 1,500 samples were taken among youths aged 15 to 30 from six (6) zones namely from the Eastern, Central, Southern, Northern, Sabah and Sarawak. The study used descriptive statistics for the analysis. The study found that the level of loyalty and pride of youth for the whole of Malaysia was high with a min 7.28, but the Central Zone was at a moderate level. Therefore, efforts to enlighten the youth about the importance of patriotism spirit for the country's future should be done as soon as possible in order to increase the spirit of loyalty and pride among youth in all zones in Malaysia.*

**Keywords:** Patriotism, Youth, Youth Loyalty, Youth Pride, Virtuous Values

### PENGENALAN

Alaf globalisasi menyaksikan pelbagai implikasi negatif terhadap masyarakat berlaku saban hari, baik melalui media massa, kebudayaan, hak asasi manusia dan sebagainya. Masyarakat terdedah dengan pelbagai perkara baik dan buruk dari luar

secara psikologi mahupun perbuatan. Kesan daripada pengaruh tersebut, maka wujud pelbagai isu yang kurang baik kepada pembinaan sebuah negara yang teguh lagi berdaulat, terutamanya kepada golongan belia atau masyarakat secara amnya. Hal ini menggambarkan bahawa nilai-nilai patriotism dalam kalangan masyarakat di Malaysia juga akan tergugat disebabkan pelbagai isu yang muncul dalam kalangan kelompok tertentu seperti berkaitan kesetiaan kepada raja dan negara, perlembagaan, politik, agama dan bangsa (Utusan Online, 2014). Namun begitu, kajian ini memfokuskan tahap kesetiaan dan kebanggaan golongan yang menjadi tulang belakang negara iaitu belia. Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui tahap kesetiaan dan kebanggaan golongan belia terhadap negara mengikut zon di Malaysia. Ini kerana, aspek kesetiaan dan kebanggaan golongan ini boleh menentukan tahap patriotism mereka kepada negara. Dengan kata lain, aspek kesetiaan dan kebanggaan merupakan dua nilai asas dalam perbincangan mengenai semangat patriotism.

### **PERNYATAAN MASALAH**

Berdasarkan pelbagai masalah juga wujud pada masa kini dalam negara Malaysia, iaitu serangan pengganas, perhimpuan BERSIH, tidak menghormati pemimpin, memijak bendera Jalur Gemilang dan sebagainya telah memperlihatkan tentang tahap kesetiaan rakyat Malaysia kepada negara yang agak goyah. Situasi yang berlaku pada hari ini menunjukkan bahawa aspek kesetiaan dan kebanggaan yang semakin menipis disebabkan oleh kepentingan diri atau kumpulan tertentu yang sempit. Hal ini mungkin lebih tepat dengan konsep yang dibawa oleh Schatz *et al.* (1999) tentang *blind patriotism* atau sokongan kritikal terhadap sesuatu kumpulan atau perkara. Menurut Habermas (1996), dalam situasi penyusutan nilai kesetiaan dan kebanggaan kepada negara (patriotisme), bukan sahaja pihak kerajaan yang perlu memainkan peranan penting, namun begitu golongan belia juga harus terkehadapan agar kedaulatan negara dan bangsa terjaga sepanjang zaman. Bukti, Azimi Hamzah *et al.* (2002) mendapat golongan belia sehingga kini yang sepautnya melibatkan diri dalam soal perjuangan membela tanah air berteraskan nilai kesetiaan dan kebanggaan mereka tetapi hal ini, masih memperlihatkan kelesuan atau kelemahan.

Begitu juga Azimi Hamzah dan Turiman Suandi (1996) serta Dzuhalimi Dahalan *et al.* (2011) berpendapat bahawa bentuk aspek kesetiaan dan kebanggaan belia pada masa kini tidak banyak berubah berbanding dengan tahun 1970-an, iaitu gagal melibatkan diri dalam soal meningkatkan semangat patriotism. Aktiviti mereka banyak menumpukan kepada kehendak ahli (persatuan), kepentingan peribadi, aktiviti tidak menyeluruh dan tidak pula bersifat kemasyarakatan mahupun kenegaraaan seperti memperkasa semangat patriotism dan kesetiaan dalam kalangan masyarakat. Malah, Kementerian Belia dan Sukan (2004) berpandangan dalam Teras Peranan Pertubuhan Belia serta Teras Politik dan Integrasi Nasional juga menyatakan bahawa berlaku masalah kepimpinan, penglibatan, anjuran program kurang berkualiti dan tidak pula mampu memberikan kesan kepada pembentukan

semangat sayang akan negara (patriotisme) dan kesetiaan serta kebanggaan kepada negara.

Oleh itu, senario yang berlaku menampakkan nilai kesetiaan dan kebanggaan kepada negara dalam kalangan belia masih longgar atau rendah dan memerlukan kajian terperinci bagi menentukan tahap sebenar golongan ini. Hal ini selaras dengan pendapat Azimi Hamzah dan Turiman Suandi (1997) yang menyatakan nilai kesetiaan dan kebanggaan (tahap patriotisme) memerlukan kajian secara empirikal kerana tiada bukti saintifik dan bersifat statistik. Walaupun terdapat senario yang menunjukkan tahap kesetiaan kepada negara seolah-olah masih rendah, namun begitu amat sukar untuk meletakkan tahap yang sebenarnya secara saintifik atau ilmiah. Justeru, kajian ini menghujahkan bahawa nilai kesetiaan dan kebanggaan yang mempamerkan semangat patriotisme golongan belia memerlukan penelitian yang mendalam.

## KAJIAN PATRIOTISME

Kesetiaan kepada negara melibatkan cinta akan atau sayang akan bangsa dan negara, taat dan setia kepada raja dan pemimpin negara, sedia berkorban untuk bangsa dan negara, bertanggungjawab kepada bangsa dan negara, berani dan sanggup mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara serta peka kepada masalah dan isu tentang bangsa mahupun negara. Perasaan kesetiaan dan kecintaan seseorang terhadap negara dianggap patriotik apabila tindakannya berteraskan kecintaan dan kesetiaan kepada negara (Nordin Kardi, 2003). Menurut Curti (1946), Doob (1964) dan Kenner (2004), patriotisme adalah perasaan cintakan tanah air dan disusuli dengan sentimen perasaan yang kompleks.

Holmes dan Van Marle (1959) mendefinisikan kesetiaan dan kebanggaan merupakan perasaan cinta yang mendalam terhadap tanah air, di mana individu sanggup berkorban demi tanah air tercinta. Perasaan cinta terhadap tanah air ini wujud dalam hati setiap individu warganegara melalui usaha mencapai matlamat dan aspirasi negara. Saifuddin Abdullah (2005) pula menegaskan bahawa maksud kesetiaan dan kebanggaan (patriotisme) adalah perasaan cinta yang kental dan kekal demi bangsa dan negara, tetapi bentuk patriotisme mungkin berubah mengikut masa dan keadaan. Totten (1998) pula berpendapat kesetiaan dan kebanggaan (patriotisme) bermaksud semangat cintakan negara dalam apa jua bentuk yang baik. Selain itu, Curti (1946) dan Berns (2001) berpendapat perasaan bangga, sanggup berkorban demi mempertahankan negara serta kesetiaan kepada bangsa dan negara adalah elemen penting bagi menjayakan patriotisme. Seseorang juga dianggap berjiwa patriotik apabila kepercayaan, amalan dan tindakannya berteraskan kecintaan dan kesetiaan kepada negara (Nik Anuar Nik Mahmud, 2002). Walau bagaimanapun, Primoratz (2002) membahagikan kesetiaan dan kebanggaan (patriotisme) kepada dua aspek iaitu *value-based patriotism* dan *egocentric patriotism*. Aspek *value-based patriotism* merupakan kesetiaan dan kecintaan seseorang kepada negaranya adalah disebabkan oleh faktor-faktor tertentu yang boleh memberi keuntungan dan

kepentingan kepada rakyat seperti pencapaian negara dalam aspek ekonomi dan juga keistimewaan lain yang terdapat dalam negara tersebut. Oleh itu, negara yang mempunyai ciri-ciri sedemikian memang patut untuk ditaati. Namun demikian, *egocentric patriotism* pula merujuk kepada kecintaan dan kesetiaan seseorang itu terhadap negaranya semata-mata kerana “itu adalah negaranya” tetapi bukan disebabkan oleh keupayaan negara itu memberikan pencapaian dan keistimewaan tertentu kepada dirinya.

Justeru, Ku Hasnita Ku Samsu (2007) berpendapat cinta yang sejati kepada negara adalah merujuk kepada *egocentric patriotism*. Individu yang tergolong dalam patriotisme jenis ini akan melakukan apa sahaja untuk negaranya tanpa mengharap dan menagih sebarang ganjaran atau imbuhan kerana berpegang kepada prinsip ‘itu adalah negara mereka’. Namun, bagi individu yang tergolong dalam *value-based patriotism* pula memperlihatkan diri mereka seolah-olah tidak ikhlas dalam meletakkan kecintaan dan kesetiaan kepada negara kerana apa yang mereka lakukan adalah berpaksikan kepada kepentingan yang bakal diperolehi daripada negara. Hal ini barangkali ada hubungan dengan dua pernyataan yang dibincangkan dalam pernyataan masalah kajian, iaitu tentang senario pelajar Malaysia di luar negara dan kejadian tunjuk perasaan.

Zaid Ahmad (2006) pernah mengkaji tentang pengertian partiotisme dalam karya terdahulu oleh Ibnu Khaldun iaitu “Muqaddimah” dan beliau mendapat wujud suatu Teori Sosial yang dikenali sebagai assabiyah ertiannya setia kawan atau perasaan cinta kepada kaum, puak, suku atau qabilah. Konsep assabiyah bagi Ibnu Khaldun bukanlah kepada kaum yang sempit sebagaimana diamalkan oleh masyarakat Arab Jahiliyah, tetapi melibatkan pengertian yang lebih luas dan boleh disamaartikan dengan nasionalisme. Bahkan, bagi Ibnu Khaldun cinta akan negara adalah sebahagian dari iman. Sehubungan dengan itu, assabiyah itu penting sebagai asas pembentukan patriotisme dan nasionalisme sesebuah masyarakat, khususnya bagi masyarakat berbilang kaum seperti Malaysia.

Marriot (1963) dalam kajian beliau menyatakan bahawa sejarah gerakan nasionalisme di dunia pada kebiasaannya, satu kumpulan tertentu dalam sebuah kelompok sosial akan mengungkapkan simbol-simbol tertentu. Simbol tersebut adalah sebagai alat untuk menyatukan dan menggembungkan kesetiaan para anggota kelompoknya dalam satu komuniti politik yang dianggap sebagai setaraf dengan negara bangsa lain. Pada satu pihak, cita-cita kebangsaan menekankan perbezaan kelompok daripada bangsa yang menjajah dan mendorong penemuan ciri-ciri khusus membezakannya untuk disanjung sebagai tunggak identiti sendiri yang cuba diketengahkan.

Kajian oleh Senu Abdul Rahman *et al.* (1971) membincangkan tentang revolusi mental dan menyatakan bahawa di Malaysia kerap dikaitkan dengan unsur nasionalisme. Menurut beliau, revolusi di Malaysia bukan bererti rakyat melupakan kebudayaan, adat resam dan pegangan agama secara terus menerus. Bahkan, bukan

juga bererti sesuatu bangsa majoriti ingin menghapuskan hak-hak kaum minoriti, malah tidak pula menghalang kemajuan kaum lain. Namun begitu, revolusi yang dimaksudkan adalah kebangkitan patriotisme dan nasionalisme rakyat dalam usaha mendaulatkan negara serta bergerak seiring dengan kaum minoriti. Bagi beliau, revolusi perlu menghubungkan perubahan dalam bidang politik atau kepimpinan dalam sesuatu komuniti serta negara dengan tanggungjawab seseorang warganegara.

Kajian Mohd Hairul Anuar Razak *et al.* (2013) pula melihat aspek kesedaran masyarakat terhadap patriotisme berkaitan dengan isu pengetahuan, persepsi dan pemahaman golongan belia remaja. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa majoriti daripada responden mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi terhadap patriotisme (83.5%), persepsi dilihat tinggi terhadap keperluan patriotisme (98.7%), bahkan pemahaman juga tinggi terhadap patriotisme (83.1%). Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan wujud perbezaan pengetahuan, persepsi dan pemahaman antara bangsa iaitu Melayu, Cina, India serta Bumiputera Sabah dan Sarawak terhadap patriotisme. Namun begitu, kajian mendapati tidak wujud perbezaan antara jantina dalam konteks pemerkasaan penghayatan patriotisme.

Namun demikian, kajian kesedaran terhadap patriotisme antara negara di barat iaitu Amerika Syarikat, Britain, Jerman, Itali dan Mexico oleh Almond dan Verba (1963) mendapati bangsa Amerika Syarikat amat berbangga dengan aspek-aspek yang terlibat dalam sistem pemerintahan seperti perlembagaan, kebebasan politik, demokrasi dan sebagainya. Hal ini berbeza dengan responden daripada Britain, Jerman, Itali dan Mexico yang kurang menghargai sistem pemerintahan negaranya. Branson (2002) dalam kajiannya berkaitan dengan kesedaran masyarakat mendapati negara barat juga memerlukan pemerkasaan terhadap aspek kesedaran patriotisme seperti ke atas negara Britain, Jerman dan Itali.

Pengkaji seperti Abd. Rahim Abd. Rashid (2004) pula meneliti isu berkaitan dengan komitmen pemimpin dan semua anggota masyarakat bagi kesetiaan mempertahankan asas pembinaan dan kedaulatan negara. Bagi beliau, mempertahankan negara daripada musuh dan ancaman luar merupakan satu tanggungjawab rakyat dan di sinilah memerlukan patriotisme padu. Kesetiaan kepada raja dan negara yang ditunjukkan oleh warganegara merupakan nilai murni dalam pemerkasaan patriotisme. Ia perlu disemai dalam kalangan generasi belia, khususnya dalam konteks masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Nilai murni dalam patriotisme seperti kesetiaan, keberanian, rela berkorban, kesukarelaan, cintakan bangsa dan negara perlu diperkasa untuk membentuk rakyat Malaysia yang patriotik dan bertanggungjawab. Oleh itu, suatu kerangka pembangunan patriotisme perlu digerakkan sama ada melalui dasar pembangunan masyarakat, sistem perekonomian, sistem politik, aktiviti bersukan, hubungan diplomatik mahupun penglibatan Malaysia dalam konteks sejagat.

Dari aspek pendidikan dan hubungannya dengan patriotisme, Grammes (2011) mendapati bahawa hanya pendidikan berkesan mampu memperkasa

patriotisme dalam mana-mana negara. Hasil kajian oleh Kondo dan Wu (2011) di China dan Jepun mendapati rakyat kedua-dua negara tersebut sangat patriotik terhadap negara mereka kesan sistem pendidikan sedia ada. Kesanggupan berkurban demi tanah air adalah tinggi dan mereka rela melakukan apa sahaja asalnya imej dan keselamatan negara terjaga. Ini menunjukkan bahawa pendidikan merupakan satu daripada agen pembentukan patriotisme yang terbaik pada era modenisasi dan keterbukaan wilayah daripada pelbagai anasir luar.

Hal ini diperkuat dengan pendapat daripada kajian Vail (2002) dan Gehring (2002) yang mendapati bahawa sebelum berlakunya peristiwa serangan ke atas *World Trade Centre* di New York, Amerika Syarikat pada 11 September 2001, pendidikan sivik yang mendedahkan para pelajar kepada patriotisme, sistem demokrasi dan bagaimana untuk menjadi rakyat yang baik telah diaibaikan. Walau bagaimanapun, selepas peristiwa tersebut, ramai akademia dan pemimpin mula menyedari keperluan untuk memperkasa patriotisme dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, Boyte (2003) berpendapat pelbagai perancangan dan cadangan telah dibuat agar sistem pendidikan negara menekankan aspek patriotisme dalam kalangan pelajar seperti menekankan pendidikan sivik, mengibarkan bendera Amerika dan melekatkan poster patriotisme dalam bilik-bilik darjah serta di perkaranan sekolah.

Walau bagaimanapun, kajian oleh Hail (2015) melalui temubual terhadap pelajar kaum Cina di universiti-universiti Amerika mendapati pandangan berbeza. Mereka menganggap bahawa status, motivasi, kepatuhan, keharmonian dan sistem politik akan hanya berhasil apabila menetap di negara sendiri, sebaliknya semasa belajar di luar negara nilai patriotisme akan menjadi lebih longgar apabila bergaul dengan masyarakat pelbagai kaum dan negara. Menurut Rashidah Mamat (2014), kajian tentang perasaan kekitaan dalam kalangan pelajar Malaysia di luar negara terhadap negara dari segi kepatuhan adalah kurang. Hal ini disokong oleh bukti daripada Laporan Bank Dunia 2011 bahawa tiga kali ganda meningkat dalam tempoh dua dekad dalam kalangan pelajar dan berkemahiran berkerja di luar negara dan tidak mahu pulang ke Malaysia disebabkan tawaran kerja dan upah yang lumayan.

Pada pandangan pelajar yang berkerja di luar negara, patriotisme adalah berbeza antara individu atau antara kaum. Walau bagaimanapun, persepsi yang terbawa dalam penulisan pengkaji menyatakan bahawa patriotisme adalah rendah disebabkan oleh keengganannya mereka pulang menyumbang bakti kepada tanah air sendiri. Oleh demikian, Saedah Siraj *et al.* (2012) berpendapat dalam kajian mereka bahawa nilai patriotisme perlu diterapkan dalam kurikulum pendidikan berasaskan teknologi maklumat agar para pelajar dapat memahaminya dengan lebih berkesan. Hal ini penting agar nilai patriotisme dapat dikenalkan seterusnya para pelajar tahu bahawa budaya mereka adalah terbaik untuk keamanan negara. Walau ke manapun mereka akan pergi atau sejauh mana pergaulannya dengan masyarakat luar, patriotisme tetap menebal dalam diri.

Sebaliknya, kajian oleh Ahmad Amirul Arifin Ayob *et al.* (2013) pula melihat isu perpaduan sosial sebagai asas pemerkasaan patriotisme melalui media massa. Kajian mereka adalah berdasarkan Filem Hati Malaya pada tahun 1957 yang diterbitkan oleh Pesona Pictures. Filem tersebut merupakan sebahagian daripada agen pendidikan masyarakat berkaitan dengan pemerkasaan patriotisme. Kajian mendapati filem tersebut dapat meningkatkan pemerkasaan patriotisme penonton melalui kisah-kisah atau para pelakonnya. Ini menunjukkan bahawa media juga memainkan peranan penting ke arah pemerkasaan patriotisme terhadap negara dan bangsa.

Hal ini diperkuat dengan kajian oleh Adeel-Ur-Rehman *et al.* (2013) membuktikan dalam kajian mereka bahawa media massa boleh memperkasa patriotisme masyarakat dari aspek politik di Pakistan seperti televisyen, radio, internet dan akhbar. Hal ini berlaku kerana masyarakat gemar menggunakan medium elektronik dalam kehidupan seharian. Justeru, langkah memperkasa patriotisme amat wajar pada masa kini menggunakan saluran elektronik di samping kaedah konvensional. Ini menjelaskan bahawa apa yang diperkatakan oleh Saifuddin Abdullah (2005) pemerkasaan patriotisme memerlukan ilmu dan kaedah penyampaian adalah terbukti benar sebagaimana teknik komunikasi secara elektronik mahupun visual.

Kajian oleh Turner (2000) di China pula membincangkan tentang kesetiaan kepada negara dan identiti nasional, beliau mendapati perlu bersesuaian dengan arus dunia pasca-moden. Menurut beliau, pegangan rakyat terhadap nilai perpaduan, kesetiaan kepada negara semakin pudar pada masa kini. Baginya, rakyat Hong Kong dan China boleh dibentuk melalui semangat kesetiaan yang kukuh dan pola perpaduan yang teguh dalam dunia abad ke-19 atau seterusnya. Walau bagaimanapun, kenyataan beliau dicabar oleh Ryn (1994) kerana kesetiaan kepada negara perlu wujud keseimbangan antara identiti nasional dan kewarganegaraan dalam arus global. Oleh kerana itu, bagi Kluver dan Weber (2003) dalam kajiannya di Singapura mencadangkan agar patriotisme perlu terbentuk bersama-sama dengan identiti bangsa agar ia menjadi lebih jelas dan teguh pengertiannya. Keteguhan tersebut akhirnya akan mewujudkan kestabilan ekonomi, kepuatan dan keharmonian negara semasa berhadapan dengan alaf globalisasi. Justeru, patriotisme yang sebaiknya perlu merujuk kepada pembinaan identiti bangsa dan kesetiaan kepada negara.

Mohd. Jamil Mukmin (2005) dalam kajiannya pula menggunakan aspek nilai sebagai pengukur patriotisme. Pengukurannya adalah bersifat pertimbangan positif terhadap sesuatu yang berkaitan dengan negara. Beliau berpendapat dari sudut sejarah manusia itu sendiri, aspek-aspek seperti ketaatan telah ditunjukkan oleh seseorang tokoh, raja, pemimpin negara, pemimpin agama dan sebagainya. Bahkan, patriotisme terhadap negara merupakan persaingan dengan sikap, perasaan atau pandang-dunia (*world view*). Umpamanya, individu atau kelompok yang melupai patriotisme untuk menegakkan ideologi atau agama masing-masing.

Penilaian terhadap patriotisme pada masa dahulu mahupun kini mempunyai perbezaan bergantung kepada asas berbeza. Pada ketika dahulu kata-kata sering dikeluarkan boleh membangkitkan patriotisme seperti “sama ada benar atau salah, itu adalah negaraku”. Beliau juga berpendapat pada zaman dulu terkenal dengan pepatah “hujan emas di negara orang, hujan keris dan lembing di negara kita, negeri kitalah yang terbaik”. Justeru, ukuran nilai menjadi asas penting dalam menentukan tahap patriotisme.

Ortmann (2009) dalam kajianya tentang identiti kebangsaan di Singapura berpendapat sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1965, negara tersebut sering merancang untuk membina identiti bangsa. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh arus perubahan masa dan kepentingan nilai ekonomi demi pembangunan negara bermula tahun 1980an, nilai identiti tersebut semakin pudar kerana memberi laluan kepada pemikiran materialisme dalam kalangan masyarakat. Namun begitu, pilihan yang ada dan digunakan sehingga kini adalah meletakkan asas nilai ASEAN sebagai pegangan penting. Hal ini juga turut diperkata dalam kajian Clift dan Woll (2012) iaitu indentiti bangsa dan politik akan diatasi oleh nilai ekonomi dalam usaha pemerkasaan patriotisme. Begitu juga dengan kajian oleh Spillan dan Harcar (2013) mendapati patriotisme dan pemeliharaan ekonomi antara negara seperti India dan Vietnam berkenaan perniagaan kelihatan semakin merosot disebabkan oleh masyarakat yang terpengaruh dengan tarikan luar negara. Hal ini turut dibuktikan oleh Grigoryan (2013) iaitu kebanggaan seseorang warganegara terhadap ekonomi perniagaan dari luar mempengaruhi kemerosotan nilai patriotisme warganegara.

Walau bagaimanapun, kajian di Malaysia oleh Khairul Anuar Mohammad Shah dan Hasliza Abdul Halim (2011) berkaitan dengan pengaruh faktor demografi terhadap patriotisme pelanggan dalam sistem perniagaan di Malaysia mendapati bahawa jantina dan kawasan mempengaruhi patriotisme pelanggan secara kurang jelas, sebaliknya pendapatan dan pendidikan tidak mempengaruhi patriotisme pelanggan. Bahkan, kajian juga mendapati hanya pemboleh ubah umur yang dilihat mempengaruhi patriotisme pelanggan. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa perubahan masa, kepentingan ekonomi boleh mempengaruhi patriotisme masyarakat.

Kajian oleh Oladipo (2009) menyentuh tentang aspek pemerkasaan dan pembangunan psikologi seseorang belia melalui program. Belia dikatakan sering memberontak kerajaan disebabkan kegagalan pemerintah mengambil pandangan mereka. Beliau mencadangkan agar belia diberikan pemerkasaan dari segi psikologi kerana pemikiran kumpulan ini sering dikaitkan dengan terlalu idealistik dan amat sukar untuk pemerintah memenuhinya sepanjang masa. Justeru, program-program yang bersesuaian dengan pendidikan psikologi perlu diterapkan agar mereka memahami hasrat dan matlamat negara. Hal ini penting agar patriotisme terbit dari hati nurani yang bersih dan tidak menyalahi undang-undang negara. Walau bagaimanapun, malangnya masih bercanggah dengan peraturan negara. Buktinya, kajian oleh Gaik Cheng Khoo (2014) tentang patriotisme masyarakat awam

berkaitan dengan undang-undang di Malaysia iaitu bagaimana untuk melindungai sistem perundangan daripada dilanggari sewenang-wenangnya.

Selaras dengan itu, kajian oleh Ahmad Shah Pakeer Mohamed *et al.* (2011) adalah sebagai satu daripada cara penyelesaian secara dasar di Malaysia. Bagi mereka, sejak negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, kerajaan sering merangka dasar berkaitan dengan belia dan masyarakat secara berterusan. Tujuannya adalah bagi kepentingan generasi muda yang akan memimpin bangsa pada masa akan datang. Beliau berpandangan bahawa tumpuan khusus harus diberikan kepada belia dalam pelbagai pelan pembangunan, khususnya Rancangan Malaysia kerana perancangan yang teliti dapat mencungkil bakat, kepimpinan dan sumbangan golongan ini dalam arus perdana negara. Oleh sebab itu, belia adalah kumpulan tumpuan penting dalam sesebuah negara dan dianggap sebagai imej negara pada masa hadapan. Aziz Ujang *et al.* (2014) berpendapat terdapat empat faktor utama yang menyumbang kepada tahap perpaduan dan patriotism iaitu keselamatan, ekonomi, umur dan pendidikan. Patriotisme dan perpaduan adalah dua perkara yang amat penting yang saling kait-mengait di antara satu dengan yang lain yang membina sebuah negara yang maju, harmoni dan aman.

Berdasarkan perbincangan di atas mendapati kajian patriotisme meluas diteliti oleh pengkaji terdahulu dalam pelbagai aspek iaitu soal pendidikan, kesedaran, patriotism berdasarkan kaum, kesetiaan, kewarganegaraan dan identiti kebangsaan, komitmen, nilai, pengertian, demografi, keperluan belia, ekonomi, undang-undang, perasaan, psikologi serta media massa. Justeru, aspek nilai kesetiaan dan kebanggaan belia Malaysia terhadap negara kelihatan memerlukan kajian ilmiah dan ia merupakan sumbangan ilmu atau gap kajian. Bahkan, kebanyakan kajian daripada pengkaji terdahulu banyak menumpukan kepada pelajar, pengguna dalam sistem ekonomi dan masyarakat awam, namun gagal memberikan perhatian terhadap belia secara keseluruhannya. Sedangkan, pada pendapat Ahmad Shah Pakeer Mohamed *et al.* (2011) serta Azimi Hamzah dan Turiman Suandi (1996) berpendapat belia berperanan penting dalam rencana negara dan bakal pemimpin masa hadapan.

## METODOLOGI KAJIAN

Anggaran belia warganegara Malaysia bagi tahun 2014 adalah seramai 8,097,500 orang di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Menurut Sekaran (2006), sekiranya jumlah penduduk seramai 2.5 juta dan ke atas dengan aras keyakinan 95% serta ralat sampel sebanyak 3.5%, maka saiz sampel sesuai adalah sebanyak 1,353 orang. Walau bagaimanapun, saiz sampel bagi kajian ini diambil lebih sedikit iaitu 1,500 sampel berbanding seperti dicadangkan oleh Sekaran (2006) agar dapat mengurangkan ralat, pertimbangan masa dan kemampuan kewangan. Jumlah sampel sebanyak 1,500 orang tersebut diagihkan secara peratusan mengikut zon dan negeri atau kawasan, kaum dan umur agar lebih menyeluruh serta mewakili. Proses pembahagian sampel dilakukan mengikut peratusan dalam kategori yang

dianggap rawak atau sampel probabiliti. Kaedah yang dijalankan adalah pertama, membahagikan sampel 1,500 orang kepada enam (6) zon, iaitu Utara, Selatan, Tengah, Timur, Sabah dan Sarawak.

Pembahagian adalah sepertimana berikut, iaitu Zon Utara (Negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang), Zon Selatan (Negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan), bagi Zon Tengah (Negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Perak) serta Zon Timur (Negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan), maka ia memerlukan taburan sampel agak sekata. Kecuali bagi Zon Sabah dan Sarawak yang hanya melibatkan masing-masing satu negeri. Kesemua enam (6) zon kajian tersebut membabitkan sebanyak masing-masing 250 sampel (Jadual 1 dan 2).

**Jadual 1: Kerangka Persampelan Kajian bagi Malaysia Barat**

Zon	Umur	Jumlah Sampel	Melayu (66%)	Cina (25%)	India (8%)	Lain-Lain (1%)
Utara	15-18	83	55	21	6	1
	19-24	83	55	21	6	1
	25-30	84	55	21	7	1
	Jumlah	250	165	63	19	3
Selatan	15-18	83	55	21	6	1
	19-24	83	55	21	6	1
	25-30	84	55	21	7	1
	Jumlah	250	165	63	19	3
Timur	15-18	83	55	21	6	1
	19-24	83	55	21	6	1
	25-30	84	55	21	7	1
	Jumlah	250	165	63	19	3
Tengah	15-18	83	55	21	6	1
	19-24	83	55	21	6	1
	25-30	84	55	21	7	1
	Jumlah	250	165	63	19	3
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>1000</b>	<b>660</b>	<b>252</b>	<b>76</b>	<b>12</b>

### **Jadual 2: Kerangka Pensampelan Kajian bagi Malaysia Timur**

Zon	Umur	Jumlah Sampel	Melayu (36%)	Cina (14%)	India (5%)	Lain-Lain (1%)	Bumiputera (45%)
Sabah	15-18	83	30	11	4	1	37
	19-24	83	30	11	4	1	37
	25-30	84	30	11	4	1	38
	Jumlah	250	90	33	12	3	112
Sarawak	15-18	83	30	11	4	1	37
	19-24	83	30	11	4	1	37
	25-30	84	30	11	4	1	38
	Jumlah	250	90	33	12	3	112
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>500</b>	<b>180</b>	<b>66</b>	<b>24</b>	<b>6</b>	<b>224</b>

Justeru, bagi pemilihan sampel yang baik penggunaan teknik *convenience sample* iaitu responden diambil dalam kalangan belia secara bebas asalkan memenuhi jumlah sampel dari segi negeri, umur dan kaum. Kaedah ini dipilih kerana taburan belia yang terbuka dalam suatu kawasan luas sehingga mustahil untuk diambil secara rawak mahupun sistematis. Kajian ini menggunakan borang kaji selidik yang dibahagikan kepada beberapa bahagian tertentu agar dapat menjawab objektif dan permasalahan kajian. Seterusnya, hasil kajian telah dianalisis secara deskriptif bagi mengetahui tahap sebenar aspek kesetiaan dan kebanggaan (patriotisme) golongan belia di Malaysia, serta analisis perbezaan menggunakan statistik ANOVA. Sehala berdasarkan hasil kajian yang diperoleh.

### **ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN**

Bagi mengukur tahap kesetiaan dan kebanggaan (patriotisme) golongan belia di Malaysia terdapat dua bahagian soalan yang dikemukakan, iaitu bahagian umum yang melibatkan hanya tiga item ujian, iaitu “mahu dikenali sebagai Bangsa Malaysia”; “bangga dikenali sebagai Rakyat Malaysia” dan “bangga Memiliki Kad Pengenalan Warganegara”. Manakala bahagian kedua merangkumi beberapa item ujian yang mewakili konstruk kebanggaan dan kesetiaan yang mempamerkan semangat patriotisme golongan belia di Malaysia.

Bagi bahagian pertama berdasarkan hasil kajian mendapati bahawa item ujian “adakah anda mahu dikenali sebagai Bangsa Malaysia” mendapati seramai 36 orang golongan belia tidak bersetuju untuk dikenali sebagai bangsa Malaysia manakala seramai 1,464 orang mahu dikenali sebagai bangsa Malaysia. Golongan belia di zon tengah merupakan paling ramai tidak mahu dikenali sebagai bangsa Malaysia, iaitu seramai 12 orang dan diikuti oleh zon Utara, iaitu seramai sembilan orang (Jadual 3).

**Jadual 3: Mahu Dikenali Sebagai Bangsa Malaysia Mengikut Zon**

Zon	Bangsa Malaysia		Jumlah
	Ya	Tidak	
Utara	241	9	250
Selatan	247	3	250
Timur	246	4	250
Tengah	238	12	250
Sabah	246	4	250
Sarawak	246	4	250
Jumlah	1464	36	1500

Sementara itu, jika diteliti aspek ini mengikut negeri pula mendapati golongan belia bagi Kuala Lumpur dan Perlis merupakan yang tertinggi tidak manu dikenali sebagai bangsa Malaysia iaitu masing-masing seramai enam (6) dan lima (5) orang responden (Jadual 4).

**Jadual 4: Mahu Dikenali Sebagai Bangsa Malaysia Mengikut Negeri**

Negeri	Bangsa Malaysia		Jumlah
	Ya	Tidak	
Perlis	78	5	83
Kedah	81	2	83
Pulau Pinang	82	2	84
Johor	83	0	83
Melaka	80	3	83
N. Sembilan	84	0	84
Pahang	80	3	83
Terengganu	83	0	83
Kelantan	83	1	84
Perak	81	2	83
Selangor	79	4	83
Kuala Lumpur	78	6	84
Sabah	246	4	250
Sarawak	246	4	250
Jumlah	1464	36	1500

Selain itu, bagi item ujian Kedua “adakah anda bangga dikenali sebagai rakyat Malaysia” pula menunjukkan terdapat seramai tujuh (7) orang responden bagi zon Utara yang tidak berbangga menjadi rakyat Malaysia. Di zon Selatan pula terdapat seorang (1) responden, tiga (3) orang di zon Timur, seramai tujuh (7) responden juga di zon Tengah manakala tiga (3) responden bagi negeri Sarawak dan semua responden negari Sabah bangga menjadi rakyat Malaysia (Jadual 5).

**Jadual 5: Bangga Dikenali Sebagai Rakyat Malaysia Mengikut Zon**

Zon	Bangsa Malaysia		Jumlah
	Ya	Tidak	
Utara	243	7	250
Selatan	249	1	250
Timur	247	3	250
Tengah	243	7	250
Sabah	250	0	250
Sarawak	247	3	250
Jumlah	1479	21	1500

Sementara itu jika diteliti mengikut negeri menunjukkan terdapat seramai lima (5) orang responden dari negeri Perlis tidak bangga dikenali sebagai rakyat Malaysia, masing-masing seorang bagi negeri negeri Kedah, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Pahang. Sementara itu, dua (2) orang di Terengganu, empat (4) responden di Selangor dan masing-masing tiga (3) bagi Kuala Lumpur dan Sarawak. Bagi golongan belia di negeri Johor, Melaka, Perak Kelantan dan Sabah pula secara keseluruhannya berbangga dikenali sebagai rakyat Malaysia (Jadual 6).

**Jadual 6: Bangga Dikenali Sebagai Rakyat Malaysia Mengikut Negeri**

Negeri	Bangsa Malaysia		Jumlah
	Ya	Tidak	
Perlis	78	5	83
Kedah	82	1	83
Pulau Pinang	83	1	84
Johor	83	0	83
Melaka	83	0	83
N. Sembilan	83	1	84
Pahang	82	1	83
Terengganu	81	2	83

Kelantan	84	0	84
Perak	83	0	83
Selangor	79	4	83
Kuala Lumpur	81	3	84
Sabah	250	0	250
Sarawak	247	3	250
Jumlah	1479	21	1500

Bagi item ujian yang Ketiga ialah “adakah anda bangga memiliki kad pengenalan sebagai warganegara Malaysia” menunjukkan terdapat seramai tujuh (7) responden daripada zon Utara yang tidak berbangga memiliki kad pengenalan sebagai warganegara Malaysia, dua (2) responden bagi zon Selatan, tiga (3) orang di zon Timur, enam (6) responden bagi zon Tengah dan tiga (3) orang lagi di Sarawak manakala semua golongan belia di Sabah berbangga memiliki kad pengenalan sebagai warganegara Malaysia (Jadual 7).

**Jadual 7: Bangga Memiliki Kad Pengenalan Warganegara Mengikut Zon**

Zon	Bangsa Malaysia		Jumlah
	Ya	Tidak	
Utara	243	7	250
Selatan	248	2	250
Timur	247	3	250
Tengah	244	6	250
Sabah	250	0	250
Sarawak	247	3	250
Jumlah	1479	21	1500

Seterusnya penelitian berdasarkan negeri pula mendapati seramai lima (5) orang responden yang tidak berbangga memiliki kad pengenalan sebagai warganegara Malaysia bagi negeri Perlis, masing-masing seorang (1) bagi negeri Kedah, Pulau Pinang, Pahang, Terengganu, Kelantan dan Kuala Lumpur. Bagi negeri Selangor terdapat lima (5) orang responden yang tidak berbangga memiliki kad pengenalan sebagai warganegara Malaysia, dua (2) responden di Negeri Sembilan dan tiga (3) orang di Sarawak (Jadual 8).

**Jadual 8: Bangga Memiliki Kad Pengenalan Warganegara Mengikut Negeri**

<b>Negeri</b>	<b>Bangsa Malaysia</b>		<b>Jumlah</b>
	<b>Ya</b>	<b>Tidak</b>	
Perlis	78	5	83
Kedah	82	1	83
Pulau Pinang	83	1	84
Johor	83	0	83
Melaka	83	0	83
N. Sembilan	82	2	84
Pahang	82	1	83
Terengganu	82	1	83
Kelantan	83	1	84
Perak	83	0	83
Selangor	78	5	83
Kuala Lumpur	83	1	84
Sabah	250	0	250
Sarawak	247	3	250
<b>Jumlah</b>	<b>1479</b>	<b>21</b>	<b>1500</b>

Seterusnya, dalam bahagian kedua, iaitu penelitian terhadap konstruk kebanggaan menjadi rakyat Malaysia secara mendalam bagi golongan belia yang merangkumi item-item ujian sepetimana berikut berdasarkan skala rendah (1-3), sederhana (4-6) dan skala tinggi (7-9). Item ujian tersebut adalah Saya bangga mengamalkan adat resam dan budaya hidup ketimuran berbanding budaya hidup barat; Saya bangga mengamalkan adat resam dan budaya hidup kaum sendiri secara bebas di Malaysia; Saya bangga kerana dapat menghayati maksud lagu kebangsaan (Negaraku); Saya bangga dapat menghormati para pemimpin negara yang dipilih oleh rakyat sepanjang masa; Saya bangga mempunyai sistem pemerintahan demokrasi berparlimen kerana suara masyarakat diambil kira dalam pembangunan negara; Saya bangga mempunyai kepelbagaiuan agama, pemikiran dan budaya sebagai simbol kesuburan demokrasi dalam negara dan Saya bangga mempunyai kad pengenalan yang menunjukkan status sah sebagai warga negara Malaysia.

Hasil kajian bagi aspek kebanggaan secara keseluruhannya adalah baik tetapi hanya zon Tengah sahaja yang mencatatkan bacaan nilai min pada skala sederhana (4-6) manakala bagi ke semua zon yang lain dan secara umumnya Malaysia menunjukkan bacaan nilai min pada skala tinggi. Zon Timur dan Sarawak mencatatkan bacaan nilai min tertinggi iaitu 7.67 dan 7.7, situasi ini menggambarkan bahawa kedua-dua zon ini memiliki golongan belia yang sangat bangga menjadi

rakyat Malaysia berbanding dengan zon-zon yang lain (Jadual 9).

**Jadual 9: Perbandingan Hasil Kajian Mengikut Zon yang Melibatkan Konstruk Kebanggaan dan Kesetiaan**

Bil.	Zon	Rendah (%)	Sederhana (%)	Tinggi (%)	Min
<b>1. Kebanggaan</b>					
	Malaysia	3	23	74	7.32
	Zon Utara	7	21	72	7.20
	Zon Selatan	2	23	75	7.31
	Zon Timur	4	14	82	7.67
	<b>Zon Tengah</b>	4	32	<b>64</b>	<b>6.86</b>
	Zon Sabah	1	29	70	7.20
	Zon Sarawak	4	15	81	7.7
<b>2. Kesetiaan</b>					
	Malaysia	4	22	74	7.28
	Zon Utara	5	25	70	7.23
	Zon Selatan	3	22	75	7.24
	Zon Timur	4	14	82	7.59
	<b>Zon Tengah</b>	4	30	<b>66</b>	<b>6.90</b>
	Zon Sabah	1	29	70	7.2
	Zon Sarawak	5	15	80	7.5

Bagi mengukur konstruk kesetiaan golongan belia kepada negara pula, terdapat beberapa item ujian yang telah dibentuk iaitu melibatkan Saya setia kepada raja dan institusi diraja sepanjang masa; Saya setia kepada negara menjadikan diri rela berkorban demi kedaulatan tanah air; Saya setia kepada pemimpin pilihan rakyat sehingga saya akur dengan segala keputusan yang dibuat oleh mereka demi kebaikan masyarakat serta negara; Saya setia kepada agama anutan diri sendiri dan menghormati agama lain kerana ia adalah tunggak kemakmuran masyarakat dan perpaduan negara; Saya setia kepada bahasa kebangsaan menyebabkan saya sentiasa menggunakan sepangjang masa dalam apa juga keadaan sama ada rasmi atau kegunaan harian; Saya setia kepada sistem demokrasi berparlimen Malaysia sehingga tidak sanggup mengubahnya kepada sistem pemerintahan jenis lain; Saya setia kepada identiti bangsa menyebabkan saya mengamalkannya serta sanggup mempertahankan budaya kaum sendiri, tetapi pada masa yang saya menghormati budaya kaum lain yang tinggal bersama di Malaysia; Saya setia kepada maksud prinsip Rukun Negara dan sering menjadi pegangan hidup bagi menjaga kerukunan masyarakat yang majmuk dan walau apa pun yang berlaku kepada negara, saya setia mempertahankan tanah air tercinta ini.

Seterusnya, pengukuran tahap kesetiaan golongan belia untuk item ujian yang telah dibentuk adalah berdasarkan skala rendah (1-3), sederhana (4-6) dan skala tinggi (7-9). Hasil kajian mendapat aspek kesetiaan kepada negara bagi golongan belia juga mendapat hanya zon Tengah yang mencatatkan nilai min pada skala sederhana, iaitu 6.90 berbanding dengan zon-zon yang lain. Sekali lagi zon Timur mencatatkan nilai min tertinggi, iaitu 7.59 berbanding dengan zon-zon lain. Aspek kesetiaan kepada negara merupakan satu perkara penting kerana mampu melahirkan semangat patriotisme yang lain termasuklah berdisiplin, sayang dan sebagainya. Dalam konteks Malaysia secara keseluruhannya mendapat aspek kesetiaan mencatatkan nilai min pada skala tinggi 7.28 dan menjelaskan kesetiaan rakyat Malaysia kepada negara adalah baik (Jadual 9).

Analisis perbezaan patriotisme belia berdasarkan keturunan atau etnik pula mendapat tidak wujud perbezaan dengan ditandai oleh aras kesignifikanan adalah  $p \geq 0.05$  (Jadual 10). Ini menunjukkan bahawa setiap etnik yang ada di Malaysia tiada perbezaan dari segi patriotisme mereka. Hal ini berlaku kerana nilai F menunjukkan serakan taburan min adalah hampir sekata atau tiada jurang besar dalam taburan min data. Malah, analisis *Post-Hoc LSD (Least Significant Difference)* juga menunjukkan kesemua hubungan adalah tidak signifikan pada aras  $p \leq 0.05$ .

**Jadual 10: Taburan Kesignifikanan antara Konstruk Patriotisme berdasarkan Keturunan Belia**

Konstruk Patriotisme	Nilai F	Signifikan
Kefahaman	1.688	0.170
Kebanggaan	1.451	0.229
Sayang	1.129	0.338
Kekitaan	0.723	0.539
Kesetiaan	0.360	0.782
Berdisiplin	1.067	0.364
Produktiviti	1.625	0.184

\* Kesemua konstruk patriotisme belia berdasarkan keturunan atau etnik adalah tidak signifikan pada aras 0.05

## RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

Rumusan keseluruhan kajian bagi aspek kesetiaan dan kebanggaan golongan belia bagi ke semua zon adalah baik tetapi hanya zon Tengah (Negeri Selangor, Perak dan Kuala Lumpur) sahaja berada di tahap sederhana. Perkara ini juga disokong dengan baik berdasarkan hasil kajian di bahagian pertama, iaitu “adakah anda mahu dikenali sebagai Bangsa Malaysia” mendapat golongan belia di zon Tengah merupakan paling ramai tidak mahu dikenali sebagai bangsa Malaysia, iaitu seramai 12 orang. Selain itu, bagi item ujian Kedua “adakah anda bangga dikenali sebagai

rakyat Malaysia” pula menunjukkan terdapat, seramai tujuh (7) responden juga di zon Tengah tidak bangga menjadi rakyat Malaysia. Seterusnya untuk item ujian terakhir “adakah anda bangga memiliki kad pengenalan sebagai warganegara Malaysia” menunjukkan terdapat seramai enam (6) responden bagi zon tengah tidak berbangga memiliki kad pengenalan sebagai warganegara Malaysia. Berdasarkan kepada senario ini pihak kerajaan dan pihak bertanggungjawab seharusnya seterus mempergiatkan usaha bagi meningkatkan tahap kesetiaan dan kebanggaan golongan belia dan sekaligus dapat meningkatkan semangat patriotisme terhadap negara. Ini kerana sekiranya usaha bagi menyedarkan golongan belia tentang pentingnya semangat patriotisme demi masa hadapan negara tidak dilakukan dengan sebaik mungkin pastikan akan rugikan negara sendiri kerana mempunyai golongan belia yang tidak mempunyai jati diri yang mantap untuk memimpin negara pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, dari segi perbezaan patriotisme belia berdasarkan etnik pula mendapati tidak wujud perbezaan kerana masing-masing etnik memperlihatkan baik nilai patriotisme mereka.

## RUJUKAN

- Abd. Rahim Abd. Rashid. (2004). *Patriotisme: Agenda Pembinaan Bangsa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Adeel-Ur-Rehman, Majid Raza, Adnan Ahmed, Naveed Zafar & Arsal Shahzad. (2013). Media as a source of empowering youth regarding politics in Pakistan. *Universal Journal of Management and Social Sciences* 3(12), 40-48.
- Ahmad Amirul Arifin Ayob, Muhammad Azrie Idzmeer Rosli, Nur Adzimah Yuzri, Nur Aida Ishak, Nuratiqah Ahmad Basirun & Muhammad Anwar Fahmi Abdullah. (2013). Media contribution through the development of patriotism and social solidarity among university students: a case study on 1957: Hati Malaya, terbitan Pesona Pictures. *Colloquium Proceedings of Media and Patriotism*, hlm. 101-116.
- Ahmad Shah Pakeer Mohamed, Sulhairil Hafiz Haji Sulaiman, Muhammad Fuad Othman, Mohd Ashraf Che Jumaat Yang & Hudrus Haron. (2011). Patriotism dilemma among Malaysian youth: between strategy and reality. *International Journal of Business and Social Science* 2(16), 219-227.
- Almond, G. & Verba, S. (1963). *The civic culture: political attitudes and democracy in five nations*. Princeton, New Jersey: Princeton University Press.
- Azimi Hamzah & Turiman Suandi. (1996). *Isu dan cabaran dalam pembangunan belia: beberapa pemerhatian penting*. Kertas kerja ini dibentangkan di Persidangan Majlis Perundingan Belia Negeri Sembilan, Seremban.
- Azimi Hamzah & Turiman Suandi. (1997). *Budaya cemerlang dalam pertubuhan belia*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Pembangunan NGO Kuala Lumpur, anjuran Jabatan Belia dan Wilayah Persekutuan.

- Azimi Hamzah, Turiman Suandi, Ezhar Tamam. (2002). *Persatuan belia di Malaysia: Perkembangan dan penyerahan potensi*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Aziz Ujang, Jamaluddin Md. Jahi, Kadir Arifin & Kadaruddin Aiyub. (2014). Kesedaran Generasi Muda Terhadap Patriotisme dan Perpaduan Nasional di Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 2 (2), 31–39.
- Berns, W. (2001). *Making patriots*. Chicago: University of Chicago Press.
- Boyte, H. (2003). Civic education and the new American patriotism. *Cambridge Journal of Education* 33(1), 85-100.
- Branson, M. (2002). *Patriotism and civic literacy*. Kertas kerja dibentangkan kepada State and District Coordinators of the We the People... Program, Washington D.C. pada 30 Jun.
- Clift, B. & Woll, C. (2012). Economic patriotism: reinventing control over open markets. *Journal of European Public Policy* 19(3), 307-323.
- Curti, M. (1946). *The roots of American loyalty*. New York: Columbia University Press.
- Doob, L.W. (1964). *Patriotism and nationalism: their psychological foundations*. New Haven: Yale University Press.
- Dzuhalimi Dahalan, Nobaya Ahmad, Md. Salleh Hassan, Mariah Muda, Jamilah Othman & Nor Azliza Wanis Abdullah. (2011). The challenges of 1 Malaysia and the reality of youth's involvement with the unity campaign on television. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences* 5(11), 2132-2138.
- Gaik Cheng Khoo. (2014). The rise of constitutional patriotism in Malaysian civil society. *Asian Studies Review* 38(3), 325-344.
- Gehring, J. (2002). States weigh bills to stoke students' patriotism. *Education Week March*, 27-35.
- Grammes, T. (2011). Nationalism, patriotism, citizenship and beyond. *Journal of Social Science Education* 10(1), 2-11.
- Grigoryan, L.K. (2013). Patriotism and Nationalism in Russia: Influence on Economic Independence. *Cultural-Historical Psychology* 3, 22-31.
- Habermas, J. (1996). *Between facts and norms: contributions to a discourse Theory of Law and Democracy*. New York: MIT Press.
- Hail, H.C. (2015). Patriotism abroad overseas Chinese students' encounters with criticisms of China. *Journal of Studies in International Education* (versi proof-read), 1-16.

- Holmes, J.S. & van Marle, H. (1959). *Patriotism and nationalism in European history*. New York: Meridian Books.
- Kementerian Belia dan Sukan (KBS). (2004). *Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional*. Putrajaya: Kementerian Belia dan Sukan.
- Kenner, C.L. (2004). *Buffalo soldiers and officers of the ninth cavalry, 1867-1898: black and white together black valor*. Lanham, Maryland: Scarecrow Press.
- Khairul Anuar Mohammad Shah & Hasliza Abdul Halim. (2011). The influence of demographic profiles on consumer animosity, consumer ethnocentrism and patriotism. *International Journal of Current Research* 3(10), 200-208.
- Kluver, R. & Weber, O. (2003). Patriotism and the limits of globalization: renegotiating citizenship in Singapore. *Journal of Communication Inquiry* 27(4), 371-388.
- Kondo, T. & Wu, X. (2011). A comparative study of patriotism as a goal of school education in China and Japan. *Journal of Social Science Education* 10(1), 23-32.
- Ku Hasnita Ku Samsu. (2007). Pemupukan semangat patriotisme melalui proses sosialisasi politik. *Jati* 12, 131-145.
- Marriott, M.K. (1963). Cultural policy in the new states. Dlm. Geertz, C. (Pnyt.). *Old societies and new states: the quest for modernity in Asia and Africa*, hlm. 27–56. Glencoe, IL: Free Press.
- Mohd Hairul Anuar Razak, Jayum A. Jawan, Adlina Abd. Halim, Mohd Mahadee Ismail & Siti Aishah Misri. (2013). Penghayatan dan kesedaran patriotisme dalam kalangan pelatih Program Latihan Khidmat Negara. *Malaysian Journal of Youth Studies* 8, 1-24.
- Mohd. Jamil Mukmin. (2005). Patriotisme dalam konteks pembinaan bangsa Malaysia. Dlm Hussain Mohamad (Pnyt.). *Belia dan patriotisme Malaysia*. Melaka: IKSEP.
- Nik Anuar Nik Mahmud. (2002). *Patriotisme dalam penulisan sejarah*. Kertas Kerja dibentangkan di Kongres Patriotisme Negara, di Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP, anjuran Biro Tatanegara dan Universiti Utara Malaysia, Bangi pada 22-28 Oktober 2002.
- Nordin Kardi. (2003). *Konsep patriotisme*. <http://www.btn.gov.my/kp>.
- Oladipo, S.E. (2009). Psychological empowerment and development. *Edo Journal of Counselling* 2(1), 119-126.
- Ortmann, S. (2009). Singapore: the politics of inventing national identity. *Journal of Current Southeast Asian Affairs* 4, 23-46.
- Primoratz, I. (2002). Patriotism: a deflationary view. *The Philosophical Forum*. Vol. XXXIII, 443-457.

- Rashidah Mamat. (2014). *Sense of belonging to the country: assessing patriotism, loyalty and national allegiance of Malaysian students abroad*. Kertas kerja ini dibentangkan di The Social Sciences Research ICSSR 2014 pada 9-10 Jun, Kota Kinabalu, Sabah.
- Ryn, C. (1994). National identity as an issue of knowledge and morality. Dlm. Yuen, T. & Byram, M. (Pnyt.). *National identity in Hong Kong schools*, hlm. 23-30. Hong Kong: Institute of Education, University of Durham.
- Saedah Siraj, Abd. Razak Zakaria, Norlidah Alias, Dorothy Dewitt, Ponnie Kannan & Jeyanthi Ganapathy. (2012). Future projection on patriotism among school students using Delphi Technique. *Creative Education* 3(Special Issue), 1053-1059.
- Saifuddin Abdullah. (2005). *Patriotisme alaf baru: dari semangat kepada khidmat*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, IKSEP
- Senu Abdul Rahman, Ali Ahmad & Rais Sariman. (1971). *Revolusi mental*. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu.
- Schatz, R.T., Staub, E. & Lavine, H. (1999). On the varieties of national attachment: blind versus constructive patriotism. *Political Psychology* 20, 151-174.
- Sekaran, U. (2006). *Research methods for business: a skill building approach*. Ed. 6. New York: John Wiley & Sons.
- Spillan, J.E. & Harcar, T. (2013). A comparative study of patriotism, protectionism, social economic conservatism between Indian and Vietnamese consumers: the effects of these constructs on buying Inclinations Eurasian. *Journal of Business and Economics* 6(12), 1-26.
- Totten, B. (1998). *Patriotisme of Post War Japanese*. Part 2. <http://www.billtotten.com>
- Turner, B. (2000). Liberal citizenship and cosmopolitan virtue. Dlm. Yuen, T. & Byram, M. (Pnyt.). *National identity in Hong Kong schools*, hlm. 31-36. Hong Kong: Institute of Education, University of Durham.
- Utusan Online. (2014). *Erti taat setia: baik sungguhlah kerajaan Malaysia ini*. 9 April 2014. [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140409/\[Diakses pada 18 Jun 2015\]](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140409/[Diakses pada 18 Jun 2015]).
- Vail, E.F. (2000). Knowledge mapping: getting started with knowledge management. *Information Systems Management* 16(4), 16-23.
- Zaid Ahmad. (2006). *Hubungan etnik di Malaysia*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

***Profil Penulis:***

***Tuan Pah Rokiah Syed Hussain, PhD***

*Universiti Utara Malaysia*

*sh.rokiah@uum.edu.my*

***Hamidi Ismail, PhD***

*Unit Penyelidikan*

*Universiti Utara Malaysia*

*hamidi@uum.edu.my*

***Shamsul Anuar Nasarah, PhD***

*Pengerusi PTPTN dan Biro Kebajikan UMNO Malaysia*

*Parlimen Malaysia*

*dsan393393@yahoo.com*

***Wasitah Mohd Yusof, PhD***

*Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia*

*Kementerian Belia dan Sukan Malaysia*

*drwasitah@kbs.gov.my*

***Zaheruddin Othman, PhD***

*Pusat Pengajian Kerajaan*

*Universiti Utara Malausia*

*zaher@uum.edu.my*

## FAKTOR-FAKTOR HALANGAN PENINGKATAN TARAF PENDIDIKAN DAN KEMAHIRAN BELIA LUAR BANDAR

ALIAS MASEK, SHAFIZZA SAHDAN & NOOR ATIKAH ZAINAL ABIDIN

### ABSTRAK

Golongan belia merupakan penggerak kepada ekonomi negara. Justeru golongan ini seharusnya dilengkapi dengan ilmu dan kemahiran pada tahap tertinggi bagi memenuhi tuntutan tersebut. Namun, masih terdapat sebilangan besar golongan belia yang mempunyai latar belakang pendidikan dan kemahiran yang rendah. Oleh itu, satu kajian telah dijalankan bagi mengenal pasti faktor halangan bagi belia luar bandar yang tidak menyambung pengajian akademik atau latihan kemahiran ke peringkat yang lebih tinggi. Kajian berbentuk tinjauan telah dijalankan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif dan disokong oleh data kualitatif. Soal selidik telah diedarkan kepada 1,600 orang belia luar bandar dan seramai 1,259 orang telah mengembalikan semula borang soal selidik tersebut. Manakala sesi temu bual pula telah dijalankan bersama 10 orang peserta. Data kuantitatif dianalisis menggunakan kekerapan, peratusan, dan min skor, manakala data kualitatif dianalisis menggunakan analisis tematik. Dapatan menunjukkan bahawa faktor halangan yang paling dominan bagi belia luar bandar untuk menyambung pengajian ialah faktor diri sendiri ( $M=3.34; SD=.70$ ). Faktor-faktor lain pula ialah faktor ekonomi keluarga, bebanan tanggungjawab dan kekurangan pengalaman bekerja. Antara bidang pilihan bagi menyambung pengajian, golongan ini lebih cenderung dalam memilih bidang pertanian ( $M=3.47; SD=1.03$ ), diikuti oleh bidang multimedia kreatif dan seterusnya kulinari. Bidang lain yang diminati termasuk bidang mekanikal, kejuruteraan elektrik dan kejuruteraan awam. Implikasinya, pihak Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) seharusnya memperluaskan promosi berkaitan program yang ditawarkan melalui penggunaan teknologi dan media sosial secara intensif. Penumpuan bidang yang ditawarkan berbanding lokasi juga perlu disemak semula bagi menarik minat lebih ramai belia luar bandar untuk menceburi bidang kemahiran.

**Kata Kunci:** Belia Luar Bandar, Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Kemahiran, Kecenderungan, Sambung Pengajian

### ABSTRACT

Youth are the driving force behind the country's economy. Hence, youth should be equipped with skills and knowledge to meet the economic demands. However, there are still a large number of youths who have low educational background and skills. Thus, a study was conducted to identify the obstacles for rural youth whom did not pursue their studies or skills training to a higher level. Survey-based studies were conducted using quantitative approaches and supported by qualitative data. Questionnaires were distributed to 1,600 rural youths and 1,259 respondents had

*returned the questionnaire. Interview session was also conducted on 10 participants. Quantitative data were analyzed using frequency, percentage, and mean score, while qualitative data were analyzed using thematic analysis. The findings showed that the most dominant obstacle for rural youth to continue their studies was self-esteem ( $M=3.34$ ;  $SD=.70$ ). Other factors were caused by family's economic problems, burden of responsibility and lack of working experience. Among the areas of interest in continuing education, these groups were more likely to choose agriculture ( $M=3.47$ ;  $SD=1.03$ ), followed by creative multimedia and subsequently culinary. Other areas of interest include mechanical, electrical engineering and civil engineering. The National Youth Skills Institute should extend the promotion for the related programs via technology and social media. The courses offered and the location need to be revised to entice more rural youths to venture into skills training.*

**Keywords:** *Rural Youth, Technical and Vocational Education, Skills, Tendency, Further Study*

## **PENGENALAN**

Golongan belia merupakan aset berharga yang menyumbang kepada ekonomi sesebuah negara. Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (2017), anggaran bilangan belia mencecah lebih 16 juta pada tahun 2016 bagi mereka yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun. Daripada angka ini, peratusan penganggur dalam kalangan belia bandar ialah 10.5% iaitu mencecah angka 273,400 orang (MIDF, 2017). Menurut Marlina Ali dan Shaharom Nordin (2010), golongan ini secara puratanya memperoleh pendapatan kurang RM 1,000 sebulan. Statistik tersebut menunjukkan bahawa isu pengangguran dalam kalangan belia perlu diberi perhatian yang lebih agar tidak merencatkan pembangunan ekonomi negara. Salah satu daripada faktor penyumbang kepada isu pengangguran ialah disebabkan oleh latar belakang pendidikan dan kemahiran yang rendah disebabkan oleh masalah kecinciran (UNESCO-UNEVOC, 2012; Prabhudesai, 2012; Nwachukwu, 2014).

Berdasarkan kajian Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES, 2013), terdapat lima (5) jenis bantuan yang paling diharapkan oleh belia untuk mencapai keperluan hidup masa kini. Antaranya ialah bantuan kewangan (24.6 %), menambah peluang pekerjaan (23%), menurunkan harga barang dengan lebih berpatutan (16.5%), memberi peluang pendidikan (15.8%) dan memberikan pinjaman perumahan (9%). Fakta ini menunjukkan bahawa belia mengharapkan kerajaan untuk membuka peluang pekerjaan kepada mereka. Persoalannya, adakah kemungkinan peluang yang sedia ada tidak mencukupi? Atau mereka tidak mempunyai kemahiran? Lantaran tidak dapat menembusi pasaran pekerjaan. Manakala bagi aspek pendidikan pula, ada kalangan belia yang memerlukan bantuan untuk melanjutkan pengajian mereka. Berdasarkan hujah ini, terdapat juga kemungkinan bahawa terdapat halangan yang merencatkan hasrat belia menyambung pengajian.

Menyedari masalah tersebut, kerajaan menggalakkan golongan belia menceburι bidang latihan kemahiran dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) (UNESCO-UNEVOC, 2012). Dalam beberapa siri pembentangan belanjawan negara, PTV sering menjadi tumpuan khusus dan menerima peruntukan kewangan yang besar. Belanjawan ini tertumpu kepada menaiktaraf dan menjenamakan semula PTV bagi menaik minat lebih ramai golongan belia untuk meningkatkan kemahiran (Kementerian Kewangan, 2008; Kementerian Kewangan, 2017). PTV berperanan membekalkan belia dengan kemahiran asas bagi membolehkan mereka menceburι bidang pekerjaan dengan ilmu teknologi, perdagangan dan ekonomi. Bukan sahaja menjadi pengguna kepada kecanggihan teknologi tetapi juga tahu menghasilkan sesuatu inovasi dan kemajuan kepada teknologi.

Sungguhpun segala usaha ini telah diambil, masih terdapat sebilangan belia luar bandar yang tidak menyambung pengajian, khususnya dalam bidang PTV bagi meningkatkan produktiviti dan kemahiran. Oleh yang demikian, faktor halangan dan minat terhadap bidang pengajian perlu dikaji bagi membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh golongan belia luar bandar, sekaligus mendapatkan input untuk penambahbaikan kursus yang ditawarkan di institusi latihan kemahiran.

## METODOLOGI

Kajian menggunakan rekabentuk tinjauan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif deskriptif telah dijalankan. Menurut Creswell (2005) kajian berbentuk kuantitatif sesuai digunakan dalam penyelidikan bagi menerangkan secara tepat suatu fenomena yang berlaku untuk satu populasi yang besar. Kajian kuantitatif adalah bersesuaian dengan mana-mana teknik pengumpulan data seperti soal selidik atau prosedur analisis data seperti graf dan statistik yang menggunakan data berangka (Saunders & Thornhill, 2009). Oleh itu, soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian bagi pengumpulan data dan disokong oleh data temubual.

Kaedah persempelan bertujuan telah digunakan untuk memilih sampel dalam kalangan belia luar bandar. Responden telah dipilih berdasarkan kriteria yang ditetapkan berdasarkan objektif kajian iaitu :

- a) Belia yang tidak menyambung pengajian.
- b) Berumur 15 hingga 40 tahun.
- c) Tidak berpendapatan tetap.
- d) Tinggal di luar bandar.
- e) Bekerja sektor rendah (operator pengeluaran, berniaga kecil-kecilan).

Seterusnya, kaedah pensampelan *Snowball* telah digunakan bagi mendapatkan lebih ramai responden. Responden mengagihkan borang soal selidik kepada rakan-rakan yang mereka kenali yang memenuhi kriteria yang telah ditentukan. Populasi dalam kajian ini merupakan komuniti belia yang tinggal di luar bandar yang tidak menyambung pengajian ke peringkat tertinggi. Berdasarkan

statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (2014), dianggarkan seramai 13.4 juta orang belia di seluruh Malaysia. Populasi belia luar bandar yang dikaji ialah seramai 4.5 juta orang. Menurut Cohen *et al.* (2001), jumlah responden yang diperlukan adalah seramai 1,538 orang (aras keyakinan 95% dan ralat persampelan 2.5%). Bagi memenuhi saranan Cohen *et al.*, sebanyak 1600 soal selidik telah diedarkan. Bagi peserta yang terlibat dalam sesi temubual pula, seramai 10 orang belia luar bandar daripada Kelantan, Kedah, Pulau Pinang dan Sabah telah dipilih. Peserta tersebut telah dipilih berdasarkan kriteria yang diperlukan bagi mencapai objektif kajian iaitu belia luar bandar yang tidak menyambung pengajian, tidak berpendapatan tetap dan berumur dalam lingkungan 15 hingga 40 tahun.

Borang soal selidik terbahagi kepada empat (4) bahagian iaitu 11 item bahagian A (demografi), 19 item bahagian B (inisiatif belia), 27 item bahagian C (minat dan kecenderungan belia) dan akhir sekali 20 item bahagian D (faktor halangan belia). Item-item ini dibangunkan berdasarkan kajian literatur (Luster & Adoo, 1996; Jandhyala, 2002; Hartl, 2009; UNESCO-UNEVOC, 2012; Prabhudesai, 2012). Namun, hanya bahagian A, C dan D sahaja yang akan dilaporkan dalam artikel ini. Setiap kenyataan responden diukur dengan menggunakan skala likert lima (5) mata. Data kajian dianalisis menggunakan frekuensi, peratusan, skor min dan sisihan piawai bagi mendapatkan interpretasi kuantitatif. Nilai indeks kebolehpercayaan menggunakan Alpha Cronbach bagi keseluruhan item soal selidik ialah 0.72, ini menunjukkan item-item yang digunakan adalah boleh diterima dan sesuai untuk penyelidikan (Perera, Heneghan & Badenoch, 2008). Contoh item bahagian C ialah “suka bekerja dengan alatan dan mesin”, bahagian D ialah “saya tahu tentang kewujudan pembiayaan secara pinjaman untuk menyambung pengajian”.

Data kualitatif pula digunakan bagi menyokong data kuantitatif dalam kajian ini. Data kualitatif diperolehi menggunakan kaedah temubual yang dijalankan secara separa berstruktur. Protokol temubual dibangunkan bagi memastikan perjalanan temubual lancar dan objektif kajian tercapai (Creswell, 2005). Contoh soalan temubual adalah “mengapakah tuan/puan tidak menyambung pengajian atau kemahiran selepas tamat SPM?”.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Sebanyak 1,259 set soal selidik telah dikembalikan dan hanya 1,204 set lengkap untuk dianalisis. Majoriti responden adalah didominasi oleh lelaki dengan 57.5% manakala selebihnya perempuan. Sejumlah 1,020 daripada jumlah keseluruhan ialah Melayu, diikuti oleh 36 Cina dan 29 India dan selebihnya lain-lain bangsa. Majoriti adalah pemegang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) seramai 764 orang, diikuti oleh Pemegang Diploma pelbagai bidang dan Sijil Penilaian Menengah Rendah (PMR). Faktor Halangan Belia Luar Bandar dalam Menyambung Pengajian.

Analisis min tertinggi antara item kajian menunjukkan bahawa faktor halangan yang paling dominan bagi belia luar bandar untuk menyambung pengajian ialah faktor diri sendiri dengan skor min 3.34 (.70). Faktor diri sendiri merujuk kepada pendirian belia yang berpendapat bahawa menyambung pengajian tidak menjamin pekerjaan yang baik dan ketidaksanggupan berjauhan dengan keluarga. Keseluruhan skor min bagi faktor halangan belia yang paling dominan adalah seperti dalam jadual 1.

**Jadual 1 : Faktor Halangan Belia**

Kecenderungan belia	Skor Min (SP)	Intepretasi
Diri (Belia Sendiri)	3.34 (.70)	Sederhana Tinggi
Tanggungjawab	3.36 (.82)	Sederhana Tinggi
Kewangan	3.37 (.66)	Sederhana Tinggi
Keluarga	3.76 (.64)	Sederhana Tinggi
Rakan-rakan	3.88 (.88)	Sederhana Tinggi

\* SP = Sisihan Piawai, Tinggi (Min = 4.01 – 5.00), Sederhana Tinggi (Min 3.01 – 4.00), Sederhana Rendah (Min 2.01 – 3.00), Rendah (Min = 1.00 – 2.99) (Nunnaly & Bernstein, 1994; Othman, 2002)

Hasil analisis data temubual pula mendapati bahawa antara faktor halangan belia luar bandar untuk menyambung pengajian ialah masalah ekonomi keluarga, tanggungjawab, keputusan akademik tidak memuaskan, panduan permohonan yang kurang dan belia lebih memilih untuk mendapatkan pengalaman bekerja berbanding menyambung pengajian. Terdapat responden yang menyatakan bahawa:

Tambahan lagi, halangan daripada keluarga untuk menyambung pengajian khususnya bagi belia wanita yang sudah mendirikan rumah tangga. Ini membuktikan faktor-faktor tersebut terlibat secara langsung dalam keputusan belia luar bandar untuk menyambung pengajian. Responden menyatakan bahawa:

*“...tak da duit sebab mak sorang keja.... dah ada anak... tak rasa nak sambung...” (R7)*

Hasil kajian ini disokong oleh kajian UNFPA/SCFA (2008) iaitu majoriti daripada belia memilih untuk tidak menyambung pengajian adalah untuk menyara keluarga yang hidup susah. Hal ini selari dengan langkah-langkah di negara ketiga contohnya di Nigeria, kajian Nwachukwu (2014) menunjukkan bahawa PTV merupakan satu-satunya peluang untuk mendapatkan pekerjaan bagi membendung kemiskinan belia. Merujuk kepada kajian ini, sungguhpun terdapat hasrat untuk menyambung pengajian, halangan-halangan ekonomi dan keluarga akhirnya menyebabkan niat untuk menyambung pengajian dilupakan.

### **Kecenderungan Bidang Pengajian Belia**

Analisis data menunjukkan belia luar bandar mempunyai pelbagai minat dalam bidang kemahiran jika diberi peluang melanjutkan pengajian. Terdapat 10 bidang yang dikategorikan iaitu kejuruteraan mekanikal, pertanian, kulinari, media kreatif, kejuruteraan awam dan kejuruteraan elektrik. Skor min bagi bidang pertanian mencatatkan nilai tertinggi iaitu 3.47 (1.03). Kemudian diikuti oleh bidang kulinari dan kejuruteraan mekanikal. Jadual bagi keseluruhan analisis responden mengikut bidang yang diminati ialah dalam jadual 2.

**Jadual 2 : Analisis Kecenderungan Belia**

<b>Kecenderungan belia</b>	<b>Skor Min (SP)</b>	<b>Intepretasi</b>
Pertanian	3.47 (1.02)	Sederhana Tinggi
Media Kreatif	3.31 (1.05)	Sederhana Tinggi
Kulinari	3.29 (1.13)	Sederhana Tinggi
Kejuruteraan Mekanikal	3.15 (1.19)	Sederhana Tinggi
Kejuruteraan Elektrik	3.13 (1.17)	Sederhana Tinggi
Kejuruteraan Awam	3.00 (1.17)	Sederhana Rendah

\* SP = Sisihan Piawai, Tinggi (Min = 4.01 – 5.00), Sederhana Tinggi (Min 3.01 – 4.00), Sederhana Rendah (Min 2.01 – 3.00), Rendah (Min = 1.00 – 2.99) (Nunnally & Bernstein, 1994; Othman, 2002)

Hasil dapatan daripada sesi temubual bersama beberapa orang belia luar bandar pula mendapati bahawa antara kecenderungan bidang yang belia ingin ceburi jika berpeluang menyambung pengajian ialah bidang kemahiran jahitan, kejuruteraan mekanikal, aliran agama, aliran sains, perniagaan, kulinari, kejuruteraan awam dan terdapat juga belia yang minat untuk menyertai askar.

*“...minat... minat memasak... menjahit dulu kat sekolah ada juga masuk...” (R4)*

*“...menjahit minat, tolong kak jahit baju sikit-sikit...” (R8)*

Berdasarkan respon daripada peserta kajian, bidang-bidang yang dinyatakan cenderung kepada bidang kemahiran berbanding aliran akademik. Walaupun terdapat peserta yang ingin menceburi bidang kejuruteraan mekanikal, namun maksud sebenar responden berkenaan adalah menjurus kepada juruteknik untuk baik pulih kenderaan. Sebagai contoh:

*“...owwhhh ... boleh, memang minat welding...” (R1)*

Dapatan ini selaras dengan pendapat pengkaji lepas di mana belia menganggur akan memikirkan bidang yang boleh memberikan peluang kerja kepada

mereka serta merta dengan kemahiran yang ada (Prabhudesai, 2012; Biavaschi *et al.*, 2012). Peluang-peluang yang ada akan direbut termasuklah peluang untuk mendapatkan latihan kemahiran secara percuma. Merujuk kepada Christine dan Tom (2000), sebab utama pelajar ingin menceburi pendidikan vokasional adalah kerana tidak menunjukkan keputusan baik dalam bidang akademik, lebih gemar melakukan praktikal dan ingin mengambil bidang latihan yang berkaitan dengan pekerjaan.

## KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, terdapat beberapa faktor halangan yang mengakibatkan belia luar bandar tidak menyambung pengajian ke peringkat tertinggi. Faktor yang paling dominan adalah faktor diri sendiri iaitu kesanggupan dan persepsi terhadap melanjutkan pengajian. Faktor halangan yang lain pula ialah masalah ekonomi keluarga, bebanan tanggungjawab, keputusan akademik tidak memuaskan, panduan permohonan yang kurang tepat dan belia lebih memilih untuk mendapatkan pengalaman bekerja berbanding menyambung pengajian. Jika diberi peluang, pelbagai bidang yang menjadi pilihan mereka iaitu termasuk bidang pertanian, diikuti oleh bidang kulinari dan kejuruteraan mekanikal.

Bagi membantu menangani isu belia keciciran, tindakan dan strategi yang efektif perlu dilaksanakan bagi membantu belia luar bandar ini untuk meningkatkan tahap pendidikan dan kemahiran. Antara langkah yang boleh diambil ialah dengan memperluaskan program promosi kepada ibu bapa belia kerana berdasarkan dapatan kajian menunjukkan terdapat sebilangan besar belia tidak mendapat dorongan daripada keluarga mengenai peluang-peluang melanjutkan pengajian dalam bidang kemahiran mahupun akademik. Pihak KBS juga boleh memberikan tumpuan kepada belia luar bandar dengan membayai belia untuk menyertai kursus-kursus pendek bagi membekalkan kemahiran segera kepada belia. Ini dapat dilakukan dengan kerjasama kolej komuniti yang sudah sedia ada wujud hampir di setiap kawasan parlimen. Kajian mendedahkan belia yang tidak menyambung pengajian adalah sebilangan besar daripada latar belakang keluarga berpendapatan rendah. Mereka terhalang untuk berjaya disebabkan oleh diri sendiri. Tambahan lagi mereka ini tidak dapat berjauhan dengan keluarga kerana tanggungjawab. Memandangkan kolej komuniti berada hampir dengan mereka, kursus pendek yang ditawarkan secara percuma kepada mereka sudah tentu mampu menarik penyertaan golongan belia.

## RUJUKAN

- Biavaschi, C., Eichhorst, W. Giulietti, C., Michael Jan and Muravyev, A. Pieters, J. Rodríguez-Planas, N. Schmidl, R., and Zimmermann, K. F. (2012). *Youth Unemployment and Vocational Training*. IZA Discussion Paper No. 6890. Available at SSRN: <https://ssrn.com/abstract=2158300>
- Marlina Ali & Saharom Nordin. (2010). Hubungan Antara Kemahiran Berfikir Kritis Dengan Pencapaian Akademik Dalam Kalangan Pelajar Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. *Jurnal Teknologi*, 45-55.
- Cristine, Y. N. & Tom, F. (2000). *Vacational Psychology The Study of Vocational Behavior and Development*. London : Mc Craw Hill Book Company.
- Creswell, J.W. (2005). *Educational research: Planing conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (4th Ed.). Upper Saddle River, NJ: Merrill.
- Hartl, M. (2009). *Technical and Vocational Education and Training (TVET) and Skills Development for Poverty Reduction-Do Rural Women Benefit*. Italy: International Fund for Agricultural Development.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. (2013). Dicapai pada October 25, 2015, dari <http://www.ippbm.gov.my/>.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2014). Portal Rasmi Kementerian Kemajuan Luar Bandar. Dicapai pada November 5, 2015, dari <https://drive.google.com/file/d/0B0RiwJETh0BDaTVZYnh3NlppSGc/view>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2017). Portal Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia. Dicapai pada 1 November 2017 daripada <https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epLogin.seam>
- Jandhyala, B. G. T. (2002). *Vocational Education and Training In Asia*. The Handbook on Educational Research in the Asia Pacific Region. New Delhi: Kluwer Academic Publishers.
- Kementerian Kewangan. (2008). Ucapan Bajet Tahun 2008. Dicapai pada April 6, 2010, daripada <http://www.treasury.gov.my/pdf/bajet/ub08.pdf>
- Kementerian Kewangan. (2017). Ucapan Bajet Tahun 2018. Dicapai pada 1 November 2017 daripada <https://www.mysumber.com/bajet-2017.html>
- Luster, T., & Mc Adoo, H. (1996). Family and child influences on educational attainment. A secondary analysis of the High/Scope Perry Preschool data. *Developmental Psychology*. 32(1). 26-39
- MIDF. (2017). Economic Review: (2016). Labor Market. Report of MIDF research. Dicapai pada 4 November 2017 daripada <http://www.midf.com.my/images/pdf/research-Report/MIDF-Economics/Econs-Msia-2016-Youth-Unemployment-Rate-Remain-High-MIDF-090517.pdf>

- Nunally, J., & Bernstein, I. (1994). *Psychometric theory*. Edisi ke-3. New York: McGraw Hill.
- Nwachukwu, P.O. (2014). Poverty reduction through Technical and Vocational Education and Training (TVET) in Nigeria. *Developing Country Studies*, 4(14), pp. 10-13.
- Othman, N. (2002). *Keberkesanan Program Usahawan Muda di sekolah menengah*. Tesis Ph.D, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- UNESCO-UNEVOC. (2012). Tackling Youth Unemployment through TVET. Report of the UNESCO-UNEVOC online conference, 25 Jun to 9 July 2013. Dicapai 1 November 2017 daripada <http://unesdoc.unesco.org/images/0022/002255/225531e.pdf>
- Perera, R., Heneghan, C., & Badenoch, D. (2008). "Statistics toolkit," Massachusetts: Blackwell Publishing.
- Prabhudesai V. (2012). Tackling Youth Unemployment in Rural India. *World Economic Forum*.
- Sayed, H., Reed, S. & Nema, R. (2011). Report Syria/UNFPA country programme evaluation. Dicapai pada 1 November 2017 daripada <https://web2.unfpa.org>

**Profil Penulis:**

**Alias Masek**

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
[aliasmasek@uthm.edu.my](mailto:aliasmasek@uthm.edu.my)

**Shafizza Sahdan**

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**Noor Atikah Zainal Abidin**

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



## KEFUNGSIAN KELUARGA DALAM KALANGAN BELIA DI MALAYSIA

YAAKOB DAUD, YAHYA DON, MOHD ISHA AWANG, SITI HAJAR  
MOHAMAD YUSOFF, KAMARUDDIN KASIM & SHUKRI ZAIN

### ABSTRAK

*Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan kefungsian keluarga dalam kalangan belia di Malaysia. Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan pendekatan tinjauan keratan rentas (cross-sectional survey) bagi mengumpul data kajian. Populasi kajian ini melibatkan 16,823 orang belia yang menuntut di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) seluruh Malaysia. Teknik persampelan rawak mudah digunakan untuk memilih 1,200 sampel dari populasi kajian ini. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik Family Adaptability and Cohesion Evaluation Scales III dan soal selidik Cognitive Distortion Scale (CDS). Analisis data yang berbentuk deskriptif melibatkan pemerihalan responden seperti frekuensi dan peratusan, manakala analisis inferensi pula menggunakan ujian Ujian-t dan ANOVA. Keputusan kajian mendapati wujud perbezaan dari segi amalan kefungsian keluarga responden berdasarkan faktor zon, jantina, umur, bangsa, penempatan, kekerapan meluangkan masa, dan taraf pendidikan. Amalan kefungsian keluarga juga dilihat berpengaruh dalam mengurangkan masalah tingkah laku devian dalam kalangan belia.*

**Kata Kunci:** Kefungsian Keluarga, Tingkah Laku Devian, Belia, Institut Kemahiran Belia Malaysia

### ABSTRACT

*This article aimed to identify the practice of family functioning among youth in Malaysia. It was a quantitative study using cross-sectional survey approach to collect the data. The population of this study involved 16,823 youths at the National Youth Skills Institute in Malaysia. The simple random sampling technique was used to select 1,200 samples from the population of this study. The instruments used were Family Adaptability and Cohesion Evaluation Scales III (Olson et al., 1983) and the Cognitive Distortion Scale (CDS) questionnaire (Briere, 1997). Descriptive data analysis was used to describe respondents' details such as frequency and percentage, while inferential analysis used t-test and ANOVA. The findings showed that there were differences in the respondents' family functioning based on zone, gender, age, race, placement, the frequency of time, and education level. The practice of family functioning was also an apparent influence on reducing the deviant behavior among the youths.*

**Keywords:** Family Functioning, Deviant behavior, Youth, National Youth Skills Institute

## PENGENALAN

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) begitu serius dalam usaha melahirkan golongan belia yang berilmu pengetahuan, bersemangat muhibbah dan berkeperibadian tinggi. Semua ini dapat dicapai dengan pembentukan generasi yang stabil dan seimbang dalam pelbagai segi sama ada dari segi jasmani, intelektual, kognitif, emosi dan rohani. Hampir semua pendidik moden turut mengakui bahawa pendidikan belia bukan sekadar tertumpu di institusi pendidikan yang melibatkan hafalan fakta-fakta tertentu, angka, kemahiran dan pengalaman tertentu, malah ia merupakan pembangunan dan kemenjadian yang terbentuk melalui pengetahuan dan pengalaman mereka melalui proses perhubungan dalam sesebuah keluarga yang mampu berfungsi dengan baik atau sebaliknya (Schafer, 2011; Zainah Ahmad Zamani, Rohany Nasir, Asmawati Desa, Rozainee Khairudin, Fatimah Yussoff & Siti Hajar Mohamad Yusoff, 2013).

Seiring dengan hasrat kerajaan dalam membangunkan golongan belia, maka penelitian Hall (1904) yang mengatakan bahawa peringkat awal belia adalah masa yang penuh dengan kekeliruan, kesedihan dan konflik wajar diberi perhatian oleh pelbagai pihak, khususnya apabila kebanyakannya jenayah dan salah laku yang sering diperkatakan dewasa ini melibatkan golongan ini. Hal ini kerana, golongan ini mudah terpengaruh dan sukar untuk dikawal apabila kurang mendapat perhatian sejak kecil, lalu cenderung untuk mengalami penyimpangan kognitif yang lazimnya membawa mereka kepada tingkah laku negatif dan tidak sihat. Golongan belia ini akhirnya menjadi tidak produktif seperti melepak, mencuri, menagih dadah, ponteng sekolah, dan terlibat dengan pelbagai gejala sosial (Azizi Yahya, Yusof Boon, Shahrin Hashim, Mohammad Sharif Mustaffa & Zurhana Muhamad, 2008; Zainah Ahmad Zamani *et al.*, 2013). Pelbagai tafsiran atau label yang boleh diberikan kepada individu yang bertingkah laku sedemikian. Bagi belia yang melanggar norma masyarakat setempat, mereka dikenali sebagai kumpulan yang bertingkah laku devian. Secara umumnya, devian adalah tingkah laku yang melanggar peraturan atau bertingkah laku yang tidak dapat diterima oleh masyarakat (Azizi Yahya *et al.*, 2008).

Mereka yang bertingkah laku devian lazimnya mengalami penyimpangan kognitif seperti menyalahkan diri, mengkritik diri, tidak berdaya, berputus asa dan terlalu memikirkan kebahayaan bagi tindakan yang dilakukan atau yang akan dilakukannya (Zainah Ahmad Zamani *et al.*, 2013). Ini dialami oleh mereka apabila pemikiran sedar dan spontan mereka itu dikaitkan dengan pengaruh negatif yang wujud di sekeliling mereka, seperti keluarga dan tekanan sehari-hari yang mana ia sama sekali tidak dapat dihindari kerana merupakan keperluan mereka untuk hidup dalam kelompok sosial (Leahy, 1996). Justeru, bagi mencapai hasrat kerajaan dalam membangunkan golongan belia yang seimbang dalam pelbagai aspek serta mengurangkan masalah tingkah laku devian yang sering diperkatakan kini, maka aspek kefungsian keluarga yang dialami oleh mereka yang bertingkah laku devian ini perlu diberi perhatian.

### **Penyataan Masalah**

Masalah tingkah laku devian yang melibatkan golongan belia pastinya tidak dapat lari dari tekanan serta penyimpangan kognitif yang dialami oleh mereka (Fauziah Ibrahim, Bahaman Abu Samah, Mansor Abu Talib & Mohamad Shatar Sabran, 2012; Zainah *et al.*, 2013). Keadaan ini bukan sahaja mendarangkan kesan buruk kepada diri belia terbabit, malah ia turut memberi impak negatif kepada pembangunan masyarakat dan negara. Hal ini kerana hasrat kerajaan untuk meningkatkan pembangunan negara amat bergantung kepada golongan belia. Oleh itu, peningkatan kognitif dan tingkah laku yang positif adalah antara indikator utama dalam pembangunan belia. Namun, tingkah laku devian yang dianggap menyimpang dan tidak dapat diterima oleh masyarakat dalam bentuk yang sekecil-kecilnya seperti ponteng sekolah, melawan guru, hingga ke pada salah laku yang lebih serius seperti pergaulan bebas, pelacuran, penagihan dan penyalahgunaan dadah, mencuri, meminum minuman keras, menyerang fizikal dan sebagainya sering diperkatakan sehingga kini kebanyakannya melibatkan golongan belia ini (Azizi Yahya *et al.*, 2008; Fauziah Ibrahim *et al.*, 2012; Regoli & Hewitt, 1991).

Dewasa kini, kerap kali isu permasalahan belia terpampang di dada akhbar dan media elektronik sama ada di negara luar maupun di negara kita ini (Fauziah Ibrahim *et al.*, 2012; Regoli & Hewitt, 1991). Kebanyakan mereka yang terlibat dengan permasalahan sosial ini mempunyai sebab-sebab tertentu seperti kurang mendapat perhatian dari keluarga, tidak cemerlang dalam pelajaran, serta terdiri daripada belia dan remaja bersifat agresif, berani dan liar. Apa yang dibimbangkan ialah apabila masalah yang dialami oleh belia telah mengheret mereka ke dalam satu keadaan diri yang tertekan yang mana mengakibatkan mereka tidak dapat berfikir secara positif dan mengalami penyimpangan kognitif sehingga mengambil keputusan untuk terjebak dengan pelbagai aktiviti yang tidak sihat (Fauziah Ibrahim *et al.*, 2012). Ini seringkali dialami oleh golongan belia apabila sistem kognitif mereka itu dikaitkan dengan unsur negatif yang wujud di sekitar mereka, yang mana situasi ini perlu dihadapi oleh mereka bagi meneruskan kehidupan yang pastinya melibatkan kelompok sosial tertentu (Leahy, 1996). Namun sehingga kini, punca-punca berlakunya gejala ini masih menjadi pertanyaan banyak pihak (Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan, 2011). Antara persoalan yang timbul adalah berkaitan bentuk amalan kefungsian keluarga dalam kalangan belia yang terlibat dengan tingkah laku devian, dan tahap tingkah laku devian ini, khususnya dari aspek penyimpangan kognitif yang wujud dalam diri mereka yang terlibat dengan masalah tingkah laku ini.

Pada masa yang sama, keluarga dilihat berfungsi sebagai kelompok sosial yang merupakan faktor utama kepada perkembangan belia dan institusi keluarga yang dapat berfungsi dengan baik adalah penentu kepada pembangunan belia (Amoateng & Richter, 2007). Hal ini kerana, kefungsian keluarga dilihat mempunyai pengaruh yang tersendiri ke atas pembentukan tingkah laku seseorang belia, khususnya yang berusia 17 hingga 30 tahun. Justeru, kajian ini perlu dilaksanakan bagi mengenal pasti sejauh mana amalan kefungsian keluarga mampu mempengaruhi tingkah

laku devian dalam kalangan belia di Malaysia yang merupakan pelapis kepimpinan negara di masa hadapan.

Oleh kerana telah banyak kajian lalu yang membincangkan berkaitan bentuk tingkah laku devian, maka aspek kajian pada kali ini memfokuskan kepada bentuk pemikiran iaitu penyimpangan kognitif yang dialami oleh mereka yang bertingkah laku devian yang mana mereka ini lazimnya mengalami bentuk pemikiran sedemikian.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif utama kajian ini ialah untuk meneliti amalan kefungsian keluarga terhadap tingkah laku devian dalam kalangan belia di Malaysia. Secara khususnya, artikel ini akan memfokuskan kepada:

1. Meneliti tahap amalan kefungsian keluarga dalam kalangan belia di Malaysia
2. Meneliti faktor demografi yang mempengaruhi perbezaan amalan kefungsian keluarga dalam kalangan belia.

#### ***Tingkah Laku Devian, Penyimpangan Kognitif dan Penjelasan Teori***

Menurut Bandura (1989), individu akan mempelajari dan melakukan tingkah laku devian sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui peniruan tingkah laku ahli keluarga mereka. Ingatan ini kemudiannya disimpan di dalam kognitif secara kekal dan remaja akan sukar untuk mengelakkan diri dari bertingkah laku devian dalam kehidupan mereka. Hal ini kerana penyimpangan kognitif yang dialami olehnya sehingga menyebabkannya bertingkah laku sedemikian. Keadaan ini juga secara tidak langsung memperlihatkan pembentukan tingkah laku manusia yang terhasil daripada interaksi antara kognitif, persekitaran dan perlakuan manusia lain (Muhammed Sharif Mustaffa & Suria Abd Jamil, 2012).

Bandura (1989) berpendapat terdapat beberapa faktor yang membentuk tingkah laku individu, iaitu interaksi kognitif, kelakuan dan pengaruh persekitaran. Bandura (1989) turut menekankan kepentingan penilaian kognitif dalam pembentukan tingkah laku seseorang individu. Maka, penyimpangan kognitif yang wujud dalam diri individu yang bertingkah laku devian sesuai dikaitkan dengan Teori *Learned Helplessness* (LH) (Peterson & Seligman, 1984) dan Teori *Hopelessness Depression* (Abramson, Metalsky, & Alloy, 1989). Penyimpangan kognitif merujuk kepada individu yang gagal mengawal fikirannya seperti menyalahkan diri, mengkritik diri, tidak berdaya dan berputus asa seterusnya berkecenderungan untuk bertingkah laku negatif sehingga tingkah lakunya tidak dapat diterima dan dianggap melanggar norma masyarakat (Abela, Becker, & Conningham-Rather, 1984).

Berdasarkan teori LH, individu cenderung merasakan dirinya tidak berdaya apabila pengalaman lalu yang tidak mampu dikawal olehnya membuatkannya berfikir bahawa situasi yang bakal berlaku juga akan menjadi tidak terkawal, di samping semangatnya berkurang dan proses pembelajaran serta emosinya turut terganggu. Rasa tidak berdaya ini boleh wujud dalam pelbagai bentuk tingkah laku (Maier & Seligman, 1976).

Antara kesan kognitif yang berlaku hasil dari LH atau ketidakupayaan individu adalah; kemampuan menyelesaikan masalah menurun, wujud rasa kecewa atau tahap penghargaan diri rendah. Sementara, tahap emosi yang rendah biasanya melibatkan tekanan dan kemurungan sehingga memberi kesan terhadap proses keruntuhan moral dan masalah tingkah laku seperti isu tingkah laku devian yang melibatkan golongan belia dewasa ini (Nor Shafrin Ahmad & Rohany Nasir, 2010).

Teori *Hopelessness* (Abramson *et al.*, 1989) pula menjelaskan berkaitan peristiwa-peristiwa hidup yang memberi tekanan, kemurungan dan putus asa seperti masalah yang wujud dalam keluarga. Perasaan putus asa ini timbul dari set pemikiran negatif individu akibat kekecewaan yang sering dialami. Abramson, Alloy, Hogan, Whitehouse, Cornette, Akhavan, dan Chiara (1998) juga telah mengenal pasti bahawa sikap putus asa menjadi penghubung antara kelemahan individu yang mana menyumbang kepada penyimpangan kognitif sehingga meningkatkan potensi untuk berhadapan dengan pemikiran dan tingkah laku devian seperti menagih, merempit, dan mencuri. Briere (2000) pula mendakwa bahawa penyimpangan kognitif yang dialami oleh individu seperti kritik diri, menyalahkan diri, tidak berdaya, tiada harapan dan memikirkan sesuatu yang berbahaya akan mempengaruhi keadaan dalam atau tingkah laku salah suai seseorang individu.

Bandura (1989) pula mendakwa bahawa perkara utama yang sering dipelajari oleh seseorang individu sejak zaman-kanaknya ialah melalui pemerhatian terhadap tingkah laku orang lain, khususnya orang yang signifikan dengan mereka. Oleh itu, individu akan mempelajari dan melakukan tingkah laku devian sama ada secara langsang atau tidak langsung melalui peniruan tingkah laku ahli keluarga mereka. Ingatan ini kemudiannya disimpan di dalam kognitif secara kekal dan individu akan sukar untuk mengelakkan diri dari bertingkah laku devian dalam kehidupan mereka. Hal ini disebabkan oleh penyimpangan kognitif yang dialami olehnya sehingga menyebabkannya bertingkah laku sedemikian.

Persamaan utama bagi dapatan kajian terdahulu ialah kefungsian keluarga merupakan aspek penting dalam membangunkan kognitif dan tingkah laku belia. Hasil-hasil kajian yang diteliti menunjukkan bahawa kefungsian keluarga harus diberi perhatian memandangkan kesan dan pengaruhnya terhadap kognitif dan tingkah laku belia yang amat berguna dalam membantu golongan belia lebih bersedia menghadapi realiti semasa dalam kehidupan.

## METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kuantitatif yang melibatkan pengumpulan data bagi meneliti gambaran sebenar mengenai amalan kefungsian keluarga serta tahap tingkah laku devian dalam kalangan belia di Malaysia yang terdedah kepada pelbagai masalah tingkah laku dewasa ini. Pendekatan tinjauan keratan rentas digunakan untuk mendapatkan profil responden dan dimensi-dimensi kajian adalah berdasarkan kepada soal selidik yang dijawab oleh responden.

### ***Populasi dan Sampel Kajian***

Populasi bagi kajian ini ialah pelajar-pelajar Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di seluruh Malaysia, yang mana merangkumi enam (6) zon iaitu zon utara (Perlis), zon timur (Terengganu), zon tengah (Selangor), zon selatan (Johor), Sabah dan Sarawak. Memandangkan populasi adalah terlalu besar iaitu sebanyak 16,823 orang, maka persampelan secara rawak mudah digunakan. Saiz sampel bagi kajian ini adalah seramai 1,200 orang responden.

## INSTRUMEN KAJIAN

Satu set soal selidik telah digunakan untuk mengumpul segala maklumat yang diperlukan bagi kajian ini. Ini bersesuaian dengan pendapat McMillan dan Schumacher (2006) di mana penggunaan borang soal selidik sebagai instrumen kajian dapat membantu mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Tuckman (dlm. Mohd Jaflus Bahari, 2004) berpendapat bahawa soal selidik merupakan cara berkesan untuk mendapatkan maklumat daripada responden selain daripada pemerhatian terhadap tingkah laku.

Secara keseluruhan, instrumen yang digunakan untuk mengukur pemboleh ubah kajian merupakan instrumen piawai yang telah dibentuk dan diterima pakai di negara barat. Instrumen ini terbahagi kepada tiga bahagian: (1) Bahagian A: Soal selidik berkaitan maklumat demografi responden (jantina, umur, bangsa, penempatan, kekerapan meluangkan masa, tinggal bersama siapa dan taraf pendidikan). (2) Bahagian B: Soal selidik *Family Adaptability and Cohesion Evaluation Scales III* (FACES III) yang dibangunkan oleh Olson *et al.* (1983) digunakan bagi mengukur amalan kefungsian keluarga yang mana merangkumi persepsi ahli keluarga dari aspek kebolehsuaian (*adaptability*) dan kejelekitan (*cohesion*) menggunakan Model Circumplex. (3) Bahagian C: Soal selidik *Cognitive Distortion Scale* (CDS) (Briere, 1997) yang digunakan oleh Zainah *et al.* (2013) telah digunakan bagi mengenal pasti ketidakfungsian atau kesan negatif tert personaliti. Soal selidik ini telah menggemparkan bidang klinikal apabila mempunyai skala pengukuran yang pelbagai bagi tingkah laku negatif serta penyimpangan kognitif.

### ***Dapatan Kajian dan Perbincangan***

Kajian ini melibatkan golongan belia yang terdiri daripada pelajar-pelajar IKBN di seluruh Malaysia, yang mana meliputi enam (6) buah zon iaitu zon Utara (Perlis),

Selatan (Johor), Timur (Terengganu), Tengah (Selangor), Sabah, dan Sarawak. Seramai 1200 orang sampel yang terlibat telah dipilih secara rawak mengikut zon. Bagi menjamin bilangan soal selidik yang dikembalikan adalah mencukupi bagi tujuan kajian, sebanyak 1,500 soal selidik telah diedarkan. Langkah ini berjaya mengatasi masalah keciciran soal selidik, di samping menangani masalah soal selidik rosak.

Jadual 1 menunjukkan profil demografi responden yang merupakan pelajar IKBN di seluruh Malaysia. Jika dilihat taburan responden mengikut zon, di zon Tengah, bilangan responden yang terlibat adalah seramai 205 orang (17.1%), di Timur seramai 203 orang (16.9%), di Sabah seramai 202 (16.8%), di Selatan seramai 200 orang (16.7%), di Utara seramai 196 orang (16.3%) dan di Sarawak seramai 194 orang (16.2%). Seterusnya, turut diperlihatkan taburan responden dari segi jantina, di mana responden yang terdiri daripada pelajar perempuan adalah lebih ramai iaitu sebanyak 682 orang (56.8%) berbanding bilangan responden lelaki iaitu sebanyak 518 orang (43.2%) sahaja. Sementara dari segi taburan penempatan rumah responden, dapat diperhatikan bahawa seramai 668 orang responden (55.7%) tinggal di bandar, manakala 532 orang lagi (44.3%) tinggal di luar bandar.

Hasil taburan demografi kajian adalah seperti berikut:

**Jadual 1: Profil Demografi Responden**

Zon	Frekuensi (f)	Peratus (%)
Utara	196	16.3
Selatan	200	16.7
Timur	203	16.9
Tengah	205	17.1
Sabah	202	16.8
Sarawak	194	16.2
Jumlah	1200	100.0
<b>Jantina</b>		
Lelaki	518	43.2
Perempuan	682	56.8
Jumlah	1200	100.0
<b>Penempatan rumah</b>		
Bandar	668	55.7
Luar Bandar	532	44.3
Jumlah	1200	100.0

#### ***Amalan Kefungsian Keluarga Berdasarkan Faktor Demografi Responden***

Terdapat lapan (8) pembolehubah demografi yang disentuh dalam kajian ini. Bagi menguji tahap kefungsian keluarga responden berdasarkan jantina dan penempatan rumah, Ujian-t digunakan. Manakala bagi demografi zon, umur, bangsa, kekerapan

meluangkan masa, tinggal bersama siapa dan taraf pendidikan, kaedah ANOVA (*Analysis of Variance*) pula digunakan.

Secara umumnya, dapatan dalam Jadual 2 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dan kukuh dari segi amalan kefungsian keluarga responden secara keseluruhan ( $F = 18.57$ ;  $k < 0.05$ ); juga dari segi dimensi kohesi ( $F = 11.98$ ;  $k < 0.05$ ) dan dimensi kebolehsuaian ( $F = 17.53$ ;  $k < 0.05$ ) berdasarkan zon. Selain itu, dapat dilihat dari segi kohesi, tahap tertinggi bagi amalan kefungsian keluarga adalah di Zon Selatan ( $\text{min} = 3.94$ ) dan terendah adalah di Zon Timur ( $\text{min} = 3.66$ ). Dari segi dimensi kebolehsuaian pula, tahap tertinggi bagi amalan kefungsian keluarga adalah di Zon Selatan ( $\text{min} = 3.26$ ) dan terendah adalah di Zon Utara ( $\text{min} = 2.99$ ). Dari segi amalan kefungsian keluarga secara keseluruhannya pula, tahap tertinggi bagi amalan kefungsian keluarga adalah di Zon Selatan ( $\text{min} = 3.96$ ) dan terendah adalah di Zon Tengah ( $\text{min} = 3.25$ ). Maka berdasarkan analisis ini, hipotesis nol yang pertama ( $H_01$ ) iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi amalan kefungsian keluarga berdasarkan faktor zon dengan ini ditolak.

Seterusnya, oleh kerana hasil kajian dalam Jadual 2 mendapati terdapat perbezaan yang signifikan pada kefungsian keluarga dari segi zon, maka analisis Post Hoc menggunakan Scheffe dijalankan bagi mengenal pasti zon manakah yang berbeza secara signifikan. Berdasarkan Jadual 2 dapat diperhatikan bahawa skor min kefungsian keluarga yang diperoleh responden di Zon Selatan adalah tertinggi ( $\text{min} = 3.60$ ), diikuti oleh Zon Sabah ( $\text{min} = 3.50$ ), Sarawak ( $\text{min} = 3.40$ ), Utara ( $\text{min} = 3.36$ ), Timur ( $\text{min} = 3.26$ ), dan Zon Tengah ( $\text{min} = 3.25$ ), dan dapat diperhatikan analisis Post-hoc dalam Jadual 3 turut membuktikan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi kefungsian keluarga pelajar bagi Zon Selatan, Sabah, Sarawak, Utara, Timur, dan Tengah.

**Jadual 2 : Perbezaan Amalan Kefungsian Keluarga Berdasarkan Zon**

	Zon	N	Min	F	Sig.
Kohesi	Utara	196	3.73	11.98	.001
	Selatan	200	3.94		
	Timur	203	3.66		
	Tengah	205	3.66		
	Sabah	202	3.93		
	Sarawak	194	3.78		
	Jumlah	1200	3.07		
Kebolehsuaian	Utara	196	2.99	17.53	.001
	Selatan	200	3.26		
	Timur	203	2.85		
	Tengah	205	2.83		
	Sabah	202	3.08		

	Sarawak	194	3.03		
	Jumlah	1200	4.92		
Amalan Kefungsian Keluarga	Utara	196	3.36	18.57	.001
	Selatan	200	3.60		
	Timur	203	3.26		
	Tengah	205	3.25		
	Sabah	202	3.50		
	Sarawak	194	3.40		
	Jumlah	1200	3.79		

**Jadual 3: Post-hoc Scheffe bagi Ketahanan Diri berdasarkan Faktor Demografi Bangsa**

(I) Bangsa	(J) Bangsa	Perbezaan Min (I-J)	Sisihan Piawai	Sig.	<i>95% Confidence Interval</i>	
					Lower Bound	Upper Bound
Timur	Selatan	-.34*	.04	.000	-.49	-.19
	Tengah	.01	.04	1.000	-.14	.16
	Utara	-.10	.05	.439	-.25	.05
	Sarawak	-.15	.05	.064	-.30	.01
	Sabah	-.24*	.04	.000	-.39	-.09
Selatan	Timur	.34*	.04	.000	.19	.49
	Tengah	.35*	.04	.000	.20	.50
	Utara	.24*	.05	.000	.09	.39
	Sarawak	.19*	.05	.003	.04	.34
	Sabah	.10	.05	.484	-.05	.24
Tengah	Timur	-.01	.04	1.000	-.16	.14
	Selatan	-.35*	.04	.000	-.50	-.20
	Utara	-.11	.05	.335	-.26	.04
	Sarawak	-.16*	.05	.038	-.31	-.01
	Sabah	-.25*	.04	.000	-.41	-.10
Utara	Timur	.10	.05	.439	-.05	.25
	Selatan	-.24*	.05	.000	-.39	-.09
	Tengah	.11	.05	.335	-.04	.26
	Sarawak	-.05	.05	.956	-.20	.10

	Sabah	-.14	.05	.071	-.30	.01
Sarawak	Timur	.15	.05	.064	-.01	.30
	Selatan	-.19*	.05	.003	-.34	-.04
	Tengah	.16*	.05	.038	.01	.31
	Utara	.047	.05	.956	-.10	.20
	Sabah	-.10	.05	.470	-.25	.05
Sabah	Timur	.24*	.05	.000	.09	.39
	Selatan	-.10	.05	.484	-.24	.05
	Barat	.25*	.04	.000	.10	.40
	Utara	.14	.05	.071	-.01	.30
	Sarawak	.10	.05	.470	-.05	.25

\*  $k < 0.05$

Dapatan dalam Jadual 4 menunjukkan secara keseluruhannya terdapat perbezaan skor min yang signifikan bagi amalan kefungsian keluarga berdasarkan jantina ( $t = 2.806$ ;  $k < 0.05$ ). Analisis juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dan kukuh berdasarkan amalan kefungsian keluarga dari segi dimensi kohesi ( $t = 2.68$ ;  $k < 0.05$ ) dan dimensi kebolehsuaian ( $t = 2.29$ ;  $k < 0.05$ ). Selain itu, dapat dilihat dari segi kohesi, tahap tertinggi bagi amalan kefungsian keluarga adalah oleh lelaki ( $\text{min} = 3.83$ ) berbanding perempuan ( $\text{min} = 3.75$ ) dan dari segi dimensi kebolehsuaian pula, tahap tertinggi bagi amalan kefungsian keluarga adalah oleh jantina lelaki juga ( $\text{min} = 3.05$ ) dan berbanding perempuan ( $\text{min} = 2.97$ ). Maka, dari segi amalan kefungsian keluarga secara keseluruhannya pula, tahap tertinggi bagi amalan kefungsian keluarga adalah oleh lelaki ( $\text{min} = 3.44$ ) berbanding perempuan yang lebih rendah tahap kefungsian keluarganya ( $\text{min} = 3.36$ ). Maka, secara keseluruhannya, dapatan ini berjaya menolak hipotesis nol kedua ( $H_02$ ) iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi amalan kefungsian keluarga berdasarkan faktor jantina responden.

**Jadual 4: Perbezaan Amalan Kefungsian Keluarga Berdasarkan Jantina**

	<b>Jantina</b>	<b>N</b>	<b>Min</b>	<b>T</b>	<b>Sig</b>
Kohesi	Lelaki	518	3.83	2.68	.008
	Perempuan	682	3.75		
Kebolehsuaian	Lelaki	518	3.05	2.29	.021
	Perempuan	682	2.97		
Amalan Kefungsian Keluarga	Lelaki	518	3.44	2.81	.005
	Perempuan	682	3.36		

**Jadual 5: Perbezaan Amalan Kefungsian Keluarga Berdasarkan Umur**

	<b>Umur</b>	<b>N</b>	<b>Min</b>	<b>F</b>	<b>Sig</b>
Kohesi	16-20	604	3.72	13.66	.001
	21-25	379	3.89		
	26-30	217	3.77		
	Jumlah	1200	3.78		
Kebolehsuaian	16-20	604	2.91	23.42	.001
	21-25	379	3.14		
	26-30	217	3.04		
	Jumlah	1200	3.01		
Amalan Kefungsian Keluarga	16-20	604	3.31	23.69	.001
	21-25	379	3.52		
	26-30	217	3.41		
	Jumlah	1200	3.39		

Dapatan dalam Jadual 5 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dan kukuh dari segi amalan kefungsian keluarga responden secara keseluruhan ( $F = 23.69$ ;  $k < 0.05$ ); juga dari segi dimensi kohesi ( $F = 13.66$ ;  $k < 0.05$ ) dan dimensi kebolehsuaian ( $F = 23.42$ ;  $k < 0.05$ ) mengikut umur. Selain itu, dapat dilihat responden yang berumur dalam lingkungan 21-25 tahun mempunyai tahap amalan kefungsian keluarga yang tertinggi bagi dimensi kohesi (min = 3.89), dimensi kebolehsuaian (min = 3.14) dan amalan kefungsian keluarga secara keseluruhannya (min = 3.52). Manakala responden yang berumur dalam lingkungan 16-20 tahun mempunyai tahap amalan kefungsian keluarga yang terendah bagi dimensi kohesi (min = 3.72), dimensi kebolehsuaian (min = 2.91) dan amalan kefungsian keluarga secara keseluruhannya (min = 3.31). Maka berdasarkan analisis ini, hipotesis nol yang ketiga ( $H_03$ ) iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi amalan kefungsian keluarga berdasarkan umur adalah ditolak.

Selanjutnya, oleh kerana hasil kajian dalam Jadual 5 mendapati terdapat perbezaan yang signifikan pada kefungsian keluarga dari segi umur, maka analisis Post Hoc menggunakan Scheffe dijalankan bagi mengenal pasti kategori umur manakah yang berbeza secara signifikan. Berdasarkan Jadual 5 dapat diperhatikan bahawa skor min kefungsian keluarga yang diperoleh responden yang berumur dalam lingkungan 21-25 tahun adalah tertinggi (min = 3.52), diikuti oleh responden yang berusia 26-30 tahun (min = 3.41), dan 16-20 tahun (min = 3.31). Analisis Post-hoc dalam Jadual 6 turut membuktikan bahawa skor min kefungsian keluarga pelajar bagi ketiga-tiga kategori umur adalah berbeza secara signifikan.

**Jadual 6: Post-hoc Scheffe bagi Kefungsian Keluarga berdasarkan Faktor Demografi Umur**

(I) Umur	(J) Umur	Perbezaan Min (I-J)	Sisihan Piawai	Sig.	<i>95% Confidence Interval</i>	
					Lower Bound	Upper Bound
16-20	21-25	-.21*	.03	.000	-.28	-.13
	26-30	-.01*	.04	.034	-.18	-.01
21-25	16-20	.21*	.03	.000	.13	.28
	26-30	.11*	.04	.017	.02	.21
26-30	16-20	.01*	.04	.034	.01	.18
	21-25	-.11*	.04	.017	-.21	-.02

\*  $k < 0.05$

**Jadual 7: Perbezaan Amalan Kefungsian Keluarga Berdasarkan Taraf Pendidikan**

	Taraf Pendidikan	N	Min	F	Sig
Kohesi	Spm	663	3.73	9.57	.001
	Stpm	102	3.86		
	Diploma	278	3.91		
	Ijazah	157	3.74		
	Jumlah	1200	3.78		
Kebolehsuaian	Spm	663	2.93	22.47	.001
	Stpm	102	2.95		
	Diploma	278	3.24		
	Ijazah	157	2.95		
	Jumlah	1200	3.01		
Amalan Kefungsian Keluarga	Spm	663	3.33	19.29	.001
	Stpm	102	3.40		
	Diploma	278	3.57		
	Ijazah	157	3.34		
	Jumlah	1200	3.39		

Secara umumnya, dapatan dalam Jadual 7 menunjukkan secara keseluruhannya, terdapat perbezaan yang signifikan dan kukuh dari segi amalan kefungsian keluarga berdasarkan taraf pendidikan responden ( $F = 19.29$ ;  $k < 0.05$ ); juga berdasarkan dimensi kohesi ( $F = 9.57$ ;  $k < 0.05$  dan dimensi kebolehsuaian ( $F$

= 22.470=;  $k < 0.05$ ). Selain itu, dapat dilihat responden yang bertaraf pendidikan diploma mempunyai tahap amalan kefungsian keluarga yang tertinggi bagi dimensi kohesi (min = 3.91), dimensi kebolehsuaian (min = 3.24) dan amalan kefungsian keluarga secara keseluruhannya (min = 3.57). Manakala responden yang bertaraf SPM mempunyai tahap amalan kefungsian keluarga yang terendah bagi dimensi kohesi (min = 3.72), dimensi kebolehsuaian (min = 2.93) dan amalan kefungsian keluarga secara keseluruhannya (min = 3.33). Maka berdasarkan analisis ini, hipotesis nol yang ketujuh ( $H_0$ ) iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi amalan kefungsian keluarga berdasarkan taraf pendidikan responden berjaya ditolak.

Selanjutnya, oleh kerana hasil kajian dalam Jadual 7 mendapati terdapat perbezaan yang signifikan pada kefungsian keluarga dari segi taraf pendidikan, maka analisis Post Hoc menggunakan Scheffe dijalankan bagi mengenal pasti bangsa manakah yang berbeza secara signifikan. Berdasarkan Jadual 7 dapat diperhatikan bahawa skor min kefungsian keluarga yang diperoleh responden yang bertaraf pendidikan diploma adalah tertinggi (min = 3.57), diikuti oleh STPM (min = 3.40), ijazah (3.34) dan SPM (min = 3.33) dan analisis Post-hoc dalam Jadual 8 turut mengesahkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi kefungsian keluarga dalam kalangan pelajar yang bertaraf pendidikan diploma, STPM, ijazah dan SPM.

**Jadual 8: Post-hoc Scheffe bagi Kefungsian Keluarga berdasarkan Taraf Pendidikan**

(I) Taraf pendidikan	(J) Taraf pendidikan	Perbezaan Min (I-J)	Sisihan Piawai	Sig.	95% Confidence Interval	
					Lower Bound	Upper Bound
Spm	Stpm	-.07	.04	.526	-.22	.06
	Diploma	-.24*	.03	.000	-.34	-.15
	Ijazah	-.01	.04	.991	-.12	.10
Stpm	Spm	.07	.04	.526	-.06	.21
	Diploma	-.17*	.05	.015	-.32	-.02
	Ijazah	.06	.06	.792	-.10	.22
Diploma	Spm	.24*	.03	.000	.15	.34
	Stpm	.17*	.05	.015	.02	.32
	Ijazah	.23*	.05	.000	.10	.36
Ijazah	Spm	.01	.04	.991	-.10	.13
	Stpm	-.06	.06	.792	-.22	.10
	Diploma	-.23*	.05	.000	-.36	-.10

\*  $k < 0.05$

## PERBINCANGAN

Keputusan kajian menunjukkan terdapat perbezaan signifikan dalam amalan kefungsian keluarga belia berdasarkan berdasarkan zon, jantina, umur dan taraf pendidikan. Kajian ini menyokong dapatan kajian Wagner, Ritt-Olson, Soto, dan Unger (2008) yang menyatakan terdapat perbezaan signifikan dalam amalan kefungsian keluarga responden yang terjebak dengan masalah tingkah laku devian berdasarkan jantina dan umur. Namun kajian Wagner *et al.* (2008) mendapati tidak terdapat perbezaan berdasarkan penempatan zon. Perbezaan dapatan ini mungkin disebabkan oleh pengaruh budaya serta perbezaan intervensi yang digunakan oleh ahli keluarga dalam menyokong responden berkenaan. Selain itu, dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian Zainah Ahmad Zamani *et al.* (2013) berkaitan kefungsian keluarga yang dijalankan di Zon Tengah dan Selatan yang mendapati wujud perbezaan amalan kefungsian keluarga responden kajiannya berdasarkan zon. Kajian tersebut juga mendapati wujudnya perbezaan berdasarkan umur dan taraf pendidikan responden. Namun, dapatan Zainah Ahmad Zamani *et al.* (2013) mendapati tidak terdapat perbezaan amalan kefungsian keluarga berdasarkan jantina. Namun, perbezaan dapatan ini mungkin disebabkan oleh pengaruh bilangan sampelnya yang kecil berbanding dengan sampel kajian ini yang lebih besar yang mana meliputi enam (6) zon.

Dapatan kajian menunjukkan wujud perbezaan dari segi tingkah laku devian responden berdasarkan faktor zon dan umur, namun tidak wujud perbezaan berdasarkan jantina. Dapatan ini menyokong dapatan Aizi Yahya *et al.* (2008) yang dijalankan ke atas remaja di Pontian, Johor yang mendapati wujud perbezaan tingkah laku devian berdasarkan umur, kekerapan meluangkan masa, tinggal bersama siapa, dan taraf pendidikan. Manakala, kajian Stephanie dan Jaclyn (2014) pula menunjukkan tahap kefungsian keluarga pelajar lelaki lebih tinggi berbanding pelajar perempuan. Namun, perbezaan ini mungkin disebabkan oleh perbezaan golongan responden yang mana kajiannya melibatkan remaja sahaja.

Hasil dapatan ini secara tidak langsung mengukuhkan dakwaan Lumby dan Azaola (2014) yang menyatakan isu jantina tidak boleh diketepikan dalam mendidik anak-anak kerana faktor jantina menjadi penyebab kepada beberapa masalah yang timbul dalam institusi keluarga. Malah, Fleming (2015) melalui hasil kajiannya berkaitan kefungsian keluarga dan tingkah laku positif remaja di Amerika Syarikat, secara jelas telah menerima isu jantina sebagai pemboleh ubah yang mana menurutnya, sesebuah keluarga dapat berfungsi dengan baik dengan memahami proses perkembangan anak lelaki dan perempuan di dalam keluarga agar ibu bapa lebih mudah mendekati mereka dengan cara yang efektif. Sementara berhubung perbezaan dapatan dari segi umur, penempatan dan taraf pendidikan Sun dan Stewart (2007) berpendapat perbezaan dapatan ini wujud disebabkan perkembangan umur yang dilalui oleh setiap individu adalah berbeza yang mana ia turut berkait dengan faktor persekitaran tempat tinggal yang kurang konsisten yang mana turut mempengaruhi kejelekitan serta kebolehsuaian dalam keluarga.

## KESIMPULAN

Kajian mengenai aspek kefungsian keluarga kini mendapat perhatian pelbagai pihak dalam membendung masalah tingkah laku devian yang kian menjadi-jadi, yang mana melibatkan golongan belia (Joh, Kim, Park, & Kim, 2013; Roselina Hj Yusuf, 2006; Zainah Ahmad Zamani *et al.*, 2013). Justeru, bagi membantu golongan belia agar tidak terus terjebak dengan masalah tingkah laku devian ini, beberapa usaha wajar dilaksanakan. Antaranya adalah (1) pendedahan punca permasalahan tingkah laku devian dalam kalangan belia, (2) menyedarkan masyarakat akan peranan penting kefungsian keluarga, (3) memperbanyakkan kajian berkaitan kefungsian keluarga dan tingkah laku devian, (4) penyediaan modul, dan (5) pelaksanaan aktiviti dan program. Maka, berdasarkan kajian ini, dapat difahami bahawa aspek kohesi dan kebolehsuaian perlu dititiberatkan dalam membentuk keluarga yang mampu berfungsi dengan baik di mana pendekatan yang sesuai dengan faktor usia dan jantina pelajar juga perlu dititikberatkan.

## RUJUKAN

- Abela, G.G., Becker, J.V., & Conningham-Rather, J. (1984). Complication, consent and cognition in sex between child and adult. *International J. Law and Psychiatry*, 7(189), 1-3.
- Abramson, L.Y., G.I. Metalsky,& L.B. Alloy. (1989). Hopelessness depression: a theory sub type of depression. *Psychological Review*, 96(2), 358-372.
- Abramson, L., Alloy, L., Hogan, M., Whitehouse, W., Cornette, M., Akhavan, S., & Chiara, A. (1998). Suicidality and cognitive vulnerability to depression among college students. *Journal of Adolescence*, 21, 473–487.
- Amoateng & Richter. (2007). Chapter 1: Social and economic of families and households in South Afric. Dlm. A. Y. Amoateng, & T. B. Heaton (Eds.).*Families and households in post-apartheid South Africa: Socio-demographic perspectives* (pp.1-25). Cape Town: HSRC Press.
- Azizi Yahya, Yusof Boon, Shahrin Hashim, Mohammad Sharif Mustaffa, & Zurhana Muhamad. (2008). *Indeks perlakuan buli di kalangan pelajar-pelajar di sekolah menengah dan rendah di Malaysia*. Skudai: UTM. Dimuat turun daripada eprints.utm.my/5853/1/78069.pdf
- Bandura, A. (1989). Human agency in social cognitive theory. *American Psychologist*, 44, 1175-1184.
- Briere, J. (2000). *The Cognitive Distortions Scales professional manual*. Odessa, FL: Psychological Assessment Resources.
- Fauziah Ibrahim, Bahaman Abu Samah, Mansor Abu Talib, & Mohamad Shatar Sabran. (2012). Drug addicts and the high risk situations of relapse. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 38-49.

- Fleming, M. S. (2015). Associations between family functioning and adolescent health behaviors. *Senior Honors Projects*. Paper 445. Dimuat turun daripada <http://digitalcommons.uri.edu/srhonorsprog/445>
- Hernández, O.S. & F.X.M. Carrillo. (2010). Optimism as a protective factor in child and adolescent depression, *Psychology in Spain*, 14(1), 42-47.
- Joh, J. Y., Kim, S., Park, J. L., & Kim, Y. P. (2013). Relationship between family adaptability, cohesion and adolescent problem behaviors: curvilinearity of circumplex model. *Korean J Fam Med.*,34(3), 169–177.
- Leahy, R. L. (1996). *From practicing cognitive therapy: a guide to interventions*. NYC: Cornell University Medical College and The American Institute for Cognitive Therapy.
- Lumby, J., & Azaola, C. (2014). Women principals in South Africa: gender, mothering and leadership. *British Educational Research Journal*, 40(1), 30-44.
- Maier, S.F. & M.E. Seligman. (1976). Learned helplessness: Theory and evidence. *Journal Experimental Psychol*, 105(1), 3-46.
- McMillan, J., & Schumacher, S. (2006). *Research in education: Evidence-based inquiry* (6th ed.). New York: Pearson.
- Mohd Jaflus Bahari. (2004). *Faktor-faktor yang menghalang penglibatan pelajaran dalam kegiatan kokurikulum sukan di kalangan pelajar sekolah menengah kebangsaan daerah Seremban*. Jabatan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan: Maktab Perguruan Islam.
- Muhammed Sharif Mustaffa, & Suria Abd Jamil. (2012). Mengenal pasti punca-punca masalah ponteng di kalangan pelajar sekolah rendah: satu kajian kes. *Journal of Educational Psychology and Counseling*, 6, 50–73.
- Nor Shafrin Ahmad & Rohany Nasir. (2010). Emotional reactions and behaviour of incest victims. *Procedia Social and Behavioral Sci.*, 5, 1023-1027.
- Olson, D.H. (1993). *Circumplex Model of Marital and Family Systems*. In F. Wals (Ed.), *Normal Family Processes* (2nd ed.). New York: Guilford Press.
- Olson, D.H. (1996). *Clinical assessment & treatment interventions using the Circumplex Model*. (Chapter 5, pp. 59-80) In F.W. Kaslow (Ed.) *Handbook of Relational Diagnosis and Dysfunctional Family Patterns*. New York: John Wiley and Sons.
- Olson, D.H., Russel, & Sprenkle, D.H. (1984). *Circumplex Model of Marital and Family Systems : VI*. Teheoretical Update. In: D.H. Olson and P.M. Miller, eds. *Family Studies Review Yearbook*. Volume 2. New Delhi: Sage Publications.
- Peterson, C. & Seligman, M. E. P. (1984). Causal explanations as a risk factor for depression: *Theory and evidence*. *Psychological Review*, 91, 347–374.

- Regoli, R.M. dan Hewitt, J.D. (1991). *Delinquency in society* (4th ed.). New York: McGraw Hill.
- Roselina Hj Yusuf. (2006). *Merintis Dedenai Pulang*. Monograf Perjalanan Kepulangan Bekas Penagih 1, Selangor: Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Schafer, G. (2011). Family functioning in families with alcohol and other drug addiction. *Social Policy Journal of New Zealand*, 37, 135-151.
- Stephanie, M. D., & Jaclyn, C. (2014). Gender, family functioning, and violence across immigrant generations. *Journal of Research in Crime and Delinquency*, 51(6), 785-815. doi:10.1177/0022427814529976
- Sun, J., & Stewart, D. (2007). Age and gender effects on resilience in children and adolescents. *International Journal of Mental Health Promotion*, 9, 16-25.
- Wagner, K. D, Ritt-Olson, A., Soto, D. W., Unger, J. B. (2008). Variation in family structure among urban adolescents and its effects on drug use. *Substance Use and Misuse*, 43(7), 936-951.
- Zainah Ahmad Zamani, Rohany Nasir, Asmawati Desa, Rozainee Khairudin, Fatimah Yussoff, &Siti Hajar Mohamad Yusoff. (2013). Kefungsian keluarga, pengherotan kognitif dan resilien dalam kalangan klien Cure and Care Rehabilitation Centre (CCRC) dan Klinik Cure and Care (C&C). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 27, 137-149.
- Zainudin Sharif, & Norazmah Mohamad Roslan. (2011). Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka . *Journal of Education Psychology & Counseling*, 35, 15-27.

***Profil Penulis:***

**Kamaruddin Kasim**  
Universiti Utara Malaysia

**Yaakob Daud, PhD**  
Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden  
Universiti Utara Malaysia  
[yaakob@uum.edu.my](mailto:yaakob@uum.edu.my)

**Yahya Don, PhD**  
Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden  
Universiti Utara Malaysia  
[d.yahya@uum.edu.my](mailto:d.yahya@uum.edu.my)

**Mohd Isha Awang, PhD**  
Universiti Utara Malaysia

**Siti Hajar Mohamad Yusoff**  
Universiti Utara Malaysia  
[ethajar@gmail.com](mailto:ethajar@gmail.com)

**Shukri Zain, PhD**  
Fakulti Psikologi dan Pendidikan  
Universiti Malaysia Sabah  
[drshukrizain@gmail.com](mailto:drshukrizain@gmail.com)

## PERANAN GAYA KEIBUBAPAAN DALAM PEMBENTUKAN KECERDASAN EMOSI REMAJA LUAR BANDAR: SATU TINJAUAN AWAL DI SABAH

ABDUL ADIB ASNAWI, LAILAWATI MADLAN @ ENDALAN & AGNIS SOMBULING

### ***ABSTRAK***

*Kecerdasan emosi memberi impak positif dalam pelbagai aspek kehidupan manusia. Namun, pembentukannya dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Justeru, artikel ini bertujuan untuk melaporkan pengaruh gaya keibubapaan terhadap pembentukan kecerdasan emosi remaja luar bandar. Selain itu, artikel ini turut meneliti perbezaan kecerdasan emosi dan penerimaan gaya keibubapaan mengikut jantina. Sampel kajian terdiri daripada kalangan remaja berumur 15 hingga 17 tahun yang berasal daripada sekolah luar bandar Sabah yang dipilih mengikut persampelan rawak mudah. Seramai 110 orang sampel yang terlibat dalam kajian ini. Terdapat tiga (3) bahagian soal selidik yang digunakan oleh pengkaji iaitu a) demografi responden, b) gaya keibubapaan (menggunakan Parental Authority Questionnaire) dan c) kecerdasan emosi (menggunakan the Assessing Emotions Scale). Data yang diperolehi dianalisis melalui ujian regresi pelbagai dan ujian-t sampel bebas menggunakan IBM SPSS versi 23. Hasil keputusan menunjukkan terdapat pengaruh yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan pembentukan kecerdasan emosi remaja luar bandar. Bagi perbezaan kecerdasan emosi mengikut jantina, hasil menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina terhadap kecerdasan emosi remaja luar bandar. Sementara, perbezaan penerimaan gaya keibubapaan mengikut jantina pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Hasil keputusan ini secara tidak langsung memberi implikasi terhadap ibu bapa di kawasan luar bandar dalam memilih pendekatan gaya keibubapaan yang bersesuaian bagi tujuan pembentukan kecerdasan emosi remaja yang lebih positif.*

**Kata Kunci:** Gaya Keibubapaan, Kecerdasan Emosi, Remaja, Luar Bandar, Jantina

### ***ABSTRACT***

*Emotional intelligence has a positive impact in various aspects of human life. However, the development of emotional intelligence was influenced by a lot of factors. Thus, the aim of this article was to report the influence of parenting style towards the development of emotional intelligence among teenagers in rural areas. This article also aimed to study gender-based differences in emotional intelligence and the acceptance of parenting styles. The respondents were 110 teenagers aged between 15 and 17 years old, who were randomly chosen from rural schools. The questionnaire was devided into three parts: a) respondent demographic, b)*

*parenting style (using the Parental Authority Questionnaire) and c) emotional intelligence (using the Assessing Emotions Scale). Multiple regression test and independent sample t-test were used to analyze the data using IBM SPSS version 23. The result showed that authoritative parenting style had a significant influence on the development of teenagers' emotional intelligence in the rural area. There was also a significant gender differences in the emotional intelligence among the rural teenagers. However, there was no significant difference between genders in the teenagers' acceptance of parenting style. The findings from this study may help the parents in rural areas to opt for suitable approach in parenting style to develop positive development of emotional intelligence among teenagers.*

**Keywords:** Parenting Style, Emotional Intelligence, Teenager, Rural Area, Gender

## PENGENALAN

Bidang kecerdasan emosi di Malaysia merupakan satu bidang yang masih baru dan masih dalam proses berkembang. Tidak seperti di negara luar, bidang kecerdasan emosi telah diterokai serta diuji dengan pelbagai aspek. Sebagai contoh, kajian yang menguji hubungan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik, tingkah laku devian, penderaan, tingkah laku negatif, kepuasan hidup, kualiti hubungan interpersonal, kepimpinan, kerjaya profesional, pengurusan tingkah laku (Gottman & Silver, 1999; Brown, George-Curran & Smith, 2003; Mayer, Salovey, & Caruso, 2004; Petrides, Frederickson, & Furnham, 2004; Brackett, Mayer, & Warner, 2004; Salovey & Grew, 2005; Trinidad *et al.*, 2005; Landa *et al.*, 2006; Hosu & Nastas, 2008; Pantaziu & Nastas, 2008; Nastas & Dihoru, 2009) dan banyak lagi aspek lain.

Namun, kajian yang memberi tumpuan kepada pembentukan kecerdasan emosi dengan melihat faktor keluarga khususnya dari aspek penerimaan gaya keibubapaan sebagai faktor utama dalam kalangan remaja adalah masih kurang (Alegre, 2011; Alegre & Benson, 2010) terutama kajian yang dilakukan di Malaysia (Hamidah, 2013). Hal ini kerana, kebanyakannya yang berlaku pada masa kini khususnya yang melibatkan golongan remaja menunjukkan bahawa kurangnya kebolehan atau keupayaan mereka dalam menguruskan emosi. Perkara ini terbukti berdasarkan kes-kes yang terpampang di media massa yang menunjukkan remaja hari ini mengalami kepincangan emosi. Sebagai contoh, isu yang berlaku di salah sebuah sekolah agama di Pendang yang dilaporkan oleh Astro Awani mengenai seorang pelajar yang dibelasah oleh pelajar senior (Astro Awani, 20 April 2015). Begitu juga isu yang berkaitan dengan penuntut Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) yang maut selepas didera oleh rakan sendiri menggunakan seterika wap (My News Hub, 2 Jun 2017). Selain itu, terdapat juga kes yang dilaporkan mengenai pelajar 16 tahun yang maut akibat disepak oleh senior (Muhamadi Muhamad, 12 Mei 2015) dan pelajar lelaki cedera angkara dibuli (Opat Rattanachot, 30 Oktober 2014). Kesemua isu ini dijelaskan sebagai ketidakupayaan dalam menguruskan emosi (Badrulzaman, 2006) atau lebih tepat lagi kurangnya kecerdasan emosi dalam kalangan si pelaku. Ini selaras dengan penyataan Noriah (2008) yang menjelaskan

bahawa cetusan emosi yang berlaku merupakan satu petunjuk yang menggambarkan tahap kecerdasan emosi seseorang individu.

Justeru, peranan keluarga dilihat penting dalam pemupukan kecerdasan emosi yang tinggi. Hal ini jelas apabila keluarga merupakan sokongan sosial yang utama bagi setiap manusia kerana keluarga merupakan sekolah pertama dalam mendapatkan pendidikan tidak formal yang akan menyumbang kepada perkembangan dalam pelbagai aspek termasuklah kecerdasan emosi (Goleman, 1998). Ini turut disokong oleh Saadi *et al.*, (2012) yang menjelaskan bahawa pelajar-pelajar yang tidak dibelai dengan faktor-faktor emosi oleh ibu bapa mudah mengalami keresahan dan tidak dapat menjalani proses perkembangan secara optimum. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa perkara yang berlaku pada hari ini sedikit sebanyak menjadi cerminan kepada asuhan yang diterima oleh remaja yakni pendekatan gaya keibubapaan yang telah diaplikasikan oleh ibu bapa dalam membesarakan anak-anak, yang sekali gus menyumbang kepada pembentukan kecerdasan emosi dalam kalangan remaja.

### SOROTAN KAJIAN LEPAS

Konsep kecerdasan emosi telah menjadi popular pada awal tahun 1990an selepas diperkenalkan oleh Salovey dan Mayer (1990). Kemudian, konsep ini diperluaskan lagi oleh Goleman (1995) melalui bukunya yang bertajuk “ Emotional Intelligence”. Sejak itu, konsep kecerdasan emosi menjadi semakin terkenal dan digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang. Jika dilihat pada susur galur bidang kecerdasan emosi, ia merupakan satu cabang di bawah kesihatan mental. Ini kerana kecerdasan emosi banyak dikaitkan dengan kesejahteraan dan kejayaan dalam kehidupan manusia (Salovey & Mayer, 1990). Selain itu, kecerdasan emosi juga dikatakan mempunyai pengaruh yang penting jika dibandingkan dengan kecerdasan intelektual. Hal ini dijelaskan oleh Goleman (1995) menerusi bukunya, yang mana Goleman menegaskan bahawa kecerdasan emosi menyumbang sebanyak 80 peratus kepada kesejahteraan dan kejayaan seseorang individu, berbanding dengan kecerdasan intelektual yang hanya menyumbang sekitar 20 peratus sahaja. Rentetan itu, bidang kecerdasan emosi mendapat perhatian oleh ramai penyelidik dari dulu sehingga kini yang ingin mengkaji berkaitan konsep dan peranan kecerdasan emosi secara mendalam dan perkaitannya dengan pelbagai aspek.

Berdasarkan literatur kajian berkaitan kecerdasan emosi, terdapat sebilangan penyelidik yang mengatakan bahawa kecerdasan emosi merupakan satu sifat dan sebilangan penyelidik pula menjelaskan ia sebagai satu keupayaan yang dimiliki oleh manusia (Asghari & Besharat, 2011). Namun, berdasarkan pelopor kecerdasan emosi, mereka mempunyai pendefinisan yang tersendiri mengenai kecerdasan emosi. Misalnya, Mayer, Salovey dan Caruso (2000) menerangkan kecerdasan emosi mempunyai hubungannya dengan kognitif dan emosi manusia. Secara spesifiknya, Salovey dan Mayer (1990) menakrifkan konsep kecerdasan emosi sebagai suatu kemahiran yang menyumbang kepada penilaian emosi yang

berkaitan dengan ekspresi emosi, penggunaan emosi dan keberkesanan emosi dalam kehidupan seseorang. Manusia dikatakan akan menjadi lebih fleksibel, berfikiran mendalam dan kreatif apabila mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi (Mayer & Salovey, 1997). Sementara, Goleman (1995) pula menerangkan kecerdasan emosi itu sebagai suatu kebolehan yang dimiliki oleh individu dalam menguruskan perasaan mereka dengan efektif serta membolehkan individu tersebut untuk mampu bekerjasama dengan orang lain untuk mencapai satu matlamat yang sama. Manakala, Bar-On (1997) pula menjelaskan kecerdasan emosi merupakan satu set kemahiran hasil gabungan di antara kecerdasan emosi dan kecerdasan sosial yang tidak melibatkan kognitif, sebaliknya dianggap sebagai suatu kecekapan atau kemahiran yang mempengaruhi keupayaan seseorang untuk berjaya dalam menghadapi tuntutan atau tekanan dari sekeliling. Ini termasuklah keupayaan individu dalam mengenal pasti emosi, memahami emosi dan menguruskan emosi, keupayaan dalam menyelesaikan masalah serta keupayaan untuk beradaptasi (menyesuaikan diri) mengikut keadaan, tekanan dan kesukaran hidup (Bar-On, 2006).

Berdasarkan kepada penerangan mengenai konsep kecerdasan emosi, maka kecerdasan ini perlu ada pada diri setiap remaja pada dewasa ini. Justeru, masalah yang dihadapi berkaitan kecerdasan emosi perlu dipandang serius kerana inilah yang membezakan antara satu individu dengan individu yang lain (Wong, 2003 dlm Naeimavi *et al.*, 2015). Hal ini jelas berdasarkan hasil yang perolehi daripada kajian lepas yang menunjukkan bahawa kecerdasan emosi sememangnya menyumbang kepada hasil yang positif dalam kehidupan manusia. Sebagai contoh, individu yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi dilaporkan mempunyai kesihatan mental yang lebih baik serta mempunyai kadar kemurungan dan stres sosial yang kurang (Ruiz-Arand *et al.*, 2012). Selain itu, mereka juga mempunyai kecenderungan yang rendah dari segi masalah tingkah laku luaran seperti pemarah dan delinkuen (Liau *et al.*, 2003), mempunyai hubungan sosial yang baik (Mayer, 2001), dapat memberi tumpuan dan menyelesaikan sesuatu tugas dengan lebih cepat dan efisien (Noriah *et al.*, 2001) dan boleh menjadi peramal kepada kepuasan hidup seseorang (Maria *et al.*, 2015). Sebaliknya pula, individu yang mempunyai kecerdasan emosi yang rendah dilaporkan mempunyai kecenderungan yang tinggi dengan masalah tingkah laku seperti kebimbangan, kemurungan dan agresif (Parker *et al.*, 2008; Liau *et al.*, 2003), penggunaan alkohol dan rokok yang tinggi (Trinidad & Johnson, 2002), terlibat dengan tingkah laku devian seperti pergaduhan dan vandalisme (Maria *et al.*, 2015) dan pada masa yang sama kerap menggunakan pendekatan strategi daya tindak maladatif (Homauni *et al.*, 2014). Oleh demikian, pentingnya kecerdasan emosi dalam kalangan remaja kerana ia memberi impak yang cukup besar kepada kehidupan mereka.

Namun begitu dalam membentuk kecerdasan emosi yang tinggi dalam kalangan remaja, ia dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Salah satunya adalah melalui faktor keluarga yang mana seseorang individu itu dibesarkan dengan mendapat penjagaan, asuhan dan didikan daripada ibu bapa atau penjaga. Beberapa pengkaji lepas menerangkan bahawa pengalaman awal individu dalam berinteraksi dan

pertautan emosi dengan keluarga khususnya ibu bapa, mampu memberi kesan yang mendalam terhadap keupayaan kecerdasan emosi (Bar-On, 2006; Gottman & Declair, 1997; Brody, 1985 dlm Lailawati, 2006). Sama ada sedar ataupun tidak, pengalaman awal yang diperolehi oleh anak-anak merupakan satu bentuk pembelajaran kepada mereka untuk mempelajari mengenai emosi. Kanak-kanak mempelajari mengenai emosi bukan sahaja melalui ucapan dan kelakuan (tingkah laku) yang ditunjukkan secara spontan oleh ibu bapa, tetapi juga bagaimana ibu bapa dan seluruh ahli keluarga mengekspresikan emosi terhadap sesuatu perkara di hadapan kanak-kanak (Hamidah, 2013). Dengan erti kata lain, ibu bapa dan ahli keluarga menjadi *role model* kepada kanak-kanak tersebut. Justeru, sekiranya ahli keluarga mampu menunjukkan contoh yang baik kepada kanak-kanak, maka pembentukan kecerdasan emosi yang baik akan terpupuk secara sendiri dan begitu juga sebaliknya.

Penyataan ini turut disokong oleh Morris *et al.*, (2007) yang mengatakan persekitaran keluarga mampu mempengaruhi pembentukan kecerdasan emosi kanak-kanak dan remaja dari tiga aspek, iaitu (1) melalui pemerhatian terhadap orang sekeliling dan tingkah laku emosi yang ditunjukkan akan ditiru, (2) melalui penerapan dan pengalaman yang diterima sewaktu kecil seperti asuhan yang diterima, nilai-nilai yang berkaitan dengan emosi, didikan dan kemahiran yang diajar dan (3) melalui kualiti hubungan kekeluargaan antara ibu bapa-anak, pertautan emosi, sikap keterbukaan serta toleransi antara ibu bapa-anak. Penyataan ini kemudiannya terbukti melalui hasil dapatan beberapa pengkaji lepas. Misalnya, dalam kajian Nastas dan Sala (2012), mereka mendapati bahawa cara ibu bapa memberi kesan ke atas tahap kecerdasan emosi dan bagaimana remaja tersebut bertingkah laku. Selanjutnya, kajian yang dilakukan oleh Abbas, Mansor dan Seyedeh Ameneh (2013) mengenai penerimaan gaya keibubapaan terhadap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar lelaki di Iran, mendapati bahawa gaya keibubapaan yang memberikan kasih sayang yang optimum mempunyai hubungan yang positif dengan kecerdasan emosi yang tinggi dalam kalangan remaja. Sebaliknya, gaya keibubapaan yang kurang memberi kasih sayang dan mengabaikan, mempunyai hubungan yang negatif dengan keupayaan kecerdasan emosi dalam kalangan remaja. Hasil dapatan kajian ini juga selari dengan hasil keputusan yang diperolehi oleh pengkaji-pengkaji sebelumnya (Thammawijaya, 2012; Asghari & Besharat, 2011; Fonte, 2009; Delale, Taksic, & Ivcevic, 2007; Hsieh, 2006).

Berdasarkan kepada dapatan yang diperolehi oleh pengkaji lepas, ia merupakan satu kajian yang memberi implikasi yang cukup besar khususnya kepada golongan ibu bapa dan juga remaja. Namun begitu, kajian seumpama ini masih kurang dilakukan di Malaysia. Justeru melihat akan kepentingannya, penerokaan dan penelitian berkaitan peranan gaya keibubapaan terhadap pembentukan kecerdasan emosi dalam kalangan remaja di Malaysia menjadi suatu yang wajar. Bukan itu sahaja, bahkan kajian ini menjadi semakin penting kerana fokus dalam kajian ini adalah dalam kalangan remaja luar bandar. Hal ini mempunyai hubungannya dengan kes yang berlaku pada 31 julai 2017, di mana berlakunya masalah buli di

salah sebuah sekolah luar bandar di Kunak, Sabah yang melibatkan 10 orang pelajar perempuan telah membelasah seorang rakan sebaya mereka di padang sekolah (Utusan Malaysia, 2017). Kes ini telah menarik perhatian ramai netizen di Malaysia dan membuka mata khususnya ibu bapa, guru-guru dan ramai lagi pihak lain untuk mencari penyelesaian bagi membendung masalah seperti ini daripada terus berlaku.

Jika dilihat berdasarkan beberapa kajian empirikal yang telah dijalankan, hasil membuktikan bahawa pelajar luar bandar terlibat dengan pelbagai masalah disiplin yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan pelajar di bandar (Mendez & Knoff, 2003; Ohio Department of Education, 2007). Hal ini kerana berdasarkan dapatan, remaja yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi mempunyai kecenderungan yang rendah untuk melakukan masalah disiplin, sebaliknya pula remaja yang mempunyai kecerdasan emosi yang rendah didapati mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk melakukan masalah disiplin (Badrulzaman, 2006; Lailawati Madlan, 2006; Brakett *et al.*, 2004). Ini turut disokong oleh Abdul Adib, Lailawati & Agnis (2017) menerusi kajian mereka yang mendapati bahawa wujudnya perbezaan perkembangan kecerdasan emosi mengikut lokasi tempat tinggal, yang mana remaja luar bandar dilaporkan mempunyai kecerdasan emosi yang rendah berbanding remaja bandar. Namun begitu, terdapat juga pengkaji lain (seperti Hamidah, 2015) yang memperolehi hasil yang sebaliknya iaitu tidak terdapat perbezaan kecerdasan emosi antara remaja bandar dan remaja luar bandar. Justeru, bagi memenuhi kekurangan kajian lepas dan hasil yang tidak konsisten berkaitan kecerdasan emosi remaja luar bandar, maka satu kajian awal yang melibatkan remaja luar bandar perlu dilakukan. Selain itu, hasil kajian ini kelak dapat menambah kekurangan kajian-kajian sedia ada khususnya kajian yang berkaitan luar bandar dan kajian yang dilakukan di Malaysia.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Antara objektif dalam kajian ini adalah:

1. Mengkaji pengaruh gaya keibubapaan terhadap pembentukan kecerdasan emosi dalam kalangan remaja luar bandar.
2. Mengkaji perbezaan jantina terhadap kecerdasan emosi dalam kalangan remaja luar bandar.
3. Mengkaji perbezaan jantina terhadap penerimaan gaya keibubapaan dalam kalangan remaja luar bandar.

## METODOLOGI KAJIAN

### ***Reka Bentuk Kajian, Subjek dan Lokasi Kajian***

Kajian ini adalah menggunakan reka bentuk kuantitatif, di mana kaedah tinjauan menggunakan borang soal selidik digunakan oleh pengkaji. Sementara, responden yang terlibat dalam kajian ini adalah pelajar yang berusia dari 15 hingga 17 tahun iaitu pelajar tingkatan tiga (3) hingga tingkatan lima (5) di sekolah kerajaan sekitar daerah Beaufort dan Kudat, Sabah. Seramai 110 orang pelajar telah menjadi responden dalam kajian ini. Pemilihan sampel kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah.

### ***Alat Kajian***

Terdapat dua (2) alat kajian yang digunakan dalam kajian ini. Alat kajian pertama adalah *Parental Authority Questionnaire* (PAQ) yang digunakan untuk mengukur konstruk gaya keibubapaan responden (Buri, 1991). Alat kajian ini mengandungi sebanyak 30 item yang terbahagi kepada tiga (3) domain iaitu autoritarian, autoritatif dan permisif. Setiap domain diwakili dengan 10 item dan tidak terdapat item negatif di dalam alat kajian ini. Skor pemarkahan bagi alat kajian ini adalah menggunakan 5 skala Likert (1-sangat tidak setuju, 5-sangat setuju). Selain itu, alat kajian PAQ telah menjalani proses penterjemahan oleh pakar dalam bidang psikologi dan bahasa sebelum digunakan oleh pengkaji. Sementara, kebolehpercayaan bagi alat kajian ini mencatatkan nilai pekali kebolehpercayaan yang baik bagi setiap domain (autoritarian = 0.610, autoritatif = 0.777 dan permisif = 0.680) dan ini menunjukkan bahawa alat kajian PAQ ini sesuai untuk digunakan dalam konteks budaya di Malaysia.

Seterusnya, alat kajian kedua pula adalah *The Assessing Emotions Scale* (AES) yang digunakan untuk mengukur konstruk kecerdasan emosi responden (Schutte *et al.*, 1998). Alat kajian ini menilai kecerdasan emosi secara umum dengan menggunakan empat (4) domain yang terdapat di bawahnya iaitu persepsi emosi, pengurusan emosi kendiri, pengurusan emosi dengan orang lain dan kesedaran kendiri. Apabila keempat-empat domain tersebut digabungkan sekali, ia akan membentuk satu konstruk besar iaitu kecerdasan emosi. Dalam kajian ini, pengkaji tidak menguji domain kecerdasan emosi tetapi menguji konstruk kecerdasan emosi secara keseluruhan. Jumlah keseluruhan item bagi alat kajian ini adalah sebanyak 33 item dan menggunakan skor pemarkahan 5 skala Likert (1-sangat tidak setuju, 5-sangat setuju). Terdapat 3 item yang merupakan item negatif (item 5, 28, dan 33) dalam alat kajian ini. Alat kajian AES ini juga telah menjalani proses penterjemahan oleh pakar dalam bidang psikologi dan bahasa sebelum digunakan oleh pengkaji. Sementara, kebolehpercayaan bagi alat kajian ini mencatatkan nilai pekali kebolehpercayaan yang baik bagi setiap domain (persepsi emosi = 0.751, pengurusan emosi kendiri = 0.701, pengurusan emosi dengan orang lain = 0.676 dan kesedaran emosi = 0.651. Namun secara keseluruhannya, nilai pekali kebolehpercayaan kecerdasan emosi adalah tinggi iaitu 0.862 dan ini sekali gus menunjukkan bahawa alat kajian AES ini juga sesuai untuk digunakan dalam konteks budaya di Malaysia.

### **Analisis Data**

Kesemua data mentah yang diperolehi akan dikodkan dan dianalisis dengan menggunakan perisian IBM SPSS versi 23. Kaedah statistik deskriptif dan inferensi digunakan untuk menganalisis data mentah yang diperolehi. Analisis statistik inferensi dalam kajian ini adalah menggunakan dua ujian iaitu ujian regresi pelbagai bagi mengkaji pengaruh gaya keibubapaan terhadap kecerdasan emosi dan ujian-t sampel bebas digunakan bagi mengkaji perbezaan jantina terhadap penerimaan gaya keibubapaan serta perbezaan jantina terhadap kecerdasan emosi.

### **DAPATAN KAJIAN**

Berikut merupakan hasil analisis statistik deskriptif (seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1) dan analisis statistik inferensi (seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2, 3 dan 4) yang terdapat dalam kajian ini.

Berdasarkan Jadual 1, seramai 110 orang responden yang terdiri daripada 49 orang lelaki (44.5%) dan selebihnya iaitu 61 orang perempuan (55.5%). Dari segi umur, seramai 25 orang responden (22.7%) berumur 15 tahun, 42 orang responden (38.2%) berumur 17 tahun dan majoriti adalah berusia 16 tahun iaitu seramai 43 orang responden (39.1%) dengan min umur adalah 16.15 tahun. Dari segi latar belakang agama responden pula, secara majoritinya adalah beragama Islam iaitu seramai 76 orang responden (69.1%), diikuti beragama Kristian iaitu seramai 33 orang responden (30%) dan selebihnya iaitu seorang (0.9%) beragama lain-lain. Seterusnya, dari aspek etnik pula, etnik yang paling ramai adalah etnik Dusun iaitu seramai 29 orang (26.4%), diikuti etnik Melayu iaitu seramai 15 orang (13.6%), Kadazandusun dan Melayu Brunei masing-masing seramai 14 orang (12.7%), etnik Bajau seramai 13 orang (11.8%), etnik Bugis seramai 12 orang (10.9%), diikuti lain-lain iaitu 8 orang (7.3%) dan selebihnya etnik Cina, Sino dan Rungus masing-masing seramai 3 orang (2.7%), 1 orang (0.9%), dan 1 orang (0.9%). Dari segi status ibu bapa pula, seramai 84 orang responden (76.4%) yang ibu bapanya masih bersama, 13 orang responden (11.8%) yang ibu bapa telah bercerai dan selebihnya iaitu 11 orang responden (10%) yang salah seorang ibu bapanya telah meninggal dunia. Hasil deskriptif secara keseluruhan responden ditunjukkan seperti dalam Jadual 1.

**Jadual 1: Ciri Demografi Bagi Keseluruhan Responden Berdasarkan Jantina, Umur, Agama dan Etnik dan Status Ibu Bapa**

<b>Ciri Demografi</b>		<b>Kekerapan (N=110)</b>	<b>Peratusan (%)</b>	<b>Min (M)</b>
<b>Jantina</b>	Lelaki	49	44.5	-
	Perempuan	61	55.5	
<b>Umur</b>	15 Tahun	25	22.7	16.15
	16 Tahun	43	39.1	
	17 Tahun	42	38.2	

Agama	Islam	76	69.1	-
	Kristian	33	30.0	
	Lain-lain	1	0.9	
Etnik	Melayu	15	13.6	-
	Cina	3	2.7	
	Bajau	13	11.8	
	Dusun	29	26.4	
	Kadazandusun	14	12.7	
	Sino	1	0.9	
	Rungus	1	0.9	
	Melayu Brunei	14	12.7	
	Bugis	12	10.9	
	Lain-lain	8	7.3	
Status Ibu Bapa	Masih bersama	84	76.4	-
	Bercerai	13	11.8	
	Salah seorang meninggal dunia	11	10.0	

Berdasarkan analisis ujian regresi pelbagai, hasil keputusan menunjukkan terdapat pengaruh yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritarian, permisif dan autoritatif ( $f = 14.16$ ,  $k < .05$ ) terhadap kecerdasan emosi remaja dengan menyumbang sebanyak 28.6 peratus varians ( $R^2 = .286$ ). Namun, daripada ketiga-tiga gaya keibubapaan tersebut, hanya gaya keibubapaan autoritatif sahaja yang mempengaruhi secara signifikan. Hasil ini juga menunjukkan bahawa peningkatan dalam skor gaya keibubapaan autoritatif memberi pengaruh positif kepada kecerdasan emosi remaja luar bandar. Hasil dapatan kajian diperincikan seperti dalam Jadual 2.

**Jadual 2: Pengaruh Gaya Keibubapaan Terhadap Pembentukan Kecerdasan Emosi Remaja Luar Bandar**

<b>Kecerdasan Emosi</b>	<b>B</b>	<b>t</b>	<b>β</b>	<b>Sig.</b>
Autoritarian	-.230	-.632	-.068	.529
Permisif	.090	.233	.025	.816
Autoritatif	2.031	4.668	.560	.000*
<b>Constant</b>	1.153			
<b>R2</b>	.286			
<b>f</b>	14.16			

\*  $k < .05$

Seterusnya, berdasarkan analisis Ujian-t sampel bebas, hasil keputusan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina terhadap kecerdasan emosi remaja luar bandar. Laporan analisis menunjukkan bahawa remaja perempuan ( $\text{min} = 14.21$ ) mempunyai kecerdasan emosi yang lebih tinggi berbanding remaja lelaki ( $\text{min} = 13.47$ ). Hasil dapatan kajian diperincikan seperti dalam Jadual 3.

**Jadual 3: Perbezaan Jantina Terhadap Kecerdasan Emosi Remaja Luar Bandar**

	N	Min (M)	Sisihan Piawai	df	t	Sig.
Lelaki	49	13.47	1.92	108	-.226	.026*
Perempuan	61	14.21	1.50			

\* $p < .05$

Kemudian, berdasarkan analisis Ujian-t sampel bebas, hasil keputusan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina terhadap penerimaan gaya keibubapaan autoritarian ( $t = .020, p > .05$ ), permisif ( $t = -.598, p > .05$ ) dan autoritatif ( $t = -.211, p > .05$ ) dalam kalangan remaja luar bandar. Hasil dapatan kajian diperincikan seperti dalam Jadual 4.

**Jadual 4: Perbezaan Jantina Terhadap Penerimaan Gaya Keibubapaan Remaja Luar Bandar**

	N		M		SP		df	t	Sig.
	L	P	L	P	L	P			
<b>Autoritarian</b>									
	49	61	3.23	3.22	.540	.493	108	.020	.984
<b>Permisif</b>									
	49	61	3.30	3.36	.450	.499	108	-.598	.553
<b>Autoritatif</b>									
	49	61	3.38	3.40	.464	.493	108	-.211	.833

$k > .05$ , Nota: L – Lelaki, P – Perempuan, M – Min, SP – Sisihan Piawai

## PERBINCANGAN

### ***Pengaruh Gaya Keibubapaan Terhadap Pembentukan Kecerdasan Emosi Remaja Luar Bandar.***

Gaya keibubapaan merupakan satu gabungan sikap ibu bapa terhadap anak yang boleh mewujudkan suasana emosi dan bagaimana cara ibu bapa bertindak

(Selin, 2014). Berdasarkan kepada hasil analisis menunjukkan keputusan bahawa gaya keibubapaan autoritatif secara signifikannya positif menyumbang kepada pembentukan kecerdasan emosi remaja luar bandar iaitu sebanyak 28.6 peratus varians. Manakala, dua lagi gaya keibubapaan iaitu autoritarian dan permisif tidak menyumbang secara signifikan ke arah pembentukan kecerdasan emosi dalam kalangan remaja luar bandar. Hasil keputusan ini menjelaskan bahawa ibu bapa yang mengamalkan pendekatan gaya keibubapaan autoritatif mempengaruhi pembentukan kecerdasan emosi remaja khususnya dalam kalangan remaja luar bandar, manakala dua lagi pendekatan gaya keibubapaan iaitu authoritarian dan permisif tidak memberikan pengaruh ke atas pembentukan kecerdasan emosi dalam kalangan remaja luar bandar. Hasil dapatan ini adalah selari dengan hasil dapatan yang telah diperolehi oleh beberapa pengkaji lepas (seperti Fonte, 2009; Abbas Abdollahi *et al.*, 2013; Thammawijaya, 2012; Asghari & Besharat, 2011; Pichayapinyo, Pawwattana, & Thongvichaen, 2008; Delale, Taksic, & Ivcevic, 2007; Hsieh, 2006; Singh & Bisht, 2013; Nastas & Sala, 2012; Chong, Zamri & Hamidah, 2013).

Hasil dapatan kajian ini disokong dengan teori gaya keibubapaan yang dikemukakan oleh Diana Baumrind (1991) yang menjelaskan bahawa gaya keibubapaan terbahagi kepada tiga iaitu authoritarian, autoritatif dan permisif. Ketiga-tiga gaya keibubapaan ini mempunyai corak asuhan yang berbeza antara satu sama lain yang berpaksikan kepada tahap responsif (kasih sayang) dan kawalan. Secara ringkasnya, gaya keibubapaan authoritarian dijelaskan sebagai mempunyai tahap responsif yang rendah dan kawalan yang tinggi. Sementara, gaya keibubapaan autoritatif pula dijelaskan mempunyai kesimbangan dari segi tahap responsif dan kawalan. Manakala, gaya keibubapaan permisif pula dijelaskan mempunyai tahap responsif yang tinggi dan rendah dari segi kawalan. Baumrind (1967, 1971) menegaskan bahawa, perbezaan yang wujud dari segi corak asuhan yang terdapat dalam ketiga-tiga gaya keibubapaan ini secara tidak langsung memberi kesan kepada perkembangan kendiri anak. Justeru, berdasarkan kepada kajian yang dilakukan oleh Baumrind (1967) dan penyelidik lain (seperti Nik Hairi, Azmi & Ahmad Shazili, 2012; Abdul Adib, Lailawati & Agnis, 2017; Keshavars & Baharudin, 2009), gaya keibubapaan autoritatif sememangnya menyumbang ke arah perkembangan kendiri yang positif dalam kalangan kanak-kanak dan juga remaja.

Antara sebabnya adalah kerana gaya keibubapaan autoritatif merupakan gaya keibubapaan yang mengamalkan cara didikan yang penuh diplomasi atau bertolak ansur bersesuaian dengan keperluan anak (Baumrind, 1991). Selain itu, gaya keibubapaan autoritatif turut mengamalkan corak komunikasi dua hala yang mana anak boleh membawa berbincang dengan ibu bapa mengenai sesuatu perkara atau peraturan yang dirasakan oleh mereka kurang sesuai, ataupun mengenai masalah yang dihadapi mereka. Meskipun ibu bapa autoritatif ini menekankan ketegasan dalam mendidik anak, namun ibu bapa masih memberikan kasih sayang yang penuh dan konsisten terhadap anak-anak yakni bersesuaian dengan keperluan anak. Ini turut disokong oleh kajian lepas yang menjelaskan kecerdasan emosi

banyak dipengaruhi oleh kasih sayang daripada ibu bapa (Asghari & Besharat, 2011; Abbas Abdollahi *et al.*, 2013).

Remaja dikatakan memerlukan kasih sayang dan juga autonomi sebagai seorang remaja bagi membina kekuatan dan motivasi dalam diri untuk mendapatkan kebolehan tertentu dalam membentuk kawalan kendiri, mencapai kecekapan emosi (Asghari & Besharat, 2011), keyakinan diri dan integriti emosi (Abbas Abdollahi *et al.*, 2013), yang mana kesemua ini membawa ke arah pembentukan kecerdasan emosi yang baik. Bahkan, menurut Gotlib dan Hammen (2009) ibu bapa yang mempunyai ciri-ciri kemesraan, bersikap menerima, memberi autonomi secara konsisten dan sentiasa memberi peneguhan positif membolehkan remaja melihat diri dan dunia mereka secara positif berbanding dengan ibu bapa yang bersikap mengkritik, menolak serta mengawal menyebabkan remaja melihat diri dan dunia mereka secara negatif. Maka, jelaslah bahawa melalui gaya keibubapaan yang menekankan kasih sayang dan autonomi seperti autoritatif mampu membentuk ke arah kecerdasan emosi yang baik dalam diri seseorang anak.

#### ***Perbezaan Jantina Terhadap Kecerdasan Emosi Remaja Luar Bandar.***

Selanjutnya berdasarkan kepada hasil analisis, keputusan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina terhadap kecerdasan emosi. Remaja perempuan (nilai min = 14.21) menunjukkan kecerdasan emosi yang lebih tinggi berbanding lelaki (nilai min = 13.47) dan hasil dapatan ini adalah selari dengan hasil dapatan beberapa pengkaji lepas (seperti Kim 2001; Su Mee Nguk, 2000; Zabedah, 2005; Liew, Gan, & Sia, 1999; Feizah, 2004; Zamri & Chong, 2008; Norhayati, 2003; Abdul Malek Rahman *et al.*, 2009; Abdul Adib, Lailawati & Agnis 2017).

Berdasarkan keputusan ini, ia dapat dijelaskan melalui dua (2) cara iaitu secara biologikal dan praktikal. Secara biologikalnya, kajian membuktikan bahawa perempuan mempunyai ruang akal yang lebih besar untuk memproses berkaitan emosi yang lebih berbanding lelaki (Gur *et al.*, 2002). Bukan itu sahaja, golongan perempuan juga dijelaskan mempunyai kepekaan terhadap emosi yang lebih jika dibandingkan dengan lelaki dari sudut empati, kebolehan komunikasi dan tanggungjawab sosial (Bar-On, 2000). Ini turut disokong berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Norhayati (2003) yang mendapati kanak-kanak perempuan menunjukkan ekspresi emosi yang lebih berbanding kanak-kanak lelaki. Bahkan, perempuan juga dikatakan mempunyai kelebihan berbanding lelaki dari segi kebolehan membaca maklumat sosial yang tidak dinyatakan (sensitiviti), ini termasuklah perasaan dari ekspresi muka dan tanda-tanda bahasa bukan lisan yang ditunjukkan (Harrod & Scheer, 2005; Tapia & Marsh, 2001; Syed Najmuddin, 2007; Brackett *et al.*, 2004; Brackett *et al.*, 2007). Selain itu, berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Nolen-Hoeksema dan Girgus (1994), mereka mendapati bahawa perempuan sangat prihatin dengan hubungan interpersonal dan intrapersonal yang mana kedua-dua ini merupakan salah satu domain di bawah kecerdasan emosi (Mayer & Salovey, 1997; Goleman, 1995; Bar-On, 2000). Sementara, terdapat juga

penyataan yang menjelaskan bahawa kaum perempuan dikurniakan dengan ciri-ciri tertentu seperti sifat keibuan, empati dan lebih beremosi, yang mana kesemua ini menyumbang kepada kecenderungan perempuan untuk mempunyai kecerdasan emosi yang lebih tinggi berbanding lelaki (Liew *et al.*, 1999).

Manakala dari sudut praktikal pula, hasil keputusan ini dapat dijelaskan melalui hubungan yang wujud melalui interaksi awal antara ibu bapa-anak sewaktu berada di peringkat kanak-kanak (Aznar & Tenenbaum, 2015; Brody, 1985). Kebanyakan ibu bapa tidak sedar bahawa mereka mengamalkan stereotaip jantina terhadap anak mereka, yang akhirnya memberi kesan jangka panjang terhadap perkembangan kecerdasan emosi anak. Ini dijelaskan oleh Brody (1985) di mana ibu mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk membincangkan mengenai perasaan dan menunjukkan pelbagai jenis emosi kepada anak perempuan berbanding anak lelaki. Selain itu, dalam satu kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa ibu lebih cenderung untuk menggunakan kata-kata emosi apabila bercakap dengan anak perempuan yang berusia 4 tahun berbanding anak lelaki yang berusia 4 tahun (Aznar & Tenenbaum, 2015). Bahkan dalam kajian tersebut juga mendapati ibu dan bapa menggunakan lebih banyak kata-kata emosi kepada anak perempuan berbanding anak lelaki. Menurut Tenenbaum (dlm Dell, 2014), pembelajaran mengenai emosi sangat penting kepada kanak-kanak kerana ia akan membentuk kecerdasan emosi yang tinggi dan membantu kanak-kanak dari segi kejayaan di sekolah, keserasian dengan guru dan mempunyai hubungan rakan sebaya yang baik.

### ***Perbezaan Jantina Terhadap Penerimaan Gaya Keibubapaan Remaja Luar Bandar***

Seterusnya merujuk kepada hasil analisis, keputusan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina terhadap penerimaan gaya keibubapaan. Hal ini kerana tidak terdapat perbezaan yang ketara antara remaja lelaki dan perempuan terhadap penerimaan gaya keibubapaan autoritarian (min lelaki = 3.23, min perempuan 3.22), permisif (min lelaki = 3.30, min perempuan = 3.36) dan autoritatif (min lelaki = 3.38, min perempuan = 3.40). Ini menunjukkan bahawa penerimaan gaya keibubapaan bagi remaja lelaki dan perempuan adalah sama. Hasil keputusan ini selari seperti dapatan hasil kajian Nik Hairi, Azmi dan Ahmad Shazili (2012). Hal ini disebabkan remaja lelaki dan perempuan melihat gaya keibubapaan yang digunakan oleh ibu bapa mereka adalah pada skop atau aspek yang sama dalam menilai gaya keibubapaan. Misalnya dari aspek asuhan, pendekatan, didikan, pertautan emosi, ketegasan dan kasih sayang daripada ibu bapa.

Namun terdapat kajian lepas yang tidak selari dengan dapatan kajian ini, yang mana pengkaji lain (seperti Kanmani, 2013; Shalini & Balakrishna, 2013; Singh & Bisht, 2013; Azlina Mohd Kosnin, 2009) menemui hasil dapatan yang sebaliknya iaitu terdapat perbezaan antara jantina terhadap penerimaan gaya keibubapaan. Kajian yang melihat perbezaan jantina terhadap gaya keibubapaan khususnya dalam kalangan bapa menjelaskan bahawa remaja perempuan lebih melihat bapa

mengamalkan gaya autoritarian berbanding remaja lelaki (Shalini & Balakrishna, 2013; Singh & Bisht, 2013). Sementara, kajian Kanmani (2013) pula menemui pelajar lelaki lebih melihat gaya keibubapaan bapa sebagai gaya autoritatif berbanding pelajar perempuan. Jika dilihat kepada dua kajian ini, dapat disimpulkan bahawa remaja lelaki lebih melihat bapa mengamalkan gaya keibubapaan autoritatif, sedangkan remaja perempuan lebih melihat bapa mengamalkan gaya keibubapaan yang lebih tegas iaitu authoritarian.

### **KESIMPULAN DAN IMPLIKASI**

Kesimpulannya, hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan gaya keibubapaan autoritatif di Malaysia khususnya di Sabah memberi kesan positif terhadap pembentukan kecerdasan emosi dalam kalangan remaja luar bandar. Elemen kasih sayang dan juga kawalan yang seimbang dalam gaya keibubapaan autoritatif dilihat mampu meningkatkan kecerdasan emosi remaja. Selain itu, hasil ini juga secara tidak langsung menunjukkan bahawa pengaplikasian gaya keibubapaan yang bersesuaian adalah sangat penting kerana ia akan memberi implikasi yang cukup besar kepada anak dalam jangka masa panjang. Bukan itu sahaja, bahkan ia turut memberi kesan kepada golongan remaja pada masa kini dalam menilai, memilih serta mengaplikasikan sesuatu gaya keibubapaan itu terhadap anak mereka pada masa akan datang. Hal ini jelas apabila anak kebiasaannya akan mengaplikasikan semula atau menggunakan pendekatan yang sama kepada anak-anak mereka apabila sudah mempunyai keluarga sendiri kelak. Justeru, dengan melihat kepentingan ibu bapa terhadap pembentukan kecerdasan emosi remaja, pihak sekolah perlu untuk melibatkan ibu bapa secara aktif dalam mana-mana program yang dianjurkan oleh pihak sekolah untuk membantu dalam pembentukan kecerdasan emosi yang lebih optimum.

## RUJUKAN

- Abbas Abdollahi, Mansor Abu Talib, & Seyedeh Ameneh Motalebi. (2013). Perceived parenting styles and emotional inettlligence among iranian boy students. *Asian Journal of Social Sciences & Humanities*, 2(3), 460-467.
- Abdul Adib Asnawi, Lailawati Madlan @ Endalan & Agnis Sombuling. (2017). Penerimaan gaya keibubapaan dalam kalangan remaja dan kesannya terhadap perkembangan kecerdasan emosi. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 31(2), 78-89.
- Abdul Malek Rahman, Sidek Noah, Abdul Malek Karim, Wan Marzuki, Nabilah, Zulkifli, Joharry, Lihanna, Syed Mohamed Shafeq, Jamaludin, Sapon, Mohd Yusof, Mohd taib, Munirah, Norlena, Ruhaibah & Tajularipin. (2009). Kecerdasan emosi dalam kalangan remaja *Malaysia. Jurnal Bitara*, 2, 1-13.
- Alegre, A. (2011). Parenting styles and children's emotional intelligence: What do we know? *The Family Journal*, 19(1), 56-62.
- Alegre, A., & Benson, M. J. (2010). Parental behaviors and adolescent adjustment mediation via adolescent trait emotional intelligence. *Individual Differences Research*, 8(2).
- Asghari, M. S., & Besharat, M. A. (2011). The relation of perceived parenting with emotional intelligence. *Social and Behavioral Sciences*, 30, 231-235.
- Astro Awani. (2015). Pelajar dakwa dibelasah senior sekolah agama di Pedang. Astro Awani, 20 April,di laman sesawang: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pelajar-dakwa-dibelasah-senior-sekolah-agama-di-pendang-58219>.
- Azrina Mohd Kosnin. (2009). *Hubungan antara konsep kendiri dan gaya keibubapaan dengan pencapaian akademik pelajar*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Teknologi Malaysia.
- Aznar, A. & Tenenbaum, H. R. (2015). Gender and age differences in parent-child emotion talk. *British Journal of Development Psychology*, 33, 148-155.
- Badrulzaman Baharom. (2006). *Persekitaran keluarga dan kesannya terhadap tingkah laku remaja di Daerah Pontian, Johor*. Tesis Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia.
- Bar-On, R. (1997). *The Emotional Quotient Inventory (EQ:i)*. Multi Health Systems: Toronto, Canada.
- Bar-On, R. B. (2000). *The Bar-On EQ-i:YV: Technical manual*. Toronto, Canada: Multi-Health Systems.
- Bar-On, R. (2006). The Bar-On model of emotional-social intelligence. *Psicothema*, 18, 13-25.

- Baumrind, D. (1967). Child care practices anteceding three patterns of pre-school behavior. *Genetic Psychology Monographs*, 75, 43-88.
- Baumrind, D. (1971). Current patterns of parental authority. *Developmental Psychology Monograph*, 4, 1-103.
- Baumrind, D. (1991). The influence of parenting styles on adolescent competence and substance use. *The Journal of Early Adolescence*, 11, 56-95.
- Buri, J. R. (1991). Parental Authority Questionnaire. *Journal of Personality Assessment*, 57(1), 110-119.
- Brackett, M. A., Kremenitzer, J. P., Maurer, M., Carpenter, M. D., Rivers, S. E., & Katulak, N. A. (2007). *Emotional literacy in the classroom: Upper elementary*. Port Chester, NY: Dude Publishing/National Professional Resources.
- Brackett, M. A., Mayer, J. D., & Warmer, R. M. (2004). Emotional intelligence and its relation to everyday behaviour. *Personality and Individual Differences*, 36(6), 1387-1402.
- Brody, L. R. (1985). Gender differences in emotional development: A review of theories and research. *Journal of Personality*, 53, 102-149.
- Brown, C., George-Curran, R., & Smith, M. L. (2003). The role of emotional intelligence in the career commitment and decision-making process. *Journal of Career Assessment*, 11(4): 379-392.
- Chong, S. O., Zamri Mahamod, & Hamidah Yamat. (2013). Faktor jantina, kaum, aliran kelas dan hubungannya dengan kecerdasan emosi murid dalam mempelajari bahasa melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(1), 12-23.
- Delale, E., Taksic, V., & Ivcevic, Z. (2007). Gender differences of parenting style in predicting self perceived emotional intelligence. *Research in education and rehabilitation sciences*, 168-169.
- Dell, K. (2014). *Mothers talk differently to daughters than sons: Study*. Parents Newsletter di laman sesawang: <http://time.com/3581587/mothers-emotion-words-girls-boys-surrey-study-mothers-encourage-emotions-more-in-daughters-over-sons-study-says/>
- Feizah Mohd Zain. (2004). *Kecerdasan emosi di kalangan murid tingkatan empat : Satu kajian tinjauan*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fonte, B. A. (2009). *Relationship between parenting style, emotional intelligence and self esteem*. Doctoral dissertation.
- Goleman, D. (1995). *Emotional Intelligence*. New York: Bantam.
- Goleman, D. (1998). *Working with Emotional Intelligence*. New York: Bantam.

- Gotlib, I. H., & Hammen, C. L. (2009). *Handbook of depression* (2nd ed). New York: The Guilford Press.
- Gottman, J., & DeClair, J. (1997). *Kiat-kiat membesarkan anak yang mempunyai kecerdasan emosi* (Versi Indonesia). Jakarta: PT Gramedia Pustaka.
- Gottman , J. M. & Silver, N. (1999). *The seven principles for making a marriage work*. New York: Thee River Press.
- Gur, R., Gunning-Dixon, F., Bilker, W. B., & Gur, R. E. (2002). Sex differences in temporo-limbic and frontal brain volumes of healthy adults. *Cerebral Cortex*, 12, 998-100.
- Hamidah Sulaiman. (2013). *Hubungan antara kecerdasan emosi dengan gaya asuhan ibu bapa dalam kalangan remaja sekolah*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Harrod, N. R., & Scheer, S. D. (2005). An exploration of adolescent emotional intelligence in relation to demografi characteristics. *Adolescence*, 40(159), 503-512.
- Hosu, R. I. & Nastas, L. E. (2008). Emotional Intelligence and Aggression. Petroleum – Gas University of Ploiesti Buletin, *Educational Sciences Series*, LX, 1B, 8-14.
- Hsieh, S. C. (2006). How parenting styles affect children's development in emotional intelligence Acorrelational study of junior high school students. *Besikkaar: http://ethesys.lib.mcu.edu.tw/ETD-db/ETD-search/view\_etd*
- Kanmani, M. (2013). Relationship between stress and parenting style of higher secondary students. *International Journal of Humanities and Applied Sciences (IJHAS)*, 2(5), 145-149.
- Kim, F. T. (2001). *Pengaruh kecerdasan emosi dan amalan keibubapaan terhadap EQ remaja*. Tesis Sarjana Sains, Universiti Putra Malaysia.
- Lailawati Madlan. (2006). *Pengaruh kecerdasan emosi ke atas stres dan masalah disiplin pelajar*. Tesis Sarjana. Universiti Malaysia Sabah.
- Landa, J. M. A., Lopez-Zafra, E., Martinez de Antonana, R., & Pulido, M. (2006). Perceived emotional intelligence and life satisfaction among university teachers. *Psicothema*, 18, 152-157.
- Liau, A. K., Liau, W. L., Teoh, G. B. S., & Liau, M. T. L. (2003). The case for emotional literacy: The influence of emotional intelligence on problem behaviours in Malaysian secondary school students. *Journal of Moral Education*, 32: 51-66.
- Liew, P. G. S., Gan, T. H., & Sia, P. W. (1999). Tahap kecerdasan emosi murid-murid tahun 5 di kawasan Miri. Artikel dilaman sesawang: <http://www2.moe.gov.my/~mpsmiri/ leqnew.html>.

- Maria Chong Abdullah, Lee, P.G., Samsilah Roslan, & Maznah Baba. (2015). *Emotional intelligence and at-risk students*. Artikel Sage Open di laman sesawang: <http://sgo.sagepub.com/content/5/1/2158244014564768> diakses pada 14/03/2016.
- Mayer, J. D. (2001). Emotional Intelligence and Giftedness. *Roeper Review*, 23(3), 131-137.
- Mayer, J. D., & Salovey, P. (1997). What is emotional intelligence? Dlm P. Salovey & D. J. Sluyter (Eds.), *Emotional development and emotional intelligence: Educational implications* (p. 3-34). New York: Basic Books.
- Mayer, J. D., Salovey, P., & Caruso, D. (2000). Models of emotional intelligence. Dlm Sternberg, R. J. (Ed.), *Handbook of intelligence* (p. 396-420). Cambridge, UK: Cambridge University Press.
- Mayer, J. D., Salovey, P., & Caruso, D. (2004). Emotional intelligence: Theory, findings and implications. *Psychological Inquiry*, 15(3), 197-215.
- Mendez, L. M. R. & Knoff, H. M. (2003). Who gets suspended from school and why: A demographic analysis of schools and disciplinary infractions in a large school district. *Education and Treatment of Children*, 26(1), 30-51.
- Morris, A. S., Silk, J. S., Steinberg, L. Myers, S. S., & Robinson, L. R. (2007). The role of the family context in the development of emotional regulation. *Social Development*, 16, 361-388.
- Muhafandi Muhamad. (2015). *Kerana sidai tuala, pelajar tingkatan 4 maut dibelasah rakan asrama*. Astro Awani, 12 Mei, di laman sesawang: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerana-sidai-tuala-pelajar-tingkatan-4-maut-dibelasah-rakan-asrama-59789>.
- My News Hub. (2017). *Penuntut UPNM mati didera rakan guna seterika wap*. My News Hub, 2 Jun 2017, di laman sesawang: <http://www.mynewshub.cc/utama-sensasi/penuntut-upnm-mati-didera-rakan-guna-seterika-wap/>.
- Naiemavi, M., Maktabi, H. G., Tofanizadeh, K., & Rahimi, H. (2015). The Relationship Between Parenting Style and Behavioral Problems in Preschoolers of Shadegan City. *Indian Journal of Fundamental and Applied Life Sciences*, 5(3), 411-417.
- Nastas, L. E., & Dihoru, M. M. (2009). Emotional Intelligence and Teenagers' Learning Style. *Modern Psychological Research: Directions and Perspectives: Quantitative Research vs. Qualitative Research*. Bucharest: Bucharest University Publishing House.
- Nastas, L. E., & Sala, K. (2012). Adolescents' emotional intelligence and parental styles. *Social and behavioral Science*, 33, 478-482.
- Nik Hairi Omar, Azmi Abdul Manaf & Ahmad Shazili Ayob. (2012). Pengujian model gaya keibubapaan Baumrind ke atas pencapaian akademik pelajar sekolah menengah. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 105-120.

- Norhayati Ahmad Zakaria. (2003). *Kecerdasan emosi dan hubungannya dengan pencapaian akademik*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Utara Malaysia.
- Nolen-Hoeksema, S. & Girgus, J. S. (1994). The emergence of gender differences in depression during adolescence. *Psychological Bulletin*, 115, 424-443.
- Noriah Mohd Ishak. (2008). *Aligning Person-Centred Therapy with Malaysian client: The struggle of Malaysian counsellors*. Proceeding for PCE 2008: Present Strengths and Future LeaderChallenges.
- Noriah Mohd. Ishak, Siti Rahaya Ariffin, Zuria Mahmud, Saemah Rahman, & Manisan Mohd. Ali. (2001). *Performance and Emotional Intelligence: A Correlational Study among Malaysia Adolescence*. Proceeding for International Learning Conference 2001, Spasteses, Greece.
- Ohio Department of Education. (2007). *Typology of Ohio School Districts*. Di laman sesawang: [www.ode.state.oh.us/GD/Templates/Pages/ODE/ODEDetail.aspx?page=3&TopicRelationID=390&ContentID=12833&ContentID=56119](http://www.ode.state.oh.us/GD/Templates/Pages/ODE/ODEDetail.aspx?page=3&TopicRelationID=390&ContentID=12833&ContentID=56119).
- Opat Rattanachot. (2014). *Pelajar lelaki dakwa cedera angkara buli*. Utusan Online, 30 Oktober, di laman sesawang: <http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/pelajar-lelaki-dakwa-cedera-angkara-buli-1.18507>.
- Pantaziu, C. E., & Nastas, L. E. (2008). Emotional intelligence and marital satisfaction. *Petroleum – Gas University of Ploiesti Buletin, Educational Sciences Series*, LX, 1B, 59-64.
- Petrides, K. V., Frederickson, N., & Furnham, A. (2004). The role of trait emotional intelligence in academic performance and deviant behavior at school. *Personality and Individual Differences*, 36, 277-293.
- Pichayapinyo, P., Pawwattana, A., & Thongvichaen, S. (2008). Parenting styles, emotional intelligence and intelligence quotients in Thai school-aged children in Tukdang community, Bangkok Metropolis. *Journal of Public Health*, 38(1), 59-70.
- Ruiz-Aranda, D., Sactillo, R., Salquero, J. M., Cabello, R., Fernandez-Berrocal, P., & Balluerka, N. (2012). Sort and midterm effects of emotional intelligence training on adolescent mental health. *Journal of adolescent health*, 51, 462-467.
- Saadi, Z. E., Honarmand, M. M., Najarian, B., Ahadi, H., & Askari, P. (2012). Evaluation of the effect of emotional intelligence training on reducing aggression in second year high school female students. *Journal of American Science*, 8, 209-212.
- Salovey, P., & Grewal, D. (2005). The science of emotional intelligence. *American Psychological Society*, 14(6), 281-285.
- Salovey, P. & Mayer, J. D. (1990). Emotional Intelligence. *Imagination, Cognition and Personality*, 9(3): 185-211.

- Schutte, N. S., Malouff, J. M., Hall, L. E., Haggerty, D. J., Cooper, J. T., Golden, C. J., & Dornheim, L. (1998). Development and validation of a measure of emotional intelligence. *Personality and individual differences*, 25(2), 167-177.
- Selin, H. (2014). *Parenting across cultures: Childrearing, motherhood and fatherhood in non-western cultures*. New York: Springer.
- Shalini, A.,& Balakrishna, A. Y. T. (2013). Perceived paternal parenting style on emotional intelligence of adolescents. *Guru Journal of Behavioral and Social Sciences*, 1(4), 194-202.
- Singh, S.,& Bisht, G. (2013). Father's parenting style: Affecting the emotional intelligence of adolescents. *An International Multidisciplinary Peer Reviewed & Journal*, 2(2), 121-127.
- Su Mee Nguk. (2000). *Hubungan antara emotional intelligence/Quotient (EQ) dengan pencapaian akademik, jantina dan aliran pengajian murid tingkatan 4*. Tesis sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Najmuddin Syed Hassan. (2007). *Hubungan antara faktor kecerdasan emosi, nilai kerja dan prestasi kerja dalam guru Maktab Rendah Sains Mara*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tapia, M. & Marsh, G. E. (2001). *Emotional intelligence: The effect of gender, GPA, and ethnicity*. Paper presented at the Annual Meeting of the Mid-South Education Research Association.
- Thammawijaya, P. (2012). *Parenting Style, Emotional Intelligence and Psycho-behavioral Outcomes of Thai Adolescents in HIV-affected Families*. Los Angeles: University of California.
- Trinidad, D. R., & Johnson, C. A. (2002). The Association between Emotional Intelligence and Early Adolescent Tobacco and Alcohol Use. *Personality and Individual Differences*, 32(1), 95-105.
- Trinidad, D. R., Unger, J. B., Chou, C-P., Johnson, A. (2005). Emotional Intelligence and Acculturation to the United States: Interactions on the Perceived Social Consequences of Smoking in Early Adolescents. *Substances Use & Misuse*, 40, 1697-1706.
- Utusan Malaysia. (2017). *10 pelajar perempuan disiasat belasah rakan*. Utusan Online, 31 Julai, di laman sesawang: <http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/10-pelajar-perempuan-disiasat-belasah-rakan-1.509598>
- Zabedah Ab. Razak. (2005). *Hubungan gaya pembelajaran dengan kecerdasan emosi dan pencapaian akademik*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod & Chong, S. O. (2008). Perbandingan gaya pembelajaran Bahasa Melayu antara pelajar Bumiputera dan non-Bumiputera. *Jurnal akademik*, 12, 1-22.

**Profil Penulis:**

**Abdul Adib Asnawi**

*Fakulti Psikologi dan Pendidikan,  
Universiti Malaysia Sabah  
abdul\_adib91@yahoo.com*

**Lailawati Madlan @ Endalan, PhD**

*Unit Penyelidikan Psikologi dan Kesihatan Sosial,  
Universiti Malaysia Sabah  
laila@ums.edu.my*

**Agnis Sombuling**

*Fakulti Psikologi dan Pendidikan,  
Universiti Malaysia Sabah  
agness@ums.edu.my*



## PUNCA KES KEHILANGAN KANAK-KANAK BERDASARKAN PERSPEKTIF BELIA DI SERDANG, SELANGOR

AZLINA MOHD KHIR, NOR AINA SYAFIQA RODZUWAN & NOOR SHAHIRAH MUHAMMAD NIZAM

### ABSTRAK

*Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi belia terhadap punca kes kehilangan kanak-kanak. Antara punca kehilangan yang dikaji adalah keluarga, individu, rakan sebaya dan persekitaran. Seramai 120 orang belia di Serdang, Selangor dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan terlibat dalam kajian ini. Data diperolehi menggunakan borang soal selidik yang ditadbir sendiri oleh responden. Instrumen kajian ini dibina sendiri oleh penyelidik. Hasil kajian menunjukkan responden mempersepsikan punca utama kes kehilangan kanak-kanak adalah keluarga ( $min=24.66$ ;  $s.p=2.75$ ) diikuti oleh individu ( $min=23.28$ ;  $s.p=2.86$ ), rakan sebaya ( $min=23.13$ ;  $s.p=3.14$ ) dan persekitaran ( $min=22.96$ ;  $s.p=3.36$ ). Bagi punca keluarga, kesibukan ibu bapa untuk meluangkan masa bersama anak-anak menjadi punca utama kes kehilangan kanak-kanak ( $min=4.30$ ;  $s.p=0.681$ ). Manakala bagi punca individu, kanak-kanak yang didera secara fizikal atau seksual menyebabkan kanak-kanak meninggalkan rumah ( $min=4.16$ ;  $s.p=0.810$ ). Berikutnya bagi punca rakan sebaya, belia mempersepsikan bahawa kanak-kanak menganggap rakan sebaya mampu memberikan keseronokan kepada mereka ( $min=4.18$ ;  $s.p=0.694$ ). Punca terakhir iaitu persekitaran adalah disebabkan oleh penculikan kanak-kanak oleh orang yang tidak dikenali yang semakin meningkat ( $min=4.23$ ;  $s.p=0.867$ ). Kesimpulannya, belia mempersepsikan kehilangan kanak-kanak adalah disebabkan oleh keempat-empat punca yang dikaji iaitu keluarga, individu, rakan sebaya dan persekitaran. Namun, punca yang dominan adalah faktor keluarga. Justeru, dalam usaha untuk menangani masalah kehilangan kanak-kanak ini, ahli keluarga terutamanya ibu bapa perlu memainkan peranan yang sangat penting. Walaupun dunia kini memperlihatkan ibu bapa masing-masing sibuk bekerja, namun ibu bapa bertanggungjawab untuk meluangkan masa yang berkualiti bersama anak-anak agar perkembangan anak-anak dapat dipantau dari semasa ke semasa dan masalah kanak-kanak hilang dapat diatasi.*

**Kata Kunci:** Persepsi Belia, Kes Kehilangan Kanak-Kanak, Punca Kes Kehilangan Kanak-Kanak

### ABSTRACT

*The purpose of this article was to identify the youth's perception towards the causes of missing children cases. Among the causes being studied were families, individuals, peers and environment. A total of 120 youths in Serdang, Selangor were selected through purposive sampling method. Data were collected using questionnaires administered by respondents. The instrument implemented in this research was*

*developed by the researchers. The results showed that the respondents perceived the main causes of missing children were family (mean = 24.66; S.D = 2.75) followed by individual (mean = 23.28; S.D = 2.86), peers (mean=23.13; S.D=3.14) and environment (mean = 22.96; SD=3.36). For the family cause, the busyness of the parents to spend time with their children was perceived to be the main cause of the disappearance of children (mean = 4.30; S.D = 0.681). As for individual cause, children who are physically or sexually abused may resulted in them leaving home (mean = 4.16; S.D = 0.810). For the peer's cause, youth perceived that children considered their peers able to provide enjoyment to them (mean=4.18; S.D=0.694). The last cause was environment was due to the increased in abduction cases by strangers (mean = 4.23; S.D = 0.867). In conclusion, youths perceived the cause of missing children were due to the four causes studied - families, individuals, friends and environment. However, the dominant cause was the family. Thus, in order to address the problem of missing children, family members especially parents, play a very important role. Although parents are occupied with career in the modern world, they should not shriek from their responsibility to spend quality time with their children, thus the latter can be monitored from time to time and the problem of missing children can be overcomed.*

**Keywords:** Perception of Youth, Missing Children Cases, Causes of the Missing Children Cases

## PENGENALAN

Dalam era globalisasi ini, kes kanak-kanak hilang bukan sahaja berlaku di negara maju, bahkan ia juga berlaku di negara yang membangun seperti Malaysia. Kes kanak-kanak hilang merupakan suatu masalah sosial yang perlu dilihat dari pelbagai dimensi di mana sukar untuk mendapat gambaran yang jelas dan tepat mengenai fenomena kehilangan tersebut (Mao, 2012). Menurut Association of Chief Police Officers (ACPO, 2005) kes kehilangan kanak-kanak didefinisikan sebagai individu yang tidak diketahui lokasi dan keadaannya dan individu tersebut dianggap hilang sehingga telah dikenal pasti, dijejaki dan dijumpai. Di Malaysia, kes kehilangan yang membabitkan kanak-kanak masih lagi tinggi. Berdasarkan statistik kehilangan kanak-kanak berumur bawah 18 tahun yang direkodkan oleh pihak polis dari tahun 2011 sehingga November 2015 menunjukkan 9,781 kes dilaporkan di seluruh negara melibatkan 7,501 perempuan dan 2,280 lelaki. Tambahan pula, kanak-kanak Melayu mencatatkan jumlah tertinggi dengan 6,713 kes atau melebihi 60 peratus, diikuti India (1,059), Cina (641) dan lain-lain bangsa (1,368). Selain itu, rekod tertinggi jumlah kehilangan kanak-kanak adalah yang berumur antara 16 hingga 18 tahun iaitu sebanyak 5,235 kes, manakala kehilangan kanak-kanak berusia 13 hingga 15 tahun pula mencatatkan jumlah sebanyak 4,193 kes. Sementara itu, 296 kes dicatatkan bagi peringkat umur tujuh hingga 12 tahun, dan 57 kes bagi peringkat umur bayi sehingga 6 tahun (Malay Mail Online, 2016).

Fenomena ini sering mendapat liputan meluas akhbar tempatan dan hangat diperkatakan oleh setiap lapisan masyarakat. Terdapat pelbagai pandangan dan andaian yang dibuat terhadap kes kehilangan yang membabitkan kanak-kanak. Menurut Mao (2012), kes kanak-kanak hilang mewakili beberapa pandangan iaitu mulai dari penculikan oleh ahli keluarga atau bukan ahli keluarga, kanak-kanak yang lari atau dipaksa untuk meninggalkan rumah kerana persekitaran dan kanak-kanak yang diperdagangkan untuk tujuan eksloitasi. Manakala menurut Wilson (2000), terdapat lapan kategori kanak-kanak hilang iaitu mlarikan diri dari rumah, diculik oleh orang asing, dihalau keluar dari rumah, diculik oleh ahli keluarga, penindasan dari penjaga, menghilangkan diri tanpa izin, hilang kerana malapetaka, laporan palsu dan ganguan seksual. Selain itu, menurut Sedlack *et al.*, (2002), kanak-kanak hilang dikategorikan kepada empat andaian iaitu penculikan oleh ahli keluarga, penculikan oleh orang asing, anak-anak yang mlarikan diri dari rumah dan anak-anak yang hilang secara tidak sengaja.

Hal ini mempunyai persamaan dengan hasil soal siasat oleh pihak polis terhadap mereka yang berjaya ditemukan semula. Antara sebab utama kanak-kanak terbabit hilang adalah kerana kanak-kanak mahu bebas daripada keluarga (sebanyak 4,112 kes) dan mengikut kekasih atau kawan-kawan (4,069 kes). Selain itu, antara punca lain seperti salah faham dengan keluarga (963 kes), kurang perhatian keluarga (69 kes), bersama ibu bapa yang sudah berpisah (73 kes), tidak minat belajar (223 kes), mencari pekerjaan (151 kes), dan tidak diketahui (21 kes) (Malay Mail Online, 2016).

Berdasarkan pengkaji-pengkaji sebelum ini, terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada kes kehilangan kanak-kanak atau kanak-kanak yang mlarikan diri dari rumah. Antaranya adalah disebabkan kematian ahli keluarga, penceraian antara ibu bapa (Rotheram, 1996), keganasan di rumah (Milburn *et al.*, 2006) dan penderaan fizikal oleh ahli keluarga (Springer's, 2001). Selain itu, menurut Khadijah *et al.*, (2014) dan Mao (2012), terdapat dua (2) faktor berlakunya kes kehilangan kanak-kanak atau kanak-kanak mlarikan diri dari rumah iaitu faktor penolak dan faktor penarik. Faktor penolak meliputi faktor individu itu sendiri, keluarga dan kawasan kejiranan. Manakala faktor penarik pula seperti pengaruh rakan-rakan dan lingkungan masyarakat (Khadijah *et al.*, 2014). Manakala Mao (2012) mendapati empat faktor penolak dan empat (4) faktor penarik berkenaan kes kehilangan kanak-kanak. Faktor penolak adalah disebabkan kemiskinan, buta huruf, kurang akses kepada sumber dan penyisihan sosial, manakala faktor penarik adalah seperti permintaan untuk perkhidmatan yang berkaitan kanak-kanak, perbandaran yang pesat, faktor media massa dan teknologi serta perjanjian yang dijanjikan untuk berkahwin atau bekerja.

Selain itu, ada juga laporan yang diterima menyatakan kanak-kanak hilang, tetapi sebaliknya kanak-kanak itu hanya mlarikan diri dari rumah kerana ingin mendapatkan kebebasan atau mengikut teman lelaki. Oleh itu, anggota masyarakat hendaklah lebih peka dan sensitif serta bertanggungjawab dalam menangani kes

kehilangan kanak-kanak dengan mengambil berat terhadap persekitaran mereka dan mengetepikan sikap mementingkan diri sendiri. Masyarakat tidak seharusnya menundung jari kepada pihak berkuasa atas sebab berlakunya kes kehilangan kanak-kanak bahkan ia seharusnya memerlukan kerjasama dan komitmen dari semua pihak termasuk peranan institusi sosial yang menyeluruh bagi mengatasi kes jenayah yang berlaku. Hal ini secara tidak langsung dapat membantu pihak berkuasa dalam menangani kes kanak-kanak yang hilang.

Tegasnya, kes kanak-kanak hilang tidak boleh dipandang remeh oleh masyarakat. Justeru, kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi belia terhadap punca kes kehilangan kanak-kanak. Kajian persepsi terhadap sesuatu masalah sosial itu merupakan suatu kajian yang penting kerana ia berperanan sebagai kunci utama dalam membentuk pemikiran dan tingkah laku sosial masyarakat (Baron & Byrne, 2004). Melalui faktor-faktor yang telah dikenal pasti, maka dapat memberi kesedaran kepada institusi sosial di Malaysia untuk memainkan peranan secara holistik bagi membendung kes kehilangan kanak-kanak dari terus meningkat. Menyedari hakikat di atas, penyelidik melihat kajian persepsi belia mengenai kes kehilangan kanak-kanak merupakan suatu kajian yang relevan supaya masyarakat sedar dan lebih peka dengan persekitaran sekeliling mereka.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi belia di Serdang, Selangor terhadap kes kehilangan kanak-kanak. Objektif khusus kajian ini adalah untuk:

1. Memperihalkan latar belakang (jantina, bangsa, umur, status perkahwinan, tahap pendidikan, sektor pekerjaan dan pendapatan bulanan) responden dan
2. Mengenal pasti persepsi belia terhadap punca kes kehilangan kanak-kanak.

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **Subjek dan Lokasi Kajian**

Kajian ini melibatkan 120 orang belia yang terdiri daripada 60 orang lelaki dan 60 orang wanita. Fokus umur bagi kajian ini adalah belia yang berumur antara 18 hingga 40 tahun. Kumpulan umur ini agak bertepatan dengan pendefinisan belia yang diberikan oleh Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Akta 688) iaitu belia yang berumur 15 hingga 40 tahun. Kajian ini dilakukan di sekitar daerah Petaling Jaya Selatan, Selangor Darul Ehsan iaitu di pekan Serdang. Serdang merupakan sebuah pekan yang penempatannya merangkumi pelbagai lapisan masyarakat termasuk belia. Lokasi yang dipilih hanya melibatkan kawasan di sekitar Taman Sri Serdang, Selangor. Berdasarkan populasi belia, di Selangor adalah tinggi berbanding negeri-negeri lain serta kadar Jenayah Indeks 2013 di Selangor adalah tertinggi berbanding di negeri-negeri yang lain (Portal Rasmi Polis

Diraja Malaysia, 2014). Pemilihan sampel adalah secara persampelan bertujuan. Kaedah ini digunakan bagi mendapatkan data dan maklumat yang dikehendaki dalam menjawab persoalan kajian (Azizi *et al.*, 2007).

### ***Instrumen dan Prosedur***

Instrumen yang digunakan untuk pengumpulan data primer dalam kajian ini adalah satu set soal selidik yang dibina sendiri oleh penyelidik dengan berpandukan soalan temubual oleh Khadijah *et al.*, (2014) dan Mao (2012). Instrumen ini mengandungi dua (2) bahagian iaitu 1) Maklumat Latar Belakang Responden dan 2) Persepsi Belia Terhadap Punca Kes Kehilangan Kanak-Kanak. Maklumat latar belakang responden mengandungi tujuh (7) soalan meliputi aspek umur, jantina, tahap pendidikan tertinggi, sektor pekerjaan, pendapatan bulanan, bangsa, dan status perkahwinan. Instrumen seterusnya adalah berkaitan punca kes kehilangan kanak-kanak yang menggunakan skala likert iaitu responden dikehendaki menandakan jawapan mereka mengenai sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala dari satu ekstrem kepada ekstrem yang lain. Setiap responden diminta untuk memilih kenyataan dengan menggunakan skala dari satu sehingga lima titik skala (1= sangat tidak setuju; kepada lima (5) = sangat setuju).

### ***Analisis Data***

Untuk mencapai kesemua objektif khusus kajian, data kajian yang telah diperolehi ini dianalisis menggunakan kaedah Pakej Statistik untuk Sains Sosial iaitu *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Mengikut Majid (2005), penganalisaan data berstatistik menggunakan perisian peraturan SPSS dapat menghasilkan pengiraan yang tepat. Data akan diuraikan melalui kekerapan, min, sisihan piawaian, nilai minimum dan maksimum.

## **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### **Latar belakang Belia**

Jadual 1 membentangkan maklumat latar belakang responden yang merangkumi jantina, bangsa, umur, status perkahwinan, tahap pendidikan, sektor pekerjaan dan pendapatan bulanan. Responden terdiri daripada 60 orang lelaki (50%) dan 60 orang perempuan (50%) yang telah menjawab soal selidik ini. Dari aspek komposisi mengikut bangsa, majoriti responden berbangsa Melayu iaitu seramai 105 orang (87.5%), juga merupakan populasi terbesar yang menetap di Taman Sri Serdang. Seterusnya diikuti bangsa India seramai 7 orang (5.8%), bangsa Cina seramai 5 orang (4.2%) dan lain-lain yakni Bajau, Iban dan Brunei seramai 3 orang (2.5%).

Dari segi umur, sebahagian besar responden berada pada peringkat usia awal dewasa iaitu dalam lingkungan 21 hingga 25 tahun (57.5%). Bagi taburan umur kajian ini, nilai min umur responden adalah 24.15 dan sisihan piawai adalah 4.078. Umur nilai minimum adalah 18 manakala umur maksimum adalah 40. Seterusnya bagi status perkahwinan, majoriti responden yang dikaji adalah masih

bujang iaitu seramai 96 orang (80%), 22 orang belia telah berkahwin (18.3%) dan selebihnya dua orang (1.7%) didapati sama ada telah bercerai dengan pasangan ataupun pasangan telah meninggal dunia.

**Jadual 1 : Latar Belakang Responden**

Pembolehubah	n	(%)
<b>Jantina</b>		
Lelaki	60	(50)
Perempuan	60	(50)
<b>Bangsa</b>		
Melayu	105	(87.5)
Cina	5	(4.2)
India	7	(5.8)
Lain-lain	3	(2.5)
<b>Umur</b>		
< 20	22	(18.3)
21 - 25	69	(57.5)
26 - 30	20	(16.7)
31 - 35	7	(5.8)
36 - 40	2	(1.7)
Min: 24.15; S.P.: 4.078		
Minimum: 18; Maksimum : 40		
<b>Status Perkahwinan</b>		
Bujang	96	(80)
Berkahwin	22	(18.3)
Duda/ Janda	2	(1.7)
<b>Sektor Pekerjaan</b>		
Awam	13	(10.8)
Swasta	26	(21.7)
Berniaga	7	(5.8)
Tidak bekerja	10	(8.3)
Pelajar	63	(52.5)

---

### Pendapatan Bulanan

Tiada pendapatan	69	(57.5)
< RM 1000	11	(9.2)
RM 1000 - RM 1499	12	(10.0)
RM 1500 - RM 1999	13	(10.8)
RM 2000 - RM 2499	7	(5.8)
RM 2500 Ke atas	8 (6.7)	
Min: 1559.10; S.P: 755.85		
Minimum: 300; Maksimum: 3500		

---

Dari segi tahap pendidikan tertinggi responden, kebanyakan belia merupakan lulusan diploma iaitu seramai 38 orang (31.7%), diikuti lulusan ijazah seramai 34 orang (28.3%) dan tamat tingkatan lima atau SPM seramai 22 orang (18.3%). Responden yang memiliki sijil dari pelbagai bidang iaitu seramai 20 orang (15.8%) dan responden yang memiliki sarjana iaitu seramai 5 orang (4.2%). Hanya seorang responden sahaja (0.8%) yang mempunyai tahap pendidikan paling rendah yang hanya tamat Tingkatan 3 iaitu berkelulusan PMR.

Berdasarkan analisis sektor pekerjaan, didapati sebahagian besar daripada responden (53.3%) adalah dalam kalangan pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) yang menetap di kawasan kajian. Berikutnya, bagi responden yang telah bekerja, majoriti adalah di sektor swasta (21.7%) dan diikuti oleh sektor awam (10.8%). Seterusnya, seramai sepuluh orang responden (8.3%) adalah tidak berkerja kerana baru tamat belajar dan ada juga merupakan suri rumah tangga. Akhir sekali hanya tujuh orang responden (5.8%) bekerja sendiri iaitu bermiaga secara *online*.

Dari segi pendapatan bulanan responden, seramai 69 orang belia tidak mempunyai pendapatan bulanan disebabkan majoriti responden (57.5%) adalah dari kalangan pelajar. Dalam kalangan responden yang bekerja, seramai 13 orang belia mempunyai pendapatan bulanan antara RM1,500 hingga RM1,999 sebulan. Terdapat juga responden yang mempunyai pendapatan bulanan dalam lingkungan RM1,000 hingga RM1,4999 iaitu seramai 12 orang (10%), pendapatan bulanan responden antara RM2,000 hingga RM2,499 iaitu seramai 7 orang (5.8%) dan pendapatan kurang dari RM1,000 seramai 11 orang (9.2%) dan melebihi RM2,500 keatas seramai 8 orang (6.7%). Bagi taburan pendapatan bulanan responden, min pendapatan adalah 1559.10 dan nilai sisihan piawai untuk pendapatan bulanan adalah 755.85. Secara keseluruhan, purata pendapatan responden adalah di dalam golongan berpendapatan rendah.

### **Punca Kes Kehilangan Kanak-kanak**

Jadual 2 memaparkan rumusan analisis deskriptif berkaitan dimensi bagi kes kehilangan kanak-kanak. Menerusi kajian ini, belia mempersepsikan kes

kehilangan kanak-kanak kepada empat punca iaitu keluarga, individu, rakan sebaya dan persekitaran. Hasil kajian menunjukkan punca utama yang mendorong kes kehilangan kanak-kanak adalah keluarga (24.66), diikuti oleh individu (23.28), rakan sebaya (23.13) dan akhir sekali persekitaran (22.96).

**Jadual 2 : Dimensi Punca Kes Kehilangan Kanak-Kanak**

Dimensi	Min	S.P	Minimum	Maksimum
Keluarga	24.66	2.75	14.00	30.00
Individu	23.28	2.86	13.00	28.00
Rakan Sebaya	23.13	3.14	11.00	28.00
Persekitaran	22.96	3.36	9.00	29.00

Nota: S.P = Sisihan Piawai

Dapatan ini selari dengan hasil kajian oleh Khadijah *et al.*, (2014) yang mendapati faktor keluarga merupakan pendorong utama berlakunya kes kehilangan kanak-kanak. Menurut Khadijah dan rakan-rakan, penceraian ibu bapa merupakan faktor tertinggi berlakunya kes kehilangan kanak-kanak kerana terdapat 17 kes laporan kanak-kanak hilang adalah disebabkan masalah di dalam institusi kekeluargaan. Selain itu, Mao (2012) mendapati kurang akses kepada sumber-sumber seperti keperluan dan kehendak di dalam rumah mempengaruhi faktor penolak kepada kes kehilangan kanak-kanak. Manakala Mercer (2009) juga mendapati bahawa faktor kemiskinan, kurang bimbingan daripada ibu bapa dan jurang komunikasi antara ahli keluarga merupakan faktor penolak kepada masalah ini.

Selain faktor penolak, faktor penarik juga memberi kesan kepada berlakunya kes kehilangan kanak-kanak. Faktor utama yang mendominasi adalah pengaruh rakan sebaya. Rakan sebaya memberi pengaruh yang agak besar terhadap pertumbuhan sosial lebih-lebih lagi kepada kanak-kanak yang menginjak usia. Berdasarkan kajian Achakzai (2011) 89 peratus kanak-kanak meninggalkan rumah kerana pengaruh rakan sebaya. Dapatan kajian tersebut selari dengan kajian oleh Khadijah *et al.*, (2014) yang mendapati 27 kes mengakui bahawa mereka menerima ajakan dari rakan-rakan untuk tidak pulang ke rumah.

Seterusnya, faktor persekitaran yang terdedah kepada teknologi yang serba canggih kesan daripada modenisasi dan globalisasi pada masa kini memberi pengaruh negatif kepada kanak-kanak. Menerusi kajian Mao (2012) perbandaran pesat dan pengaruh media massa dan teknologi mempengaruhi kanak-kanak untuk meninggalkan rumah tanpa kebenaran ibu bapa. Di dalam kajian Khadijah *et al.*, (2014) pula menunjukkan bahawa terdapat 15 kes kehilangan kanak-kanak adalah disebabkan asyik bermain dengan permainan video di pusat kafe siber dan ada di antara kanak-kanak ini berjalan di pusat membeli-belah disebabkan pemesanan pembandaran yang berlaku. Ianya menjadi faktor penarik untuk kanak-kanak

menghilangkan diri tanpa pengetahuan ibu bapa.

### **Dimensi Punca Keluarga**

Jadual 3 di bawah memaparkan analisis item bagi dimensi punca keluarga. Terdapat enam (6) kenyataan yang disenaraikan dalam borang soal selidik. Setiap kenyataan yang disenaraikan mempunyai nilai minimum 1 dan nilai maksimum 5. Secara keseluruhannya, min tertinggi adalah pada kenyataan kesibukan ibu bapa sehingga kurang meluangkan masa bersama anak-anak ( $\text{min}=4.30$ ;  $s.p=0.681$ ), diikuti oleh kecuaian ibu bapa menjaga anak-anak mereka menyebabkan kes kehilangan kanak-kanak berlaku ( $\text{min}=4.19$ ;  $s.p=0.813$ ) dan ibu bapa kurang berkemahiran dalam mendidik dan berinteraksi, tidak mengambil berat dan tidak menunjukkan kasih sayang terhadap anak-anak ( $\text{min}=4.15$ ;  $s.p=0.827$ ).

**Jadual 3 : Dimensi Punca Keluarga**

<b>Kenyataan</b>	<b>N</b>	<b>Min</b>	<b>S.P</b>	<b>Minm.</b>	<b>Maks.</b>
1. Kesibukan ibu bapa sehingga kurang meluangkan masa bersama anak-anak. (contoh: beriadah bersama, melakukan aktiviti bersama)	120	4.30	.681	1	5
2. Kecuaian ibu bapa menjaga anak-anak mereka. (contoh: sikap sambil lewa, leka dan alpa ibu bapa itu sendiri)	120	4.19	.813	1	5
3. Ibu bapa kurang berkemahiran seperti mendidik dan berinteraksi, tidak mengambil berat dan menunjukkan kasih sayang.	120	4.15	.827	1	5
4. Kanak-kanak yang kurang kasih sayang mencari kebebasan dan keseronokan di luar. (contoh: menghabiskan masa dengan rakan sebaya)	120	4.11	1.019	1	5
5. Sikap tidak bertanggungjawab penjaga. (contoh: pengabaian terhadap anak-anak)	120	4.04	.803	1	5
6. Ibu bapa yang mempunyai krisis perkahwinan. (contoh: ibu bapa yang kerap bertengkar, atau bercerai)	120	4.03	.788	1	5

Nota: S.P = Sisihan Piawai, Minm. = Minimum, Maks. = Maksimum

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa belia mempersepsikan kesibukan ibu bapa untuk meluangkan masa bersama anak-anak sebagai punca utama kes kehilangan kanak-kanak bagi dimensi keluarga. Kesibukan ibu bapa banyak mendatangkan kesan buruk kepada anak-anak itu sendiri. Begitu juga dengan kecuaian ibu bapa terhadap keselamatan anak-anak. Hal ini dapat dibuktikan dengan peningkatan kes-kes kematian kanak-kanak dan taburan kematian kanak-kanak dari tahun ke tahun meningkat di Malaysia disebabkan kecuaian oleh ibu bapa (Zakaria, 2015). Selain itu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa faktor dalaman seperti kurang didikan agama, kurang persediaan dan kemahiran sebagai ibu bapa merupakan faktor berlakunya jenayah yang melibatkan kanak-kanak dan menjadi salah satu faktor penyebab kanak-kanak meninggalkan rumah (Al-Dawamy *et al.* 2010).

Selanjutnya, tiga kedudukan analisis item yang terendah adalah pada kenyataan kanak-kanak yang kurang kasih sayang mencari kebebasan dan keseronokan di luar ( $\text{min}=4.11$ ;  $s.p=1.019$ ), sikap tidak bertanggungjawab penjaga ( $\text{min}=4.04$ ;  $s.p=0.803$ ) dan bagi kenyataan terakhir sekali, nilai min berada di bawah paras 4 yang membawa erti majoriti responden tidak bersetuju atau tidak pasti adalah bagi kenyataan ibu bapa yang mempunyai krisis perkahwinan ( $\text{min}=3.87$ ;  $s.p=0.788$ ).

Bertitik tolak daripada hal ini, didapati bahawa ada di antara kanak-kanak yang kurang kasih sayang cuba mencari kebebasan dan keseronokan di luar. Hal ini selari dengan kajian oleh Doughty (2011), dan Rees dan Lees (2005) yang mendapati kanak-kanak hilang atau mlarikan diri adalah disebabkan kemurungan di dalam rumah sendiri. Akibatnya, kanak-kanak ini mengambil jalan mudah untuk keluar rumah bagi mencari ketenangan, keseronokan dan kebebasan di luar rumah. Selain itu, penceraian ibu bapa juga merupakan salah satu faktor berlakunya kes kehilangan kanak-kanak.

### ***Dimensi Punca Individu***

Berikutnya, Jadual 4 menunjukkan analisis item bagi dimensi punca individu. Secara keseluruhannya, responden mempersepsikan bahawa dua penyebab utama faktor individu ialah kanak-kanak meninggalkan rumah kerana menjadi mangsa dera sama ada secara fizikal atau seksual ( $\text{min}=4.16$ ;  $s.p=0.810$ ) diikuti kanak-kanak mudah terpengaruh atau dipujuk untuk mengikut serta meninggalkan rumah tanpa menyedari akibatnya ( $\text{min}=4.06$ ;  $s.p=0.843$ ). Hasil kajian ini selari dengan dapatan kajian oleh Springer's (2001), yang mendapati bahawa kanak-kanak yang mlarikan diri dari rumah akibat didera oleh ahli keluarga mereka sendiri. Hal ini boleh dikaitkan dengan statistik yang direkodkan oleh pihak polis mencatatkan sebanyak 4069 kes kehilangan kanak-kanak dengan alasan mengikut kawan (2,370 kes) dan kekasih (1,699 kes) (Malay Mail Online, 2016).

Selain itu, kajian mendapati empat kedudukan analisis item yang terendah adalah pada kenyataan kanak-kanak meninggalkan rumah kerana tekanan emosi

(min=3.90; s.p=1.016); kebebasan yang terhad menyebabkan kanak-kanak lebih gemar keluar rumah (min=3.82; s.p=1.100); tidak dapat apa yang diingini punca kanak-kanak melarikan diri atau menghilangkan diri (min=3.72; s.p=0.871) dan kanak-kanak terlalu nakal dan sukar dikawal (min=3.82; s.p=1.100).

**Jadual 4 : Dimensi Punca Individu**

Kenyataan	N	Min	S.P	Minm.	Maks.
1. Kanak-kanak meninggalkan rumah kerana menjadi mangsa dera sama ada secara fizikal/ seksual menyumbang berlakunya kanak-kanak meninggalkan rumah.	120	4.16	.810	1	5
2. Kanak-kanak mudah terpengaruh atau dipujuk untuk mengikut serta meninggalkan rumah tanpa menyedari akibatnya.	120	4.06	.843	1	5
3. Kanak-kanak meninggalkan rumah kerana tekanan emosi	120	3.90	1.016	1	5
4. Kebebasan yang terhad menyebabkan kanak-kanak lebih gemar keluar rumah.	120	3.82	1.100	1	5
5. Tidak dapat apa yang diingini punca kanak-kanak melarikan diri atau menghilangkan diri.	120	3.72	.871	1	5
6. Salah satu faktor kes kehilangan berlaku apabila kanak-kanak tersebut terlalu nakal dan sukar dikawal.	120	3.63	1.138	1	5

Nota: S.P = Sisihan Piawai, Minm. = Minimum, Maks. = Maksimum

#### **Dimensi Punca Rakan Sebaya**

Jadual 5 menunjukkan analisis item bagi dimensi punca rakan sebaya. Terdapat enam (6) kenyataan yang disenaraikan dalam borang soal selidik. Secara keseluruhannya, terdapat tiga (3) kenyataan yang mempunyai nilai min tertinggi yang dipersepsikan oleh responden iaitu kanak-kanak menganggap rakan sebaya mampu memberikan keseronokan kepada mereka (min=4.18; s.p=0.694), diikuti kanak-kanak lebih senang berbincang masalah diri dengan rakan sebaya (min=4.17; s.p=0.901) dan mempunyai pemasalahan yang hampir sama dengan rakan sebaya punca kanak-kanak lebih banyak menghabiskan masa bersama rakan-rakan (min=4.10; s.p=0.901).

Kanak-kanak pada masa sekarang gemar keluar mengikut kawan-kawan mereka tanpa memberitahu ibu bapa mereka terlebih dahulu sehingga tiada siapa yang dapat mengawasi pergerakan anak-anak tersebut. Jelaslah bahawa rakan sebaya mampu memberi impak kepada perkembangan sosial lebih-lebih lagi kanak-kanak yang menginjak usia. Berdasarkan kajian Achakzai (2011), 89 peratus kanak-kanak meninggalkan rumah kerana pengaruh rakan sebaya.

**Jadual 5 : Dimensi Punca Rakan Sebaya**

<b>Kenyataan</b>	<b>N</b>	<b>Min</b>	<b>S.P</b>	<b>Minm.</b>	<b>Maks.</b>
1. Kanak-kanak menganggap rakan sebaya mampu memberikan keseronokan kepada mereka.	120	4.18	.694	1	5
2. Kanak-kanak lebih senang berbincang masalah diri dengan rakan sebaya.	120	4.17	.901	1	5
3. Mempunyai pemasalahan yang hampir sama dengan rakan sebaya punca kanak-kanak lebih banyak menghabiskan masa bersama rakan-rakan mereka.	120	4.10	.771	1	5
4. Ajakan rakan-rakan dalam melakukan perkara negatif seperti melepak, bermain game online di siber kafe.	120	3.98	.948	1	5
5. Ajakan rakan sebaya untuk tinggal bersama.	120	3.72	.972	1	5
6. Rakan-rakan tidak berpengaruh di dalam kehidupan kanak-kanak.	120	2.99	1.081	1	5

Nota: S.P = Sisihan Piawai, Minm. = Minimum, Maks. = Maksimum

#### **Dimensi Punca Persekutaran**

Seterusnya, Jadual 6 di bawah memaparkan analisis item bagi dimensi faktor persekitaran. Secara keseluruhannya, terdapat dua kenyataan yang mempunyai nilai min tertinggi yang dipersepsikan oleh responden iaitu diculik oleh orang yang tidak dikenali ( $\text{min}=4.23$ ;  $\text{s.p}=0.867$ ) diikuti oleh kanak-kanak mudah terpengaruh dengan kata-kata manis dengan orang yang tidak dikenali ( $\text{min}=4.09$ ;  $\text{s.p}=0.850$ ).

Dapatan kajian ini selari dengan hasil kajian Wilson (2000), yang mendapati beberapa kategori kanak-kanak hilang antaranya adalah penculikan oleh orang asing. Hasil siasatan Polis Diraja Malaysia mendapati bahawa faktor utama kes penculikan kanak-kanak adalah untuk mendapatkan wang tebusan daripada keluarga yang

kebiasaanya melibatkan mereka yang mengenali keluarga mangsa. Akan tetapi ada motif lain seperti balas dendam atau menuntut kembali hutang daripada keluarga kanak-kanak malang terbabit (Mstar, 2015).

Selain itu, kanak-kanak selalu diberi persepsi bahawa orang jahat tidak mempunyai ciri dan perwatakan yang baik. Mereka sukar untuk meramal sama ada individu yang tidak dikenali mempunyai niat tidak baik apabila mempunyai fizikal yang cantik, bercakap lemah lembut, tidak berkasar kepada mereka sehingga kanak-kanak mudah percaya apa yang dilihat dan didengar daripada memikirkan apa risiko yang bakal terjadi (Norulhuda, 2014).

**Jadual 6 : Dimensi Punca Persekutaran**

<b>Kenyataan</b>	<b>N</b>	<b>Min</b>	<b>S.P</b>	<b>Minm.</b>	<b>Maks.</b>
1. Diculik oleh orang yang tidak dikenali adalah punca yang menyebabkan kes kanak-kanak hilang meningkat	120	4.23	.867	1	5
2. Kanak-kanak mudah terpengaruh dengan kata-kata manis dengan orang yang tidak dikenali punca kes kehilangan kanak-kanak.	120	4.09	.850	1	5
3. Melepak, berjalan-jalan dan berlegar-legar di pusat membeli belah punca kanak-kanak hilang.	120	3.89	.906	1	5
4. Pengaruh teknologi seperti permainan video di kafe siber punca kanak-kanak terpengaruh untuk tidak pulang ke rumah.	120	3.85	.932	1	5
5. Tekanan hidup seperti masalah ekonomi adalah salah satu sebab berlakunya kes kehilangan terhadap kanak-kanak.	120	3.59	1.057	1	5
6. Kanak-kanak diculik oleh orang yang dikenali seperti ibu/ ayah/ nenek/ jiran juga merupakan punca berlakunya kes kehilangan kanak-kanak.	120	3.30	1.127	1	5

Nota: S.P = Sisihan Piawai, Minm. = Minimum, Maks. = Maksimum

## KESIMPULAN

Hasil kajian ini memberikan gambaran tentang persepsi belia terhadap kes kehilangan kanak-kanak. Kes kehilangan kanak-kanak pada masa kini bukanlah suatu isu baharu bagi sesebuah negara yang sedang membangun dan ia adalah salah satu masalah sosial yang boleh menimbulkan suasana tidak selesa atau selamat dalam kalangan ahli masyarakat. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati belia mempersepsikan kehilangan kanak-kanak adalah disebabkan oleh keempat-empat faktor yang dikaji iaitu keluarga, individu, rakan sebaya dan persekitaran. Punca utama kehilangan kanak-kanak yang dipersepsikan oleh belia adalah faktor keluarga iaitu kesibukan ibu bapa sehingga kurang meluangkan masa bersama anak-anak. Untuk membendung dan mengatasi masalah ini, ibu bapa perlu meluangkan masa dan perhatian dengan penuh kasih sayang kepada anak-anak. Ibu bapa juga perlu peka terhadap perubahan yang berlaku pada diri anak-anak dengan memantau pergerakan mereka. Hal ini kerana insan yang paling rapat dan dekat dengan anak-anak mereka adalah ibu bapa. Sehubungan itu, ibu bapa perlu memainkan peranan yang penting bagi melindungi anak-anak mereka daripada menjadi mangsa gejala yang tidak baik ini. Selain itu, ibu bapa perlu mengukuhkan asas kekeluargaan melalui terapi keluarga seperti kaunseling, kemahiran keibubapaan, aspek keagamaan dan kemahiran komunikasi.

Selain daripada punca keluarga, individu, rakan sebaya dan persekitaran juga menjadi penyebab kepada kes kehilangan kanak-kanak ini. Bagi membanteras masalah ini daripada terus terjadi lagi semua pihak termasuk golongan belia perlu prihatin dan sensitif terhadap keselamatan kanak-kanak. Dengan adanya kerjasama antara masyarakat dan pihak polis mampu mengurangkan kes kehilangan kanak-kanak. Kerjasama ini perlu diperluaskan lagi dengan institusi-institusi sosial yang lain seperti institusi pendidikan, keagamaan dan institusi bukan kerajaan dalam menjalankan kewenangan kesedaran membanteras kes kehilangan kanak-kanak. Antara langkah yang telah dilaksanakan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah dengan mewujudkan Portal Kanak-kanak Hilang bagi menangani kes kanak-kanak hilang di negara ini (PDRM, 2015). Selain itu, kanak-kanak perlu mendapatkan pendedahan awal sebelum kejadian buruk seperti kes kehilangan berlaku kepada mereka. Kanak-kanak perlu diberi pendidikan seperti kemahiran mempertahankan diri dan mengingati nombor telefon ibu bapa dan melaporkan kepada orang yang boleh dipercayai seandainya berlaku kecemasan seperti diculik atau hilang dari pengawasan ahli keluarga. Mereka juga perlu mendapatkan keizinan daripada ahli keluarga sekiranya ingin keluar rumah dan agar jangan sesekali berjalan bersendirian. Kesimpulannya, kajian ini telah mendedahkan punca-punca tentang kes kehilangan kanak-kanak yang berlaku masa kini kepada belia, ibu bapa dan masyarakat. Justeru secara tidak langsung, ianya dapat membuka mata masyarakat untuk bersama-sama membendung dan membanteras masalah ini agar tidak berulang kembali.

## RUJUKAN

- Abdullah, A. (2010). Tema dan isu penyelidikan mengenai gejala sosial pada dekad pertama abad 21 di Malaysia. *AKADEMIKA*, 78 . pp. 3-14. ISSN 0126-5008.
- Achakzai, J. K. (2011). Causes and Effects of Runaway Children in Crisis: Evidence from Balochistan. *Pakistan Economic and Social Review*. 49 (2): 211–230.
- ACPO. (2005). *Guidance on the management, recording and investigation of missing persons* [online]. Available from <http://www.app.college.police.uk/app-content/major-investigation-and-public-protection/missingpersons/> [Accessed 25 October 2014].
- Alavi, K., Nen, S., Mohamad, M. S., Sarnon, N., Ibrahim, F., & Hoesni, S. M. (2014). Understanding the Factors of Children Missing/Running Away from Home in Malaysia. *Sains Humanika*, 66(1)
- Al-Dawamy, A. R., & Sulaiman H. S. N. (2010). *Persepsi Pelajar Tentang Kejadian Jenayah Terhadap Kanak-kanak*. pp. 1-8. (Unpublished).
- Amran, M. (2013). *Kes orang hilang meningkat*. Utusan. Retrieved October 10, 2014, dari Laman Web Utusan Online: [http://www.utusan.com.my/utusan/Jenayah/20131227/je\\_08/](http://www.utusan.com.my/utusan/Jenayah/20131227/je_08/)
- Azizi, Y., Shahrin, H., Jamaludin. R., Yusof. B., & Abdul, R. H. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn.Bhd
- Baron, R.A., Byrne, D. (2004). *Social Psychology*. (10th ed). USA:Pearson.
- Doughty, S. (2011). *Less than Fifth of Child Runaways Reported Missing by Parents and Guardians*.The Daily Mail. Retrieve 4 May 2012. <http://www.dailymail.co.uk/news/article-2061597/Children-broken-homes-timeslikely-run-away.html#ixzz1u32UJmvl>.
- Hammer, H., Finkelhor, D., & Sedlak, A. (2002). *Runaway/Thrownaway Children: National Estimates and Characteristics*. NISMART: National Incidence Studies of Missing, Abducted, Runaway, and Thrownaway Children. Washington, D.C.:U.S. Department of Justice, Office of Juvenile Justice and Delinquency Prevention.
- Kamus Dewan. (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krejcie, Robert V., Morgan, Daryle W., “Determining Sample Size for Research Activities”, *Educational and Psychological Measurement*, 1970.
- Laman Web Rasmi Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia. (2014). Akta Kanak-Kanak & Orang Muda (Pekerjaan) 1966 (English) (Akta 350). [online]. Available from <http://jtksm.mohr.gov.my/index.php/my/akta-dan-peraturanperburuan>. [Accessed 24 September 2014]

- Majid, M. K. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Man, A. F. (2000). Predictors of Adolescents Running Away Behavior. *Social Behavior and Personality: An International Journal*. 28(3): 261–267.
- Mao, S. (2012) *Out Of Sight* (A Socio-Legal Study On The Issue Of Missing Children In The State Of Gujarat). Unpublished Doctoral Dissertation, The Maharaja Sayajirao University of Baroda.
- Matchinda, B. (1999). The Impact of Home Background on the Decision of Children to Runaway: The Case of Yaounde City Street Children in Cameroon. *Child Abuse & Neglect*. 23(3): 245–55.
- Maxfield, M. G., & Babbie, E. R. (2005). *Research methods for criminal justice and criminology*. Wadsworth Publishing Company.
- Mercer, T. (2009). *Family Voices: An Ethnographic Study Characteristics of Family and Caregiver Perspective on Streets Children in Eldoret, Kenya*. Unpublished Masters Dissertation, the University of Yale, USA.
- Milburn, N. G., Ayala, G., Rice, E., Batterham, P., & Rotheram-Borus, M. J. (2006). The Existing Discrimination and Homelessness Among Homeless Adolescents. *Cultural Diversity and Ethnic Minority Psychology*. 12: 658–672.
- Mohammed, N. (2003). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mstar Online. (2015). *Lapan Kes Culik Kanak-Kanak Sejak 2012 - KDN*. [online]. Available from <http://www.mstar.com.my/berita/berita-jenayah/2015/07/02/kes-culik/>. [Accessed 23 February 2017].
- Mstar Online. (2014). *Dua Beradik Dilarikan Penjenayah Selamat*. [online]. Available from <http://www.mstar.com.my/berita/berita-jenayah/2014/06/25/dua-beradik-dilarikan/>. [Accessed 23 February 2017].
- Norulhuda, S. (2014). *Risiko Kanak-kanak Hilang Strategi Dan Langkah Perlindungan*. ISM MINDA, 15, 12-15. <http://www.ism.gov.my/files/Perkhidmatan/arkib penerbitan/2014/ism-minda 2014.pdf>.
- Portal Intranet SPDIIS. *Dasar dan Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-kanak Negara*. [online]. Available from [http://spdiis.ism.gov.my/docs/shared/element/view/692/?sphrase\\_id=961](http://spdiis.ism.gov.my/docs/shared/element/view/692/?sphrase_id=961) [Accessed 24 September 2014].
- Portal Komuniti Ukhwah. Com. (2006). *Belia*. [online]. Available from <http://ukhwah.com/ukhwah/article.php?sid=2353>. [Accessed 24 September 2014].
- Portal Rafidah Shapuan's Weblog. (2008). *Keselamatan kanak-kanak, di mana keprihatinan kita?* [online]. Available from <https://rafidahshapuan.wordpress.com/2008/03/03/20>. [Accessed 20 February 2017].

- Portal Rasmi Polis Diraja Malaysia. (2014). *Statistik Orang Hilang*. [online]. Available from <http://www.rmp.gov.my/statistik-orang hilang> [Accessed 20 October 2014].
- Portal Rasmi Polis Diraja Malaysia. (2015). *PDRM Lancar Portal Kanak-kanak Hilang*. [online]. Available from <https://www.rmp.gov.my/news-detail/2015/07/08/pdrm-lancar-portal-kanak-kanak-hilang> [Accessed 23 February 2017].
- Portal Malay Mail Online. (2016). *Polis: 10,000 hilang, 659 kanak-kanak masih gagal ditemui*. [online]. Available from <http://www.themalaymailonline.com/projekmmo/berita/article/polis10000-hilang-659-kanak-kanak-masih-gagal-ditemui> [Accessed 20 February 2017].
- Portal Utusan Online. (2007). Kronologi Kes Kehilangan Nurin Jazlin. [online]. Available from [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0929&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Jenayah&pg=je\\_03.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0929&pub=Utusan_Malaysia&sec=Jenayah&pg=je_03.htm).
- Rees, G. and Lee, J. (2005). Still Running II. The Children's Society: London.
- Roberts, A. R. (1982). Stress and coping patterns among adolescent runaways. *Journal of Social Service Research*, 5, 15–27.
- Rohayati, D. (2004). *Persepsi Ibu Bapa Terhadap Faktor-Faktor Keruntuhan Akhlak Remaja Islam Masa Kini: Satu Tinjauan Di Taman Aman Anak Bukit, Alor Setar Kedah*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Rotheram-Borus, D. J., Mahler, K. A., Koopman, C., & Langabeer, K. (1996). Sexual Abuse/History and the Associated Multiple Risk Behavior in Adolescent Runaways. *American Journal of Orthopsychiatry*. 66: 382–400.
- Rozumah, B. (2003). *Nota kuliah kaedah dan penyelidikan dalam pembangunan manusia: PEM 3001*. Universiti Putra Malaysia.
- Sedlack, A., Finkelhor, D., Hammer, H., & Schultz, D. (2002). *Nation Estimates of Missing Children: An Overview*. Washington, DC: U.S. Department of Justice, Office of Justice Programs, Office of Juvenile Justice and Delinquency Prevention.
- Sinyang, A. (2013). *Laporan Khas - Kes Kanak-Kanak Hilang Membimbangkan*. Utusan. Retrieved October 10, 2014. [http://ww3.utusan.com.my/utusan/Laporan\\_Khas/20131118/lk\\_01/Laporan\\_Khas/20131118/lk\\_01/Kes-kanak-kanak-hilang-membimbangkan](http://ww3.utusan.com.my/utusan/Laporan_Khas/20131118/lk_01/Laporan_Khas/20131118/lk_01/Kes-kanak-kanak-hilang-membimbangkan).
- Springer, D. W. (2001). Runaway Adolescents Huckleberry Finn: Today's Crisis. Brief Treatment and Crisis Intervention. 1: 131–151.
- Wilson, J. (2000). National Incidence Studies of Missing, Abducted, Runaway, and Thrown Away Children (NISMART 2). *Juvenile Justice Bulletin*. U.S. Department of Justice, Office of Justice Programs, Office of Juvenile Justice and Delinquency Prevention.

- Yusmawati Mohd Yusof, (2013). *4,998 orang hilang tahun ini*. myMetro. Retrieved, September 24 2014, dari Laman Web myMetro: [http://www2.hmetro.com.my /myMetro/article4\\_998oranghilangtahunini/Article/index\\_html](http://www2.hmetro.com.my /myMetro/article4_998oranghilangtahunini/Article/index_html).
- Zakaria, M. R. (2015). Kecuaian dan pengabaian kanak-kanak oleh ibu bapa: kedudukannya di bawah Akta Kanak-kanak 2001 dan prinsip syariah. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 19, 37-49.

***Profil Penulis:***

***Azlina Binti Mohd Khir, PhD***

*Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan*

*Fakulti Ekologi Manusia*

*Universiti Putra Malaysia*

***Nor Aina Syafiqah Rodzuwan***

*Fakulti Ekologi Manusia*

*Universiti Putra Malaysia*

***Noor Shahirah Muhammad Nizam***

*Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan*

*Fakulti Ekologi Manusia*

*Universiti Putra Malaysia*

## YOUTHS AND THE MAINTENANCE OF THE PORTUGUESE IDENTITY IN MELAKA

E-JYNN YEOW, LEE YOK FEE & SARJIT S. GILL

### **ABSTRACT**

*The Portuguese identity plays an important role not only towards the Portuguese community but also to Malaysia. If the Portuguese community does not preserve their identity, they may lose their identity throughout time. It will be a loss for Malaysia as well because Malaysia is regarded as a country uniquely rich with its ethnic diversity. This Portuguese community is the only community in the world where they speak a localized Portuguese language, furthermore, their customs and cultures are influenced by the locals through assimilation. Thus, this paper aimed to examine the roles of language, customs and traditions in the maintenance of cultural identity among the Portuguese community in Melaka, Malaysia based on the Portuguese youths' perspectives. In this article, we analyze the role of the youths in the maintenance of the Portuguese identity - a topic not widely explored. Data were collected from seven (7) open ended interview questions based on Berry's acculturation model (2005). Eight (8) Portuguese youths were interviewed face-to-face in Melaka Portuguese settlement from May to June 2017. The results showed that the respondents emphasized that the maintenance of Portuguese identity should focus on the cultural perspectives such as the Portuguese traditional customs and festival celebration. However, unlike other ethnic groups in Malaysia, the element of language, i.e. Kristang language was deemed as unimportant in the youths' opinion on Portuguese identity.*

**Keywords:** Portuguese, Cultural Identity, Youths, Maintaining Identity, Portuguese Community

### **ABSTRAK**

*Identiti Portugis memainkan peranan yang penting bukan sahaja kepada komuniti Portugis tetapi juga kepada Malaysia. Jika masyarakat Portugis tidak mengekalkan identiti mereka, mereka mungkin akan kehilangan identiti mereka pada masa yang akan datang. Kehilangan identiti Portugis akan menjadi kerugian yang besar bagi Malaysia kerana Malaysia sering dilihat sebagai negara yang kaya dengan kepelbagaiannya etniknya. Komuniti ini adalah satu-satunya komuniti di seluruh dunia di mana mereka bertutur dalam Bahasa Portugis yang berunsur dengan masyarakat setempat serta adat dan kebudayaan mereka juga dipengaruhi oleh masyarakat setempat. Oleh itu, tujuan artikel ini adalah untuk mengkaji peranan bahasa, adat dan tradisi dalam pengekalan identiti budaya di kalangan masyarakat peranan Portugis di Melaka, Malaysia berdasarkan perspektif remaja Portugis. Dalam artikel ini, kami menganalisis peranan remaja dalam pengekalan identiti mereka, topik ini masih belum diterokai secara meluas. Data dikumpulkan dari tujuh (7)*

*soalan temu ramah terbuka berdasarkan model acculturation Berry (2005). Dari bulan Mei hingga bulan Jun 2017, seramai lapan (8) remaja Portugis telah ditemui bual di Perkampungan Portugis, Melaka. Kajian ini menunjukkan bahawa para pemberi maklumat menekankan bahawa pengekalan identiti Portugis harus fokus dari perspektif budaya seperti adat tradisi Portugis dan penyambutan perayaan. Bagaimanapun, tidak seperti kumpulan etnik lain di Malaysia, golongan belia Portugis menganggap unsur Bahasa seperti Bahasa Kristang tidak penting dalam pengekalan identiti Portugis.*


**Kata Kunci:** Portugis; Budaya, Remaja, Pengekalan Identiti, Masyarakat Portugis

## INTRODUCTION

In the early 1400s, Melaka under the Malay Sultanate was already a bustling center of trade with China being the Malay Sultanate earliest trading partner (Wade, 2005). Then in 1509, the first Portuguese sailing ship arrived at the Straits (Ricklefs, 1991). In 1511, Melaka was conquered by the Portuguese until 1641, the reason being of its ideal location, in which the Dutch took over the control of Melaka after a siege (João & Vítor, 2012). The Dutch used Melaka as a mere guard post on the way to a new Malay and Dutch trading centers in Johor and islands of Java. Melaka was under the Dutch control until 1824 where they then ceded Melaka formally to the British in bilateral attempt to consolidate colonial possessions. Melaka was then ruled by the British until Malaya was granted independence in 1957 (National Archives of Malaysia, 2011).

The Portuguese community or also known as the Kristang community in Melaka mostly resides in the Portuguese Settlement in Ujong Pasir, roughly five kilometers from Melaka City, Malaysia as shown in Diagram 1. During the 16th to 17th century, the Portuguese colonial period, mixed marriages between the Portuguese and the locals (Malay, Indian and Chinese) was practiced and this then led to the creation of the Portuguese ethnic group in Malaysia. Gradually, Portuguese families which were scattered throughout Melaka were moved into the settlement, 11 hectares of land which was purchased through the efforts of two (2) Catholic priests, Father Pierre Francois and Father Álvaro Martinho Coroado to create a haven for the Kristang community (Sarkissian, 2005). Founded in 1997, the Malacca Portuguese Eurasian Association reunites the Portuguese descendants by having meetings and organizing many Portuguese related cultural activities (Sarkissian, 2005). The Portuguese community in Melaka is unique in a way that the community has their own distinct language, the Kristang language. The language is a creole from the Portuguese language. The Kristang language is only spoken by the Portuguese in Melaka and no other place in the whole world. In addition to that, in 2007, UNESCO had listed the Portuguese creole to be highly endangered as the language has only approximately 2,150 speakers where only about a third of the speakers are young adults (Bradley, 2007).

**Diagram 1: Map of Portuguese Settlement**



Source: *Malaysia Travel Guide*

In modern day Melaka, according to the Regedor (village headman), Mr Richard, the population of the Portuguese people stands around 1,200 (Richard David Hendricks, personal communication, 14th Jan 2017) and it is merely 0.1% of the population in Melaka which stands at 872,900 (Department of Information, Ministry of Communications and Multimedia Malaysia, 2015). The existence of the Portuguese identity could become extinct as they are facing various threats such as lack of living space, land reclamation around the Portuguese settlement and also the gradual loss of the Kristang language. The community here stands out because it is the only sanctuary in Malaysia for the Portuguese people where the Portuguese customs and traditions are very much alive and still being practiced by the Portuguese in the settlement.

The identity of the Portuguese people can only be maintained if their culture survives. Culture plays a major role in shaping a person's identity. A person's identity is defined by the culture they grew up in and the culture they practiced. The culture that they practice contributes to how they see themselves and also to the groups which they are identified with. For one to understand his or her own identity, it all develops from birth and then shaped by the values and attitudes prevalent at home and the surrounding community. Including systems of norms, beliefs, world view, social institutions and values, culture is the collective matrix or web of influences that shape the lives of individuals and groups (Corin, 1994).

Culture is where it makes a person feel most at home, it allows a person to have that sense of belonging. Culture gives identity and meaning to each and every human. It takes many forms, like visual arts, performing arts, crafts, literature and the history of each individual; expressing one's beliefs through language and communication forms; institutions created by humans to express their social and political beliefs; and how well humans able to adapt in the natural environment. The societal glue that holds humans together or tears humans apart is how culture is created. Therefore, if what connects each individual is culture, then the tool that tempers and strengthens this connection will be through community development. For a community to survive and thrive, the community cannot remain static and some degree of change is required and necessary.

This paper aims to examine the roles of language, customs and traditions in the maintenance of cultural identity among the Portuguese community in Melaka, Malaysia. There are few main parts in this paper, firstly, the literature review on relevant studies on cultural identity and identity maintenance; secondly, methodology and theoretical framework used; thirdly, the findings of the study; and lastly a conclusion.

## LITERATURE REVIEW

This section will discuss on the past studies on what defines heritage language and how cultural identity is being perceived. Furthermore, this section will also explain Berry's acculturation model. In addition to that, Tan's (1988) study on the Babas in Melaka will also be discussed as the Babas too are the minority and they share certain similarities with the Portuguese of Melaka. Lastly, the term symbolic interactionism, coined by Herbert Blumer (1969), will be discussed to explain why the youths no longer feel the importance in maintaining their Kristang language.

Not only does culture tell us who we are, but also it tells what is to be done, as Worsley has argued. 'It supplies a project, a design for living,' (Worsley, 1984, p.43). Park (2011), reviewed literatures relating to heritage language and cultural identity maintenance, with a specific focus on North America based on the multicultural and multilingual aspects of these countries. It was reported that majority of Asian immigrant parents encouraged their children to be in schools that use heritage language because they recognize the importance of heritage language education. Three benefits were reported by parents with regards to sending their children to heritage language schools: culture maintenance, language learning and the co-ethnic friendship being established. Except for aboriginal languages, brought to host societies by immigrants, heritage language refers to all languages. The term was originally defined in Canada as "a language other than one of the official languages of Canada that contributes to the linguistic heritage of Canada" (Canadian Legal Information Institute, 1991). This showed that heritage language does play a role in the lives of the Portuguese community because the heritage language aids in the culture maintenance in which the youths are falling behind.

In 2000, Ferdman & Horenczyk, described a way to conceptualize cultural identity as one major component of ethnic identity. Both of them pictured cultural identity as the reflection of culture because cultural identity is constructed by people. Cultural identification's strength was conceptualized and measured in terms of self-perceptions and emotions associated with these individual constructions of group culture. There were three elements in cultural identity. The first element involved aspects of a person's ethnic affiliation, the second element explained on the feelings an individual had about the cultural features ascribed to the group and the third element described the view of an individual of how, where and to what degree the group culture is reflected in the self.

Another study, carried out by Benish-Weisman & Horenczyk in 2010 which proposed an emic conceptualization and measurement of identity and adaptation following immigration in which constructs in terms of the immigrant's own criteria and not according to standardized external parameters were both assessed. The study consisted of 337 immigrants of which 137 were men and 200 women from Ukraine and Russia, who immigrated to Israel between 1990 and 1995. The group characteristics questionnaire with relation to their majority ("Israeli"), minority ("Russian"), and ethnic ("Jewish"), in addition the perceived success questionnaire is completed with all the 337 respondents. The results from this study revealed that higher levels of Israeli identity were exhibited by those who perceived their immigration successful than those who perceived their immigration as unsuccessful. The study also found that those who are unsuccessful were characterized primarily by a marginalization orientation. On the other hand, those who perceived as successful showed primarily an integration orientation followed by one of assimilation. Negative valences of the Jewish identity but also positive valences of the Israeli identity, were related positively to success. Lastly, from the study, it was learned that success in terms of competence is defined very likely by newcomers with high levels of Russian identity, whereas immigrants with high levels of Israeli identity tend to characterize success in terms of belonging.

Based on what Ferdman & Horenczyk (2000) mentioned, despite being 10 years apart, the three aspects in the study by Benish-Weisman & Horenczyk (2010), are still relevant. Both studies were on how cultural identity was being perceived and the key aspects that made cultural identity.

Since the 1970s, the importance of heritage language maintenance has been advocated by Cummins. The threshold hypothesis was proposed by Cummins (1976) to account for the relationship between cognitive development and bilingualism. Two levels in the threshold hypothesis, the lower threshold and the higher threshold were then later proposed by Cummins (1979). In order to avoid negative cognitive effects, the lower threshold level of language competence in both languages should be attained. Additionally, regardless of the language of testing, they will have positive cognitive effects when bilinguals reach the higher threshold.

Furthermore, Cummins claimed that the degree to which students have competence in their heritage language at the time when they were introduced to intensive second language learning rests on students' level of second language competence.

Berry (2001) stated that acculturation is "a process that entails contact between two cultural groups, which results in numerous cultural changes in both parties". Thus, the individual's perspective and dominant group's perspective from the host country are both perspectives on how the different acculturation attitudes are described by Berry. Two different dimensions, namely "acculturation attitudes" (Berry 2001;618). In which, first, to what degree of the cultural values the people want to maintain ("cultural maintenance"), and second, to what degree do the people want to be in touch with members of a different cultural group ("intercultural contact")

Berry (2001) stated that acculturation is a process. On the other hand, O'Leary (2001) sees acculturation as an outcome. In accordance with Berry, the importance to see acculturation as a process rather than as a permanent outcome was highlighted by other researchers (e.g. McGuire and McDermott 1988; Ward, 2008). From their point of view, an individual's feelings of belongingness or not and the degree of integration to the host society varies from time to time and the individual's actual situation had to be taken into consideration. Therefore, the outcomes for acculturation should always be perceived as temporary (McGuire and McDermott, 1988).

In Malaysian's minority studies context, a study based on the Baba of Melaka, Malaysia was done by Tan (1988) to examine the nature and dynamics of cultural change, and in particular the relationship between cultural changes. The Baba form a minority within the Chinese group, which after the Malay ethnic group is the second largest ethnic group followed by the Indians in Malaysia. The term 'Peranakan Chinese', refers to the Baba, Malay-speaking Chinese in Malaysia and Indonesia. These Baba use Malay language as their mother tongue and adopted other features of Malay culture, such as Malay style of cooking, women dressing in kebaya and sarong by Baba women and so on.

Despite being perceived by the Malaysian Chinese to be more Malay-like, the Baba's system of thought had hardly integrated any Malay cultural principle. Thus, Tan objected statements such as the 'assimilation' or 'resignification' of the Baba by the Malays. Instead of looking at its internal dynamics, external manifestation of Baba culture was considered when these terms were used to describe them. Back then, through marriage to Nyonya (Baba ladies), the Chinese immigrants were incorporated into the Baba society, it is more the other way round. Among the factors are the 'pure' Chinese dominates the Chinese society in Malaysia as of this time and the Chinese culture and identity are defined by the 'pure' Chinese which then cause the Baba model to be despised. Another factor is that the Baba

living away from the Baba social environment and their Baba identity is lost in the process. The term ‘resignification’ does not match what the Baba had undergone as they have always been Chinese. Although with the adoption of certain Malay cultural features, the Baba’s symbolic order remained Chinese. Besides, the Baba practiced Chinese folk-religion. Rather being a syncretic religious system, it is a polytheistic one, with a hierarchy of spirits, deities and ancestors. Between the Malays and the Baba, Tan stated that an important ethnic boundary marker is religion. This is because the Malays are Muslims but the Babas are not, the Malays do not consume pork but the Babas do. This portrays the Portuguese identity where certain Malay cultural features are adopted, the Portuguese symbolic order remained Portuguese, for example, the Portuguese remained Catholics as it symbolize their identity (Tan, 1988).

The term, symbolic interactionism, coined by Herbert Blumer (1969), put forward that interaction among a person to another by re-defining or interpreting each other’s responses instead of merely reacting to them. In other words, every behavior and action of a person was based on the meanings that they attach to their situations. The symbolic interactionism perspective explored how meanings were attached and created by people during the course of social interactions, how the self was constructed and eventually in the presence of others how a person defined his own situation. Therefore, one of the main idea of symbolic interactionism is that the reason people behave and act the way they do is due to how they define the situations and not how the situations depicts them and controls their actions and behaviours. This can be observed in the Portuguese youths as they no longer feel the need and urge to learn the Kristang language as it holds no significant value nor meaning to them.

Overall, it can be said that very few studies were found on the Portuguese of Melaka that explore which elements of culture have the strongest positive effects, and what can be done to improve the maintenance of the Portuguese identity. Besides, the study carried out by Benish-Weisman & Horenczyk in 2010 might not be applicable as it was carried out in a different context in which immigrants were used. Furthermore Tan’s (1988) study on the Baba and Nyonya will not be able to be fully reflected on the Portuguese as the Baba adopted features of the Malay cultures and did not intermarried with the Malays. But the Portuguese did intermarry with the Malays.

## METHODOLOGY AND THEORETICAL FRAMEWORK

This study adopted a qualitative approach using Berry’s acculturation model (2005), to examine the roles of language, customs and traditions in the maintenance of cultural identity among the Portuguese community in Melaka, Malaysia. The data were collected by interviews. The open-ended interview technique was chosen. An interview guide comprising seven primary questions that could be altered and developed on the interview situation was designed. McNamara (1999), the interview

guide approach is a perfect interview protocol assuring that similar information are acquired from each informant; an equivalence can thus be established among the data collected.

In qualitative studies, to obtain a sample size which is accurate, there is no specific set of criteria to be followed as meaningful information generated by respondents are more important and eliciting a researcher's observational and analytical skills rather than determining the sample size (Patton, 2002). The research will be deemed appropriate as long as it is able to answer the research questions (Sandelowski, 1995). The study involved a total of eight interviewees aged 21 to 24 years old. The selection was made by using the critical case sampling, a type of purposive sampling technique that is particularly useful in exploratory qualitative research. Critical case sampling is used in this study as it permits logical generalization and maximum application of information to other cases because if it's true of this one case, it is likely to be true of all other cases (Patton, 1990).

The study was conducted in the Portuguese settlement of Melaka, Malaysia. The interview questions used in this study was developed based on the literature review to achieve the research objectives. The interview questions were designed to determine the roles of customs and traditions and language in maintaining the Portuguese identity. The interview consists of seven questions. The interview questions will relate to how the Portuguese identity is maintained through customs and traditions and language. The interviews on the eight respondents took 50 days starting from 6th May 2017 until 24th June 2017 to be completed. 50 days were required to complete eight interviews because most of the interviewees were only available either on long holidays or during weekends thus prolonging the duration of the completion of the interviewing process. Pseudonym will be used to ensure the identity of the interviewees stay confidential.

**Table 1: Demographic Profile of The Respondent**

No.	Pseudo Name	Current Occupation	Age	Gender	Marital Status	Preferred Language
1	LS	Student	21	Male	Single	English
2	TJ	Portuguese Dancer	18	Female	Single	English
3	MT	IT Assistant Manager	24	Male	Married	English
4	LD	Economic Affairs Officer	24	Female	Single	English
5	SMA	Student	20	Male	Single	English
6	JMDC	Unemployed	24	Male	Single	English
7	PA	Housewife	23	Female	Married	English
8	AEJ	Student	22	Male	Single	English

*Source: Fieldwork 2017*

Table 1 presents the demographic profiles of the respondents. For all eight (8) respondents, English language seemed to be the preferred language. The gender skewed towards the male gender with five (5) males and three (3) females.

**Diagram 2: Four Acculturation Strategies Based Upon Two Issues**

<b>Strategies of Ethnocultural Groups</b>				
(+) Issue 1	+	(+) Issue 2	=	Integration
(+) Issue 1	+	(-) Issue 2	=	Separation
(-) Issue 1	+	(+) Issue 2	=	Assimilation
(-) Issue 1	+	(-) Issue 2	=	Marginalization

<b>Strategies of Larger Society</b>				
(+) Issue 1	+	(+) Issue 2	=	Multiculturalism
(+) Issue 1	+	(-) Issue 2	=	Segregation
(-) Issue 1	+	(+) Issue 2	=	Melting Pot
(-) Issue 1	+	(-) Issue 2	=	Exclusion

Issue 1: Maintenance of Heritage culture and identity

Issue 2: Relationships sought among groups

*Source: Modified from Berry (2005)*

The acculturation strategies as shown in Diagram 2 explains about four acculturation strategies based upon two issues, in ethnocultural groups and the large society (Berry, 2005). The top figure showed the four possible acculturation strategies for individuals or groups when joining an environment with a foreign host culture. The resulting strategy could be ‘integration’, ‘assimilation’, ‘separation’ or ‘marginalization’ depending on their acculturation attitude from the perspective of non-dominant groups, when a person no longer wishes to maintain his or her cultural identity and seeks daily interaction with other cultures, then this is defined as the assimilation strategy. In this situation, the individual preferred to shed his heritage culture and absorbed into the society that is dominant. Contrary to that, if a person places a value on holding on to his original or heritage culture, and at the same time avoiding interaction with those from other cultures, then the separation alternative is defined. In this phase, the person turns his back on involvement with others from a different culture, and turn inward towards his own heritage culture.

Meanwhile, integration is the option an individual seeks when the individual is in interest with the maintenance of both his heritage culture and the cultures of others. In this situation, the cultural integrity is maintained at some degree and at the same time pursuing, as a member of an ethnocultural group, to engage as an integral part of the larger social network.

Lastly, marginalization is defined when there is hardly any possibility or interest in heritage cultural maintenance (often for reasons of enforced cultural loss), and not keen to have any relations with others (generally for reasons of exclusion or discrimination). Involving different attitudes and behaviors, it is crucial to understand that both assimilation and integration are distinct concepts.

The formulation mentioned above is from the perspective of non-dominant group of people and it is based on the belief that these group of people have the freedom to choose on how they will like to acculturate. Nevertheless, in reality, this is not always the case as when a dominant group imposes certain forms of acculturation, then different terms need to be used. Specifically, non-dominant groups can “freely” and successfully pursue integration only when the dominant group is open and inclusive in its orientation towards cultural diversity. Hence to attain integration, a mutual accommodation is required, where it involves the acceptance by both the non-dominant and dominant groups of the right to live as culturally different groups. In order for this strategy to work, basic values of the larger society have to be adopted by the non-dominant groups and at the same time, now that all groups are living together in the plural society, the dominant group has to adapt national institutions such as education, labour and health so that the needs of all groups are met.

Till date, only from the view of non-dominant ethnocultural groups have these two basic issues been approached. Nevertheless, engaging in the process mutual acculturation by both groups in contact is inevitable as this was clearly established in the original anthropological definition. Thus, the addition of a dimension (Berry, 1980), as seen on the right side of Diagram 2: the powerful role held by the dominant group in influencing how acculturation takes place. Berry shows the expectation of the dominant group for foreigners to acculturate. As the same acculturation attitudes are followed, these strategies are related to the individual ones. They are called ‘multiculturalism’, ‘melting pot’, ‘segregation’ and ‘exclusion’. Firstly, multiculturalism is defined when integration of all the various ethno-cultural groups feature cultural diversity in a society. Secondly, melting pot is termed when non-dominant acculturating group seeks assimilation. Thirdly, segregation is defined when a dominant group is forced with separation. Lastly, exclusion is termed when marginalization is being imposed by the dominant group.

## FINDINGS AND DISCUSSIONS

The data collected during the interview process showed that the youths do take importance of the customs and traditions in maintaining their Portuguese identity. The youths that were interviewed stated that they were brought up with the customs and traditions, thus the customs and traditions have been long bonded with them. This is evident that they chose not to shed their culture and embrace their own thus pointing towards integration (Berry, 2005). As interviewee LD said,

*“I think making a point to actually celebrate the festivals that are held in the settlement is important because these were started by our forefathers and also some of these festivals are to remember our saints. By doing so, it actually reminds us of our roots and origin. These festivals keep me in touch of my own culture. (LD, personal communication, 7th May 2017)”*

Besides the customs and traditions that are carried out in the settlement not only brings their people closer but it also brings the customs and traditions back to live. As explained by interviewee MT,

*“But when it comes to the preparation of the festivals or celebration, they tend to forget about all the conflicts they have and they stand together, unite to get things done so that the festivals or celebration will be able to go on smoothly. Portuguese people of all walks of life will come together to make sure that each festivals or celebration that is being held in the settlement will be a success. (MT, personal communication, 19th May 2017)”*

Not only that, they are proud of their customs and culture because of its uniqueness. They hope the people from different races and religions share and understand their culture. An indication that despite being the minority, they are not forced into assimilation nor separation as there is no restriction imposed on them to practice their culture and they try to reach out to those from a different culture to make them experience their very own culture (Berry, 2005). As mentioned by interviewee SMA,

*“I do invite my friends from different races and religions to come join and experience the uniqueness of my culture as we are the only ones left in Malaysia that celebrate the various Portuguese festival in this scale. (SMA, personal communication, 27th May 2017)”*

As for the aspect of language, they do not see much importance in actually acquiring it or at least being able to speak a few words. The youths that were interviewed see their language, Kristang as something additional, it is as if someone were to learn English, Mandarin or other languages. As said by interviewee LS,

*“I think the Kristang or some would say Portuguese language, is just like one knowing how to speak another tongue. I do not see it as something like you do not know Kristang, you are no fit to be called as a Portuguese. (LS, personal communication, 17th June 2017)”*

In other words, to them language does not reflect one's race nor ethnicity. Furthermore, no formal class or lesson is being held for the Kristang language. As interviewee AEJ said,

*“It is very hard to keep it up with our Kristang language because as you know, we do not get any sort of formal education to actually teach our younger generation the language (AEJ, personal communication, 2nd June 2017)”*

Besides, the youths that were interviewed find no importance of learning nor acquiring the language as the language is rarely used and has no usage the moment they leave the Portuguese settlement as people around them do not speak or know the language. They maintain what they feel is important as a Portuguese and they learn/maintain the culture of others (Bahasa Malaysia and English) as it is a necessity to live in Malaysia thus the integration acculturation was chosen (Berry, 2005). As interviewee TJ explained,

*“The only thing that I am certain is that Kristang is hardly used these days. Usually only the older generation will speak Kristang among themselves. We the younger generation speak English among ourselves. (TJ, personal communication, 24th June 2017)”*

Additionally, they do not agree that if a descendent of the Portuguese of Melaka does not know Kristang, he or she is no longer a Portuguese. As mentioned by interviewee JMDC,

*“To prove myself or to show my Portuguese identity, I will need to know Kristang then that just does not make sense as I believe there are many other traits to show that one is a Portuguese. (JMDC, personal communication, 11th June 2017)”*

Furthermore, it has not crossed the minds of some to teach their children the language although many of the older generation and family members emphasized that the language is vital for the survival of the Portuguese identity. As explained by interviewee PA,

*“In future, I do not think I will be making or teaching my children to speak Kristang because it is practically useless outside the settlement, why will I want to burden my children learning something that is dying and after-all most of the younger generations do not speak Kristang even in the settlement. (PA, personal communication, 28th May 2017)”*

In addition to both aspects, during the whole interviewing process, the researcher did notice that most houses have been renovated to accommodate growing family members due to lack of living space thus losing the actual house structure and design when the Portuguese first moved in the settlement. There are also hardly any cultural elements with the exception of Portuguese cuisines that could be seen or heard in the Portuguese square where most tourists flock to enjoy the Portuguese

cuisines. The Kristang language is also barely heard being used among the youths despite being in the heart of the Portuguese settlement, the only place throughout Malaysia where the Portuguese identity can be experienced by people from different races and religions.

The youths see the customs and tradition as something they were brought up with. The customs and traditions have been infused into their lives since young. To them, they are born Portuguese and that made them Portuguese whether they like it or not.

The language aspect plays a very minute role in the lives of the youths that were interviewed. They see the language as something irrelevant to the period of time they are in. To them the language plays no role nor does it portrays anything Portuguese.

They have very little interest in learning the language.

Based on the four acculturation strategies (Berry, 2005), the youths are on the integration strategy as it is clear that they still maintain the parts of culture which they deemed important to them. Parts of the heritage culture which was taught to them from young was not shed in exchange for a foreign culture. Ultimately, they chose to stand by their own for who they are and not being absorbed into the culture of others.

## CONCLUSION

Customs, traditions and language play a very important role in the maintenance of an ethnic's identity. Due to factors like lack of living space and job opportunities, the younger generations will tend to sway away from their own people's customs and traditions and language as they do not have the same group of people nor the opportunity to practice it. They will then see it as something naturally to just abandon their own customs and traditions and language to embrace the cultural aspects that are practice by the norms of the society that they are in. It is in the younger generation's hands to decide whether these aspects should be maintained or not for one to call themselves as a descendant of the Portuguese of Melaka.

The symbolic interactionism among the youths are clearly noticeable. To begin with, the youths no longer see any importance to learn the Kristang language as they feel it is out of context, as the language is hardly used and understood by not just non-Portuguese people but also Portuguese people of Melaka as well. Although most youths have left the settlement, a totally different environment where hardly anyone practices the same culture as them for either to further their studies or to seek job opportunities, the youths still viewed that the Portuguese culture do play an important role in defining themselves as Portuguese.

## REFERENCE

- Benish-Weisman, M., & Horenczyk, G. (2010). Cultural identity and perceived success among Isreali immigrants: An emic approach. *International Journal of Intercultural Relations*, 34, 516-526.
- Berry, J. (2001). A psychology of immigration. *Journal of Social Issues*, 57(3), 615-631.
- Berry, J. W. (2005). Acculturation: Living Successfully in Two Cultures. *International Journal of Intercultural Relations*, 29, 697-712.
- Blumer, Herbert (1962). "Society as Symbolic Interaction". In Arnold M. Rose. *Human Behavior and Social Process: An Interactionist Approach*. Houghton-Mifflin. Reprinted in Blumer (1969).
- Bradley. D. (2007). *East and Southeast Asia* (349-424). London & New York: Routledge
- Canadian Legal Information Institute. (1991, February 01). *Canadian heritage languages institute act*. Retrieved from <http://www.canlii.org/en/ca/laws/stat/sc-1991-c-7/latest/sc-1991-c-7.html>.
- Cummins, J. (1976). *The influence of bilingualism on cognitive growth: A synthesis of research findings and explanatory hypotheses*. Working Papers on Bilingualism, 9, 1-43.
- Cummins, J. (1979). Linguistic interdependence and the educational development of bilingual children. *Review of Educational Research*, 49(2), 222-251.
- Ferdman, D. M., & Horenczyk, G. (2000). Cultural identity and immigration: Reconstruction the group during cultural transition. In E. Olshtain & G. Horenczuk (Eds.), *Language, identity and immigration* (pp. 81 – 100). Jerusalem: The Hebrew University Magnes Press.
- João Paulo Oliveira e Costa, Vítor Luís Gaspar Rodrigues. (2012). *Campanhas de Afonso de Albuquerque: Conquista de Malaca*, 1511 p.13
- McGuire, Michael and Mc Dermott, Steven (1988) 'Communication in Assimilation, Deviance and Alienation States' in William B. Gudykunst and Young Yun Kim (eds.), *Cross-Cultural Adaptation – Current Approaches*. Newbury Park, Beverly Hills, London, New Delhi: Sage Publications, Inc pp. 90-105.
- McNamara, C. (1999). *General Guidelines for Conducting Interviews*. Retrieved November 18, 2013, from Free Management Library: <http://managementhelp.org/ businessresearch/interviews.htm>
- National Archives of Malaysia.(2011, October 7). *Pengisytiharan Kemerdekaan Tanah Melayu*. Retrieved from <http://www.arkib.gov.my/web/guest/pengisytiharan-kemerdekaan-tanah-melayu>

- O’Leary, Brendan (2001), ‘The Elements of Right-Sizing and Right-Peopling the State’ in O’Leary, Brendan, Lustick, Ian S. and Callaghy, Thomas (eds), *Right-sizing the State-The Politics of Moving Borders*. Oxford: Oxford University Press.
- Park, S. M. (2011). The role of ethnic religious community institutions in the intergenerational transmission of Korean among immigrant students in Montreal. *Language, Culture and Curriculum*, 24(2), 195-206.
- Patton, M. (199). *Qualitative evaluation and research methods* (pp. 169-186). Beverly Hills, CA: Sage.
- Patton, M.Q. (2002). *Qualitative research & evaluation methods* (3rd ed). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Ricklefs, M.C. (1991). *A History of Modern Indonesia* since c. 1300, 2nd Edition. London: MacMillan. p.23.
- Sandelowski, M. (1995). Sample size in qualitative research. *Research in Nursing and Health*, 18, 179-183.
- Sarkissian, Margaret, (2005), “Being Portuguese in Malaca: the politics folk ofvculture in Malaysia”, *In Etnografia*, V.9, No. 1, Lisboa.
- Tan, C.B. (1988). *The Baba of Melaka: Culture and identity of a Chinese Baba-Nyonya community in Malaysia*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications
- The Office of Chief Statistician Malaysia Department of Statistics (22 July 2016). *Current Population Estimates, Malaysia, 2014-2016*. Retrieved from [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/ctheme&menu\\_id=L0pheU43NWJwRWVSZklWdzQ4TlhUUT09&bul\\_id=OWlxdEVoYIJCS0hUZzJyRUcvZEYxZz09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/ctheme&menu_id=L0pheU43NWJwRWVSZklWdzQ4TlhUUT09&bul_id=OWlxdEVoYIJCS0hUZzJyRUcvZEYxZz09)
- Wade, Geoff .(2005). *Southeast Asia in the Ming Shu-lu: an open access resource*, Asia Research Institute and the Singapore E-Press, National University of Singapore, retrieved 6 November 2012
- Ward, Colleen .(2008). ‘Thinking outside the Berry boxes: New perspectives on identity, acculturation and intercultural relations’, *International Journal of Intercultural Relations*, Vol. 32, 2008, pp. 105-114.
- Worsley, P. (1984). *The Three Worlds; culture and world development*, Weidenfeld and Nicholson, London.

***Author's Profile:******E-Jynn Yeow***

*Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
jynn91@gmail.com*

***Lee Yok Fee, PhD***

*Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
leeyokfee@upm.edu.my*

***Sarjit S. Gill, PhD***

*Jabatan Sains Kemasyarakatan & Pembangunan  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
sarjit@upm.edu.my*

## PENERIMAAN BELIA TERHADAP PORTAL BERITA DALAM TALIAN

RAHMAWATI NURDIN, AKMAR HAYATI AHMAD GHAZALI & SHARIL NIZAM SHA'RI

### **ABSTRAK**

*Penerbitan dalam talian semakin berkembang selari dengan perkembangan internet. Masyarakat mula beralih kepada pembacaan portal berita dalam talian untuk membaca berita. Peralihan ini dipengaruhi oleh faktor prominent iaitu mempunyai sesuatu elemen yang menonjol seperti reka bentuk, topik dan sebagainya yang menarik perhatian pembaca untuk membaca portal tersebut. Maklumat di medium baru ini sentiasa dikemas kini supaya pembaca tidak perlu tertunggu-tunggu untuk mendapatkan berita terkini. Namun begitu, timbul beberapa persoalan tentang kredibiliti portal berita dalam talian kerana sifat internet yang mudah diakses iaitu sesiapa sahaja boleh memuat naik sebarang maklumat tanpa melakukan penelitian ke atas maklumat tersebut. Berbeza dengan akhbar yang perlu melalui proses editorial dan gatekeeping yang ketat sebelum disiarkan. Walaupun menyedari hakikat ini, pembaca tetap memilih portal berita dalam talian. Berdasarkan permasalahan ini, kajian ini dihasilkan bertujuan untuk mengetahui jenis-jenis berita dalam talian yang menjadi pilihan belia dan mengenal pasti perkaitan faktor prominent dengan penerimaan belia terhadap berita dalam talian. Teori yang menjadi asas dalam penyelidikan ini ialah Teori Prominent-Interpretasi. Penyelidikan telah dijalankan ke atas 400 orang responden daripada empat (4) buah Universiti Awam di Selangor iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Teknologi Mara (UITM), Shah Alam dengan menggunakan borang soal selidik. Hasil kajian menunjukkan maklumat yang kerap dibaca oleh responden adalah berita jenayah, hiburan dan politik. Selain itu, ujian Korelasi Pearson menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan antara faktor prominent terhadap penerimaan portal berita dalam talian oleh belia. Analisis menunjukkan bahawa sekiranya belia mempunyai pengalaman dengan portal berita dalam talian dan dalam masa yang sama perlu menyiapkan tugas yang memerlukan mereka mencari berita melalui portal, maka mereka akan menerima portal berita dalam talian. Oleh itu, faktor prominent perlu dipertingkatkan pada portal berita dalam talian terutamanya faktor reka bentuk dan topik yang sesuai dengan minat pembaca untuk menarik perhatian mereka.*

**Kata Kunci :** Portal Berita Dalam Talian, Belia, Kredibiliti

### **ABSTRACT**

*Online-based publishing is growing exponentially in tandem with the development of internet technology. Since online-based information is updated regularly, readers do not have to wait for the latest news. Therefore, readers begin to turn to online news*

*portals to seek for latest updates on particular news. This transition is influenced by the prominent factors such as web portal designs, news topics and readers' personal interest to read the web portal. However, since the internet is accessible to everyone without restriction and people are being allowed to upload any information without any filtering being done, the credibility of online news portals remains questionable. This is in contrast with newspaper that needs to go through the editorial process and strict gatekeeping prior to publication. Albeit that fact, readers still opt for online news portals. This study aimed to identify the types of news preferred by youths and to identify the relevance of the prominent factors with youth acceptance towards online news. This research is based on the Prominence-Interpretation Theory. 400 respondents from four (4) public universities in Selangor namely Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), International Islamic University Malaysia (UIAM) and Universiti Teknologi Mara (UITM), Shah Alam participated in this study. The results revealed that news related to crime, entertainment and politics were among the preferable news read by respondents. In addition, the Pearson Correlation test showed that there was a significant correlation between the prominent factor towards the acceptance of online news portal among youth. Analysis showed that youth with online news portal experience when required to seek information would resort to online portals. Therefore, prominent factors, namely, the portal designs and news topics on online news portal need to be improved to suit and attract reader's interest.*

**Keywords:** *Online News Portal, Youth, Credibility*

## **PENGENALAN**

Peningkatan tembusan internet hari ini telah melahirkan banyak portal berita dalam talian. Perkara ini menyebabkan pembaca semakin beralih daripada membaca akhbar konvensional kepada portal berita dalam talian (Shahrul & Normah, 2016). Peralihan ini disebabkan portal berita dalam talian mempunyai ciri-ciri seperti ringkas, cepat, lebih menarik, mudah diakses, menjimatkan kos dan mempunyai pautan kepada media sosial (Lee, Aisyah, Liana & Siti Suriani, 2016). Chamil Wariya (2012) turut menyatakan bahawa sifat portal berita itu sendiri yang boleh diakses di mana-mana sahaja pada setiap masa menerusi tablet, telefon bimbit dan komputer menjadikannya pilihan pembaca. Namun demikian, timbul persoalan tentang kredibiliti portal berita dalam talian atau media alternatif kerana sifat internet yang mudah diakses iaitu sesiapa sahaja boleh memuat naik sebarang maklumat tanpa melakukan penelitian keatas maklumat tersebut (Johnson & Kaye, 1998). Berbeza dengan akhbar arus perdana sama ada berbentuk dalam talian atau cetak yang perlu melalui proses editorial dan gatekeeping yang ketat sebelum disiarkan (Flanagan & Metzger, 2000). Proses editorial dan gatekeeping ini merupakan proses dalam penerbitan yang mana segala berita yang diperolehi akan melalui beberapa proses penapisan sebelum diterbitkan (Pantic, 2014).

Walaupun menyedari bahawa maklumat yang diperoleh daripada portal berita dalam talian mempunyai keraguan akan kesahihannya, pembaca tetap memilih portal berita dalam talian. Menurut Fogg (2003) faktor prominen adalah faktor penting dalam mengukur kredibiliti portal berita dalam talian. Faktor prominen merupakan sesuatu elemen yang mungkin disedari atau menonjol dalam laman web yang dikunjungi oleh pembaca. Terdapat sekurang-kurangnya lima elemen dalam prominen iaitu penglibatan, topik, pengalaman, tugasan dan perbezaan individu.

## PENYATAAN MASALAH

Sifat internet yang mudah diakses telah menimbulkan keraguan tentang kredibiliti sesetengah maklumat yang diperoleh menerusi internet ini. Hal ini disebabkan kebanyakan maklumat yang terdapat di internet datang daripada pelbagai sumber yang tidak diketahui kesahihannya dan tidak melalui beberapa peringkat editorial dan “gatekeeping” sebelum dikeluarkan untuk tatapan masyarakat seperti yang diamalkan oleh media konvensional (Flanagin & Metzger, 2000). Ketiadaan proses editorial ini akan menyebabkan berita yang disiarkan tidak ditapis seterusnya menyebabkan berita itu tidak berkredibiliti. Menurut Samsuddin (2010), kebanyakan maklumat yang disebarluaskan di internet adalah maklumat mentah yang perlu diberikan tafsiran, berbeza dengan maklumat yang disebarluaskan menerusi media konvensional yang mana maklumat tersebut telah diolah oleh penulis berdasarkan pengalaman, pengetahuan serta ideologi mereka sendiri. Baru-baru ini Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah memberi amaran yang keras kepada portal berita dalam talian agar jangan sewenang-wenangnya menyiarkan berita palsu, tidak tepat atau belum dikenal pasti kesahihannya (Utusan Malaysia, 2015). Perkara ini tidak boleh dipandang remeh oleh semua pihak. Agensi Portal Berita dalam Talian, kerajaan dan masyarakat perlu memastikan berita yang disiarkan dan dibaca oleh pembaca adalah berita yang benar berdasarkan sumber yang sahih. Wartawan portal berita dalam talian tidak seharusnya hanya menulis untuk mensensasikan berita tersebut sebaliknya memegang prinsip dan etika kewartawanan yang telah dinyatakan dalam Kesatuan Wartawan Kebangsaan Malaysia (NUJM) iaitu perlulah melaporkan berita yang benar dan sahih sumbernya, melindungi sumber-sumber berita dan menjaga rahsia maklumat, melaporkan berita secara adil untuk semua pihak dan bukannya untuk kepentingan satu-satu pihak sahaja yang akhirnya mengadaikan keamanan dan kemakmuran tanah air kita.

Penilaian ke atas kredibiliti sesuatu portal berita tidak seharusnya dibataskan kepada sumber dan mesej semata-mata. Penilaian juga perlu mengambil kira faktor prominen yang terdapat pada sesuatu portal berita dalam talian. Perkara ini disokong oleh George, Mirsadikov dan Mennecke (2016) yang menyatakan bahawa penampilan dan ciri-ciri yang ditunjukkan pada laman web atau portal boleh mempengaruhi sikap dan penerimaan seseorang terhadap laman web mahu pun portal yang dikunjungi.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi belia terhadap portal berita dalam talian. Dengan lebih khusus kajian ini ingin :

1. Mengetahui jenis-jenis berita dalam talian yang menjadi pilihan belia.
2. Mengenal pasti perkaitan faktor prominen dengan penerimaan belia terhadap portal berita dalam talian.

### ***Portal Berita dalam Talian***

Kemunculan internet dan keterlibatan pelbagai akhbar pada era ini, menyebabkan lahirnya pelbagai istilah baru seperti media internet, *online newspaper*, *online papers*, *electronic newspapers* dan *digital newspapers*. Oleh itu Becker, (2010) dalam kajiannya telah mendefinisikan beberapa istilah yang mudah untuk difahami. Umpamanya portal berita dalam talian merujuk kepada portal berita internet sepenuhnya tanpa mempunyai versi cetak seperti Malaysiakini ([www.malaysiakini.com](http://www.malaysiakini.com)). Portal berita selalunya dikemaskini beberapa kali dalam sehari termasuk perubahan kepada tajuk utamanya. Manakala portal Akhbar (*Newspaper* penuh) merujuk kepada syarikat akhbar (yang mempunyai akhbar cetak) melalui laman web, *portal news* dan sebagainya. Akhbar digital (*Digital Newspaper*) pula merujuk kepada rupa bentuk akhbar dalam talian yang sama seperti akhbar cetak dari segi kandungan, format dan susun atur. Secara mudahnya, portal berita dalam talian merujuk kepada laman web berita yang tidak mempunyai akhbar cetak (*online news portal*) atau portal berita internet (*internet news portal*).

### ***Kredibiliti Portal Berita dalam Talian***

Menurut Azmah dan Samsudin (2013) kajian ke atas kredibiliti media ini berlaku apabila wujudnya sesuatu media baharu yang akan memberi kesan ke atas media yang wujud lebih awal darinya. Seperti kajian berkaitan dengan kesan kemunculan televisyen ke atas akhbar dan sebagainya. Dengan kemajuan internet pada hari ini menyebabkan penggunaan internet semakin meluas sehingga mewujudkan portal berita dalam talian. Oleh sebab kemunculan portal berita dalam talian ini maka banyak kajian yang dijalankan di dalam mahu pun di luar negara tentang kredibiliti portal berita dalam talian. Namun beberapa kajian menunjukkan daptan yang berbeza tentang kredibiliti. Contohnya Wilson, Leong, Nge dan Hong (2011), menyatakan bahawa berita dalam talian yang disampaikan lebih adil dan objektif berbanding media tradisional. Begitu juga dengan Nazato (2002) menyatakan bahawa berita dalam talian adalah lebih berkredibiliti kerana diolah dengan mendalam serta mementingkan ketepatan masa.

Namun demikian, terdapat juga pendapat yang berbeza ke atas kredibiliti penerbitan dalam talian ini. Davood, Musa dan Muhamad Sham (2009) meyatakan bahawa media televisyen lebih dipercayai berbanding berita dalam talian. Kajian ini mendapati bahawa media televisyen lebih adil, jelas dan tepat. Perkara ini

turut disokong oleh Poler, Erjavec, dan Štular, (2010) menyatakan bahawa media tradisional lebih berkredibiliti. Semary dan Khaja (2012) juga mendapati majoriti responden yang terdiri daripada golongan belia di negara UAE mempercayai media tradisional berbanding media baru. Akmar Hayati, Rahmawati dan Sharil Nizam (2016) juga menyatakan bahawa belia di Malaysia menganggap portal berita dalam talian sebagai kurang berkredibiliti berdasarkan kajian ke atas 400 orang responden dalam kalangan belia yang telah dijalankan. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa belia membaca portal berita dalam talian adalah disebabkan oleh berita tersebut berbentuk semasa dan terkini. Perkara ini berlaku kerana kelemahan media baru ini sendiri di mana sesiapa sahaja boleh berkongsi sesuatu maklumat tersebut di internet. Selain itu, ia juga disebabkan kekurangan editorial, seseorang boleh mengekspresikan pendapat peribadi sesuka hati dan tidak memberikan maklumat yang tepat kepada pembaca. (Johnson & Kaye, 2004).

### ***Teori Prominen – Interpretasi***

Teori Prominen-Interpretasi merupakan teori yang mendasari kajian ini. Teori ini terhasil daripada beberapa siri projek penyelidikan ke atas kredibiliti laman web yang dijalankan selama empat tahun di makmal *Stanford Web Credibility Research* (Fogg, 2003). Teori ini melibatkan dua (2) perkara apabila terdapat golongan yang menilai kredibiliti secara atas talian (i) mengenal pasti kewujudan sesuatu (*prominence*) dan (ii) membuat penilaian terhadap sesuatu (*interpretation*). Proses mengenal pasti kewujudan elemen prominen dan interpretasi biasanya berlaku lebih daripada sekali apabila seseorang melakukan penilaian terhadap laman web. Terdapat lima dimensi dalam faktor prominen iaitu penglibatan pengguna (*involvement*), topik (*topic*), tugas pengguna (*task*), pengalaman pengguna (*experience*) dan perbezaan individu (*individual difference*). Manakala bagi faktor interpretasi terdapat tiga dimensi iaitu andaian dalam minda pengguna (*assumption*), kemahiran dan ilmu pengetahuan pengguna (*skill/knowledge*) dan Konteks (*context*). Dalam artikel ini kajian saya ditumpukan kepada faktor prominen. Prominen bererti sesuatu elemen yang barangkali disedari ataupun menonjol. Seseorang mesti menyedari elemen ini untuk menilai kredibiliti sesuatu laman web. Jika elemen ini tidak disedari, maka ia tidak akan memberi impak ke atas penilaian kredibiliti laman web tersebut. Penyelidik telah menambahkan dimensi reka bentuk menggantikan dimensi perbezaan individu adalah disebabkan reka bentuk merupakan antara faktor yang kuat dalam mempengaruhi penilaian ke atas kredibiliti sesuatu laman web mahu pun portal berita (Robins & Holmes, 2008).

### **KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini berupa kaedah tinjauan yang menggunakan borang soal selidik untuk mengkaji penerimaan belia terhadap portal berita dalam talian. Kaedah ini bersesuaian kerana dapat merangsang responden kajian dalam memberi maklumat yang tepat kerana responden diberikan masa untuk berfikir secara rasional untuk menjawabnya tanpa perlu tergesa-gesa. Soalan ini berpandukan kajian yang dilakukan oleh Fogg, Marshall, Laraki, Osipovich, Varma, Fang, Paul, Rangnekar,

Shon, Swani dan Treinen (2001), Fogg, Soohoo, Danielsen, Marable, Stanford dan Tauber (2003), Fogg (2003) dan Kirkyla (2010). Instrumen dan skala pengukuran mereka telah diolah dan diadaptasi mengikut kesesuaian objektif kajian ini. Data-data ini dikodkan dan dimasukkan ke dalam perisian ini untuk dianalisis. Hasil kajian telah dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Bagi statistik deskriptif analisis dibuat dalam bentuk kekerapan dan peratus. Korelasi Pearson digunakan untuk menentukan arah dan kekuatan perkaitan hubungan antara faktor prominen dengan penerimaan belia terhadap portal berita dalam talian. Kekuatan perkaitan ini diterjemahkan berdasarkan *Rule of Thumb* seperti yang dicadangkan oleh Guilford dan Ruchter (1973). Nilai pekali korelasi (*r*) akan memberi gambaran dan maklumat arah perkaitan dan kekuatan hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji. Analisis ini dijalankan bagi mencapai objektif kajian yang kedua.

Kajian ditumpukan kepada pelajar di Universiti Awam (UA) yang terdapat di Selangor iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Teknologi Mara (UITM), Shah Alam. Selain itu, responden kajian ini dipilih dalam kalangan belia kerana berdasarkan laporan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) , Pada suku pertama 2014 sebanyak 78% pengguna internet terdiri daripada golongan belia. Kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah persampelan bertujuan. Responden perlulah memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Data yang dikumpul daripada responden telah dianalisis dengan menggunakan SPSS (*Statistical Package for the Social for the Window 21.0*).

## **HASIL DAN PERBINCANGAN**

Demografi responden terdiri daripada taburan jantina, umur, kaum, agama, peringkat pengajian, bidang pengajian dan kekerapan membaca portal berita dalam talian dalam sehari. Jadual 1 lebih daripada separuh responden merupakan belia muda yang berumur 19 hingga 22 tahun (64.75%). Majoriti responden berbangsa Melayu. Seterusnya, lebih daripada separuh responden belajar di peringkat ijazah sarjana muda iaitu sebanyak 70.25%. Selain itu, hasil kajian juga mendapat hampir kesemua responden kurang meluangkan masa mereka untuk membaca portal berita dalam talian bagi tempoh seminggu. Majoriti responden membaca kurang daripada sejam bagi tempoh seminggu (65.25%).

**Jadual 1 : Taburan Responden mengikut Ciri-Ciri Demografi (n=400)**

Ciri-ciri Demografi	Kekerapan	Peratusan (%)
<b>Umur</b>		
19 – 22 tahun	259	64.75
23 – 26 tahun	117	29.25
27 – 30 tahun	18	4.5
31 – 34 tahun	3	0.75
35 – 38 tahun	3	0.75
<b>Kaum</b>		
Melayu	300	75.00
Cina	59	14.75
India	30	7.50
Lain-lain	11	2.75
<b>Peringkat Pengajian</b>		
Sijil/ Asasi/ Diploma	18	4.50
Ijazah Sarjana Muda (Degree)	281	70.25
Ijazah Sarjana (Master)	97	24.25
Doktor Falsafah (PHd)	4	1.00
<b>Masa Pembacaan</b>		
Kurang dari 30 minit	261	65.25
30 minit – 1 jam	110	27.50
Lebih Sejam	29	7.25

***Jenis Berita yang Menjadi Pilihan Belia***

Jenis berita yang sering menjadi pilihan golongan belia ketika membaca portal berita dalam talian turut ditanya kepada sampel kajian ini. Semua item diukur menggunakan skala lima mata dengan skor 1: tidak pernah, 2: kadang-kadang, 3: agak kerap, 4: kerap dan 5: sangat kerap. Kekerapan tersebut telah dikategorikan kepada tiga (3) peringkat iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Skor min tertinggi menunjukkan belia sangat kerap membaca berita jenis tersebut, sederhana pula menunjukkan belia kerap membaca dan rendah merujuk kepada belia kadang-kadang membaca jenis berita tersebut di portal berita dalam talian. Ghafar (1999), menyatakan bahawa jumlah skor yang diperolehi dapat menentukan tahap kecenderungan responden dalam setiap persoalan kajian.

### **Jadual 2: Skor Pengukuran**

<b>Tahap</b>	<b>Skor Min</b>
Rendah	1.00 – 2.33
Sederhana	2.34 – 3.67
Tinggi	3.68 – 5.00

Berdasarkan hasil kajian, Jadual 3 menunjukkan bahawa secara keseluruhan tiga jenis berita yang paling diminati oleh pembaca ialah jenayah, hiburan dan politik dengan skor min masing-masing sebanyak 3.22, 3.17 dan 3.06. Perkara ini disebabkan bagi mereka portal berita dalam talian telus menyalurkan berita-berita tersebut tanpa berselindung dan tanpa penapisan terhadap berita tersebut (Neuman, Bimbe & Hindman, 2011). Bagi belia berbangsa Melayu mereka lebih meminati berita berkaitan jenayah dengan purata min sebanyak 3.230 iaitu pada tahap sederhana. Manakala belia Cina pula cenderung memilih berita jenis kesihatan iaitu dengan purata min sebanyak 3.441 juga pada tahap sederhana. Akmar Hayati (2012) menyatakan antara contoh berita kesihatan yang dibaca oleh pembaca ialah berita tentang tips penjagaan kesihatan, penyakit-penyakit terkini, pengambilan makanan seimbang dan sebagainya. Bagi belia India dan lain-lain mereka memilih berita jenis politik dengan skor min masing-masing sebanyak min 3.633 dan 3.00. Namun belia-belia yang dikaji ini kurang membaca berita ekonomi dan mahkamah apabila mencatatkan skor min yang rendah. Perkara ini berbeza dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Mohd Baharuddin, Mohd Khairie, Mohd Hafidz dan Suhairi (2004) yang mendapati berita ekonomi sebagai pilihan utama pembaca. Kajian Mohd Baharuddin *et al* ini dijalankan pada tahun 2004 ke atas 600 orang pelajar Institut Pengajian Tinggi menggunakan News Credibility Scale yang diperkenalkan oleh Gaziano dan McGrath (1986).

### **Jadual 3 : Jenis Berita Pilihan Mengikut Kaum**

<b>Item</b>	<b>Min dan sisipan piawai</b>							
	<b>Melayu</b>	<b>SP</b>	<b>Cina</b>	<b>SP</b>	<b>India</b>	<b>SP</b>	<b>Lain-lain</b>	<b>SP</b>
Jenayah	3.230	1.123	3.254	1.154	3.167	1.315	2.818	1.401
Hiburan	3.133	1.249	3.424	1.163	3.333	1.561	2.364	1.502
Politik	2.990	1.114	3.119	1.100	3.633	1.426	3.000	1.000
Kesihatan	2.980	1.277	3.441	1.134	3.200	1.400	2.546	1.368
Pendidikan	3.007	1.309	3.102	1.170	3.067	1.258	2.546	1.368
Sosial / masyarakat	2.957	1.278	2.983	1.383	2.967	1.450	1.909	1.136
Sains dan teknologi	2.773	1.312	3.407	1.275	3.067	1.413	2.273	1.348
Sukan	2.767	1.353	3.051	1.265	3.200	1.495	2.364	1.362
Agama	2.960	1.261	2.085	1.022	2.533	1.196	2.272	1.272
Ekonomi	2.620	1.122	3.068	1.112	2.800	1.424	2.273	1.191
Mahkamah	2.383	1.258	1.983	1.025	2.200	1.448	2.182	1.168

\* Nota : Rendah (1.00-2.33), Sederhana (2.34-3.67), Tinggi (3.68-5.00)

### **Hubungan antara Faktor Prominen dengan Penerimaan Portal Berita dalam Talian oleh Belia**

Faktor Prominen telah dioperasionalkan untuk mengukur skor min pada lima (5) skala likert. Tahap pengaruh faktor prominen ini dibahagikan kepada tiga (3) kelas tahap iaitu rendah (1.00-2.33), sederhana (2.34-3.67) dan tinggi (3.68-5.00). Instrumen ini diukur berdasarkan skor min daripada yang paling tinggi kepada yang paling rendah. Tahap tinggi bermaksud faktor prominen mempunyai pengaruh yang kuat dalam mempengaruhi penerimaan belia terhadap portal berita dalam talian. Tahap sederhana pula menunjukkan bahawa faktor prominen mempunyai pengaruh yang agak kuat. Manakala, tahap rendah menunjukkan bahawa faktor prominen mempunyai pengaruh yang lemah dalam mempengaruhi belia terhadap penerimaan portal berita dalam talian.

Jadual 4 menunjukkan skor min keseluruhan prominen adalah sederhana iaitu 3.49 dengan nilai sisipan piawai 0.54. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa faktor prominen agak kuat dalam mempengaruhi pembaca terhadap portal berita dalam talian. Selain itu, dalam masa yang sama kajian turut mengenal pasti sama ada keseluruhan dimensi mempengaruhi atau tidak penerimaan portal berita dalam talian dan mendapatkan bahawa dimensi yang mempunyai min paling tinggi ialah dimensi penglibatan iaitu 3.57, diikuti dengan dimensi reka bentuk 3.54 dan yang paling rendah ialah dimensi penglibatan.

**Jadual 4 : Skor Min Faktor Prominen Mengikut Dimensi**

<b>Dimensi</b>	<b>Min</b>	<b>Sisipan Piawai</b>
Pengalaman	3.57	0.66
Reka Bentuk	3.54	0.69
Tugasan	3.52	0.73
Penglibatan	3.41	0.62
Topik	3.39	0.69
<b>Keseluruhan</b>	<b>3.49</b>	<b>0.54</b>

\*Nota : Rendah (1.00-2.33), Sederhana (2.34-3.67), Tinggi (3.68-5.00)

Hubungan antara faktor prominen dengan penerimaan juga turut dikaji untuk mengetahui kekuatan hubungan tersebut. Jadual 5 menunjukkan terdapat hubungan antara faktor prominen secara keseluruhan dengan penerimaan belia iaitu  $r= 0.701$ . Hubungan ini diterjemahkan sebagai hubungan yang tinggi kerana  $r= 0.701$ . Manakala nilai  $p$  ialah 0.000 iaitu lebih kecil daripada nilai signifikan yang digunakan dalam kajian ini ( $p < 0.05$ ). Dapatkan kajian ini juga bermaksud bahawa faktor prominen memberi kesan yang kuat terhadap penerimaan belia. Perkara ini menunjukkan bahawa faktor prominen yang terdapat dalam portal berita diterima oleh belia. Dapatkan kajian ini selari dengan kajian George, et. al (2016)

yang mendapati bahawa penampilan dan ciri-ciri yang ditunjukkan pada sesuatu portal yang dikunjungi mempengaruhi penilaian kredibiliti ke atasnya. Sekiranya portal berita semakin mementingkan elemen prominen dalam portal mereka maka semakin diterima portal berita tersebut oleh belia.

Analisis korelasi antara faktor tugasan dengan penerimaan belia terhadap portal berita dalam talian yang terdapat pada jadual 5 menunjukkan nilai  $p$  berada di bawah paras signifikan ( $0.00 < 0.05$ ). Nilai  $r$  menunjukkan hubungan yang sederhana antara faktor prominen dengan penerimaan belia terhadap portal berita dalam talian iaitu  $r=0.680$ . Dapatkan ini menunjukkan bahawa faktor tugasan yang diperoleh oleh belia agak kuat mempengaruhi penerimaan mereka terhadap portal berita dalam talian. Hasil kajian ini menyokong kajian yang dilakukan oleh Jinyuk Choi, Jeongseok Seo dan Geohyuk Lee (2009) menyatakan bahawa faktor tugasan menyebabkan lebih kerap seseorang itu melayari sesuatu laman web atau portal terutamanya yang dirasakan mempunyai kredibiliti yang tinggi.

Hasil kajian dalam Jadual 5 juga menunjukkan terdapat hubungan antara faktor reka bentuk dengan penerimaan portal berita dalam talian iaitu  $r= 0.545$ . hubungan ini diterjemahkan sebagai hubungan yang sederhana. Selain itu, nilai  $p$  pula menunjukkan 0.000 iaitu lebih rendah daripada nilai signifikan kajian (0.05). Dapatkan kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Fogg et al. (2003) iaitu kebanyakan responden menyatakan bahawa mereka melihat faktor reka bentuk laman web adalah penting dalam menilai kredibiliti sesuatu laman web atau portal. Portal berita yang mempunyai reka letak, warna dan akan lebih digemari oleh pembaca.

Jadual 5 juga menunjukkan terdapat hubungan antara faktor topik dengan penerimaan portal berita dalam talian iaitu  $r= 0.510$ . hubungan ini diterjemahkan sebagai hubungan yang sederhana. Selain itu, nilai  $p$  pula menunjukkan 0.000 iaitu lebih rendah daripada nilai signifikan kajian (0.05). Perkara ini menunjukkan bahawa faktor topik agak kuat mempengaruhi penerimaan belia terhadap portal berita dalam talian. Dapatkan kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Reagan (1995) yang mendapati bahawa terdapat hubungan yang positif antara kepentingan sesuatu topik dengan penerimaan belia terhadap sesuatu perkara. Sekiranya topik yang disiarkan dalam portal berita menepati minat pembaca belia maka mereka akan membaca portal tersebut.

### **Jadual 5: Hubungan antara Faktor Prominen Dengan Penerimaan Belia**

<b>Pemboleh Ubah Bebas (IV)</b>	<b>Penerimaan Belia</b>	
	<b>R</b>	<b>Nilai Signifikan</b>
Tugasan	0.680**	0.00
Reka Bentuk	0.545**	0.00
Topik	0.510**	0.00
Penglibatan	0.505**	0.00
Pengalaman	0.494**	0.00
<b>Keseluruhan Prominen</b>	<b>0.701**</b>	<b>0.00</b>

Nota: \*\*Signifikan perkaitan adalah pada tahap 0.01 (1-tailed)

Berdasarkan hasil kajian dapat disimpulkan bahawa portal berita mengandungi elemen-elemen prominen untuk menarik perhatian belia. Lazimnya apabila sesebuah portal berita itu memiliki ciri-ciri menarik maka sudah pasti belia dapat menerima portal berita tersebut. Perkara ini selari dengan teori prominen-interpretasi yang mengatakan seseorang yang melayari sesuatu laman web perlu menyedari unsur prominen dalam laman web tersebut.

### **KESIMPULAN**

Secara umumnya, kajian ini dilakukan untuk mengetahui pengaruh faktor prominen terhadap penerimaan portal berita dalam talian oleh belia di sekitar negeri Selangor. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa golongan belia yang dikaji gemar membaca berita jenis jenayah, hiburan dan politik yang mencatatkan min tertinggi. Seharusnya mereka membaca berita secara menyeluruh bagi menambah ilmu pengetahuan mereka sebagai mahasiswa seperti berita ekonomi, mahkamah dan sebagainya. Melalui kajian inferensi yang dilakukan terdapat hubungan positif yang tinggi antara faktor prominen dengan penerimaan belia terhadap portal berita dalam talian terutamanya pada faktor tugas, topik dan reka bentuk portal berita dalam talian. Oleh itu, jika pemilik portal berita dalam talian ingin meningkatkan pembacaan dan penerimaan belia terhadap portal mereka, aspek ini seharusnya diambil perhatian dan melakukan penambahbaikan dari segi topik yang ingin dipaparkan dan juga reka bentuk laman portal perlu diperbaharui. Teori yang digunakan oleh penyelidik ialah Prominen-interpretasi. Penyelidik telah mendapati bahawa teori ini sesuai digunakan dalam penyelidikan terhadap portal berita dalam talian dan boleh digunakan oleh penyelidik pada masa akan datang. Selain itu, penyelidik juga telah menambahkan satu lagi dimensi dalam teori ini yang sesuai digunakan dalam mengkaji kredibiliti portal berita dalam talian iaitu reka bentuk portal berita tersebut. Dimensi ini juga menunjukkan hubungan yang agak kuat dengan penerimaan belia terhadap kredibiliti portal berita dalam talian.

## RUJUKAN

- Akmar Hayati, A. G. (2012). *Perkaitan Faktor Keperluan Dan Kepercayaan Terhadap Akhbar Dengan Penerimaan Belia.* (Tesis PhD tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Akmar Hayati, A. G., Rahmawati, N., & Sharil Nizam, S. (2016). Online news credible? yes or no?. *Journalism and Mass Communication*, 6(6), 323-329.
- Azmah, A. W., & Samsudin, A. R. (2013). Kredibiliti media dan penyertaannya dalam pengdemokrasian maklumat di Malaysia. *Malaysian Journal of Communication*, 29(1), 141-160.
- Becker, A. J. A. (2010). *Internet newspapers publishing in Malaysia: Focus on Utusan Malaysia.* (Tesis Master tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Chamil Wariya. (2012). *Kewartawanan dan media era digital: Isu-isu semasa.* Kuala Lumpur: Malaysian Press Institute.
- Davood Mehrabi, Musa, A. H., & Muhamad Sham. (2009). News media credibility of the internet and television. *European Journal of Social Sciences*, 11(1), 136-148.
- Flanagan, A. J. & Metzger, M. J. (2000). Perceptions of internet information credibility. *Journalism and Mass Communication Quarterly* 77(3), 515-540.
- Fogg B, Marshall J, Laraki O, Osipovich A, Varma C, Fang N, Paul J, Rangnekar A, Shon J, Swani P, Treinen M. (2001, Mac), *What makes web sites credible?* A report on a large Proceedings of the SIGCHI Conference on Human Factors in Computing Systems, USA. Diakses pada 25 April 2016 daripada di <https://doi.org/10.1145/365024.365037>
- Fogg, B. J., Soohoo, C., Danielson, D. R., Marable, L., Stanford, J. & Tauber, E. R. (2003, June). *How do users evaluate the credibility of Web sites?: a study with over 2,500 participants.* Proceedings of the 2003 conference on Designing for user experiences, San Francisco, California. Diakses pada 20 November 2015 daripada <https://pdfs.semanticscholar.org/4c8f/e677cddc84a058491f51701c2edbbaa5aefa.pdf>
- Fogg, B.J (2003, April). *Prominence-interpretation theory: Explaining how people assess credibility online.* Proceeding on Human Factors in Computing Systems, Florida, USA. Diakses pada 20 November 2015 daripada <http://credibility.stanford.edu/pdf/PITtheory.pdf>
- George, J. F., Mirsadikov, A., & Mennecke, B. E. (2016). Website credibility assessment: An empirical-investigation of prominence-interpretation theory. *Transactions on Human-Computer Interaction*, 8(2), 40-56.
- Ghafar, M. (1999). *Penyelidikan Pendidikan (Edisi Pertama).* Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. Johor.

- Jinhyuk, C., Jeongseok, S., & Geehyuk, L. (2009, Julai). *Analysis of web usage patterns in consideration of various contextual factors*. Association for the advancement of artificial intelligence ([www.aaai.org](http://www.aaai.org)). Proceeding of International Joint Conferences on Web Intelligence and Intelligent Agent Technologies, CA. Diakses pada 5 Julai 2016 dari <https://pdfs.semanticscholar.org/75f5/e616b6b6f3ed800ef1de0461e5b5727302d9.pdf>
- Johnson, T.J. & Kaye, B. (1998). Cruising is Believing?: comparing the Internet and Traditional sources on media credibility measures. *Journalism and mass communication Quarterly*, 75(2), 325-40.
- Johnson, T.J. & Kaye, B. (2004). Wag the blog: How reliance on traditional media and the internet influence credibility perceptions of weblogs among blog users. *Journalism and mass communication Quarterly*, 81(3), 622-642.
- Kirkyla, A. V. (2010). *The effect of task and personal relevance on credibility judgements while searching on the internet*. (Tesis PhD yang tidak diterbitkan). Universiti New Jersey, New Brunswick. Diakses pada 19 Februari 2016 daripada <https://search.proquest.com/docview/847550835?pq-origsite=gscholar>
- Lee. K.T, Aisyah. M, Liana. M.N & Siti Suriani. O. (2016). Kegunaan dan kepuasan portal berita dalam kalangan belia di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 32(2), 790-816.
- Mohd Baharudin, O., Mohd Khairie, A., Mohd Hafidz H. & Suhairi M. (2004, Disember). *Penerimaan dan kepercayaan berita dalam talian (On-line)*. Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Komunikasi Ke-2 anjuran Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden, UUM, Kedah, Langkawi. Diakses pada 30 November 2015 di [http://repo.uum.edu.my/810/1/penerimaan\\_dan\\_kebolehpercayaan\\_berita\\_dalam\\_talian.pdf](http://repo.uum.edu.my/810/1/penerimaan_dan_kebolehpercayaan_berita_dalam_talian.pdf)
- Neuman, W. R., Bimbe, B. & Hindman, M. (2011). The internet and four dimensions of citizenship. In Shapiro. R. Y & Jacobs. L. R (Eds.), *The Oxford Handbook of American Public Opinion and the Media*. New York. Oxford University Press.
- Nozato, Y. (2002, Ogos). *Credibility of online newspapers*. Paper presented to the Communication Technology and Policy Division of the Association for Education in Journalism and Mass Communication, (AEJMC), Miami Beach Convention, Florida. Diakses pada 24 Februari 2016 dari <http://www.inma.org/subscribers/papers/2002-nazato.pdf>
- Pantic, N. (2014). *Gatekeeping and unpublishing: How editors make publishing and unpublishing decisions*. (Tesis Master yang tidak diterbitkan). University of Missouri-Columbia. Diakses pada 19 Oktober 2017 daripada <https://mospace.umsystem.edu/xmlui/bitstream/handle/10355/44314/research.pdf?sequence=1>

- Poler, M. K., Erjavec, K., & Štular, K. (2010). Credibility of traditional vs. online news media: A historical change in journalists' perceptions?. *Medij. Istraž*, 16(1), 113-130.
- Reagan, J. (1996). The 'repertoire' of information sources. *Journal of Broadcasting and Electronic Media*, 40(1), 112-121.
- Robins, D., & Holmes, J. (2007). Aesthetics and credibility in web site design. *Information Processing & Management*, 44(1), 386-399.
- Samsuddin, A. R. (2010). Media, demokrasi dan generasi muda. Analisis keputusan pilihanraya umum ke-12. *Jurnal Komunikasi*, 26(2), 1-1.
- Semary, H. E., & Khaja, M. A. (2013). The credibility of citizen journalism and tv journalism among emirati youth: Comparative study. *American International Journal of Contemporary Research*, 3(11), 53-62.
- Shahrul, N. S., & Normah Mustaffa. (2016). Akhbar versi digital : Implikasi terhadap trend sirkulasi akhbar bercetak di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 31(2), 687-701.
- Utusan Malaysia. (2015). Jangan sewenang-wenangnya siar berita palsu. *Utusan Online*. Diakses pada 21 Jun 2016 daripada <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/jangan-sewenang-wenangnya-siar-berita-palsu-1.116660>
- Wilson, S., Leong, P., Nge, C., & Hong, N. M. (2011). Trust and credibility of urban youth on online news media. *Jurnal Komunikasi*, 27(2), 97-100.

**Profil Penulis:****Rahmawati Nurdin***Universiti Putra Malaysia**rahmawati.nurdean@gmail.com***Akmar Hayati Ahmad Ghazali***Universiti Putra Malaysia**akmar@upm.edu.my***Sharil Nizam Sha'ri***Universiti Putra Malaysia**sharil@upm.edu.my*

## PROFIL PSIKOLOGI PENJENAYAH WANITA: SATU TINJAUAN LITERATUR

SITI NURKHAIRINA MOHD NOR, WAN SHAHRAZAD WAN SULAIMAN & MOHAMMAD RAHIM KAMALUDDIN

### ABSTRAK

*Penglibatan golongan wanita dalam kes-kes jenayah sebagai pelaku dilihat semakin meningkat dan amat membimbangkan. Jenayah yang dilakukan oleh golongan ini juga dilihat semakin agresif dan modus operandi yang diguna pakai adalah lebih kompleks dan licik. Selain daripada faktor sosial, persekitaran dan kekeluargaan, faktor dalaman seseorang individu iaitu faktor psikologi; turut memainkan peranan penting dalam membentuk tingkah laku jenayah dalam kalangan wanita. Justeru, tinjauan literatur Profil Psikologi Penjenayah Wanita ini membincangkan faktor-faktor psikologi yang menyumbang kepada perlakuan jenayah oleh wanita. Berdasarkan 70 kajian yang pernah dijalankan di Malaysia dan di negara-negara luar, empat aspek psikologi yang diutarakan dalam tinjauan literatur ini ialah aspek personaliti, emosi, tingkah laku dan kognisi. Pemahaman yang mendalam tentang faktor-faktor psikologi yang menjadi asas kepada tingkah laku jenayah dalam kalangan wanita dapat membantu pihak penjara dalam merancang dan memperbaharui program pemulihan dan rehabilitasi bagi mengelakkan pengulangan jenayah dalam kalangan banduan wanita. Tambahan lagi, pengetahuan tentang faktor-faktor psikologi ini dapat memberi kesedaran kepada golongan wanita bagi mengelakkan diri mereka daripada terjebak dengan jenayah, serta dapat dijadikan sebagai panduan untuk ibu bapa dalam mendidik anak.*

**Kata Kunci:** Banduan Wanita, Faktor Psikologi, Jenayah, Tingkah Laku Jenayah, Wanita

### ABSTRACT

*The involvement of women as perpetrators in criminal cases are growing and worrying. Crimes committed by this group are increasingly aggressive and the modus operandi of such crimes are more complex and subtle. Apart from the social, environmental and familial factors, an individual's psychological factor also plays an important role in shaping criminal behaviour among women. Thus, this literature review on Psychological Profile of Female Criminal discussed the psychological factors that contributed to women's criminal behaviour. Based on 70 studies that had been conducted in Malaysia and other countries, there were four psychological aspects addressed in this literature review namely personality, emotion, behaviour and cognition. In-depth understanding of the psychological factors that form the basis of criminal behaviour in women can help the prison authorities in designing and updating recovery and rehabilitation programmes in order to avoid recidivism among women prisoners. Furthermore, knowledge of these psychological factors*

*may bring awareness to women to prevent themselves from getting involved in crime and served as a guide for parents in educating children.*

**Keywords:** Female Inmates, Psychological Factors, Crime, Criminal Behaviour, Women

## PENGENALAN

Perlakuan jenayah kebiasaannya dikaitkan dengan golongan lelaki. Walau bagaimanapun, golongan wanita juga tidak terkecuali daripada dikaitkan dengan perlakuan jenayah. Penglibatan mereka dalam kes-kes jenayah sebagai pelaku menengahkan keperluan untuk mengkaji akar-umbi kelakuan jenayah mereka kerana ia amat membimbangkan. Jenayah yang dilakukan oleh golongan ini semakin agresif dan ekstrem seperti yang dilaporkan oleh Holmes (2010). Modus operandi yang diguna pakai juga adalah lebih kompleks dan licik. Ini dapat dilihat di media-media massa kini yang kerap melaporkan jenayah seperti penjualan dadah, pembuangan anak, penderaan dan pembunuhan yang melibatkan wanita sebagai pelaku jenayah tersebut.

Bagi tahun 2016 sahaja, banyak kes penderaan telah dilaporkan dalam media massa. Sebagai contoh, kes seorang kanak-kanak dua tahun yang maut akibat didera semasa berada di bawah jagaan ibunya dan teman lelaki ibunya (Utusan Online, 2016). Dalam kes yang lain, seorang kanak-kanak lelaki kurang upaya yang didera, di mana salah seorang yang telah direman adalah ibu kandungnya (Malaysiakini, 2016), dan kes seorang kanak-kanak perempuan yang didera oleh ibu angkatnya sejak setahun yang lalu (Utusan Online, 2016).

Berdasarkan statistik terbaru tahun 2016, jumlah banduan wanita berwarganegara Malaysia di penjara seluruh Malaysia telah mencapai sebanyak 1406 orang (Jabatan Penjara Malaysia, 2016). Daripada jumlah ini, 1241 banduan wanita berada di penjara sekitar Semenanjung Malaysia, 129 banduan wanita di penjara sekitar Sabah dan 36 banduan wanita di penjara sekitar Sarawak. Menurut statistik Jabatan Penjara Malaysia (2016), jenayah oleh golongan wanita yang dilaporkan paling tinggi bilangannya adalah jenayah narkotik. Statistik ini mempunyai persamaan dengan di luar negara yang melaporkan majoriti banduan wanita adalah individu yang terlibat dalam jenayah narkotik (Schwartz & Steffensmeier, 2008). Selain itu, kebanyakan banduan wanita di Malaysia terlibat dalam jenayah komersial yang berunsurkan wang dan keuntungan. Penglibatan wanita sebagai pelaku dalam jenayah kekerasan pula seperti jenayah bunuh dan penderaan, kini dilihat semakin kerap dilaporkan jika dibandingkan dengan pada masa dahulu.

Perlakuan jenayah oleh golongan wanita ini memberikan impak dan kesan yang sangat mendalam ke atas diri mereka dan orang di sekitar mereka termasuk masyarakat. Kebanyakan wanita yang dipenjarakan atas kesalahan jenayah mereka menderita kemurungan yang sangat berat (Affizal, & Nurul Hazrina, 2014). Bukan

itu sahaja, perlakuan jenayah turut memberi kesan kepada hubungan mereka dengan keluarga mereka dan masyarakat. Wanita yang sering dianggap sebagai simbol keibuan, penyayang dan berhati lembut akan mengundang reaksi negatif yang tinggi daripada masyarakat sekiranya mereka terlibat dalam perlakuan jenayah (Schwartz & Steffensmeier, 2008). Seperti yang berlaku kepada pelaku jenayah lelaki, kesukaran juga akan dialami oleh pelaku wanita untuk menjalani kehidupan baru selepas dibebaskan dari penjara kerana reaksi negatif yang tinggi ini dan tidak diterima masyarakat.

Selain itu, seperti para wanita lain, kebanyakan wanita yang terlibat dalam perlakuan jenayah juga adalah seorang ibu (Zaplin, 2008). Hubungan dengan anak akan terjejas terutamanya apabila mereka ditangkap dan dipenjarakan. Ini secara tidak langsung akan turut memberi kesan negatif kepada anak akibat terpisah dan kehilangan kasih sayang ibu mereka (Zaplin, 2008). Selain melihat dalam konteks kekeluargaan, negara juga dikatakan turut mengalami kerugian yang besar apabila kebanyakan banduan wanita adalah dari kalangan belia dimana umur yang paling produktif untuk menyumbang kepada negara dan merekalah yang dianggap sebagai generasi yang akan menggantikan pemimpin-pemimpin wanita sekarang. Tidak dapat dibayangkan apakah akan berlaku kepada generasi pelapis di negara ini sekiranya penglibatan wanita dalam jenayah ini tidak dibendung dan diambil tindakan.

Atas impak dan kesan negatif akibat daripada perlakuan jenayah oleh wanita, adalah penting untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menjadi pemangkin untuk perlakuan ini. Pengetahuan faktor-faktor ini akan membantu dalam rawatan pemulihan ke atas golongan wanita yang telah melakukan jenayah, tetapi juga dapat menjadi panduan kepada para wanita lain supaya tidak mula terjebak dengan jenayah atau mana-mana tingkah laku antisosial. Melalui pengetahuan faktor-faktor ini, jika seseorang wanita dikesan mempunyai risiko tinggi untuk melakukan jenayah, program intervensi seperti program pengurusan emosi dapat dijalankan supaya mereka tidak melibatkan diri dalam jenayah di masa akan datang.

Kajian-kajian kriminologi dan sosiologi sebelum ini mendapati pelbagai faktor memainkan peranan dalam menyumbang kepada golongan wanita untuk terlibat dalam perlakuan jenayah. Secara amnya, faktor-faktor ini terdiri daripada faktor sosial, persekitaran, kekeluargaan dan psikologi. Namun di dalam artikel ini, hanya faktor-faktor psikologi dibincangkan. Faktor psikologi memainkan peranan penting dalam membentuk insaniah diri. Seseorang individu mungkin tidak berkemampuan untuk mengawal faktor luaran, tetapi psikologi yang sihat dapat menjadi kekuatan dalaman yang boleh menghalang dan menghindarkan diri daripada terjebak dengan perbuatan yang memudaratkan diri dan orang lain seperti perlakuan jenayah. Zaplin (2008) menyatakan wujud sikap kebergantungan kepada institusi penjara sebagai perlindungan dan juga bantuan untuk pemulihan mereka. Akan tetapi, kebergantungan terhadap institusi penjara tidak dapat membantu mereka apabila mereka dibebaskan di luar kerana situasi di luar amat berbeza

(Zaplin, 2008). Tanpa kekuatan dalaman, mereka mungkin akan terlibat di dalam kancalah jenayah semula.

Dalam tinjauan literatur ini, empat (4) aspek psikologi dibincangkan dengan mendalam iaitu personaliti, emosi, tingkah laku dan kognisi. Setiap aspek ini diteroka dengan mengaitkannya dengan tingkah laku jenayah. Adalah diharapkan bahawa tinjauan literatur ini dapat dimanfaatkan oleh pelbagai pihak dan agensi kerajaan agar fenomena jenayah oleh wanita dapat dibanteras dengan secepat mungkin. Tinjauan literatur ini juga boleh dijadikan sebagai asas dan panduan untuk pihak Jabatan Penjara Malaysia, pihak psikologi dan kaunseling untuk membangunkan modul-modul intervensi untuk golongan banduan wanita dan juga wanita-wanita yang berisiko tinggi dalam melakukan jenayah.

## METODOLOGI

Analisis kandungan melalui pembacaan artikel-artikel tempatan dan luar negara berkaitan dengan topik yang dikaji telah dilakukan dalam menghasilkan tinjauan literatur ini. Bagi mengenal pasti artikel berkaitan dengan topik yang dikaji iaitu profil psikologi penjenayah wanita; beberapa kata kunci dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia telah digunakan seperti “faktor psikologi”, “tingkah laku jenayah”, “wanita”, “banduan wanita” dan “jenayah”. Kaedah snowball searching (Webster & Watson, 2002) turut digunakan dengan melihat kepada senarai rujukan sesebuah artikel untuk mendapatkan lebih banyak artikel yang berkaitan. Sebilangan besar artikel yang berkaitan telah dicari menggunakan enjin carian Google Scholar dan Elsevier juga beberapa pangkalan data seperti Scopus. Di samping itu, pencarian juga telah dilakukan menggunakan sumber lain seperti buku dan makalah-makalah popular dan ilmiah. Artikel dan buku yang telah diteliti bagi menghasilkan tinjauan literatur ini bermula dari tahun 1995 hingga 2016.

Secara keseluruhan, sejumlah 70 bahan artikel dan buku telah dikumpul pada awalnya menggunakan kata kunci seperti yang dinyatakan. Setelah diteliti dan dianalisis secara berperingkat, 32 bahan telah disingkirkan kerana tidak mempunyai faktor psikologi atau mempunyai faktor psikologi penjenayah wanita sewaktu mereka berada di dalam institusi penjara. Penyingkiran ini adalah untuk mendapatkan kandungan yang lebih tepat dalam penulisan artikel ini. Pada akhirnya, sejumlah 38 bahan telah dipilih untuk digunakan bagi penulisan artikel ini.

## PROFIL PSIKOLOGI PENJENAYAH WANITA

Ferraris *et al.* (2013) mendefinisikan profil sebagai sebuah set data yang mewakili subjek manusia atau bukan manusia, individu atau kumpulan. Berdasarkan Myers (2007), definisi psikologi pula adalah ilmu pengetahuan yang saintifik tentang proses mental dan tingkah laku seseorang. Dalam tinjauan literatur ini, profil psikologi

secara operasionalnya didefinisikan sebagai sebuah set data yang merangkumi empat aspek psikologi. Aspek-aspek ini adalah personaliti, emosi, tingkah laku dan kognisi.

Tret personaliti negatif dan masalah emosi seperti kemurungan, merupakan antara faktor-faktor psikologi utama yang menjadi penyumbang kepada golongan wanita untuk melakukan jenayah (Herrera & McCloskey, 2003; Putkonen *et al.*, 2003; Zimmer-Gembeck, Geiger & Crick, 2005). Walaupun begitu, artikel ini tidak hanya memfokuskan dua faktor utama ini, malah turut membincangkan dua faktor psikologi yang lain. Dua faktor psikologi ini adalah dari aspek tingkah laku seperti tingkah laku agresif dan dari aspek kognisi seperti pengherotan kognitif.

### **Aspek Personaliti: Tret Personaliti Negatif**

Tret personaliti merupakan faktor psikologi yang paling banyak dikaji ke atas golongan wanita yang melakukan jenayah. Kebanyakan wanita yang melakukan jenayah dikaitkan dengan kecelaruan personaliti (*personality disorders*) seperti personaliti antisosial (*antisocial personality*) dan personaliti narsistik (*narcissistic personality*) (Jordan *et al.*, 1996; Warren *et al.*, 2002). Dari perspektif kriminologi dan psikologi, wanita yang mempunyai sifat ganas yang tinggi dikatakan mempunyai personaliti antisosial yang tinggi (Warren *et al.*, 2002). Menurut Gavin (2014), personaliti antisosial adalah sebuah personaliti di mana seseorang mempunyai pola jangka panjang dalam mengeksplorasi, memanipulasi atau mencabuli hak orang lain.

Menurut American Psychiatric Association (2012), personaliti narsistik pula adalah sebuah personaliti yang dapat dilihat daripada mula awal dewasa dalam pelbagai konteks di mana seseorang melihat diri sebagai seorang yang hebat, sama ada dalam fantasi atau tingkah laku, mempunyai keperluan untuk dikagumi dan juga memiliki tahap empati yang rendah. Personaliti narsistik ini dibahagikan kepada dua jenis iaitu *vulnerable* dan *grandiose*. Melihat kepada kedua-dua jenis ini, seseorang dengan personaliti narsistik jenis *grandiose* lebih terdedah kepada perlakuan jenayah kerana mempunyai tret manipulasi, keyakinan diri yang tinggi dan dominan.

Perbezaan kedua-dua personaliti ini dikatakan juga memberi perbezaan ke atas penglibatan wanita dalam jenayah. Salah satu contoh perbezaan dapat dilihat dalam kajian yang dilakukan oleh Warren *et al.* (2002). 261 banduan wanita telah ditemui bual menggunakan *Structured Clinical Interview for DSM-IV Axis II Personality Disorders* (SCID-II) dan mereka mendapati jenayah kekerasan yang dilakukan oleh wanita mempunyai hubungan dengan tret personaliti antisosial dan narsistik (Warren *et al.*, 2002). Wanita yang mempunyai personaliti antisosial dilihat lebih cenderung untuk melakukan keganasan institusi (*institutionalized violence*) iaitu keganasan yang kebiasaannya dilakukan oleh sesebuah badan korporat, organisasi atau seseorang individu bagi pihak yang lain dan tidak bersifat peribadi (Barak, 2003). Sebagai contoh, keganasan dalam bentuk perperangan, ‘*terrorism*’,

perkauman dan sebagainya (Barak, 2003). Ini adalah berbeza dengan wanita yang mempunyai personaliti narsistik kerana mereka lebih cenderung untuk terlibat dengan pelbagai jenis jenayah keganasan bukan institusi (*non-institutionalized violence*) yang mempunyai motif peribadi seperti mendera dan membunuh (Warren *et al.*, 2002).

Selain dua kecelaruan personaliti ini yang dikaitkan dengan jenayah kekerasan, kajian oleh Henning *et al.* (2003) ke atas penjenayah yang melakukan keganasan rumah tangga berumur antara 18 hingga 69 tahun; mendapati penjenayah wanita mempunyai simptom kecelaruan personaliti pinggiran (*borderline personality*) jika dibandingkan dengan penjenayah lelaki. Penjenayah wanita juga menunjukkan kecelaruan personaliti yang lain seperti personaliti kompulsif (*compulsive personality*) dan personaliti histriyonik (*histrionic personality*) (Henning *et al.*, 2003). Dengan mempunyai kecelaruan personaliti seperti ini, mereka sentiasa mencari perhatian daripada pasangan rumah tangga tetapi turut mengalami perasaan permusuhan apabila mengikuti permintaan pasangan.

Kajian ke atas 60 penjenayah wanita seksual pula telah dilakukan oleh Muskens *et al.* (2011) dengan membandingkan di antara jenayah seksual yang dilakukan secara solo dan jenayah seksual yang dilakukan bersama orang lain. Penjenayah seksual wanita yang mempunyai tret personaliti pinggiran (*borderline personality*) didapati melakukan jenayah secara solo manakala penjenayah yang mempunyai tret personaliti kebergantungan (*dependent personality*) melakukan jenayah seksual bersama orang lain (Muskens *et al.*, 2011). Ini secara umumnya menunjukkan bahawa tret personaliti diri yang negatif juga ada di dalam penjenayah wanita yang melakukan jenayah seksual.

Selain itu, banduan wanita mempunyai tret personaliti antisosial dan tret personaliti pinggiran yang tinggi jika dibandingkan dengan kumpulan umum berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Jordan *et al.* (1996). Ini menunjukkan bahawa perlakuan jenayah oleh seseorang wanita dipengaruhi oleh tret personaliti mereka. Selain menghasilkan dapatan kajian tentang tret personaliti diri, banduan wanita ini juga didapati banyak bergantung kepada alkohol dan dadah (Jordan *et al.* 1996).

Persamaan hasil dapatan dengan kajian Jordan *et al.* (1996) dapat dilihat dalam kajian tempatan yang dijalankan oleh Nurul Hazrina dan Affizal (2012). Mereka membandingkan 142 banduan wanita daripada sebuah penjara di Semenanjung dan kumpulan umum yang terdiri daripada 100 wanita dari Kelantan menggunakan alat ujian *Carlson Psychological Survey* (CPS) bagi mengenalpasti profil psikologi. Hasil dapatan kajian mereka mendapati banduan wanita berwarganegara Malaysia mempunyai tret personaliti antisosial di samping menyalahgunakan bahan terlarang (Nurul Hazrina & Affizal, 2012).

Walaupun seseorang wanita tidak dikategorikan di dalam personaliti khusus seperti tret personaliti antisosial, narsistik, pinggiran dan kebergantungan; tret personaliti diri negatif yang lain juga dapat menyumbang seseorang wanita untuk melakukan jenayah. Misalnya seperti yang didapati dalam kajian awal oleh Mathews, Matthews dan Speltz (1989) (dalam Tsopelas, Spyridoula & Athanasios, 2011). Kajian mereka telah mendapati golongan kanak-kanak dipilih sebagai mangsa di dalam penderaan seksual kerana penjenayah wanita kurang keyakinan diri, mempunyai perasaan malu dan insekuriti yang tinggi serta selalu bergantung kepada orang lain (Tsopelas, Spyridoula & Athanasios, 2011).

Selain kajian-kajian di atas, terdapat juga kajian yang telah dijalankan untuk mengkaji tret personaliti seperti moraliti dan kawalan diri. Antonaccio dan Tittle (2009) telah menjalankan kajian ke atas sampel 500 orang dewasa di Lviv, Ukraine bagi mengkaji hubungan moraliti dengan kawalan diri. Dengan menggunakan soal selidik dan temu bual secara bersemuka, mereka mendapati faktor moraliti dan kawalan diri membawa kepada perlakuan jenayah oleh lelaki dan wanita (Antonaccio & Tittle, 2009). Mereka juga mendapati faktor moraliti adalah faktor yang kuat dalam menyumbang kepada perlakuan jenayah (Antonaccio & Tittle, 2009). Malah, faktor ini melebihi faktor kawalan diri (Antonaccio & Tittle, 2009).

Walaubagaimanapun, kajian sebelumnya oleh Schoepfer dan Piquero (2006) telah menghasilkan dapatan yang menunjukkan kedua-dua moraliti dan kawalan diri tidak bergantung antara satu sama lain. Mereka menjalankan kajian ke atas sampel pelajar prasiswazah lelaki dan wanita yang diambil secara rawak dan mendapati moraliti mempunyai hubungan yang signifikan kepada niat untuk menyerang dan mencuri, begitu juga dengan kawalan diri (Schoepfer & Piquero, 2006). Namun begitu, bagi jenayah mencuri, kawalan diri terletak secara ekslusif di dalam individu yang mempunyai moraliti yang rendah (Schoepfer & Piquero, 2006).

Seterusnya, kajian Stewart *et al.* (2014) tentang profil pelaku wanita yang terlibat dalam jenayah kekerasan terhadap pasangan intim mendapati sampel pelaku wanita yang dikaji menunjukkan masalah kawalan diri. Kajian telah dijalankan ke atas 58 wanita dari Servis Koreksional Kanada yang terlibat dalam melakukan keganasan hubungan (Stewart *et al.*, 2014). Mengikut hasil dapatan kajian, masalah kawalan diri di dalam diri pelaku-pelaku wanita ini adalah kerana mereka impulsif dan mempunyai kawalan emosi yang lemah (Stewart *et al.*, 2014).

Berdasarkan kajian-kajian personaliti dalam kalangan banduan wanita di dalam dan luar negara, dapat disimpulkan bahawa terdapat beberapa jenis, kecelaruan dan tret personaliti yang menjadi asas dalam seseorang individu khususnya dalam kalangan wanita untuk terlibat dalam jenayah seperti jenayah kekerasan. Antara kecelaruan personaliti yang sering dikaitkan dengan banduan wanita adalah kecelaruan personaliti antisosial, narsistik, pinggiran dan kebergantungan. Manakala, beberapa tret personaliti juga dikaitkan dengan tingkah laku jenayah dalam kalangan wanita iaitu tahap kawalan diri dan moraliti yang rendah.

### **Aspek Emosi: Kemurungan**

Menurut World Health Organization (2016), kemurungan adalah sejenis gangguan mental yang memberi kesan negatif terhadap perasaan, pemikiran dan perlakuan seseorang sehingga menyebabkan mereka tidak dapat berfungsi dengan baik dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Kemurungan boleh berlaku untuk tempoh yang panjang atau secara berulang (World Health Organization, 2016). Pengalaman yang menyebabkan seseorang stres secara tiba-tiba atau stres berpanjangan boleh mengakibatkan episod kemurungan (Gunter, 2004; Nurul Hazrina & Affizal, 2011). Kajian-kajian lepas telah menunjukkan kemurungan berat merupakan salah satu faktor psikologi yang membawa kepada perlakuan jenayah oleh seseorang wanita (Affizal & Nurul Hazrina, 2014; Muskens *et al.*, 2011; Nurul Hazrina & Affizal, 2011).

Selain mendapati penjenayah seksual wanita mempunyai tret personaliti diri yang negatif, kajian Muskens *et al.* (2011) juga mendapati penjenayah wanita yang lebih cenderung untuk melakukan jenayah seksual secara solo menderita kemurungan berat. Kaplan dan Green (1995) yang menjalankan kajian lebih awal, turut mendapati 7 daripada 11 wanita yang terlibat dalam jenayah seksual menderita kemurungan berat.

Bagi penjenayah wanita yang melakukan jenayah kekerasan pula, kajian tempatan yang telah dilakukan oleh Nurul Hazrina dan Affizal (2011) ke atas banduan wanita di Semenanjung Malaysia telah mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara kemurungan berat dan perlakuan agresif seseorang wanita. Wanita yang menderita kemurungan berat mempunyai tingkah laku agresif yang tinggi yang kemudiannya membawa kepada perbuatan jenayah seperti menyerang, mendera dan membunuh (Nurul Hazrina & Affizal, 2011). Kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji lain iaitu Evans, Hollin dan Long (2013) juga mendapati tahap kemurungan adalah sama bagi semua wanita yang melakukan jenayah kekerasan. Kumpulan penjenayah wanita yang melakukan jenayah pembunuhan didapati tidak mempunyai perbezaan signifikan dengan kumpulan penjenayah wanita yang melakukan jenayah kekerasan lain (Evans, Hollin & Long, 2013).

Perbandingan di antara kumpulan penjenayah lelaki dan kumpulan penjenayah wanita turut mendapati bahawa banduan wanita menderita kemurungan seperti kajian kuantitatif tempatan yang dilakukan ke atas dua kumpulan ini oleh Affizal dan Nurul Hazrina (2014). Kajian mereka terdiri daripada 227 banduan lelaki dewasa dan 199 banduan wanita dewasa di empat penjara Semenanjung Malaysia dengan menggunakan dua borang soal selidik iaitu *Perceived Stress Scale* (PSS) dan *Center for Epidemiologic Studies Depression Scale* (CES-D) (Affizal & Nurul Hazrina, 2014). Hasil dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa banduan wanita mempunyai kemurungan berat yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan banduan lelaki.

Melihat kepada tinjauan kajian-kajian lepas tentang kemurungan dalam kalangan penjenayah wanita di dalam dan luar negara, ia dapat disimpulkan bahawa kemurungan merupakan faktor psikologi yang penting dalam menyumbang kepada perlakuan jenayah oleh golongan wanita seperti jenayah kekerasan. Affizal dan Nurul Hazrina (2014) menyatakan bahawa seseorang yang menderita kemurungan memerlukan rehabilitasi yang lebih spesifik. Dengan rehabilitasi yang spesifik dan lebih bertepatan terhadap kemurungan yang dihadapi, ia secara tidak langsung dapat membantu untuk mengurangkan perlakuan jenayah oleh golongan wanita.

### **Aspek Tingkah Laku: Tingkah Laku Agresif**

Secara amnya, agresif adalah sebuah tingkah laku yang mempunyai tujuan untuk mendatangkan kecederaan dan kemudaratkan kepada orang lain seperti perbuatan memukul, menumbuk dan menendang. Di dalam kajian-kajian lepas, kebanyakannya tingkah laku agresif didapati dipengaruhi oleh elemen lain yang kemudiannya membawa kepada perlakuan jenayah oleh seseorang wanita (Hammock & O’Hearn, 2002; Nurul Hazrina & Affizal, 2011; Nurul Hazrina & Affizal, 2011). Berdasarkan kajian Nurul Hazrina dan Affizal (2011) ke atas 199 banduan wanita, tingkah laku agresif dipengaruhi oleh pengambilan dadah perangsang, depresan dan hallusinogen. *Simple Screening Instrument for Alcohol and Other Drug* (SSI-AOD) telah digunakan dan hasil dapatan menunjukkan 124 banduan wanita daripada keseluruhan sampel menyalahgunakan dadah sebelum dipenjarakan (Nurul Hazrina & Affizal, 2011). 36 daripada mereka telah didapati menyalahgunakan dua jenis dadah manakala 14 banduan telah menyalahgunakan tiga jenis dadah (Nurul Hazrina & Affizal, 2011). Dengan pengambilan lebih daripada satu jenis dadah dan corak penyalahgunaan dadah yang berbeza, ini telah meningkatkan tahap tingkah laku agresif yang secara tidak langsung membawa kepada wanita untuk melakukan jenayah (Nurul Hazrina & Affizal, 2011). Semakin tinggi tahap agresif seseorang wanita, semakin tinggi risiko untuk mereka melakukan jenayah (Nurul Hazrina & Affizal, 2011).

Tambahan lagi, Nurul Hazrina dan Affizal (2011) turut mendapati tingkah laku agresif seseorang wanita dipengaruhi oleh elemen lain iaitu kemurungan berat. Terdapat hubungan yang signifikan di antara kemurungan berat dan tingkah laku agresif di mana wanita yang menderita kemurungan berat mempunyai tahap tingkah laku agresif yang tinggi (Nurul Hazrina & Affizal, 2011). Tingkah laku agresif ini telah membawa kepada perbuatan jenayah seperti menyerang, mendera dan juga ke tahap membunuh.

Persamaan dapat dilihat bukan sahaja dalam kajian tempatan malah juga kajian di luar negara seperti kajian oleh Hammock dan O’Hearn (2002) ke atas 193 wanita dan 194 lelaki. Hammock dan O’Hearn (2002) telah mengkaji keagresifan di dalam hubungan romantik. Hasil dapatan kajian mereka mendapati tahap tingkah laku agresif wanita meningkat apabila berdepan dengan ancaman kerana dipengaruhi oleh pengalaman lepas seperti pernah menjadi mangsa penganiayaan dan mengalami trauma yang serius (Hammock, & O’Hearn, 2002).

Seperi yang dapat dilihat dalam kajian-kajian lepas di dalam dan di luar negara dalam kalangan wanita yang melakukan jenayah; dapat disimpulkan bahawa tingkah laku agresif adalah antara faktor psikologi yang membawa kepada perlakuan jenayah mereka. Tingkah laku agresif ini kebiasaannya dipengaruhi oleh elemen lain seperti penyalahgunaan dadah, kemurungan berat dan perasaan terancam kerana pengalaman lepas yang pahit. Pengaruh elemen ini ke atas tingkah laku agresif telah membawa kepada perlakuan jenayah terutamanya jenayah jenis kekerasan.

### ***Aspek Kognisi: Pengherotan Kognitif***

Aspek kognisi merupakan salah satu elemen utama dalam psikologi yang melibatkan pemikiran seseorang individu. Banyak kajian-kajian telah dijalankan di luar negara bagi merungkai hubungan antara kognisi dan juga tingkah laku jenayah seperti kajian oleh Strickland (2008) terhadap 130 pelaku jenayah wanita. Salah satu aspek kognisi yang sering dilihat sebagai penyumbang kepada tingkah laku jenayah wanita adalah pengherotan kognitif.

Barriga *et al.* (2001) mendefinisikan pengherotan kognitif sebagai cara yang tidak tepat atau bias dalam memberi makna kepada sesuatu pengalaman yang dilalui. Berdasarkan kajian-kajian lepas, pengherotan kognitif didapati adalah pemangkin kepada pelbagai tingkah laku agresif yang menyumbang kepada perlakuan jenayah oleh golongan lelaki (Mohammad Rahim Kamaluddin *et al.*, 2015). Ini tidak berbeza dengan golongan wanita kerana berdasarkan kajian-kajian lepas, pengherotan kognitif juga merupakan salah satu faktor psikologi yang membawa kepada perlakuan jenayah oleh wanita seperti jenayah seksual.

Tinjauan Grayston dan De Luca (1999) terhadap kajian lepas telah mendapati kumpulan penjenayah wanita yang melakukan jenayah seksual ke atas kanak-kanak mempunyai pengherotan kognitif yang tinggi. Bagi penjenayah wanita ini, penderaan adalah satu ekspresi normal untuk mempamerkan kasih sayang terhadap kanak-kanak (Grayston & De Luca, 1999). Perbuatan agresif seksual mereka juga dianggap sebagai sesuatu benda yang bukan serius (Grayston & De Luca, 1999) dimana pengherotan kognitif jenis minimasi dapat dicungkil dalam konteks ini.

Selain wanita yang melakukan jenayah seksual ke atas kanak-kanak, pengherotan kognitif yang tinggi juga dilihat dalam wanita yang melakukan jenayah seksual seperti pelacuran. Sebagai contoh, hasil dapatan kajian tempatan oleh Rohany Nasir dan rakan-rakannya menunjukkan terdapat pengherotan kognitif yang tinggi dalam kalangan pelacur terutamanya dalam kalangan pelacur yang beragama Islam (Rohany Nasir *et al.*, 2016). Kajian mereka telah menggunakan Skala Pengherotan Kognitif Briere yang dijalankan pada tahun 2007 ke atas 42 orang pelacur remaja perempuan dan pada tahun 2008 ke atas 401 pelacur wanita dewasa (Rohany Nasir *et al.*, 2016).

Berdasarkan kajian Rohany Nasir *et al.* (2016), pelacur beragama Islam didapati mempunyai pengherotan kognitif yang tinggi kerana masih melakukan jenayah pelacuran walaupun ia melanggar peraturan agama Islam. Tambahan lagi, negara Malaysia merupakan sebuah negara Islam yang sangat bertindak tegas terhadap aktiviti yang melanggar peraturan agama dan moral (Rohany Nasir *et al.*, 2016). Ini jelas menunjukkan bahawa mereka mempunyai pengherotan kognitif yang tinggi kerana tetap merasionalkan perbuatan mereka yang melakukan jenayah pelacuran walaupun ia ditegah oleh agama dan bertentangan dengan peraturan sebuah negara Islam seperti Malaysia (Rohany Nasir *et al.*, 2016).

Dapatan yang berbeza telah dihasilkan oleh kajian Rohany Nasir *et al.* (2015) yang dijalankan di rumah perlindungan pertubuhan bukan kerajaan dan pusat perlindungan Jabatan Kebajikan Masyarakat ke atas 215 wanita hamil tanpa nikah. Majoriti daripada mereka terlibat dalam aktiviti seksual pada umur yang muda dan berumur antara 14 hingga 19 tahun (Rohany Nasir *et al.*, 2016). Skala Pengherotan Kognitif Briere juga digunakan bagi kajian ini (Rohany Nasir *et al.*, 2016). Walaupun hasil dapatan kajian menunjukkan majoriti daripada responden kajian mempunyai tahap pengherotan kognitif yang rendah, terdapat 3.7 peratus responden mempunyai tahap pengherotan kognitif yang tinggi (Rohany Nasir *et al.*, 2016).

Berdasarkan kajian-kajian lepas tentang aspek kognisi dalam kalangan wanita yang melakukan jenayah di dalam dan luar negara, dapat disimpulkan bahawa pengherotan kognitif merupakan faktor psikologi yang menyumbang para wanita ini untuk terlibat dalam jenayah. Disebabkan wujudnya pengherotan kognitif dalam diri, mereka melakukan jenayah dan menganggap perbuatan tersebut sebagai sesuatu yang bukan serius untuk dilakukan. Mereka juga merasionalkan perbuatan ini sebagai sesuatu yang boleh dilakukan atas alasan tertentu.

## RUMUSAN

Berdasarkan hasil tinjauan kajian-kajian lepas, empat aspek psikologi telah banyak dikaji dalam perlakuan jenayah oleh wanita. Aspek-aspek psikologi ini adalah personaliti, emosi, tingkah laku dan kognisi. Dari aspek personaliti, faktor psikologi yang menyumbang kepada perlakuan jenayah oleh wanita adalah tret personaliti negatif seperti kecelaruan personaliti antisosial, narsistik, pinggiran, kebergantungan dan tahap kawalan diri serta moraliti yang rendah. Dari aspek emosi, kemurungan sering didapati dalam kalangan banduan wanita. Dari aspek tingkah laku pula, tingkah laku negatif; manakala dari aspek kognisi adalah pengherotan kognitif yang sering dikaitkan dengan kelakuan jenayah wanita.

Perkembangan psikologi yang sihat adalah sangat penting untuk membentuk insaniah seseorang individu. Psikologi yang sihat juga menjadi kekuatan dalam seseorang individu yang dapat mengekang mereka daripada melakukan perbuatan yang boleh mendatangkan kemudaratannya kepada diri sendiri dan orang lain di sekitar

mereka, seperti tingkah laku jenayah. Walaupun tingkah laku jenayah dilihat sebagai kesan daripada pelbagai faktor (multifactorial), aspek dalaman seperti psikologi dilihat sebagai salah satu ramuan utama untuk seseorang individu terlibat dalam jenayah dan perbuatan antisosial.

Pemahaman yang mendalam tentang faktor-faktor psikologi juga dapat membantu agensi kerajaan seperti Jabatan Penjara Malaysia dalam merancang dan memperbaharui program pemulihan dan rehabilitasi bagi mengelakkan pengulangan jenayah dalam kalangan banduan wanita. Ini bermakna, rehabilitasi yang menggunakan pendekatan psikologi boleh menjadi lebih spesifik untuk memperbaik aspek-aspek psikologi yang khusus. Sebagai contohnya, modul-modul rehabilitasi khas perlu dibangunkan untuk memperbaik aspek kemurungan, personaliti negatif, pengherotan kognitif dan tingkah laku agresif. Tambahan lagi, pengetahuan tentang faktor-faktor psikologi ini dapat memberi kesedaran kepada golongan wanita bagi mengelakkan diri mereka daripada terjebak dengan jenayah serta dapat dijadikan sebagai panduan untuk ibu bapa dalam mendidik anak. Sebagai contohnya, ibubapa boleh mengambil tindakan proaktif sekiranya anak mereka menunjukkan simptom-simptom awal tingkah laku agresif atau pola pemikiran yang bias agar pencegahan awal dapat dibuat sebelum tret-tret ini menjadi stabil dan kronik dalam diri anak mereka.

## **PENGHARGAAN**

Penulis ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia kerana membiayai geran penyelidikan (Kod: GGPM 2016-071) dan juga kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan moral kepada pihak penulis.

## **RUJUKAN**

- Affizal Ahmad, & Nurul Hazrina Mazlan. (2014). Stress and Depression: A Comparison Study Between Men and Women Inmates in Peninsular Malaysia. *International Journal of Humanities and Social Science*, 4 (2), 153-160.
- American Psychiatric Association. (2012). DSM-IV and DSM-5 Criteria for the Personality Disorder. [http://www.psi.uba.ar/academica/carrerasdegrado/psicologia/sitios\\_catedras/practicas\\_profesionales/820\\_clinica\\_tr\\_personalidad\\_psicosis/material/dsm.pdf](http://www.psi.uba.ar/academica/carrerasdegrado/psicologia/sitios_catedras/practicas_profesionales/820_clinica_tr_personalidad_psicosis/material/dsm.pdf)
- Antonaccio, O., & Tittle, C.R. (2008). Morality, Self-Control and Crime. *Criminology*, 46 (2), 479-510.
- Barak, G. (2003). *Violence and Nonviolence: Pathways To Understanding*. Thousand Oaks: Sage.

- Barriga, A.Q., Gibbs, J.C., Potter, G., & Liau, A.K. (2001). *How I Think (HIT) Questionnaire Manual*. Champaign: Research Press.
- Evans, R., Hollin, C., & Long, C. (2013). A Profile of Violent Female Offenders in Secure Psychiatric Care. *Journal of Criminal Psychology*, 3 (1), 31–39.
- Ferraris, V., Bosco, F., Cafiero, G., D'Angelo, E., & Suloyeva, Y. (2013). *Defining Profiling*. Accessed November 19, 2016. [https://profiling-project.eu/wp-content/uploads/2013/07/PROFILINGproject\\_WS1\\_definition\\_2607.pdf](https://profiling-project.eu/wp-content/uploads/2013/07/PROFILINGproject_WS1_definition_2607.pdf)
- Gavin, H. (2014). *Criminological and Forensic Psychology*. London: Sage Publications.
- Grayston, A.D., & De Luca, R.V. (1999). Female Perpetrators of Child Sexual Abuse: A Review of the Clinical and Empirical Literature. *Aggression and Violent Behavior*, 4 (1), 93-106.
- Green, A.H., & Kaplan, M.S. (1994). Psychiatric Impairment and Childhood Victimization experiences in female child molesters. *Journal of the American Academy of Child and Adolescent Psychiatry*, 33, 954-961.
- Gunter, T.D. (2004). Incarcerated Women and Depression: A Primer for the Primary Care Provider. *Journal of the American Medical Women's Association*, 59 (2), 107-112.
- Hammock, G., & O'Hearn, R. (2002). Psychological Aggression in Dating Relationships: Predictive Models for Males and Females. *Violence and Victims*, 17 (5), 525-540.
- Henning, K., Jones, A., & Holdfort, R. (2003). Treatment Needs of Women Arrested for Domestic Violence: A Comparison with Male Offenders. *Journal of Interpersonal Violence*, 18 (8), 839-856.
- Herrera, V.M., & McCloskey, L.A. (2003). Sexual Abuse, Family Violence, and Female Delinquency: Findings From A Longitudinal Study. *Violence & Victims*, 18 (3), 319-334.
- Holmes, J. (2010). Female Offending: Has There Been An Increase? *NSW Bureau of Crime Statistics and Research*, 46, 1-10.
- Jordan, B.K., Schlenger, W.E., Fairbank, J.A., & Caddell, J.M. (1996). Prevalence of Psychiatric Disorders Among Incarcerated Women II: Convicted Felons Entering Prison. *Arch Gen Psychiatry*, 53 (6), 513-519.
- Malaysiakini. (2016). 2 Suspek Dera Kanak-Kanak OKU Direman Seminggu. November 19, 2016. <http://www.malaysiakini.com/news/359854>.
- Mohammad Rahim Kamaluddin, Nadiah Syariani Md Shariff, Azizah Othman, Khaidzir Hj Ismail & Geshina Ayu Mat Saat. (2015). Linking Psychological Traits with Criminal Behaviour: A Review. *ASEAN Journal of Psychiatry*, 16 (2), 13-25.

- Muskens, M., Bogaerts, S., van Casteren, N., & Labrijn, S. (2011). Adult Female Sexual Offending: A Comparison Between Co-Offenders and Solo Offenders in a Dutch Sample. *Journal of Sexual Aggression*, 17 (1), 45-60.
- Myers, D.G. (2007). *Social Psychology*. New York: McGraw-Hill.
- Nurul Hazrina Mazlan, & Affizal Ahmad. (2011). *Stress as A Cause of Depression Among Female Prisoner and Its Effect Towards Aggressiveness*. Paper presented at the 4th International Conference on Southeast Asia (ICONSEA2011), Faculty of Arts and Social Sciences, University Malaya, 6-7 December, 2011.
- Nurul Hazrina Mazlan, & Affizal Ahmad. (2011). *Effects of Different Substance Abuse Pattern on Aggression Among Female Prisoners in Peninsular Malaysia*. Poster presentation at the 2nd Symposium of USM Fellowship, Vistana Hotel, Penang, 22-24 November, 2011.
- Nurul Hazrina Mazlan, & Affizal Ahmad. (2012). Psychological Profile of Malaysian Female Prisoners. *Global Advanced Research Journal of Educational Research and Review*, 1 (6), 106-111.
- Putkonen, H., Komulainen, E.J., Virkkunen, M., Eronen, M., & Lonnqvist, J. (2003). Risk of Repeat Offending Among Violent Female Offenders with Psychotic and Personality Disorders. *American Journal of Psychiatry*, 160 (5), 947-951.
- Rohany Nasir, Zainah Ahmad Zamani, Rozainee Khairudin, & Mohammad Rahim Kamaluddin. (2016). *Pengherotan Kognitif dan Pelbagai Isu Sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Schoepfer A., & Piquero A.R. Self-Control, Moral Beliefs, and Criminal Activity. *Deviant Behavior*, 27, 51– 71.
- Schwartz, J., & Steffensmeier, D. (2008). *The Nature of Female Offending: Patterns and Explanations*. Sudbury: Jones and Bartlett Publishers.
- Stewart, L.A., Gabora, N., & Allegri, N. (2014). Profile of Female Perpetrators of Intimate Partner Violence in an Offender Population: Implications for Treatment. *Partner Abuse*, 5 (2), 168-188.
- Strickland, S.M. (2008). Female Sex Offenders: Exploring Issues of Personality, Trauma and Cognitive Distortions. *Journal of Interpersonal Violence*, 23 (4), 474-489.
- Tsopelas, C., Spyridoula, T., & Athanasios, D. (2011). Review on Female Sexual Offenders: Findings About Profile and Personality. *International Journal of Law and Psychiatry*, 34, 122-126.
- Utusan Online. (2016). *Kanak-Kanak Perempuan Dua Tahun Maut Didera*. 19 November, 2016. <http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/kanak-kanak-perempuan-dua-tahun-maut-didera-1.369536>.

- Utusan Online. (2016). *Pengasuh Tadika Dera Anak Angkat ke Hospital Bahagia*. 19 November, 2016. <http://www.utusan.com.my/berita/mahkamah/pengasuh-tadika-dera-anak-angkat-ke-hospital-bahagia-1.365837>.
- Warren, J.I., Burnette, M., South, S.C., Chauhan, P., Bale, R., & Friend, R. (2002). Personality Disorders and Violence Among Female Prison Inmates. *The Journal of the American Academy of Psychiatry and the Law*, 30 (4), 502-509.
- Webster, J., & Watson, R.T. (2002). Analyzing the Past to Prepare for the Future: Writing a Literature Review. *MIS Quarterly*, 26 (2), xiii-xxiii.
- World Health Organization. (2016). *Depression*. 4 June, 2016. <http://www.who.int/topics/depression/en/>.
- Zaplin, R.T. (2008). *Female Offenders: Critical Perspectives and Effective Interventions*. Sudbury: Jones and Bartlett Publishers.
- Zimmer-Gembeck, M.J., Geiger, T.A., & Crick, N.R. (2005). Relational and Physical Aggression, Prosocial Behavior and Peer Relations: Gender Moderation and Bidirectional Associations. *Journal of Early Adolescence*, 25, 421-452.

**Profil Penulis:**

**Siti Nurkhairina Mohd Nor, BSc**  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[9Inrina@gmail.com](mailto:9Inrina@gmail.com)

**Wan Shahrazad Wan Sulaiman, PhD**  
Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[shara@ukm.edu.my](mailto:shara@ukm.edu.my)

**Mohammad Rahim Kamaluddin, PhD**  
Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[rahimk@ukm.edu.my](mailto:rahimk@ukm.edu.my)



## PEMAHAMAN DAN PERSEPSI MAHASISWA UNIVERSITI TUNKU ABDUL RAHMAN (UTAR) MENGENAI ASPEK AGAMA DAN KEPERCAYAAN DI MALAYSIA

CHARANJIT KAUR

### ABSTRAK

Dalam era teknologi maklumat yang semakin rancak berkembang, masyarakat berpeluang untuk mendapatkan pelbagai bentuk maklumat dengan mudah. Antara informasi yang kerap mendapat perhatian serius dari pelbagai lapisan masyarakat adalah mengenai aspek agama dan kepercayaan. Media baru menerusi beberapa laman sosial khasnya dijadikan ‘dewan parlimen siber’ mahupun medan pertempuran untuk membahaskan isu-isu yang melibatkan kepentingan masing-masing. Antara isu yang sentiasa dihangatkan di alam maya merangkumi tema agama, budaya, bangsa/ras, gender, fahaman politik, hak asasi dan seumpamanya. Namun begitu, aspek agama dan sistem kepercayaan dilihat sebagai isu yang paling sensitif dan sukar untuk mendapatkan kata sepakat dalam usaha untuk mengekalkan kesepadan sosial dan keharmonian yang dinikmati selama ini. Memandangkan mahasiswa merupakan pelapis negara yang berharga, justeru makalah ini bertujuan untuk meninjau pemahaman dan persepsi mahasiswa Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) mengenai aspek agama dan kepercayaan yang dilabel sensitif untuk dibicarakan kebelakangan ini. Seramai 60 orang mahasiswa UTAR yang ditawarkan buat julung kalinya subjek wajib lulus Hubungan Etnik telah menyertai survei ini. Memandangkan tiadanya subjek khusus mengenai agama dan kepercayaan ditawarkan kepada pelajar UTAR di samping suasana sosial mengenai aspek ini sentiasa ‘panas’ di alam maya, justeru dirasakan amat perlu untuk mengkaji pemahaman mereka. Kajian ini penting untuk mengetahui sama ada mahasiswa mempunyai tahap kematangan yang tinggi dalam menangani isu berkaitan agama dan kepercayaan ataupun mereka cenderung untuk bertindak mengikut emosi yang melampau. Survei atas talian dengan menggunakan Spreadsheet Google Drive telah dilakukan untuk mengutip data dengan menggunakan tiga skala jawapan umum yakni setuju, tidak setuju dan tidak pasti. Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan responden bersikap terbuka dan boleh menerima budaya serta falsafah keagamaan etnik lain seadanya. Reaksi yang ditonjolkan ini mencerminkan bahawa mahasiswa UTAR mempamerkan sikap matang dan rasional dalam membincangkan aspek agama dan kepercayaan yang dilabel sensitif justeru jangan dibicarakan oleh kebanyakan masyarakat umum.

**Kata Kunci:** Agama dan Kepercayaan, Kesepadan Sosial, Hubungan Etnik, Mahasiswa

**ABSTRACT**

*In the era where information technology is burgeoning all types of information are easily accessible. Among the frequently sought after information by all walks of life are religion and belief systems. The main stream social sites have become the ‘cyber parliament’ or even battlefield to debate issues related to individual’s interests. Among the heated argument in the cyber world includes religion, culture, race, gender, political ideology, basic rights and so on. However, religious aspects and belief systems were perceived as the most sensitive and difficult issue to be compromised in the effort to maintain social cohesion and harmony that has been enjoyed thus far. Since undergraduates are valuable echelons, this article aimed to observe the understanding and perception of Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) students on the aspects of religion and beliefs issues which was classified as negative lately. A total of 60 UTAR students who had been offered for the first time the Ethnic Relations subject had participated in this survey. Given that no specific subjects on religion and beliefs are offered to UTAR students and the social atmosphere of this aspect is always ‘hot’ in the virtual world, the researchers felt necessary to study the students’ understanding. This study was important to find out whether undergraduates had high level of maturity in dealing with issues related to religion and belief or they tend to be extremely emotional. Data were collected by using Online Survey Google Spreadsheets Drive with three common response scales ie agree, disagree and uncertain. A total of 60 students who had been offered for the first time a compulsory-passed Ethnic Relations subject had participated in this survey. The results showed that most respondents were open-minded and can accept other ethnic culture and religious philosophy. The reaction reflected that UTAR students exhibited a mature and rational attitude in discussing the issues considered to be sensitive by the public.*

**Keywords:** Religion and Belief, Social Cohesion, Ethnic Relation, University Undergraduate

**PENGENALAN**

Kepelbagaiannya citra budaya masyarakat dengan komposisi etnik yang berbilang menjadikan negara Malaysia istimewa di mata dunia. Pada bulan Februari 2014, jumlah rakyat Malaysia telah mencapai 30 juta orang berbanding 29.3 juta pada 2012 (Buletin Perangkaan Sosial, 2012). Peningkatan jumlah penduduk ini semestinya menguntungkan negara kerana boleh dijadikan dengan berkesan untuk pembangunan masa hadapan. Secara umumnya, komposisi etnik Malaysia terdiri daripada etnik Melayu (50.3%), Bumiputera Bukan Melayu (11.0%), Cina (24.0%), India (7.0%), Lain-lain (1.3%) dan Bukan Warganegara (6.4%) (Siaran Perangkaan Bulanan Malaysia 2003: 7) manakala agama yang dianuti pula adalah Islam (59.1%), Buddha (20.2%), Kristian (9.1%), Hindu (6.5%), Konfusianisme/Taoism (2.8%), Animisme/Agama Rakyat/Lain (1.2%) dan tiada agama/tidak diketahui

(1.1%) (Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2000).

Sungguhpun Buletin Perangkaan Sosial (2012), Siaran Perangkaan Bulanan Malaysia (2003) dan Jabatan Perangkaan Malaysia dengan mudahnya mengklasifikasikan kumpulan etnik kepada Bumiputra (Melayu dan Bumiputra lain), Cina, India dan Lain-lain, namun begitu hakikatnya empat kategori sosial ini tidak semudah yang disangkakan. Ini kerana setiap individu dalam mana-mana empat kategori utama tadi tidak berkongsi amalan dan gaya kehidupan yang sama. Setiap daripada mereka ini unik dan berbeza kerana mempunyai tradisi kebudayaan yang khusus lagi menarik yang membezakan mereka dengan suku kaum atau etnik lain walaupun dikelompokkan di bawah satu payung ras yang sama. Jadual di bawah adalah mengenai kumpulan sub-etnik dari aspek ethnological yang mempunyai gaya kehidupan yang berbeza tetapi amat jarang dibicarakan di ruang awam, justeru kurang dikenali oleh masyarakat umum.

### **Jadual 1: Kumpulan Sub-Etnik di Malaysia**

<b>Ras / Bangsa / Negeri</b>	<b>Sub Etnik</b>
Melayu	Banjar, Boyan, Bugis, Jawa, Kampar, Kerinci, Mendaling, Minangkabau, Rawa dan Johor-Riau
Cina	(i) Hokien - Chuan-chew, Chin-chew, Eng-hua, Eng-choon dan Hok-chew (ii) Kwangtung – Kanton, Teochew, Hakka dan Hailam
India	Malayali, Punjabi, Ceylon, Tamil, Telegu, Benggali, Parsis, Sindhi, Marwaris dan Gujarati
Orang Asli	(i) Negrito – Kintak, Kensi, Menriq, Batek, Lanoh dan Jahai (ii) Senoi – Semai, Temiar, Jah Hut, Che Wong, Semoq Beri dan Mah Meri (iii) Melayu-Proto – Temuan, Semelai, Jakun, Orang Kanaq, Orang Seletar dan Orang Kuala
Sabah	Kadazan, Bajau, Dusun, Murut, Bisaya, Kedayan, Orang Sungai, Suang Laut, Brunei, Lun Dayeh, Bugis, Iranum, Dumpas, Idahan, Kwijau, Maragang, Minokok, Paitan, Rumanau, Sino-Native, Tidong dan sebagainya
Sarawak	Bidayuh, Bisaya, Iban, Kayan, Kedayan, Kelabit, Kenyah, Melanau, Melayu, Murut, Penan, Punan dan sebagainya

(Charanjit Kaur, 2009)

Dikatakan bahawa Malaysia mempunyai lebih kurang 145 bahasa dan 130 daripadanya ditutur oleh orang natif (Ikuko, 2005). Sejajar dengan itu, kerumitan memahami dan mendalami gaya hidup dan tuntutan setiap etnik di negara ini akan sentiasa menjadi cabaran dari pelbagai lapisan masyarakat khasnya pihak kerajaan.

Salah satu komponen budaya etnik yang dianggap penting dan suci adalah aspek agama dan kepercayaan. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, agama boleh difahami menerusi dua perkara atau definisi utama yakni (i) kepercayaan kepada Tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan / penerimaan ajaran dan perintahNya / kepercayaan kepada yang Maha Kuasa / agama langit yang bukan ciptaan manusia; (ii) kepercayaan kepada sesuatu dewa yang dipuja dan dianggap sebagai sesuatu yang amat berkuasa. Manakala Kamus Pelajar Edisi Kedua pula menjelaskan kepercayaan sebagai (i) anggapan atau akuan bahawa sesuatu itu ada atau benar (ii) keyakinan atau harapan (terhadap sesuatu yang dipercayai). Kepercayaan juga boleh disamakan seperti dogma iaitu ajaran (kepercayaan) yang tidak boleh dibantah atau dipersoalkan melainkan harus diterima saja. Jelas sekali, agama dan kepercayaan ini boleh dirumuskan sebagai kebaktian kepada apa yang dipercayai benar dan wujud harapan bahawa apa yang dipercayai ini boleh memberikan kepuasan atau kebaikan kepada si penganut.

Menariknya, makna agama dalam kehidupan sesebuah kumpulan etnik adalah berbeza dan unik sifatnya. Aspek agama dan kepercayaan ini mempunyai sejarah sosio-budaya tersendiri yang diamati dan dipegang teguh oleh setiap ahli kumpulan etnik. Umpamanya, bagi sebilangan etnik, agama adalah jiwa raga mereka yang menjadi penentu hala tuju dalam kehidupan sehari-hari. Sebilangan yang lain pula melihat agama adalah satu entiti yang memberikan identiti etnik yang unik dan pada masa yang sama mempunyai nilai sejahtera yang boleh dikongsi bersama. Namun begitu, ada juga kumpulan atau individu tertentu yang mempunyai persepsi bahawa agama adalah sesuatu yang subjektif dan mungkin tidak mempunyai signifikan langsung kepada mereka. Walau apa juga persepsi umum yang dipegang oleh individu/kumpulan etnik, ternyata aspek agama dan kepercayaan ini adalah sesuatu yang menarik untuk diterokai dengan lebih mendalam lagi ilmiah.

### **Aspek Keagamaan Dan Kepercayaan**

*Pucuk pangkalnya, kita mahu mencipta sebuah Malaysia yang mana prinsip hak asasi manusia dijunjung, kebebasan individu untuk menyatakan pendapat secara terbuka diraikan, seraya kepentingan individu dan komuniti diimbangi.*

*(Datuk Seri Najib Tun Razak, Sinar Harian, 2012)*

Apa yang diluahkan oleh Perdana Menteri sejurnya selari dengan Perlembagaan Malaysia yang menjamin hak bersuara setiap manusia. Akan tetapi, adakah kebebasan bersuara ini bersifat mutlak atau mempunyai hadnya? Adakah kebimbangan masyarakat untuk membincang perkara-perkara berkaitan agama

dan kepercayaan yang sentiasa dilabel sensitif benar-benar sensitif sifatnya atau bertujuan untuk menghalang rakyat untuk berbicara secara berhemah? Adakah perbincangan mengenai aspek agama dan kepercayaan secara terbuka bermakna rakyat Malaysia hari ini sudah mempunyai sifat toleransi agama yang tinggi? Persoalan-persoalan ini harus dirungkai atau dijawab dengan telus agar kesepaduan sosial yang dikecapi selama ini mekar tanpa dilayukan oleh kecetekan ilmu individu atau organisasi tertentu.

Dalam era teknologi maklumat yang semakin rancak berkembang, masyarakat berpeluang untuk mendapatkan pelbagai bentuk maklumat dengan mudah. Antara informasi yang kerap mendapat perhatian serius dari pelbagai lapisan masyarakat adalah mengenai isu agama dan kepercayaan yang berlaku di negara ini. Media baru menerusi beberapa laman sosial utama khasnya seperti *Facebook*, *Twitter* dan blog dijadikan ‘dewan parliment siber’ atau medan pertempuran untuk membahaskan perkara-perkara yang melibatkan kepentingan masyarakat dan komuniti masing-masing. Di antara isu yang sentiasa dihangatkan di alam maya merangkumi tema agama, budaya, bangsa/ras, gender, fahaman politik, hak asasi dan seumpamanya. Namun begitu, aspek agama dan kepercayaan dilihat sebagai isu yang paling sensitif dan sukar untuk mendapatkan kata sepakat dalam usaha untuk mengekalkan kesepaduan sosial dan keharmonian yang dinikmati selama ini. Maka tidak hairanlah, perkara yang menyentuh aspek agama dan kepercayaan kini seolah-olah menjadi taboo dalam perbincangan atau interaksi sosial dalam kalangan masyarakat yang pelbagai latar-belakangnya. Menurut Ikuko (2005), “*since race and religion are considered to be sensitive issues or taboos in Malaysia, people generally preferred to maintain silence once the matter had been settled through discussions between the top political leader and other religious leaders*”.

Keadaan yang sama berlaku pada era pra kemerdekaan sehingga akhir tahun 1990an. Masyarakat terdahulu bijak dengan ‘mengabaikan’ perbezaan di antara entik tetapi bekerjasama untuk kemajuan diri dan kemakmuran negara. Generasi terdahulu tidak teruja atau teringin untuk memburuk-burukkan amalan budaya, tradisi turun-temurun dan agama kaum lain, apatah lagi membantah secara terbuka. Dogma yang tidak selari dengan kepercayaan mereka tidak juga dijadikan senjata untuk merendah-rendahkan etnik lain. Sebaliknya, generasi terdahulu menggunakan perbezaan yang ada sebagai satu kelebihan. Umpamanya, mempelajari bahasa etnik lain khasnya bahasa Mandrin dan Tamil, mengaplikasi kaedah memasak yang digunakan oleh etnik lain termasuk menyesuaikan menu masakan, menerima gaya pemakaian etnik lain serta mengamalkan gaya hidup etnik lain selagi ia tidak bercanggah dengan tuntutan agama sendiri. Jelas sekali, generasi terkini harus mengambil pedoman dan iktibar untuk menjadikan perbezaan yang ada sesama etnik sebagai kekuatan untuk bersama-sama memartabatkan kemakmuran negara dan bukannya mengambil mudah dengan menghina amalan tradisi hidup orang lain.

Pokok pangkalnya, apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan isu sensitif sehingga wujud pelbagai bentuk ugutan ke atas individu tertentu yang

cuba memperoleh ‘keadilan’ dalam isu-isu tertentu? Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, isu adalah kata nama berasal dari bahasa Inggeris yang sinonim dengan persoalan, masalah, perkara, hal, pokok perbincangan, tajuk perbualan, topik dan seumpamanya. Manakala perkataan sensitif pula bermaksud mudah tersinggung atau mudah berasa. Sensitif adalah kata adjektif yang juga berasal dari bahasa Inggeris yang mempunyai persamaan makna kepekaan dan mudah bertindak balas (dalam konteks sains). Pendek kata, isu sensitif adalah perkara atau topik perbincangan yang boleh menyenggung perasaan seseorang/ahli masyarakat tertentu seandainya tujuan persoalan tersebut disalah anggap serta mempunyai *intention* yang salah dan seterusnya boleh melukakan perasaan mereka. Justeru, hal-hal sedemikian mungkin lebih baik dielakkan daripada terus diperdebatkan.

Pada masa yang sama, makna sensitif boleh dilihat dalam cahaya positif yakni menjadi ‘sensitif’ untuk mengkalkan keharmonian dalam masyarakat. Dalam konteks ini, si pelaku akan memikirkan impak yang boleh dialami oleh individu lain jika tindakan, perbuatan atau pengucapannya tidak menjaga sensitiviti agama, budaya atau kaum lain. Ini bermakna menjadi sensitif bermaksud peka terhadap kepentingan dan amalan budaya orang lain. Umpamanya, kita terlampau sensitif untuk menghidangkan daging khinzir dalam majlis keraian yang dihadiri oleh penganut agama Islam namun langsung tidak sensitif untuk tidak menghidangkan daging lembu yang tidak boleh dimakan dan haram sifatnya bagi kaum Hindu dan umat Buddha. Pendek kata, sensitiviti agama dan kepercayaan yang harus dipertimbangkan dan tidak sekadar menjadi sensitif akibat isu sensitif yang disensasikan.

Di Malaysia, antara isu-isu sensitif yang tidak boleh diperdebatkan, dibahaskan atau dibincangkan secara terbuka adalah berkaitan dengan hak-hak keistimewaan orang Melayu, status Bumiputera, kontrak sosial, sistem kuota dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Selain itu, isu-isu perkauman yang bertujuan untuk mempertikaikan hak individu lain serta memperlekehkan kedudukan mereka juga adalah dilarang sama sekali. Kesemua isu-isu ini jika tidak dibendung ternyata mampu menimbulkan masalah dalam kalangan masyarakat Malaysia. Seperti yang termaktub di dalam Akta Hasutan 1948, sebarang tindakan, ucapan, perbuatan, penerbitan atau cara lain yang bertujuan untuk menghasut atau mempunyai tendensi untuk menggoyahkan keharmonian masyarakat adalah ditegah. Akan tetapi, kini Akta Hasutan 1948 telah digantikan dengan akta baru yang dikenali sebagai Akta Keharmonian Nasional. Keputusan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 itu dibuat untuk mencari mekanisme yang dapat menentukan keseimbangan terbaik antara keperluan menjamin kebebasan bersuara setiap warga Malaysia dan keperluan menangani masalah kemajmukan yang wujud di negara ini. Penubuhan Akta Keharmonian Nasional ini juga dilihat dapat membantu mengukuhkan dan melindungi perpaduan negara serta memupuk keharmonian dalam beragama. Akta terbaru ini juga bertujuan menghindari perbuatan yang menimbulkan permusuhan antara kaum dan mempersoalkan apa-apa hak, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif sebagaimana yang dilindungi dalam Perlembagaan Malaysia (Portal Pusat Maklumat Rakyat).

Akan tetapi sejak kebelakangan ini, seolah-olah sudah menjadi trend untuk ‘usik-mengusik’ kumpulan etnik tertentu khas sekali berkaitan dengan isu agama dan kepercayaan. Terdapat pelbagai bentuk reaksi yang diberikan oleh masyarakat umum mengenai perkara berbangkit ini. Menarik sekali, pihak berautoriti sentiasa tidak menggalakkan perbincangan terbuka dan telus sesama rakyat untuk mengatasi isu tersebut dengan lebih berhemah. Bak kata pepatah, mencegah lebih baik daripada mengubati. Umpamanya, Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Che Mat Che Ali menjelaskan bahawa masyarakat harus lebih berwaspada dalam membicarakan hal-hal atau isu sensitif terutama yang menyentuh kaum atau agama. Katanya, “Isu-isu ini tidak sepatutnya timbul dan dibicarakan secara terbuka, walaupun atas dasar ketulusan, kerana boleh membawa banyak keburukan daripada kebaikan” (Sinar Harian, 2012). Abdullah Ahmad Badawi pula mendesak agar kumpulan interfaith tidak membincangkan isu-isu agama yang boleh membawa ketegangan dalam masyarakat pelbagai agama ini (New Straits Times, 2006). Malah, Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar Sarawak Gramong Juna turut mengingatkan rakyat supaya tidak berdebat mengenai isu-isu sensitif jika ingin kekalkan keharmonian kaum (The Borneo Post, 2014). Tidak ketinggalan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Joseph Kurup meminta agar menghentikan perdebatan ke atas isu-isu sensitif yang menyentuh sentimen kaum dan agama demi kepentingan keharmonian nasional. Tambahnya, “*The less we talk about sensitive issues, the better*” (Malay Mail, 2014).

Sekatan undang-undang sentiasa dijadikan tugu pertahanan agar masyarakat negara ini dapat ‘dikawal’ tindakannya. Menurut Mahathir Mohamad dalam temubual bersama Far Eastern Economic Review (1996) menegaskan bahawa, “... *multi-racial, multi-religious, multi-cultural and multi-lingual differences among Malaysians make open debate dangerous. The threat is from inside. ... So we've got to be armed so to speak. Not with guns but with the necessary laws to make sure the country remains stable*” (Abdul Muati, 2010). Seajar dengan itu, bekas Ketua Polis Negara Khalid Abu Bakar memberi amaran kepada rakyat Malaysia agar tidak dengan sengaja menghidupkan bahang atau api kemarahan mengenai isu agama dan kaum. Beliau menambah bahawa pihak polis tidak akan teragak-agak untuk menggunakan undang-undang sedia ada terhadap mana-mana pesalah (Malaysian Insider, 2014). Dakwaan Anwar Ibrahim pula dalam petikan berikut tidak boleh diketepikan:

*Tatkala kita seharusnya meraikan perpaduan sebagai sebuah negara pelbagai kaum dan pelbagai agama yang telah menjangkau 56 tahun usia kemerdekaan, kita sebaliknya kini melihat polarisasi masyarakat yang dahsyat dan perpecahan dalam hal-hal berkaitan agama. Kini wujud perkembangan yang membimbangkan bila mana terdapat parti-parti politik yang mengupah kumpulan-kumpulan ‘hak istimewa’ dan media untuk meneruskan agenda mereka memecahbelah dan menyemai perbezaan di kalangan rakyat.*

(Anwar Ibrahim, Free Malaysia Today, 2013)

Jelas sekali, memang wujud segelintir ahli politik yang kurang peka mengeruhkan usaha perpaduan nasional dengan mengeksplorasi hal agama dan isu sensitif untuk kepentingan diri atau parti politik mereka (Malaysian Insider, 2014). Kebimbangan dan kerunsingan yang sama diluahkan oleh Ketua Menteri Sabah, Musa Aman:

*Politik jenis ini bukan sahaja bersifat melulu, tetapi juga berbahaya. Saya ingin mengulangi pesanan saya baru-baru ini bahawa perbalahan agama tidak boleh dibiarkan berlaku dan tiada siapa sepatutnya membiarkan diri mereka dipergunakan oleh golongan yang ingin mencapai agenda politik dan peribadi masing-masing. ... Kami di Sabah, tidak mempunyai masalah dari segi isu agama. Kami hidup dalam masyarakat yang sudah biasa dengan kahwin campur, mengunjungi rumah terbuka satu sama lain pada musim perayaan sudah menjadi norma biasa dan duduk untuk minum bersama pula menjadi sebahagian daripada kehidupan harian kami.*

(Bernama, 2014)

Selain ahli politik, kebelakangan ini sudah wujud trend di mana orang yang tidak mempunyai autoriti keagamaan dengan terbuka membicarakan isu agama dan kepercayaan serta melampaui batas sehingga menguris perasaan penganut agama tertentu. Isu-isu kontroversi hanya tercetus apabila ‘orang-orang yang kurang ilmu dan imannya’ mentafsir sesuatu perkara itu tanpa landasan ilmu yang betul, ikut emosi sehingga salah sesuatu perkara yang begitu remeh menjadi kontroversi sehingga menyebabkan ketegangan (Suzalie Mohamad, 2011). Malah, Zainal Kling menekankan salah satu sebab kepentingan mata pelajaran wajib khasnya TITAS perlu dimantapkan memandangkan ‘kurang pendidikan maka banyak kejadian tidak diingini berlaku kerana anak muda ‘kosong’ tentang ilmu pengetahuan tamadun lain di negara ini’ (Nurul Anuar Kari, 2013). Tegasnya, isu kontroversi yang tercetus bukanlah disebabkan oleh agama itu tetapi penganut agama tersebut yang jahil. Kealpaan dan ketidakpekaan mengenai setiap penganut agama mempunyai elemen-elemen sensitiviti menjelaskan lagi hubungan antara kaum di negara ini. Ironisnya, sampai bila isu-isu begini harus disorokkan di bawah permaidan? Penulis bersetuju dengan pandangan Halimahton, et. al dengan jujur mengatakan bahawa:

*It is quite obvious that, in the Malaysian context, religious and racial issues, whether big or small, would almost always become sensitive and controversial. Many similar race and religion-related issues have surfaced over the years, and while these have passed without leaving too deep a dent on inter-ethnic unity, they nevertheless contributed to the underlying uneasiness between the different races and religions. There is always the fear (paranoia, even) that this uneasiness would turn into festering wounds.*

(Halimahton et. al, 2006)

Selagi salah-faham ini tidak diperbetulkan dengan telus, selagi itu setiap ahli masyarakat di negara ini akan menyimpan perasaan negatif mengenai kelompok etnik tertentu. Jika perkara ini dibiarkan berlanjutan, maka boleh disimpulkan bahawa agen pendidikan telah gagal mensosialisasikan pelajarnya agar bersikap terbuka dan menerima keunikan kebudayaan setiap etnik seadanya, khas sekali mengenai aspek agama dan kepercayaan. Makalah ini bertujuan untuk meninjau pemahaman dan persepsi mahasiswa UTAR mengenai aspek agama dan kepercayaan masyarakat Malaysia. Ini adalah satu percubaan awal untuk meneliti sejauhmanakah mahasiswa menerap sikap keterbukaan dan toleransi mengenai amalan agama dan kepercayaan orang Malaysia yang ternyata unik latar belakangnya.

### ***Pemahaman Dan Persepsi Mahasiswa Utar Mengenai Aspek Agama Dan Kepercayaan: Kupasan Data Dan Perbincangan***

‘Lain padang lain belalang’ adalah peribahasa yang paling sesuai sekali untuk menggambarkan kepelbagaiannya persepsi dan pemikiran manusia terhadap sesuatu isu atau fenomena, lebih-lebih lagi yang melibatkan aspek agama dan kepercayaan. Memandangkan kefahaman mengenai agama dan kepercayaan adalah sesuatu yang subjektif malah berbeza mengikut individu, justeru tahap penglibatan individu untuk berbincang atau berhujah mengenai aspek ini juga terhad kerana bergantung kepada keselesaan dan sikap keterbukaan mereka. Memandangkan mahasiswa adalah pelapis yang bakal menerusi negara kelak, maka dirasakan perlu untuk mengupas pandangan mereka mengenai aspek keagamaan dan kepercayaan yang begitu kerap dilabel sebagai sesuatu yang sensitif selain isu perkauman.

Dalam makalah ini penulis hanya memilih beberapa isu yang dianggap penting dan sering kali mendapat liputan utama di media elektronik serta penglibatan rakyat umum untuk tujuan perbincangan. Di antara isu-isu sensitif yang tidak dibincangkan di dalam makalah ini adalah pembakaran gereja dan gurdwara, surau dijadikan tokong, laungan azan, penukaran agama dalam kalangan orang Islam dan bukan Islam, perkahwinan campur melibatkan agama yang berbeza, isu anjing dibela oleh orang Islam, isu murtad, penukaran agama tanpa kemahanuan, halal-haram, isu bakuteh, pelajar sekolah makan di dalam bilik persalinan ketika bulan puasa, kalimah Allah, penyembelihan haiwan di ruang awam dan hukum hudud. Kesemua isu-isu ini sering kali menjadi ‘bahan api’ utama dalam laman elektronik untuk menguris perasaan kumpulan etnik tertentu tanpa meneliti dengan akal fikiran mengenai perkara yang dihujahkan. Kesemua isu-isu ini juga sangat sensitif tahapnya dan boleh mencetuskan ketidakselesaan kepada pihak pembaca justeru tidak akan dibincangkan kerana niat peribadi penulis untuk mengekalkan keharmonian sesama masyarakat Malaysia.

### ***Demografi Responden***

Seramai 60 orang responden telah berpartisipasi dalam kajian ini. Kesemua pelajar ini adalah pelajar jurusan kejuruteraan yang mengambil subjek wajib lulus, iaitu Hubungan Etnik yang ditawarkan buat julung kalinya pada trimester Oktober 2013 yang mengantikan subjek lama, Pengajian Malaysia. Berdasarkan data demografi,

55% responden adalah lelaki dan 45% responden adalah perempuan. Dari komposisi bangsa, Melayu adalah seramai 5%, Cina (67%), India (23%) dan Lain-lain (5%). Dalam aspek agama pula, 5% terdiri daripada responden Islam, 55% responden beragama Buddha, Hindu (9%), Kristian (23%) dan 8% responden beragama Sikh. Seramai 35% responden berumur kurang daripada 20 tahun, 45% berumur 21 tahun, 16% berumur 22 tahun (16%) manakala umur 23 dan 24 tahun masing-masing adalah sebanyak 2%.

## METODOLOGI

Kajian kuantitatif ini berpandukan kepada kaedah survei atas talian dengan menggunakan *Spreadsheet Google Drive*. Borang survei mempunyai tiga bahagian utama yakni (a) maklumat responden; (b) pengetahuan asas mengenai agama dan kepercayaan; (c) agama sebagai penyelesaian konflik?. Bahagian (b) bertujuan untuk menilai tahap kesedaran mereka mengenai pengikut agama yang hidup sekeliling mereka dan bahagian (c) pula bertujuan untuk melihat sikap keterbukaan mahasiswa mengenai perkara yang dibincangkan. Kesemua soalan yang ditanya adalah berbentuk objektif dengan tiga skala jawapan yang umum yakni setuju, tidak setuju dan tidak pasti.

## DAPATAN KAJIAN

Memandangkan mahasiswa merupakan pelapis negara yang berharga, justeru makalah ini bertujuan untuk meninjau pemahaman dan persepsi mahasiswa UTAR mengenai aspek agama dan kepercayaan yang dilabel sensitif untuk dibicarakan kebelakangan ini. Dapatkan kajian ini penting sebagai indikasi untuk melihat sama ada mahasiswa mempunyai tahap kematangan yang tinggi dalam menangani isu berkaitan agama dan kepercayaan ataupun mereka cenderung untuk bertindak mengikut emosi yang melampau.

**Jadual 2: Pemahaman Umum Mahasiswa Mengenai Aspek Agama dan Kepercayaan**

<b>Pernyataan</b>	<b>Setuju</b>		<b>Tidak Pasti</b>		<b>Tidak Setuju</b>	
	<b>K</b>	<b>%</b>	<b>K</b>	<b>%</b>	<b>K</b>	<b>%</b>
1. Agama penting dalam kehidupan seharian.	46	77	5	8	9	15
2. Subjek agama harus diajarkan di peringkat universiti.	30	50	8	14	22	36
3. Topik agama mempunyai manfaat.	38	64	8	13	14	23
4. Subjek agama wajib lulus untuk memupuk kesepadan sosial.	16	27	19	32	25	41
5. Saya mengetahui falsafah keagamaan pengikut agama lain.	27	45	22	36	11	19

---

6.	Saya mengetahui cara dan masa sembahyang/berdoa kaum lain.	24	41	22	36	14	23
7.	Saya mengetahui pantang-larang keagamaan bagi kaum lain.	36	59	16	27	8	14
8.	Amalan baik daripada budaya kaum lain boleh diterapkan dalam budaya sendiri.	30	50	16	27	14	23
9.	Budaya dan pantang-larang agama lain boleh diamalkan ketika berkunjung ke rumah mereka.	38	64	11	18	11	18

---

Dalam bahagian ini, pemahaman umum pelajar mengenai aspek agama dan kepercayaan dalam kehidupan mereka diketengahkan sebagai gambaran asas. Sebanyak 9 soalan telah ditanyakan kepada responden. Secara umumnya, Jadual 2 memperlihatkan bahawa majoriti pelajar tidak menafikan bahawa agama dan kepercayaan memainkan peranan penting dalam kehidupan sehari-hari mereka di mana 77% responden bersetuju, 15% tidak setuju dan lima orang responden pula tidak pasti. Akan tetapi, hanya 50% responden yang bersetuju bahawa aspek keagamaan harus diajarkan di peringkat universiti manakala 36% tidak bersetuju dan 14% tidak pasti. Menariknya, 64% responden merasakan topik agama boleh dimanfaatkan sebaiknya sedangkan 23% beranggapan ianya membuang masa dan 13% tidak pasti. Sebaliknya, hanya 27% yang memberikan jawapan positif jika subjek agama diwajibkan lulus untuk memupuk kesepadan sosial dalam kalangan mahasiswa. Majoriti responden berasa tidak setuju (41%) dan tidak pasti (32%) dengan pernyataan tersebut. Ini mungkin kerana para responden lebih menumpukan perhatian kepada jurusan utama pengajian mereka dan bukannya subjek umum mata pelajaran universiti.

Sungguh menyenangkan untuk mengetahui bahawa kebanyakan responden mengetahui falsafah keagamaan penganut agama lain (45%), mengetahui cara dan masa sembahyang/berdoa bagi kaum lain (41%) dan tahu mengenai pantang-larang keagamaan bagi kaum dan bangsa lain (59%). Pada masa yang sama, peratusan tidak pasti bagi ketiga-tiga situasi tersebut adalah agak tinggi juga, yakni 36% bagi dua pernyataan yang pertama dan 27% bagi pernyataan terakhir. Pengetahuan mengenai agama lain banyak bergantung kepada agen sosialisasi utama seperti ibu bapa, pihak sekolah, rakan sebaya dan media massa. Jika lebih daripada separuh responden tidak mengetahuinya, maka ia adalah sesuatu yang wajar diselidiki sebabnya. Adakah sosialisasi antara kaum terbatas? Adakah subjek di sekolah rendah dan menengah tidak mengutamakan aspek ini? Adakah pelajar itu sendiri tidak mempunyai inisiatif untuk mengenali kumpulan etnik lain kerana terlampau selesa dengan suasana hidup etnik sendiri? Sungguhpun begitu, majoriti responden bersetuju jika amalan yang baik daripada budaya kaum lain diterapkan dalam budaya sendiri (50%) dan berasa tidak salah jika budaya dan pantang-larang sesuatu agama itu diamalkan ketika berkunjung ke rumah kaum lain (64%). Hanya 23% tidak bersetuju dengan pernyataan pertama dan 18% bagi pernyataan kedua.

**Jadual 3: Sikap Keterbukaan Mengenai Amalan Agama dan Kepercayaan**

Pernyataan	Setuju		Tidak Pasti		Tidak Setuju	
	K	%	K	%	K	%
1. Saya boleh membincangkan isu keagamaan secara terbuka.	35	59	9	14	16	27
2. Falsafah atau ritual keagamaan mana-mana kaum tidak wajar dipersoalkan dan dijadikan isu atau sebab untuk berkonflik.	41	68	16	27	3	5
3. Isu yang dibangkitkan dalam aspek agama tidak wajar dihujah oleh masyarakat umum tanpa pemahaman agama lain yang baik.	52	87	6	10	2	3
4. Saya suka membandingkan amalan agama masyarakat untuk mencari titik persamaan.	12	20	40	67	8	13
5. Saya pernah bergaduh dengan rakan-rakan yang berlainan agama kerana ketidaksefahaman ideologi.	0	0	0	0	60	100
6. Kitab agama boleh dibakar oleh pengikut agama lain.	0	0	0	0	60	100
7. Saya berasa tidak selesa dengan bunyi dan pencemaran yang berlaku ketika etnik lain menunaikan tuntutan agama mereka.	0	0	3	5	57	95
8. Saya boleh berkongsi rumah ibadat dengan pengikut agama lain.	36	60	19	32	5	8
9. Saya boleh bersembahyang bersama dengan pengikut agama lain di dalam satu bilik yang sama dan pada masa yang sama.	49	82	8	13	3	5
10. Saya boleh bertolak ansur dengan perbezaan amalan hidup masyarakat lain.	55	92	5	8	0	0
11. Demi mencapai kemakmuran, tradisi agama kumpulan minoriti boleh diabaikan.	2	3	13	22	45	75
12. ‘Satu agama satu negara’ menjamin kesejahteraan masyarakat.	0	0	0	0	60	100

Sebanyak 12 soalan telah ditanya di dalam bahagian ini. Dari pada pemahaman dan persepsi yang dinyatakan menerusi survei, didapati bahawa kebanyakan responden bersikap terbuka dan boleh menerima budaya dan falsafah keagamaan etnik lain seadanya. Reaksi yang ditonjolkan ini sudah tentu mencerminkan bahawa mahasiswa UTAR mempamerkan sikap matang dan rasional dalam membincangkan isu-isu yang dianggap sensitif oleh kebanyakan masyarakat umum. Malah, diketahui bahawa seramai 59% responden berminat dan berupaya membincangkan isu keagamaan secara terbuka dan hanya 27% responden sahaja yang tidak berpendapat sedemikian. Sejajar dengan itu, seramai 68% responden setuju adalah lebih baik jika falsafah atau ritual keagamaan mana-mana kaum tidak dipersoalkan dan dijadikan isu atau sebab untuk berkonflik. Peratusan yang agak tinggi yakni 27% responden pula tidak pasti mengenai perkara ini.

Namun begitu, peratusan yang paling tinggi yakni 87% bersetuju dengan pernyataan di mana isu yang dibangkitkan dalam aspek agama tidak wajar dihujah oleh masyarakat umum tanpa pemahaman agama lain yang baik. Ia penting agar kita tidak menguris perasaan kumpulan etnik lain dengan pemahaman dan pandang dunia kita yang berbeza. Akan tetapi, hanya 20% responden yang berupaya membandingkan falsafah dan amalan keagamaan masyarakat lain untuk tujuan murni iaitu mencari titik persamaan sesama mereka untuk merapatkan silaturahim. Walaupun bersikap terbuka, namun seramai 67% responden tidak pasti dan 13% pula tidak setuju bahawa perbandingan tersebut dapat memberi manfaat kepada mereka mahupun masyarakat sekeliling. Dengan data ini, dapatlah dikatakan bahawa topik agama dan kepercayaan dalam subjek Hubungan Etnik wajar dikekalkan, dimantapkan dan diwajibkan aktiviti bersifat *hands-on* agar jurang ilmu ini dirapatkan.

Data yang menarik didapati di mana 100% responden tidak pernah bergaduh dengan rakan-rakan yang berlainan agama kerana ketidaksefahaman ideologi dalam agama dan 100% responden juga tidak bersetuju jika kitab agama atau rumah ibadat dibakar atau dimusnahkan oleh penganut agama lain. Dalam kedua-dua pernyataan ini, responden peka mengenai kepentingan amalan budaya masyarakat lain dan mengerti bahawa campur tangan pihak luar terhadap tradisi temurun hanya akan membawa masalah dan konflik yang tidak memberi manfaat kepada mana-mana pihak. Malah, tahap kematangan dan penerimaan responden adalah sangat tinggi yakni 95% yang tidak setuju bahawa bunyi dan pencemaran yang berlaku ketika etnik lain menunaikan tuntutan agama mereka membawa ketidakselesaan kepada mereka dengan hanya 5% responden yang tidak pasti dan sifar yang bersetuju. Sesungguhnya, sikap dan pengertian sedemikian yang ingin dilihat dalam diri setiap mahasiswa. Jika semua masyarakat Malaysia berpandangan sedemikian, nescaya negara ini bukan sahaja akan lebih makmur tetapi setiap individu akan berasa bertuah dilahirkan di negara yang mempunyai keunikan etnik yang sangat jarang diraikan di negara lain.

Jelas sekali, isu-isu sensitif yang dikaitkan dengan agama dan kepercayaan sesungguhnya tidak menjelaskan hubungan etnik yang dihayati oleh mahasiswa UTAR selama ini. Ini boleh dibuktikan dengan dua keadaan di mana 60% responden bersetuju jika rumah ibadat dikongsi oleh penganut agama lain dan seramai 82% responden boleh menerima keadaan di mana kawan yang berbeza agama bersembahyang bersama di dalam satu bilik yang sama dan pada masa yang sama. Responden bersikap sedemikian kerana 92% daripada mereka mempunyai sikap bertolak ansur dengan perbezaan amalan kehidupan masyarakat yang berbeza tradisi dengan mereka. Malah, 75% responden tidak setuju jika tradisi agama kumpulan minoriti diabaikan untuk mencapai kemakmuran negara sedangkan hanya 22% responden tidak pasti dan 3% tidak setuju. Paling menarik, seramai 100% responden tidak setuju dengan pernyataan atau slogan ‘Satu agama satu negara’ dapat menjamin kesejahteraan masyarakat. Pendek kata, sikap keterbukaan sedemikian adalah sesuatu yang agak musykil dicapai lebih-lebih dalam masyarakat majmuk seperti di negara ini.

## PERBINCANGAN

Pada umumnya, rakyat Malaysia tidak segan memperkatakan sesuatu tanpa mengendahkan sama ada ia menghiris perasan etnik dan agama lain atau tidak. Menurut Shamsul A.B. (2008), walaupun masyarakat Malaysia terkenal sebagai masyarakat yang suka bertikam lidah daripada memilih keganasan fizikal, namun begitu cabaran kesepadan sosial dalam konteks pembawaan identiti etnik khas sekali etnik minoriti marginal seharusnya perlu ditangani dengan bijak dan segera. Namun begitu, bukan semua individu ingin bertikam lidah lebih-lebih lagi mengenai isu yang berkaitan dengan agama dan kepercayaan. Inilah yang ditonjolkan oleh kemampuan mahasiswa UTAR dalam kajian ini di mana mereka mempertahankan keamanan hidup bermasyarakat dengan pemahaman yang betul mengenai agama dan budaya kaum lain. Sungguhpun perkara-perkara yang menyentuh aspek agama dan kepercayaan kini seolah-olah menjadi *taboo* dalam perbincangan atau interaksi sosial harian dalam kalangan masyarakat yang pelbagai latar-belakangnya, namun dengan pemahaman dalam konteks yang betul dapat mengelakkan isu ini diperkotak-katikkan. Malah, dengan kefahaman yang baik kita dapat membezakan sama ada isu tersebut adalah benar ataupun dipolitikkan untuk kepentingan peribadi pihak tertentu. Kepekaan terhadap kepentingan dan amalan budaya orang lain yang dipaparkan oleh mahasiswa UTAR ini sememangnya dijangkakan demi menjamin masa depan yang lebih harmoni bagi negara ini.

Mahasiswa UTAR bukan sahaja berhati-hati ketika berbicara mengenai isu agama dan kepercayaan tetapi juga terbuka dalam menerima perbezaan budaya amalan etnik lain. Inilah kekuatan yang dicari dalam kalangan belia yang bakal menerajui kepimpinan negara kelak. Ringkasnya, mahasiswa UTAR mengamalkan konsep *cultural relativism* dengan memahami tuntutan kebudayaan seseorang dari kaca mata mereka sendiri tanpa memperlekehkannya. Dalam erti kata yang lain, sebab sesuatu amalan atau ritual kehidupan dari aspek agama yang diamalkan difahami dalam konteks budaya etnik tersebut dan bukannya dilihat dari pandangan peribadi atau budaya sendiri. Ia juga bermakna mahasiswa UTAR tidak mengamalkan sikap etnosentrik yang mengagung-agungkan budaya dan adat sendiri tetapi sebaliknya lebih terbuka dengan mendekati mahupun mengamalkan amalan budaya lain selagi ia tidak bercanggah dengan tuntutan kepercayaan mereka. Mujur situasi ini tidak sama dengan data kajian Merdeka Centre (2006) yang mengatakan bahawa, “*ethnocentric views, mistrust and misunderstanding quite prevalent*” dalam kalangan rakyat Malaysia. Namun begitu, dalam konteks yang lebih menyeluruh, mungkin Developmental Model of Intercultural Sensitivity (DMIS) wajar diberikan perhatian. DMIS menyarankan bahawa individu yang mempunyai sensitiviti antara-budaya berupaya menukar persepsi dari tahap etnosentrik kepada tahap etno-relatif. Model ini mempunyai enam tahap, yakni:

*The first three stages of denial, defense and minimization are viewed as 'ethnocentric'. Individuals view their own culture as central to reality, and individuals act by avoiding cultural differences through denying its existence, raising defense against the differences and minimizing its importance. ... The next three stages (acceptance, adaptation, and integration) are viewed as 'ethno-relative'. During these stages, people experience the culture in the context of other cultures, and can be construed as seeking cultural difference through accepting its importance, adapting a perspective to take it into account, or by integrating the whole concept into a definition of identity.*

*(Bennett & Bennett, 2004)*

Ternyata mahasiswa UTAR berada pada tahap etno-relatif dengan meminjam dan menyerlahkan budaya amalan etnik lain demi mencapai kesinambungan hubungan yang harmoni antara masyarakat di negara ini. Apa yang pasti, hasil kajian ini memberikan keyakinan bahawa belia yang bakal menerajui negara ini bukanlah tergolong dalam kumpulan yang berfikiran sempit dan menafikan hak individu etnik khasnya dalam aspek agama dan kepercayaan. Sikap keterbukaan, penerimaan dan menghormati perbezaan amalan hidup sesungguhnya memaparkan tahap kematangan yang wajar dipuji. Pendek kata, reaksi yang ditonjolkan ini mencerminkan bahawa mahasiswa UTAR mempamerkan sikap matang dan rasional dalam membincangkan aspek agama dan kepercayaan yang seringkali dilabel taboo dalam interaksi harian dan alam maya. Ternyata agen pendidikan telah berjaya mensosialisasikan para pelajar supaya bersikap terbuka dan menerima keunikan kebudayaan setiap etnik seadanya, khas sekali mengenai aspek agama dan kepercayaan.

Tegasnya, bukan sahaja belia tetapi setiap pihak perlu bersikap rasional dan bukannya emosional apabila membincangkan tentang isu-isu yang dianggap sensitif seperti isu budaya dan agama. Seperti yang telah disaksikan, isu-isu berkaitan agama yang sentiasa dilabel sensitif boleh mengugat kesepadan sosial dan hubungan muhibah antara kaum jika tidak ditangani dengan baik. Malah, jika tidak diberikan justifikasi yang logikal dan berketetapan dengan falsafah keagamaan, maka ia juga boleh membawa keadaan huru-hara serta mengancam ketenteraman masyarakat awam. Di samping itu, jika isu-isu sedemikian dibiarkan tanpa melibatkan perbincangan atau dialog antara agama atau kaum, maka sikap prejudis, prasangka dan stereotaip khasnya dalam kalangan puak fanatik, pentaksub, ultra kiasu, rasis dan etnosentrik akan terus menebal dan merencatkan semangat toleransi antara kaum di negara ini.

## **PENUTUP**

Secara keseluruhanya, rakyat Malaysia harus bergerak kepada konsep keterbukaan atau penerimaan. Ini bermakna setiap individu boleh menerima atau memahami falsafah keagamaan etnik lain seadanya. Akibat kurang pembacaan, maka timbul kekeliruan dan ini telah mengeruhkan keadaan hubungan etnik di negara ini. Menurut pandangan Shamsul A.B. yang dipetik sebagai sebahagian daripada respons kepada insiden peserta Sikh dalam Program Khidmat Negara yang telah dipotong rambutnya , masyarakat di Malaysia akan gagal jika disuruh memberi jawapan jika ditanya mengenai sepuluh perkara mengenai kaum lain di negara ini:

*...this ignorance is not limited to the young and ‘uneducated’ but extends to most Malaysians, including politicians and parliamentarians. I’m concerned that our general knowledge about each other is low; we know little about each other.*

(Hariati Azizan, 2011)

Dalam konteks ini, usaha Rais Yatim bekas Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan harus diberikan pujian kerana beliau telah mengencam keterpinggiran kaum minoriti khasnya dalam media massa. Ekoran itu, kini RTM memberikan ruang kepada program-program kebudayaan bagi kumpulan minoriti termasuk etnik minoriti Sikh, Portugis, Orang Asli, Baba dan Nyonya serta kumpulan natif Sabah serta Sarawak (Bernama, 2009). Diharapkan dengan program usaha sama kerajaan, ianya dapat mengurangkan stereotaip dan sikap prejedis terhadap kumpulan yang mengamalkan corak keagamaan yang mungkin masih belum dikenali oleh masyarakat arus perdana. Pada masa yang sama, dialog antara agama harus disuburkan dan digalakkan agar ianya menjadi platform yang boleh dimanfaatkan oleh semua. Ini penting agar stereotaip umum mengenai etnik dan agama mereka mendapat justifikasi sewajarnya.

Selain itu, perbezaan pandangan yang kerap dilihat dalam media sosial juga boleh diminimumkan jika individu yang bertauliah dan berwibawa dipelawa atau tampil sendiri untuk berkongsi ilmu mengenai isu-isu ini. Sebagai ahli panel agama Sikh bagi program Dialog Harmoni TV Alhijrah, penulis mendapat banyak manfaat dengan mendengar perkara-perkara yang berkaitan dengan agama lain di samping berkongsi ilmu mengenai agama Sikh. Dari pemerhatian, soalan yang ditanya oleh para hadirin kebanyakannya datang daripada salah anggap umum yang biasa didengar tetapi tidak mendapat penjelasan yang betul. Dengan dialog-dialog sedemikian, isu sensitif berkaitan agama boleh diselesaikan dengan cara yang lebih berhemah dan menjamin kelangsungan keharmonian dalam kehidupan bersama. Malah, bekas Perdana Menteri Abdullah Ahmad Badawi telah menyampaikan ucapan menarik di *Plenary Commission on Faith and Order of the World Council of Churches* yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 3 Ogos 2004 di mana beliau berucap:

*I come here not just as the Prime Minister of the host country, but as a Muslim who wants to initiate a dialogue with his Christian friends. ... As Prime Minister of Malaysia, I am not a leader of Muslims, but a Muslim leader of all Malaysians. ... It is my duty to spread the message of tolerance among all; especially to the Muslim majority. ... It is fair to say that there is less trust and goodwill between Islam and Christianity than there was a few years ago.*

*(World Council of Churches, 2004)*

Atas semangat yang sama, *Dialogue for Harmony* sempena *World Interfaith Harmony Week* telah dipengerusikan dan dianjurkan bersama oleh Saifuddin Abdullah (*Global Movement of Moderates*) dan Denison Jayasooria (*Society for the Promotion of Human Rights*) telah berjaya mengadakan dialog terbuka bersama 65 orang peserta dari 40 organisasi (Tarani Palani, 2014). Selain itu, penubuhan Majlis Konsultasi Perpaduan Nasional (MKPN) diharapkan dapat dijadikan platform muhibah untuk berkongsi pengalaman dan masalah setiap etnik dengan telus dan adil. Apa yang pasti, pegangan agama adalah perkara pokok yang susah untuk dikompromi, justeru kebijaksanaan untuk menerima kepelbagaiannya falsafah agama dan amalannya adalah satu sikap keterbukaan yang harus diamalkan oleh semua.

## RUJUKAN

- Abdul Muati Ahmad. (2010). Exploring Roots; Recognizing Differences: Promoting Inter-religious Communication in Malaysia. *Human Communication Research*, 13 (1). pp. 43–56.
- Anwar Ibrahim. (2013). Eksplorasi isu agama keruhkan perpaduan. *Free Malaysia Today*, 30 Ogos. Diambil daripada <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2013/08/30/eksplorasi-isu-agama-keruhkan-perpaduan/>
- Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia. (2000). Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, Julai 2001.
- Bennett, J. M., & Bennett, M. J. (2004). Developing intercultural sensitivity: An Integrative approach to global and domestic diversity. Dalam D. Landis, J. M. Bennett, & M. J. Bennett (Eds.), *Handbook of Intercultural Training*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Bernama. (2003). Christmas Cards From Abdullah, 22 Disember. Diambil daripada <http://www.bernama.com/bernama/v8/ge/newsgeneral.php?id=1518627>
- Bernama. (2014). Tangani Isu Agama, Kaum dengan Pendekatan Sederhana, Saling Menghormati – Musa, 7 Februari. Diambil daripada <https://esscom.gov.my/?p=1987>.
- Charanjit Kaur. (2009). Masyarakat Majmuk. Dlm. Ira Meilita, et. al. *Pengajian Malaysia*. Petaling Jaya: Pearson.

- Charanjit Kaur. (2012). Komuniti Tekstual: Peranan Guru Granth Sahib dalam pembentukan identiti gender dalam kalangan lelaki dan perempuan Sikh. Tesis Ph.D, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Halimahton Shaari, Ngu Teck Hua & V. Raman. (2006). Covering Race and Religion: The Moorthy and Nyonya Tahir Cases in Four Malaysian Newspapers. *Kajian Malaysia*, Vol. XXIV (1&2).
- Hariati Azizan. (2011). Ignorance is not bliss. *The Star*. 23 Januari. Diambil daripada <https://www.thestar.com.my/news/nation/2011/01/23/ignorance-is-not-bliss/>
- Ikuko, Tsunashima-Miyake. (2005). Towards mutual understanding or religious intolerance? Impacts and implications of the recent Iban Bible issue in Malaysia. *Journal of the Interdisciplinary Study of Monotheistic Religions (JISMOR)*, February (1).
- Kamus Dewan Edisi Keempat.
- Looi Sue-Chern. (2014). Pork issue an act of desperation by Umno, says Karpal. *The Malaysian Insider*, 26 Januari. Diambil daripada <https://themalaysianinsider/pork-issue-an-act-of-desperation-by-umno-says-karpal.48646/>
- Malay Mail. (2014). Stop debates on race and religion, says Joseph Kurup, 19 Januari. Diambil daripada <http://www.themalaymailonline.com/malaysia/article/stop-debates-on-race-and-religion-says-joseph-kurup>.
- Malaysian Insider. (2014). Stop playing with fire – Sin Chew Daily, 21 Februari. Diambil daripada <http://www.themalaymailonline.com/what-you-think/article/stop-playing-with-fire-sin-chew-daily>.
- Merdeka Centre. (2006). Diambil daripada <http://asiafoundation.org/resources/pdfs/MYnatlyouthpoll2006.pdf>
- New Straits Times. (2006). Tackling Inter-religious Issues, 21 Januari. Diambil daripada <https://www.nst.com.my/news/-Tackling-Inter-religious-Issues/2006/01/3186/>
- Nurul Anuar Kari. (2013). Wajib lulus TITAS demi perpaduan. Utusan Online, 23 Julai. Diambil daripada [www.utusan.com.my/utusan/.../Wajib-lulus-TITA-demi-perpaduan/](http://www.utusan.com.my/utusan/.../Wajib-lulus-TITA-demi-perpaduan/)
- Portal Pusat Maklumat Rakyat.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2008). Hubungan etnik di Malaysia: Mencari dan mengekal kejernihan dalam kekeruhan, Siri Kertas Kajian Etnik UKM, Bil. 1. Bangi: Institut Kajian Etnik (KITA).
- Siaran Perangkaan Bulanan Malaysia, Mac. (2003). Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya.

- Sinar Harian. (2012). Masyarakat perlu waspada bercakap hal sensitif agama, 21 Februari. Diambil daripada <http://www.sinarharian.com.my/mobile/nasional/masyarakat-perlu-waspada-bercakap-hal-sensitif-agama-1.25745>.
- Sinar Harian. (2012). PM mansuh Akta Hasutan, gubal Akta Keharmonian Nasional, 11 Julai. Diambil daripada <http://www.sinarharian.com.my/nasional/pm-mansuh-akta-hasutan-gubal-akta-keharmonian-nasional-1.65662>.
- Suzalie Mohamad. (2011). Kerjasama Antara Penganut Agama Dalam Menangani Masalah Sosial. Utusan Malaysia, 28 Januari. Diambil daripada [http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0128&sec=Rencana&pg=re\\_05.htm](http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0128&sec=Rencana&pg=re_05.htm).
- Tarani Palani. (2014). Govt must do more to address race and religion issues. Diambil daripada <http://Fz.com./Govt-must-do-more-to-address-race-and-religion-issues/>
- The Borneo Post. (2014). Avoid talking about sensitive issues – Gramong, 5 Februari. Diambil daripada <http://www.theborneopost.com/2014/02/05/avoid-talking-about-sensitive-issues-gramong/>.
- World Council of Churches. (2004). Malaysian prime minister calls for concerted effort to initiate inter-faith dialogue. Diambil daripada <http://www2.wcc-coe.org/pressreleasesen.nsf/index/>

**Profil Penulis:**

**Charanjit Kaur, Ph.D**

Jabatan Pengajian Umum

Fakulti Industri Kreatif (FCI)

Kampus Sungai Long

Universiti Tunku Abdul Rahman

[charanjit@utar.edu.my](mailto:charanjit@utar.edu.my)



## PENGGUNAAN LAGU KEBANGSAAN DAN BENDERA NEGARA DALAM MEMBANGKITKAN SEMANGAT PATRIOTISME DALAM KALANGAN BELIA

YOHAN KURNIAWAN, NOOR RAIHANI ZAINOL, NURSALIHAH AHMAD RASTON, HISHAMUDDIN MD SOM & ZAINAI MOHAMED

### **ABSTRAK**

*Penggunaan lagu kebangsaan dan bendera negara merupakan elemen penting yang menjadi pencetus kepada semangat patriotisme di kalangan belia di Malaysia. Secara amnya, tahap patriotisme yang rendah memberi kesan terhadap perasaan individu untuk menghargai dan mencintai negara yang mengakibatkan kurangnya sokongan belia terhadap kerajaan yang memerintah. Ini akan menimbulkan pemasalahan sosial di kalangan belia seperti pemberontakan, vandalisme, dan kemusnahan institusi negara. Objektif kajian ini adalah mengkaji kesan penggunaan lagu kebangsaan dan bendera Malaysia terhadap wujudnya semangat patriotisme di kalangan belia di Malaysia. Kajian ini merupakan kajian lapangan yang menggunakan teknik “purposive sampling” untuk mengedar soalan kaji selidik kepada responden. Responden kajian terdiri daripada mahasiswa/mahasiswi di IPTA dan IPTS di Malaysia seramai 1011 orang. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa boleh ubah untuk lagu kebangsaan dan lambang negara meningkatkan semangat patriotisme dan sikap cintakan tanah air.*

**Kata Kunci:** Patriotisme, Lagu Kebangsaan, Bendera Negara, Belia Malaysia

### **ABSTRACT**

*The national anthem and national flag are important elements that have led to patriotism among youth in Malaysia. In general, the low level of patriotism affects the individual's feelings of appreciation and love for the country that resulted in lack of youth support for the ruling government. This will lead to social problems among youth such as rebellion, vandalism, and the destruction of state institutions. The objective of this study was to study the effects of national anthem and Malaysian flag on patriotism among youth in Malaysia. This study was a field study using purposive sampling technique to distribute questionnaires to respondents. Research respondents consisted of 1011 students in IPTA and IPTS in Malaysia. The results of this study showed that there was a significant relationship between the variables (national anthems and national symbols) on patriotism and love of homeland.*

**Keywords:** Patriotism, National Anthems, National Flags, Malaysian Youth

## PENDAHULUAN

Pembangunan sesebuah negara memerlukan pengorbanan dan perjuangan dalam proses untuk mencapai matlamat. Justeru itu, kemerdekaan dianggap sebagai puncak bagi menyemai semangat patriotik di kalangan rakyat. Ini merupakan satu tugas yang sukar untuk dilaksanakan oleh sesebuah negara, kerana ianya bermula daripada pendidikan awal kanak-kanak (Ahmad Shah Pakeer *et al.*, 2011). Semangat patriotik perlu wujud dalam diri individu sebagai usaha untuk mengekalkan kemerdekaan yang dikehendaki, setelah mengalami tempoh masa yang sukar. Justeru itu, patriotisme bukan sekadar mengibarkan bendera semasa menyambut ulang tahun kemerdekaan, mahupun memakai uniform kemas serta aksi berkawat yang tersusun rapi dengan gaya segak dan wajah yang serius. Ia merupakan komitmen, perasaan yang amat mendalam yang memerlukan penghayatan, menyerlah serta perasaan berkobar-kobar apabila dituntut oleh sesuatu keadaan yang melibatkan tanah air (Ahmad Fauzi, 2002). Ini amat penting dalam memahami erti sebenar sebuah kemerdekaan dengan pelbagai kaedah dan cara untuk menyumbang bakti kepada kesejahteraan dan keharmonian negara. Secara amnya, seluruh rakyat Malaysia perlu mengambil bahagian secara aktif dalam merealisasikan wawasan dan aspirasi negara dalam usaha membentuk sebuah negara yang bersatu padu, mantap dan berdaya saing (Saifuddin, 2005).

### ***Konteks Patriotism Pada Masa Kini***

Dalam konteks masa kini, patriotisme ditafsirkan sebagai sikap, semangat dan tindak-tanduk yang menjurus kepada gagasan dan usaha mengawal kepentingan, maruah dan kedaulatan bangsa dan negara dalam pelbagai bidang kehidupan merangkumi ekonomi, politik, sosial, hubungan antarabangsa, kedaulatan, kebudayaan, agama, keselamatan, undang-undang, dan sebagainya (Azizan, 2009). Individu yang mempunyai semangat patriotik sangat prihatin terhadap sesuatu yang berlaku dalam negaranya, sama ada berbentuk ancaman atau tindakan yang seolah-olah memperlekehkan negaranya, dan secara automatik bertindak balas untuk melakukan sesuatu (Nordin Kardi, 2003). Patriotisme atau sifat patriotik merangkumi usaha-usaha yang dapat meningkatkan martabat bangsa dan negara serta menyumbang kepada ketamadunan manusia seperti penerokaan dan perkembangan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi, model dan kaedah-kaedah pembangunan, kerukunan hidup, keadilan sosial, keamanan dan kesejahteraan sejagat (Azizan, 2009).

### ***Masalah Sosial Remaja Dan Nasionalisme***

Patriotisme amat penting untuk dipupuk sebagai pertahanan negara daripada sebarang bentuk ancaman (dalam dan luar negera), menjamin kestabilan, keutuhan dan kelangsungan negara bangsa melalui pelbagai cara dan langkah-langkah yang berterusan (Saifuddin Abdullah, 2005). Berdasarkan penjelasan tersebut, semangat patriotisme merupakan elemen penting yang harus dimiliki oleh seluruh rakyat Malaysia terutamanya golongan belia. Golongan belia merupakan amanah yang perlu disemai dengan semangat daya saing yang tinggi serta perasaan cintakan

negara yang utuh, kerana mereka memikul tanggungjawab yang besar terhadap pembangunan negara menjelang tahun 2020 (Rosyidah Mohamad, 2002). Menurut dasar Pembangunan Belia Negara mengikut perspektif Malaysia, belia merupakan individu yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun (Kementerian Belia dan Sukan, Dasar Belia Negara, 2014). Manakala, menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), golongan belia merupakan golongan yang berumur dari 15 tahun hingga 25 tahun (*World Youth Plan*, 1995). Walaupun mempunyai definisi yang berbeza mengikut umur, namun golongan belia dilihat sebagai tunjang atau yang bernilai dalam menentukan masa depan sesebuah negara.

Menurut kajian Zaharuddin *et al.* (2014), nilai patriotism yang semakin kurang di kalangan belia akan menimbulkan masalah-masalah sosial yang semakin kritikal. Sejak beberapa tahun lalu, masalah sosial di kalangan belia seperti ketagihan dadah, merempit, ponteng sekolah, buli, vandalisme, seks bebas dan gangsterisme telah menarik perhatian pelbagai pihak. Menurut laporan Agensi Anti Dadah Kebangsaan seramai 11,194 orang penagih dadah telah dikesan bagi tempoh Januari 2011 hingga Disember 2011. Selain itu, seramai 6,956 orang penagih baru dikesan, walaupun jumlah ini menunjukkan penurunan jumlah kes berbanding dengan tempoh masa yang sama pada tahun sebelumnya namun angka ini masih tidak memuaskan, kerana masih terdapat banyak kes penagih yang tidak dapat dikesan dan tidak dilaporkan. Daripada jumlah penagih dadah yang dikesan bagi tempoh Januari hingga Disember 2011, sebanyak 7,590 orang penagih atau 67.80% daripada keseluruhan kes merupakan golongan belia. Jelaslah disini bahawa golongan belia merupakan golongan yang paling ramai terlibat dengan penagihan dadah sama ada penglibatan baru ataupun berulang. Penglibatan golongan belia dengan penagihan dadah seterusnya akan menimbulkan beberapa pemasalahan lain seperti penularan wabak HIV atau AIDS, penyakit kelamin, kegiatan seks bebas yang menyebabkan kehamilan luar nikah seterusnya pembuangan bayi. Menurut perangkaan yang dibuat oleh Jabatan Kerja Sosial Perubatan Hospital Pulau Pinang, bermula pada Januari 2008 sehingga Mei 2009, terdapat sebanyak 183 daripada sejumlah 189 kes kelahiran tanpa ikatan pernikahan terdiri daripada golongan belia. Manakala Jabatan Pendaftaran Negara pula merekodkan sebanyak 257,000 sijil kelahiran bayi yang didaftarkan tanpa nama bapa bagi tahun 2000 sehingga 2008 (Agensi Anti Dadah Kebangsaan, 2011). Pada usia awal remaja, mereka dianggap masih mencari-cari identiti sendiri serta berkeinginan untuk mencuba sesuatu yang baru, di samping cenderung untuk menunjukkan kebolehan yang dimiliki, meskipun tahu akan risiko tertentu (Abdul Rahman, 1995).

Erikson (1968) berpendapat bahawa golongan belia ramai terjebak di dalam masalah sosial kerana dalam linkungan umur 15 hingga 40 tahun mereka berada dalam fasa perubahan fizikal, biologikal, dan psikologikal yang pesat, seterusnya memberi kesan atau mempengaruhi sikap dan pemikiran mereka. Menurut aspek psikologi, golongan tersebut mempunyai sifat memberontak, perasaan ingin tahu, sanggup menghadapi pelbagai cabaran dan tekanan sosial persekitaran. Bagi mereka yang mampu menerima dan menangani cabaran, maka mereka akan menghadapi

kehidupan yang selesa dan positif tetapi jika sebaliknya berlaku, akan menimbulkan kekacauan dan juga pemasalahan di kalangan mereka (Weichselbaumer, 2012, Hughes & Deutsch, 2010). Perkara ini akan menyebabkan sebahagian daripada mereka terlibat atau menjadi mangsa keadaan pemasalahan sosial. Sekiranya perkara ini hanya dibiarkan tanpa sebarang inisiatif, maka ia akan menyulitkan proses pembangunan masyarakat dan juga negara.

### ***Kemerdekaan dan Nasionalisme***

Sabtu tahun pada tanggal 31 Ogos, Malaysia akan menyambut Hari Kemerdekaan. Pelbagai aktiviti bersifat kekeluargaan akan dianjurkan sempena Hari Kemerdekaan seperti perbarisan dan perarakan secara besar-besaran untuk menonjolkan semangat kebangsaan semua lapisan rakyat Malaysia yang berbilang agama, bangsa, asal keturunan dan kaum. Namun begitu, persoalannya adalah sejauh manakah semangat kebangsaan ini wujud di kalangan rakyat Malaysia terutamanya golongan belia pada masa kini? Adakah perasaan cinta kepada raja, agama, bangsa dan negara masih wujud dalam diri belia pada zaman ini? Semangat kebangsaan bukan hanya dengan menghadiri acara perbarisan atau melekatkan berpuluhan-puluhan keping jalur gemilang pada kenderaan ataupun dengan menghadiri aktiviti khidmat negara semata-mata, ia perlulah dipupuk pada peringkat akar umbi. Semangat ini perlu bermula daripada pendidikan awal kanak-kanak yang mana akan menimbulkan perasaan dan sukarela dengan mematuhi nilai-nilai patriotik tertentu seperti menghormati bendera.

Pengertian kemerdekaan yang sebenar membawa maksud yang lebih mendalam, yang mana 31 Ogos 1957 merupakan tarikh hari bersejarah bagi negara Malaysia atau dikenali sebagai Persekutuan Tanah Melayu telah mendapat kemerdekaan dan bebas daripada penjajahan. Namun begitu, segelintir rakyat Malaysia khususnya golongan belia masih kabur mengenai sejarah Malaysia, menyebabkan kesukaran untuk menghayati kemerdekaan yang menjadi platform perjuangan bangsa suatu ketika dahulu, sekaligus terhakisnya semangat patriotisme di kalangan generasi muda pada masa kini. Ini kerana, pelajaran sejarah lebih kepada rekonstruksi peristiwa dan aktiviti manusia masa lampau yang lebih bersifat abstrak, yang mana pelajar lebih cenderung untuk menghafal yang terbatas kepada aktiviti pengembangan ingatan sahaja. Menurut Stephen Nathanson, (1993) patriotisme ialah perasaan istimewa terhadap negara, perasaan identiti secara peribadi terhadap negara, kerisauan utama terhadap kesejahteraan negara dan kesediaan untuk berkorban demi kebaikan negara. Perasaan patriotisme berkait rapat dengan semangat dan sikap yang merangkumi segala usaha ke arah meningkatkan martabat bangsa dan negara dalam segala aspek kehidupan. Ia juga menyumbang kepada pembinaan peradaban dan ketamadunan bangsa. Oleh itu, amat penting untuk menjawai semangat patriotisme dan bukannya sekadar simbolik (Ezhar et al., 2006). Ia perlulah dipupuk dan dihayati oleh setiap individu dan untuk merealisasikan perkara ini, semangat patriotisme boleh diaplikasikan di dalam semua bidang kehidupan seperti pertahanan dan keselamatan nasional, hubungan antarabangsa, politik, ekonomi, sosial, pendidikan, sukan dan kedaulatan undang-undang. Patriotisme juga berbentuk psikologi dalam setiap individu dengan menunjukkan

perasaan hormat terhadap bendera negara, mentaati pemimpin dan lagu kebangsaan (Abdul Latif, 2012).

### ***Belia Pemangkin Negara***

Belia merupakan golongan yang mudah dipengaruhi dan sekiranya dibiarkan tanpa bimbingan mereka mudah menjadi sasaran pelbagai unsur negatif yang wujud, sejajar dengan perubahan yang berlaku. Ini dapat dikesan melalui tingkah laku yang bercorak jenayah, penyalahgunaan dadah, bersikap mengagungkan negara barat, memandang rendah unsur-unsur dalam negara dan sebagainya. Disamping itu, ada sesetengah daripada mereka yang melibatkan diri dalam perhimpunan aman seperti “Perhimpunan Bersih” dan juga “Perhimpunan Kita Lawan” yang bertujuan untuk menunjukkan protes terhadap kerajaan (Malaysiakini, Julai 2015). Justeru itu, perhimpunan Bersih 3.0 telah dilaporkan gagal untuk mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan dalam Akta Perhimpunan Aman 2012 (Sinar Harian 2012). Akhbar tersebut turut melaporkan pelakuan ganas peserta yang merempuh sekatan polis dan membawa anak kecil untuk menyertai perhimpunan. Di dalam Akta Perhimpunan Aman telah menggariskan bahawa kanak-kanak di bawah 15 tahun adalah dilarang untuk menyertai mana-mana perhimpunan (direkrut atau dibawa) yang boleh disabitkan denda sehingga RM20,000 (Undang-Undang Malaysia, Akta 736, 2012). Kesannya, perhimpunan ini telah mencetuskan keadaan huru-hara yang memberi kesan negatif terhadap kaum dan agama dan seterusnya memecah belahan masyarakat. Seperti yang dapat dilihat daripada perhimpunan-perhimpunan haram yang dilakukan di negara luar seperti Thailand, Indonesia dan Timur Tengah telah memberikan impak yang negatif terhadap kestabilan politik, perpaduan dan menjadikan pertumbuhan ekonomi, selain mengurangkan jumlah kedatangan pelancong asing ke negara terbabit. Belia merupakan kekuatan utama kepada pembangunan negara yang harus memiliki semangat patriotisme dalam diri mereka, namun begitu terdapat kes yang terjadi di Malaysia yang mana seorang pelajar IPTA tempatan menghina lagu Negaraku dan Perdana Menteri Malaysia (Bernama, 2011). Sebelum kes pelajar IPTA ini, telah berlaku juga kes penghinaan terhadap lagu Negaraku, agama Islam dan menteri di Malaysia oleh seorang pelakon dan pengarah filem tempatan (Utusan, 2012). Namun begitu, individu tersebut masih lagi tidak serik dan membuat rakaman lagu di dalam bahasa Mandarin yang bertajuk “oh my god” di dalam sebuah masjid di Pulau Pinang yang merupakan suatu penghinaan terhadap agama islam (Utusan, 2017). Penghinaan tersebut telah menimbulkan kemarahan di kalangan rakyat Malaysia, dengan mencadangkan kepada kerajaan Malaysia untuk melucutkan kewarganegaraan individu tersebut. Keadaan ini menunjukkan bahawa tindak balas dan tindakan yang diambil oleh rakyat merupakan pantulan semangat patriotik yang wujud di dalam hati rakyat Malaysia (Ahmad Shah Pakeer et al., 2011).

### ***Kajian Pustaka***

#### ***Definisi Patriotisme***

Patriotisme berasal daripada bahasa Greek iaitu patriotes yang membawa maksud

rakan senegara, manakala *patrice* bermaksud tanah air atau negara. Ini menjelaskan bahawa patriotisme merupakan sebuah ikatan yang kukuh di antara rakan senegara terhadap tanah air (Aziz, 2009). Dalam bahasa Arab pula ia bermaksud ‘wataniah’(Saifuddin Abdullah, 2007). Menurut Fairbrother, (2005) patriotisme merupakan satu perasaan yang berkait rapat dengan negara, tanggungjawab kepada bangsa dan merupakan idea yang mana negara mempunyai nilai yang membawa maksud lebih daripada nilai individual. Patriotisme juga dikaitkan dengan perasaan cinta yang mendalam terhadap negara sehingga sanggup berkorban demi kepentingan negara tercinta (David Archard, 1999). Manakala, Saifuddin Abdullah, (2005) mendefinisikan patriotisme sebagai cinta yang utuh dan kekal terhadap bangsa dan negara Malaysia. Walaubagaimanapun, beliau menjelaskan bahawa fokus atau bentuk patriotisme mungkin berubah mengikut masa dan juga keadaan.

Patriotisme membantu dalam membentuk perpaduan dan melahirkan semangat perjuangan menuntut kemerdekaan yang diperlukan untuk menjamin kelangsungan hidup berkumpulan. Ini telah dibuktikan oleh para pejuang, semasa penjajahan Portugis di Melaka pada 15 Ogos 1511 yang menyaksikan orang melayu Melaka bersatu padu menentang Portugis (Said, 2004). Elemen patriotisme serta kisah perjuangan ini telah ditulis oleh Tun Sri Lanang dalam bukunya yang bertajuk “*Sulalatus Salatin*”. Penulisan mengenai sejarah perjuangan pejuang-pejuang di Malaysia amat penting untuk memupuk rasa cinta dan sayang kepada watan atau negara di dalam diri generasi yang lahir selepas merdeka. Selain itu, *Hikayat Hang Tuah* juga mempunyai unsur patriotism sebagai lambang kepahlawanan sekaligus menjadi ikon kesetiaan kepada Raja dan juga Negara (V.Thilagavati, 1999). Melalui penulisan ini dapat dilihat bahawa penulis cuba untuk menanamkan elemen taat setia kepada pemimpin kerana elemen ini memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk menghindari perpecahan rakyat yang seterusnya boleh menjelaskan kekuatan untuk melawan musuh.

### ***Jenis Patriotisme***

Patriotisme terbahagi kepada dua jenis iaitu (Ku Hasnita et al., 2011):

**a. Patriotisme peribadi**

Merujuk kepada perasaan dan sukarela: contohnya, patuh kepada nilai patriotik tertentu dengan menghormati bendera.

**b. Patriotisme Rasmi**

Merujuk kepada simbolik dan istiadat: contohnya, Tugu Negara, Hari Pahlawan dan upacara peringatan yang lain. Patriotisme rasmi selalunya mengikuti protokol: mengendalikan bendera dengan cara-cara yang telah ditetapkan atau jaminan atau penunjukan kesetiaan tertentu (Berita Harian, 18 September 2014).

### ***Sejarah Jalur Gemilang***

Bendera Malaysia adalah lambang kedaulatan sesebuah negara yang berkait rapat

dengan semangat patriotik dalam mempertahankan maruah, bangsa, agama dan tanah air. Bendera juga merupakan lambang kepimpinan, simbol penghormatan, martabat dan kewarganegaraan bagi sebuah negara. Oleh itu, penggunaan bendera dan penghormatan ke atasnya juga adalah sebagai satu simbol nasionalisme. Bendera memberi maksud mengibarkan atau mengapungkan di atas angin. Bendera Persekutuan Tanah Melayu telah dilahirkan pada Mei 1948 melalui pertandingan mereka cipta bendera peringkat Kebangsaan. Pertandingan tersebut telah mendapat sambutan daripada 373 karyawan dan melalui proses pemilihan serta pertimbangan, yang mana 3 reka bentuk telah berjaya dipilih ke peringkat akhir pada 15 November 1949. Akhirnya, keputusan memihak kepada seorang arkitek Kerja Raya Negeri Johor (Mohamed Bin Hamzah) yang telah mendapat majoriti dan perkenan Raja-Raja pada 22 dan 23 Februari 1950. Namun begitu bendera yang asal telah dibuat beberapa pindaan iaitu bulan sabit dan bintang yang berwarna putih diganti dengan warna kuning (lambing warna di raja). Pertama kalinya, pada 26 Mei 1950 bendera Persekutuan Tanah Melayu telah dikibarkan di hadapan Istana Sultan Selangor di Kuala Lumpur. Lambang Jalur Bendera Malaysia ialah satu haluan yang lurus, hala tuju dan arah yang sama diikuti oleh rakyat negara ini dalam menuju kegemilangan bangsa dan negara. Ia mewakili keanggotaan 13 buah negeri manakala 1 jalur mewakili Kerajaan Persekutuan. Gemilang pula bermaksud berbahaya terang benderang dan cemerlang. Ia juga melambangkan kecemerlangan negara dan rakyat Malaysia dalam mengharungi suasana kehidupan dengan penuh gigih, taat dan bersatu padu serta boleh menaikkan imej negara di dalam dan di luar negara.

### ***Lagu Kebangsaan***

Majlis pemilihan Lagu Kebangsaan bagi Persekutuan Tanah Melayu telah diadakan pada 5 Ogos 1957 di Dewan Polis Depoh, Kuala Lumpur. Pemilihan ini telah dilakukan oleh Jawatankuasa Pemilihan Lagu Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra, Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu bersama ahli-ahlinya yang terdiri daripada Encik Yaacob Abdul Latiff (Pengarah Jabatan Penerangan), Tuan A.T. Reid (Timbalan Pengarah Broadcasting), Tuan Ong Yoke Lin (Menteri Kenderaan dan Pengangkutan), Haji Mustapha Al-Bakri (Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Melayu), Cik Halimathon (Ahli Majlis Undangan Persekutuan), Dato' Abdul Razak Hussein (Menteri Pelajaran), dan Tuan W. Crops (Pengarah Muzik), Pasukan Pancaragam Polis Persekutuan. Sehubungan itu, empat buah lagu telah diperdengarkan oleh Pasukan Pancaragam Polis Persekutuan Tanah Melayu. Lagu Terang Bulan merupakan lagu kebangsaan bagi Negeri Perak telah dipilih sebagai lagu kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu kerana mempunyai unsur-unsur kemelayuan. Kemudian, keputusan pemilihan ini dikemukakan untuk diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja Melayu. Lagu kebangsaan buat pertama kalinya diperdengarkan kepada khalayak ramai pada malam 31 Ogos 1957 di Padang Kelab Selangor.

### ***Senario patriotisme di Malaysia***

Penghayatan terhadap nilai patriotisme telah disemai sejak anak-anak mendaftar di sekolah rendah, yang mana Buku Panduan Pemupukan Patriotisme menerapkan

elemen patriotisme melalui kurikulum dan juga ko-kurikulum. Justeru itu, subjek-subjek seperti Bahasa Melayu, Bahasa Tamil, Pendidikan Moral, Pendidikan Islam, Kajian Tempatan dan lain-lain subjek sekolah rendah perlu dimasukkan nilai-nilai patriotisme yang diselaraskan dengan topik yang diajar, termasuklah aktiviti ko-kurikulum seperti sukan, lawatan sambil belajar dan sebagainya (Kementerian Pendidikan, 1994). Manakala di peringkat sekolah menengah pula, boleh dilihat bahawa penerapan dan penghayatan nilai-nilai patriotisme telah dibuat melalui subjek-subjek seperti Sejarah, Pendidikan Moral, Geografi, Pendidikan Islam dan juga subjek-subjek yang lain. Ini bersesuaian dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Negara untuk melahirkan generasi yang seimbang daripada aspek jasmani, emosi, dan intelektual. Justeru itu, kelebihan ini memudahkan semangat patriotisme diaplikasikan daripada aspek aktiviti berkomuniti dan sukan seperti pasukan Pengakap, Kadet Polis, Kadet Bomba, Palapes, dan pelbagai kelab-kelab sukan. Sebilangan contoh yang telah dikemukakan menunjukkan mekanisme pendidikan berperanan sebagai ejen menanam serta mengembangkan doktrin patriotisme dalam kalangan warganegara negara kita (Ku Hasnita, 2011). Menurut Rizal Uzir, (2002) walaupun telah melalui proses pendidikan selama 13 tahun namun penghayatan semangat patriotisme di kalangan pelajar masih lagi berada pada tahap yang sederhana. Ini bertepatan dengan konsep yang diperkenalkan oleh Schatz *et al.* (1999), iaitu blind patriotism atau sokongan kritikal terhadap sesuatu kumpulan atau perkara, yang mana berkaitan dengan patriotisme dalam diri masyarakat pada hari ini yang semakin kurang dan memerlukan penelitian secara menyeluruh dalam konteks keilmuan. Beberapa penulis menyokong bahawa tahap patriotisme di kalangan pelajar atau belia juga berada pada tahap kematangan bayi (Azimi Hamzah dan Turiman Suandi (1997); kurang menyerlah (Azimi Hamzah *et al.* 2002); dan kurang perubahan (Azimi Hamzah dan Turiman Suandi (1996) dan Dzuhalimi Dahalan *et al.* (2011). Kekuatan sesuatu bangsa dan negara bukan hanya bergantung kepada kekuatan fizikal sahaja, yang berbentuk kebendaan dan teknologi (Wan Zahid, 1993). Negara juga harus membina kekuatan berasaskan budaya, ilmu pengetahuan, akhlak yang mulia, keyakinan diri yang teguh, tanggungjawab dan juga pengorbanan diri yang tinggi. Oleh itu, nilai-nilai patriotisme yang juga sebahagian nilai-nilai murni dapat menyumbang ke arah pembentukan generasi yang berhemah tinggi serta berakhhlak mulia, jika dapat dihayati dan dipraktikkan sebaik mungkin. Justeru itu, wajar bagi para pelajar terutamanya di peringkat sekolah menengah supaya menjadikan nilai-nilai patriotisme sebagai amalan atau pegangan kerana kurangnya penghayatan nilai-nilai patriotisme akan menyumbang kepada pelbagai masalah sosial di kalangan mereka. Selain itu, remaja juga dapat mendisiplinkan diri untuk mencapai kejayaan dalam bidang yang diceburi (Nazrim *et al.*, 2004). Rakyat Malaysia perlu berpegang kepada pegangan hidup yang tidak mengutamakan kepentingan diri semata-mata, malah memikirkan tentang masa depan dan kepentingan negara.

Penekanan terhadap kepentingan nilai-nilai patriotisme juga dapat dilihat daripada usaha-usaha yang dilakukan oleh agensi yang lain seperti dari sektor pendidikan formal dan juga tidak formal, contohnya Kementerian Belia dan Sukan.

Bagi kerajaan dan ibu bapa, mereka melihat betapa pentingnya nilai-nilai patriotisme ditanam dalam diri setiap anggota masyarakat lebih-lebih lagi bagi golongan yang bakal menjadi pemimpin negara di masa yang akan datang iaitu golongan belia. Menurut pendapat Robiah dan Zahara (1992), kepentingan patriotisme perlu dihubungkaitkan dengan kesedaran bahawa golongan belia perlu diberikan pendidikan formal dan juga tidak formal supaya mereka dapat menyediakan diri mereka untuk menjalani hidup sebagai seorang warganegara yang baik, bermoral, berdisiplin, produktif, bertanggungjawab dan seterusnya dapat mempertahankan negara. Golongan pelajar merupakan golongan yang besar dan mereka juga merupakan golongan yang paling berpengaruh kerana mereka lah yang akan mewakili masa depan negara. Mereka jugalah yang akan mencorakkan identiti negara dan bertanggungjawab sebagai pewaris budaya. Contoh unsur-unsur negatif yang sangat ketara berlaku sekarang adalah tingkah laku yang bercorak jenayah, penyalahgunaan dadah, bersikap mengagungkan nilai-nilai luaran dan memandang rendah unsur-unsur dalam negara, bersikap tidak kisah atau tidak mengambil berat dan juga lain-lain. Selain daripada itu, sikap individu dan materialistik yang menjadi ikutan hidup masa kini seakan-akan menyekat perkembangan sikap dan semangat patriotisme. Ekonomi yang sedang berkembang pesat pada hari ini seolah-olah menarik seluruh tenaga dan juga fikiran umum ke arah sesuatu yang bercorak kebendaan. Tinjauan rambang ke atas remaja di Kuala Lumpur yang dibuat oleh Fahda Nur Akma, 1995 menunjukkan kebanyakan mereka mengaku bahawa semangat patriotisme tidak lagi wujud dalam diri mereka. Penemuan ini selari dengan pendapat Tajul Ariffin Nordin, 1985 yang menjelaskan antara sebab terhakisnya semangat patriotisme di kalangan pelajar adalah disebabkan oleh kemewahan hidup. Dewasa ini, sektor pembangunan berasaskan sains dan teknologi, nilai-nilai kebendaan, kekayaan dan kemewahan diberi keutamaan berbanding nilai-nilai agama, moral, akhlak, sejarah dan negara. Maka tidak hairanlah apabila sikap dan tanggungjawab terhadap negara semakin dilupakan kerana mereka dilimpahi dengan kekayaan dan kemewahan, yang mana berlaku di seluruh negara.

### ***Perbandingan Tahap Patriotism di Kalangan Pelajar***

Sejak kebelakangan ini, kita dapat lihat ramai golongan remaja atau pelajar sekolah yang terlibat dengan aktiviti jenayah, kerana lunturnya semangat atau nilai-nilai patriotisme dalam diri mereka. Kurangnya semangat patriotik dalam diri generasi muda hari ini merupakan salah satu penyebab segelintir daripada mereka terpengaruh dengan aktiviti-aktiviti yang tidak berfaedah seperti budaya hedonisme iaitu budaya yang mementingkan hiburan atau keseronokan. Ini kerana, jiwa mereka kosong dari segi nilai dan rasa sayang kepada agama, bangsa dan juga negara. Menurut Ahmad Ahmad Rusdi (2002), perkara ini terjadi kerana kurangnya pendedahan terhadap nilai-nilai patriotisme yang diterima atau kurang berkesan. Selain daripada itu, ia juga mungkin disebabkan perbezaan amalan patriotisme yang dipraktikkan oleh para pelajar dengan nilai-nilai patriotisme yang ingin diterapkan ke dalam diri mereka.

Kajian mendapati pelajar bukan melayu mempunyai semangat patriotisme yang rendah berbanding dengan pelajar melayu, melalui penyertaan PALAPES

pada tahun 2002. Hasil daripada kajian yang dibuat oleh Cik Siti Azizah, (2002) menunjukkan bahawa penyertaan pelajar Melayu adalah yang tertinggi iaitu seramai 856 orang (93.4%) diikuti oleh Iban seramai 30 orang (3.3%), Cina seramai 27 orang (3%) dan India seramai 3 orang (0.3%). Menurut beliau lagi, berkemungkinan besar hasil yang sama akan diperolehi jika kajian yang sama dilakukan ke atas Kadet Tentera sekolah. Manakala, kajian yang dibuat oleh Ibrahim Saad, (1980) juga memberikan hasil yang sama iaitu tahap patriotisme di kalangan pelajar bukan melayu adalah rendah berbanding dengan pelajar melayu. Kebanyakan kajian yang dilakukan di Malaysia adalah dengan menilai mata pelajaran tertentu seperti Sejarah atau Kajian Tempatan dalam menerapkan elemen-elemen patriotisme. Selain itu, kajian juga tertumpu kepada bagaimana guru-guru menerapkan dan mengajar nilai-nilai patriotisme kepada para pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran (Rizal Uzir, 2002). Menurut Zahara, (1985) yang telah menjalankan kajian ke atas responden lepasan sekolah menengah yang berumur 19 hingga 21 tahun menunjukkan bahawa pendidikan sivil gagal memainkan peranan untuk memberi pengetahuan dan nilai serta mewujudkan perasaan bangga terhadap negara di kalangan generasi muda. Beliau menegaskan bahawa perkara ini terjadi kerana teknik pengajaran yang lemah oleh guru-guru di sekolah telah mempengaruhi penerimaan dan tindak balas pelajar terhadap mata pelajaran sivil. Manakala, Rizal Uzir, (2002) telah membuat kajian ke atas pelajar tingkatan enam mengenai nilai-nilai kewarganegaraan menunjukkan bahawa walaupun mereka sudah 13 tahun mengalami proses pendidikan di sekolah namun pemahaman dan penghayatan mereka tentang nilai-nilai kewarganegaraan masih lagi longgar dan berada di tahap yang sederhana. Beliau juga membuat penilaian terhadap pengetahuan, sikap dan tanggapan pelajar terhadap konsep dan nilai-nilai kewarganegaraan. Haminah Suhaibo, (1998) mengkaji tentang kefahaman dan amalan patriotisme melalui mata pelajaran sejarah oleh pelajar sekolah menengah atas, menunjukkan sebahagian besar pelajar memahami elemen-elemen patriotisme kecuali aspek lambang-lambang negara, berani dan sanggup mempertahankan negara, peka terhadap masalah dan isu negara dan juga muhibah. Walaubagaimanapun, dari segi amalan mereka kurang mengamalkan amalan ketaatan kepada pemimpin dan negara, disiplin diri dan melibatkan diri dalam usaha pembangunan negara.

### ***Isu patriotism***

Pemahaman mengenai patriotisme amat penting untuk memastikan tindakan yang betul diambil oleh masyarakat terhadap diri dan juga negara. Pengaruh media cetak dan media elektronik menyebabkan ramai belia salah tafsir mengenai patriotisme, kerana kurang bimbingan dan menerima bulat-bulat tanpa memahami kandungan sebenar. Sebagai contoh, pada tahun 2007 Wee Meng Cheng atau dikenali dengan Namawee yang merupakan rakyat Malaysia dan pelajar tahun akhir Universiti Ming Chuan, Taiwan telah menimbulkan kemarahan di kalangan rakyat Malaysia apabila beliau memperlekehkan lagu kebangsaan Malaysia iaitu Lagu Negaraku dengan mengubah tajuk lagu tersebut menjadi Negarakuku. Hal ini sepatutnya tidak berlaku kerana ia boleh merosakkan perpaduan negara (Utusan Malaysia, 2007). Kemerdekaan telah mengubah rakyat Malaysia yang mana generasi

selepas kemerdekaan tidak lagi berminat untuk menghayati sejarah, walaupun subjek sejarah diajar di sekolah, namun ada sesetengah daripada mereka yang tidak mengambil berat tentang subjek tersebut. Kebanyakan pelajar mempelajari subjek sejarah adalah untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang di dalam peperiksaan dan memenuhi keperluan dan syarat dalam sistem pendidikan, ini kerana mereka menganggap bahawa pengetahuan sejarah bukanlah sesuatu yang penting di pasaran kerja. Mereka lebih mementingkan subjek yang mempunyai nilai komersial dan meletakkan subjek ini sebagai subjek yang kurang penting berbanding subjek yang lain (Mahathir, 2001). Pendapat ini disokong oleh Ahamad *et al.* (2011) yang menyatakan bahawa masyarakat melihat peperiksaan sebagai suatu medium untuk menentukan keberhasilan dan kecemerlangan masa hadapan seseorang pelajar. Menurut Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal pelajar dan Alumni, Universiti Pertahanan Malaysia, Prof Madya Dr Mohamed Fadzil Che Din, perkara ini merupakan fitrah golongan generasi Y, mereka kurang meminati sejarah atau perkara yang nostalgia kerana tidak suka kepada perkara yang mengongkong; sebagai contoh kemerdekaan yang sering dikaitkan dengan patriotisme dan sejarah pejuangan pejuang terdahulu. Generasi Y lebih meminati gajet canggih seperti *laptop*, komputer, dan *smartphone*, dan lebih sinonim dengan teknologi dan digital (Asma dan Shahanim, 2015). Apabila ilmu sejarah menjadi sesuatu yang tidak penting kepada mereka, perjuangan oleh para pejuang dahulu dalam menuntut kemerdekaan akan dilupakan. Justeru itu, sukar bagi mereka untuk mengetahui sejarah bagaimana negara dijajah dan dihina kerana tiada perpaduan dalam diri rakyat dengan hilangnya pengetahuan dan pendedahan mengenai zaman penjajahan. Perkara inilah yang membimbangkan mantan Perdana Menteri Malaysia, iaitu Tun Mahathir Mohamed pada tahun 1990, ketika berucap di hadapan kira-kira 6000 pelajar di Perhimpunan Patriotik Pelajar Peringkat Kebangsaan di Stadium Pasir Gudang, Johor Bharu, beliau mengingatkan para belia supaya mempelajari sejarah kerana sejarah memainkan peranan penting dalam memupuk semangat patriotisme (Zahari *et al.*, 2006).

### ***Pendidikan Patriotisme di Kalangan Belia Malaysia***

Untuk menerapkan semangat patriotisme di kalangan rakyat Malaysia, ia perlulah bermula dibangku sekolah lagi seperti kata pepatah ‘melentur buluh biarlah dari rebungnya’. Oleh itu, pada peringkat awal pendidikan kanak-kanak mereka telah diajar dengan lagu-lagu rakyat yang bertujuan untuk melahirkan generasi yang mengetahui asal usul bangsa dan negaranya. Patriotisme tidak berdasarkan kepada ideologi dan ia juga bukanlah berasaskan semangat semata-mata, namun ia merupakan semangat yang terdidik. Oleh itu, ia berada di dalam satu kontinum di antara semangat dan ideologi (Nazrim *et al.*, 2004). Ia merupakan satu gagasan dan sebagai satu gagasan yang memerlukan kefahaman dan juga pendidikan (Saifuddin Abdullah, 2007). Dalam usaha untuk memberikan kefahaman dan pendidikan, pendidik memainkan peranan yang penting iaitu dengan menanamkan semangat patriotisme. Terdapat dua objektif di dalam pendidikan patriotism, pertama adalah untuk meningkatkan semangat dan makna patriotism, manakala objektif yang kedua adalah menggalakkan golongan belia untuk mentafsirkan patriotism

ke dalam bentuk sumbangan yang kukuh terhadap kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan juga negara.

Aplikasi teori ini dijelaskan oleh Sun Tzu di mana beliau berkata;

*“Kemenangan adalah matlamat utama di dalam peperangan. Sekiranya ia dilengah-lengahkan, alat senjata akan menjadi tumpul dan semangat akan luntur. Apabila bala tentera itu menyerang kota-kota, tenaga mereka akan berkurangan.” (Wan Azmi Ramli, 1993)*

*Sun Tzu – Art of War-*

Kata-kata ini menjelaskan bahawa pendidikan awal kanak-kanak atau belia melalui penerapan nilai-nilai patriotisme dalam pendidikan perlu diberi penekanan. Tindakan awal ini perlu melalui beberapa proses kerana ia perlu bermula dari peringkat pra-sekolah lagi dan sepelemanya yang dikatakan oleh Sun Tzu jika tindakan ini ditangguhkan, maka kerajaan akan menghadapi masalah untuk mendidik belia pada masa yang akan datang.

Dengan jelas Sun Tzu berkata;

*“Apabila peralatan senjata kamu telah tumpul dan keberanian telah luntur, kekuatan telah merosot dankekayaan dibelanjakan, maka raja-raja di negeri yang berjiran akan mengambil kesempatan itu untuk menangguk di air yang keruh. Sekalipun kamu mempunyai para penasihat yang bijaksana, tidak ada siapa lagi yang boleh menyusun sesuatu rancangan yang baik demi menghadapi masa hadapan .” (Wan Azmi Ramli, 1993)*

*Sun Tzu – Art of War-*

Selain daripada memberi penekanan terhadap pendidikan awal kanak-kanak, kerajaan juga telah mengambil langkah lain dalam usaha untuk menanam semangat patriotisme di kalangan belia iaitu dengan mewujudkan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Program ini dilaksanakan pada 16 Februari 2004, yang mana golongan yang berumur 17 tahun dan ke atas digalakkan mengikuti program ini. Melalui PLKN, beberapa modul penting telah diterapkan kepada para peserta iaitu Modul Fizikal, Modul Kenegaraan, Modul Pembinaan Karakter dan juga Modul Khidmat Komuniti. Selain itu, beberapa komponen telah digunakan untuk tujuan pendidikan dan penerapan elemen-elemen patriotisme di kalangan pelatih PLKN iaitu Komponen Kerohanian, Komponen Kebudayaan, Komponen Silang Budaya dan Komponen Sistem Nilai. Modul-modul ini juga diteruskan melalui pembelajaran dan pengajaran dalam pendidikan di universiti seluruh Malaysia. Selain menjadi sebahagian daripada subjek pengajian, ianya juga diterjemahkan dalam sesetengah aktiviti kurikulum pelajar-pelajar universiti seperti Pasukan Latihan Pegawai Simpanan atau dikenali sebagai PALAPES (Ku Hasnita *et al.*, 2011). Melalui elemen pertahanan dan juga pendidikan awal yang diterapkan di

dalam PLKN, ianya dapat meningkatkan semangat patriotisme di kalangan belia agar mereka tidak mudah terpengaruh atau percaya dengan unsur-unsur yang tidak berasas sama ada dari luar atau dalam.

### ***Kaedah Kajian***

#### ***Jenis Kajian***

Kajian ini merupakan kajian lapangan atau kajian tinjauan. Data kajian ini diperolehi daripada responden berdasarkan kepada ciri-ciri dan lokasi yang telah dipilih untuk kajian di wilayah tertentu. Jenis kajian ini sesuai digunakan kerana bertujuan untuk mengkaji kesan penggunaan lagu kebangsaan dan bendera Malaysia terhadap semangat patriotisme di kalangan belia di Malaysia. Pemboleh ubah kajian adalah konsep ataupun konstruk yang diselidik oleh penyelidik (Gay dan Airasian, 2000 dalam Dahlia's jurnal, 2011) iaitu ciri atau faktor dalam sesuatu penyelidikan yang berubah-ubah dari segi kuantiti atau kualiti (Dahlia, 2011). Penyelidikan melibatkan hubung kait antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang terlibat dalam sesuatu kejadian yang mana setiap satunya mempunyai fungsi yang berbeza. Secara amnya, pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam sesuatu penyelidikan dapat dikategorikan kepada pemboleh ubah tidak bersandar, pemboleh ubah bersandar, pemboleh ubah luaran, pemboleh ubah moderator dan pemboleh ubah intervensi (Dahlia, 2011).

#### ***Responden Kajian***

Kaedah pemilihan responden yang digunakan dalam kajian ini adalah teknik *purposive sampling*, dengan mengambil kira bahawa responden terdiri daripada orang-orang yang memiliki ciri-ciri khas. Responden kajian adalah belia yang berstatus mahasiswa di IPTA mahupun IPTS di Semenanjung Malaysia dan Sarawak. Responden kajian ini seramai 1,011 belia, yang berumur dalam lingkungan 18 hingga 25 tahun. Kategori umur ini juga termasuk dalam golongan remaja tahap akhir iaitu antara 17 hingga 21 tahun, manakala dewasa tahap awal antara 21 hingga 40 tahun. Pemilihan responden dalam kajian ini adalah sangat bersesuaian dengan matlamat kajian ini iaitu mengetahui dan mengenalpasti pola pemikiran dan tahap semangat nasionalisme serta cintakan tanah air di kalangan belia. Kajian ini dijalankan di tujuh (7) buah negeri iaitu, berdasarkan zon yang terdapat di Malaysia iaitu:

- a. Zon Timur: 400 responden.
- b. Zon Utara: 200 responden.
- c. Zon Tengah: 300 responden.
- d. Zon Selatan: 99 responden.
- e. Zon Sarawak: 200 responden.

#### ***Pengumpulan Data***

Konsep pengumpulan data penyelidikan ini berhubungan dengan maklumat tahap cinta kepada tanah air di kalangan belia di Malaysia. Aturcara dalam pengumpulan data adalah seperti berikut:

1. Penyelidik membina borang selidik untuk mengenalpasti tahap patriotisme di kalangan belia.
2. Penyelidik menjalankan kajian rintis untuk mengenalpasti tahap *validity* dan *reliability* borang selidik yang akan digunakan dalam pengumpulan data. Kajian rintis juga telah dilakukan di Kelantan.
3. Penyelidik menambah baik borang selidik yang akan digunakan dalam penyelidikan berdasarkan hasil kajian rintis mengenai patriotisme.
4. Penyelidik menghubungi rakan-rakan daripada universiti yang akan menjadi tempat kajian ini bagi tujuan mempermudahkan proses dan keizinan untuk pengumpulan data.
5. Pengumpulan data dilakukan di universiti-universiti yang terpilih dan responden kajian adalah mahasiswa/mahasiswi dalam kategori belia.
6. Pengumpulan data dilakukan selama lebih kurang 2 bulan.
7. Hasil kajian dianalisis menggunakan SPSS.
8. Perbincangan hasil kajian dan penulisan laporan akhir.

### ***Analisis Data Kajian***

Data yang diperolehi akan dianalisis menggunakan SPSS dengan kaedah deskriptif, *Exploratory Factor Analysis* (EFA), *Confrimatory Factor Analysis* (CFA) dan *Structural Equation Modeling* (SEM). Hasil analisis statistik juga akan menghasilkan pemetaan model Sikap Cintakan Tanah Air di kalangan belia di Malaysia.

### ***Ringkasan Dapatan***

#### ***Analisis Deskriptif***

Jadual 1 menunjukkan profil sosio-demografi daripada 1011 responden yang telah terpilih untuk menjawab soalan kaji selidik mengenai patriotisme. Jadual tersebut menunjukkan responden lelaki (31.5%) dan wanita (68.5%) mewakili peratusan bagi jantina. Berdasarkan kepada status setiap responden, dapat diperhatikan bahawa majoriti responden iaitu 98.5% adalah bujang, manakala hanya 1.5% yang sudah berkahwin. Selain itu, majoriti responden adalah berbangsa Melayu (75.1%), diikuti oleh Cina dan lain-lain bangsa yang menunjukkan jumlah sebanyak 12.8% dan 7.6% masing-masing, 4.5% daripada responden pula adalah berbangsa India.

**Jadual 1: Maklumat Demografi Responden**

<b>Maklumat Demografi Responden</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratusan (%)</b>
<b>Jantina</b>		
Lelaki	318	31.5
Perempuan	693	68.5
<b>Status</b>		
Bujang	996	98.5
Berkahwin	15	1.5

---

**Bangsa**

Melayu	759	75.1
Cina	129	12.8
India	46	4.5
Lain-lain	77	7.6

---

***Exploratory Factor Analysis (EFA)***

Pada peringkat awal, *Exploratory Factor Analysis* (EFA) dilakukan untuk mendedahkan struktur pendam (*latent*) atau dimensi satu set pembolehubah. Ia mengurangkan sifat ruang daripada nombor yang lebih besar daripada pembolehubah dengan bilangan faktor yang lebih kecil. Kemudian, kajian diteruskan dengan *Confirmatory Factor Analysis* (CFA) untuk menguji sama ada ukuran konstruk adalah konsisten dengan persefahaman kajian dalam setiap konstruk kajian. Jadual 2 menunjukkan keputusan analisis *Measure of Sampling Adequacy*. Berdasarkan keputusan tersebut, nilai Kaiser-Mayer-Olkin (KMO) untuk semua pembolehubah melebihi nilai yang disarankan iaitu 0.6 (Kaiser, 1974) dan *Bartlett's test of sphericity* adalah signifikan (*p-value* < 0.05). Kedua-dua keputusan KMO dan Bartlett's test menunjukkan bahawa data ini adalah sesuai untuk diuji dengan menggunakan proses *Exploratory Factor Analysis* (EFA).

**Jadual 2: Keputusan Analisis Measure of Sampling Adequacy**


---

Konstruk	<i>Kaiser-Mayer-Olkin Measure of Sampling Adequacy</i>	<i>Bartlett's Test of Sphericity</i>		
		<i>Approx. Chi-Square</i>	Df	Sig.
Patriotisme	0.686	557.433	128	0.000

---

Jadual 3 di bawah ini menunjukkan nilai faktor *loading* menggunakan *Varimax Rotation* melalui proses pemfaktoran untuk semua konstruk dalam kajian ini. Konstruk Patriotisme yang mempunyai 18 item pengukuran telah terbahagi kepada enam faktor melalui proses EFA iaitu proses pemfaktoran. Faktor-faktor yang terbina ini diberi nama Lagu Kebangsaan, Lambang Negara, Sokongan Program Kerajaan, Produk dalam Negeri, Bendera Negara dan Pendidikan Patriotisme.

**Jadual 3: Nilai Faktor Loading Untuk Patriotisme Menggunakan Varimax Rotation**

Faktor	Sub-faktor	Item	Factor Loadings	Rotation sum of squared loadings (Eigenvalues)
Patriotisme	Lagu	C1_4	0.632	1.259
	Kebangsaan	C1_3	0.591	
		C1_2	0.651	
	Lambang Negara	C2_4	0.720	1.315
		C2_2	0.630	
	Sokongan	C5_5	0.632	1.259
	Program	C5_3	0.595	
	Kerajaan	C5_2	0.713	
	Produk dalam Negeri	C3_2	0.722	1.315
		C3_3	0.621	
		C3_5	0.673	
		C3_6	0.714	
Bendera Negara	Bendera Negara	C4_2	0.631	1.220
		C4_3	0.599	
		C4_5	0.725	
	Pendidikan Patriotisme	C7_3	0.608	1.810
		C7_2	0.659	
		C7_1	0.781	

#### ***Reliability Analysis***

*Reliability analysis* telah dilakukan untuk menguji tahap konsisten dalam setiap konstruk Patriotisme yang terlibat dalam kajian ini. Apabila nilai Cronbach Alpha lebih tinggi, maka kebolehpercayaan terhadap instrumen bagi setiap faktor adalah lebih dipercayai. Menurut Hair *et al.*, (1998), peraturan ibu jari untuk nilai Cronbach Alpha adalah melebihi 0.6. Sementara itu, nilai Cronbach Alpha 0.7 atau yang lebih tinggi dianggap boleh diterima untuk *Structural Equation Modeling* (SEM) (Zainuddin, 2010). Keputusan dalam Jadual 4 menunjukkan bahawa *Reliability Test* bagi kajian ini adalah dipercayai kerana nilai Cronbach Alpha adalah antara 0.590-0.891.

### **Jadual 4: Reliability Test**

<b>Faktor</b>	<b>Sub-faktor</b>	<b>No of items</b>	<b>Cronbach's Alpha</b>
Patriotisme	Pendidikan Patriotisme	3	0.771
	Bendera Negara	3	0.770
	Lagu Kebangsaan	3	0.713
	Produk dalam Negeri	4	0.815
	Lambang Negara	2	0.592
	Sokongan Program Kerajaan	3	0.590

#### ***Mengkaji Andaian bagi Structural Equation Modeling (SEM)***

Kajian ini perlu mengkaji taburan data kerana andaian yang diperlukan untuk membentuk model menggunakan *Structural Equation Modeling* adalah data yang bertaburan normal, tiada data yang hilang dan titik terpencil bagi data yang tidak ketara.

#### ***Mengkaji Kenormalan Data***

Dalam penilaian kenormalan, kajian perlu memerhatikan dua kriteria iaitu ukuran kepencongan dan kurtosis multivariat. Kajian mendapati bahawa kebanyakan nilai-nilai kepencongan adalah di antara -1 hingga 1 yang menunjukkan bahawa taburan data bagi setiap faktor tidak menyimpang daripada normal. Kemudian, andaian kenormalan multivariat adalah baik kerana nilai kurtosis multivariat atau statistik Mardia adalah lebih rendah daripada 50. Jadi, data bagi kajian ini adalah bertaburan normal.

#### ***Missing Data***

Pembentukan model menggunakan SEM tidak sesuai dilakukan dengan menggunakan data yang terdapat missing data (data hilang) dalam set data. Berdasarkan keputusan SPSS, kajian menunjukkan bahawa tidak ada data yang hilang untuk semua item masing-masing.

#### ***Outliers***

Kajian ini juga perlu untuk memeriksa titik terpencil dan memadam sebilangan titik terpencil melampau dalam set data. Kajian mendapati bahawa kebanyakan semua nilai p1 adalah lebih daripada 0.001 yang menunjukkan bahawa pemerhatian ini bukan satu titik terpencil. Mahalanobis jarak juga menunjukkan bahawa tidak ada titik terpencil serius dalam set data.

#### ***Confirmatory Factor Analysis (CFA)***

Terdapat dua kaedah dalam menjalankan prosedur CFA. Kaedah pertama adalah untuk menjalankan prosedur CFA bagi setiap konstruk terpendam yang terlibat dalam kajian (model pengukuran). Kaedah kedua adalah untuk menjalankan

prosedur CFA dengan membina struktur gabungan (model struktur). Dalam kedua-dua kaedah, penilaian model pengukuran kesahan dan kebolehpercayaan perlu dilakukan sebelum membentuk model struktur. Akhir-akhir ini, kaedah yang lebih cekap adalah menilai model pengukuran yang telah dibangunkan. Kaedah ini menggabungkan semua konstruk latent dalam satu pengukuran untuk melaksanakan CFA. Proses pengguguran item dibuat dari sini. Kaedah ini lebih digemari kerana ia boleh menyelesaikan isu masalah pengenalan model (Kline, 1998; Zainudin, 2010).

Prosedur CFA adalah menghubungkan semua konstruk *latent exogenous* bersama-sama untuk memeriksa sama ada konstruk ini berkait rapat atau tidak. Sekali lagi, secara kaedah statistik, konstruk *exogenous* harus tiada kaitan antara satu sama lain. Jika tidak, masalah *multicollinearity* akan wujud. Dalam kes di mana ukuran korelasi antara kedua-dua konstruk luaran adalah lebih tinggi daripada 0.85, ini menunjukkan bahawa kesahihan diskriminan tidak dicapai untuk model pengukuran ini (Zainudin, 2010).


#### ***Pembangunan dan penilaian peringkat pertama bagi pengukuran model***

Bahagian ini membincangkan pengenalan model, penganggaran model dan ujian *goodness of fit* yang patut dilaksanakan dalam mencari model terbaik bagi peringkat pertama pengukuran, pringkat kedua model pengukuran dan model struktur keseluruhan. Keputusan CFA setiap model pengukuran yang menunjukkan *factor loadings*, *squared multiple correlations* dan *covariances* untuk model pengukuran peringkat pertama dibentangkan dalam Rajah 1 hingga Rajah 2. Ini merupakan model pengukuran hipotesis awal.

Rajah 1 menunjukkan model pengukuran peringkat pertama bagi konstruk Nasionalisme. Keputusan penilaian berdasarkan *fitness indices* dibentangkan dalam Jadual 5. Model pengukuran peringkat pertama adalah bina berdasarkan keputusan EFA yang mempunyai faktor muatan 0.6 dan ke atas di mana konstruk Patriotisme terbahagi kepada enam kumpulan iaitu Pendidikan Patriotisme, Bendera Negara, Lagu Kebangsaan, Produk dalam Negeri, Lambang Negara dan Sokongan pada Program Kerajaan. Konstruk Pendidikan Patriotisme pada awalnya mempunyai tiga item di mana, ketiga-tiga item tersebut dapat dikekalkan kerana mempunyai nilai *factor loading* yang disarankan iaitu melebihi 0.6. Seterusnya, konstruk Lambang Negara mempunyai tiga item pada awalnya tetapi hanya C2\_4 dan C2\_2 yang dikekalkan kerana nilai *factor loading* menghampiri nilai yang dikehendaki manakala C2\_3 mempunyai nilai *factor loading* yang amat rendah dan agak ketinggalan jauh di belakang iaitu 0.03. Item bagi konstruk Sokongan terhadap Program Kerajaan pula pada awalnya terdiri daripada empat item. Namun, hanya satu item terpaksa dibuang daripada konstruk ini kerana mempunyai *factor loading* yang amat rendah berbanding item yang dikekalkan iaitu -0.2.

Bagi konstruk Produk dalam Negeri pula pada awalnya terdiri daripada tujuh item. Namun, hanya empat item yang berjaya dikekalkan iaitu item C3\_2, C3\_3, C3\_5 dan C3\_6 kerana masing-masing mempunyai nilai *factor loading* melebihi nilai yang disarankan iaitu 0.6. Seterusnya, konstruk Bendera Negara pada awalnya terdiri daripada empat item. Tiga item dapat dikekalkan manakala satu item terpaksa digugurkan. Ini kerana item C4\_4 mempunyai nilai *factor loading* yang paling rendah iaitu 0.36 berbanding item-item yang lain. Konstruk terakhir dalam Patriotisme adalah Pendidikan Patriotisme. Pada awalnya, terdapat tiga item dan ketiga-tiga item ini dikekalkan dalam konstruk kerana nilai *factor loading* masing-masing tidak terlampaui jauh antara satu sama lain dan menghampiri 0.6. Jadual 5 menunjukkan ringkasan *Fitness Indices* bagi Model Pengukuran peringkat pertama bagi Patriotisme. Setelah item yang tidak memberi kesan kepada setiap faktor bagi Patriotisme, maka nilai *fitness indices* bagi model ini adalah semakin memuaskan iaitu nilai pada model akhir bagi peringkat pertama ini. Oleh itu, kajian ini menunjukkan bahawa model pengukuran peringkat pertama untuk Patriotisme setelah diambil kira pengubahsuaihan dari segi pengguguran item yang tidak memberi kepentingan kepada konstruk Patriotisme adalah seperti Rajah 5 di bawah.


**Jadual 5: Ringkasan *Fitness Indices* Model Pengukuran Peringkat Pertama bagi Patriotisme**



Rajah 1: Penilaian Peringkat Pertama bagi Pengukuran Model Patriotisme

#### *Pembangunan dan Penilaian Peringkat Kedua Bagi Pengukuran Model*

Jenis kedua model disiasat dalam rangka sampel tunggal adalah model pengukuran peringkat kedua di mana terdiri daripada empat model yang akan dibincangkan.



Rajah 2: Penilaian Peringkat Kedua bagi Pengukuran Model Patriotisme

Fitness Indexes  
 $\text{Chi}^2 = 886.354$   
 $\text{df} = 128$   
 $\text{Chi}^2/\text{df} = 5.354$   
 $\text{GFI} = .927$   
 $\text{AGFI} = .902$   
 $\text{CFI} = .902$   
 $\text{RMSEA} = .066$

***Keputusan ujian hipotesis menggunakan Structural Equation Modeling***

Bahagian ini mengkaji hubungan antara Patriotisme terhadap Sikap Cinta Tanah Air dalam kalangan belia di Malaysia. Jadual 6 menunjukkan standardized regression weights bersama nilai anggaran dan nilai signifikan pengukuran model Patriotisme. Keputusan menunjukkan, hanya satu sub-faktor yang tidak signifikan iaitu Lambang Negara dengan nilai signifikan  $0.279 > 0.05$ . Namun, kesemua sub-faktor yang lain masing-masing adalah signifikan terhadap Patriotisme. Beberapa perbincangan mengenai hipotesis yang diuji adalah seperti berikut:

***H1(b): Terdapat hubungan yang signifikan antara Lagu Kebangsaan, Lambang Negara, Sokongan terhadap Program Kerajaan, Produk dalam Negeri, Bendera Negara dan Pendidikan Patriotisme***

Selpas melakukan EFA dan CFA analisis, keputusan menunjukkan bahawa perasaan Lagu Negara, Lambang Negara, Sokongan Program Kerajaan, Produk dalam Negeri, Bendera Negara dan Pendidikan Patriotisme adalah komponen kepada konstruk Patriotisme. Namun, keputusan bagi model akhir Cinta Tanah Air menunjukkan hanya empat sub-faktor atau komponen ini adalah berhubungan secara positif dan satu subfaktor yang berhubungan secara negatif dan signifikan ( $p\text{-value} < 0.05$ ) terhadap konstruk Patriotisme. Manakala, Lambang Negara tidak mempengaruhi semangat Patriotisme dalam kalangan belia di Malaysia kerana tidak signifikan dengan nilai  $0.279$  di mana ( $p\text{-value}>0.05$ ). Lambang Negara juga tidak signifikan kerana ia tidak melibatkan sesuatu aktiviti tetapi difahami sebagai sebuah lambang atau Jata Negara.

Lagu Kebangsaan memainkan peranan yang paling penting dan mempengaruhi semangat Patriotisme kerana mempunyai nilai jangkaan atau anggaran yang tinggi ( $\beta = 0.944$ ). Oleh itu, hipotesis yang dicadangkan adalah disokong kerana sekurang-kurangnya terdapat satu atau lebih sub-faktor atau komponen yang signifikan.

**Jadual 6: Keputusan Standardized Regression Weight dan Nilai Signifikan bagi Konstruk Nasionalisme dan Patriotisme**

Konstruk	Laluan	Sub-faktor	Estimate ( $\beta$ )	S.E.	C.R.	P
Patriotisme	-->	Lagu Kebangsaan	0.944	0.085	14.323	***
	-->	Lambang Negara	0.095	0.102	1.083	0.279
	-->	Sokongan Program Kerajaan	-0.254	0.060	-5.353	***
	-->	Produk dalam Negeri	0.542	0.088	12.278	***

-->	Bendera Negara	0.909	0.099	13.874	***
-->	Pendidikan Patriotisme	0.682	0.105	14.102	***

\*\*\* menunjukkan nilai signifikan yang tinggi p-value<0.001

\*\* menunjukkan nilai signifikan yang tinggi p-value<0.05

## **KESIMPULAN**

Kajian yang dijalankan mendapati bahawa lagu kebangsaan dan bendera negara dapat menubuhkan dan meningkatkan semangat patriotisme di kalangan belia di Malaysia. Semua responden kajian ini bersetuju bahawa lagu kebangsaan dan bendera negara dapat meningkatkan semangat patriotisme dalam diri mereka, hal ini disebabkan lagu kebangsaan dan bendera negara merupakan lambang identiti dan maruah rakyat Malaysia. Ianya menunjukkan jati diri sebagai sebuah masyarakat yang berdaulat dan bermaruah.

Para belia di Malaysia memiliki kesedaran dan pemahaman tentang perkara ini, hal tersebut direalisasikan dengan wujudnya penghargaan dan penerimaan terhadap lagu kebangsaan dan bendera negara yang menjadi jiwa dan identiti mereka sebagai rakyat Malaysia. Kehadiran lagu kebangsaan dan bendera negara dalam suatu acara atau peristiwa tertentu: pertandingan sukan, mampu membangkitkan emosi dan semangat patriotisme dalam kalangan belia di Malaysia. Hasil kajian ini juga mendapati bahawa lambang negara, penggunaan produk tempatan, sokongan terhadap program anjuran kerajaan dan pendidikan patriotisme yang dianjurkan oleh agensi kerajaan mahupun swasta kurang membangkitkan semangat patriotisme dalam diri belia di Malaysia berbanding lagu kebangsaan dan bendera negara. Hal ini disebabkan ia tidak menyentuh dan membangkitkan emosi belia kerana perkara-perkara tersebut tidak berhubungan dengan hal-hal yang bersifat heroik dan emosional contohnya digunakan dalam pertandingan sukan yang melibatkan negara lain. Kebanyakan pertandingan sukan yang melibatkan penyertaan antarabangsa kurang menggunakan lambang negara. Hal ini menyebabkan lambang negara kurang mampu untuk membangkitkan emosi di kalangan belia di Malaysia berbanding dengan penggunaan bendera negara.

Penggunaan produk tempatan juga kurang berjaya meningkatkan semangat patriotisme di kalangan belia di Malaysia. Penggunaan produk tempatan lebih memberi kesan kepada perasaan cintakan tanah air berbanding semangat patriotisme. Sokongan kepada program patriotisme anjuran kerajaan dan swasta serta pendidikan patriotisme yang dijalankan oleh pihak kerajaan dan swasta juga tidak berjaya membangkitkan semangat patriotisme di kalangan belia di Malaysia. Hal ini disebabkan program-program tersebut lebih besifat kognitif sehingga memberi

kesan kepada minda belia berbanding kepada emosi mereka. Akibatnya program-program ini tidak dapat menyentuh emosi mereka sehingga tidak membangkitkan semangat patriotisme dalam kalangan belia. Daripada hasil kajian yang dijalankan dapat disimpulkan bahawa lagu kebangsaan dan bendera negara mampu menyemai dan membangkitkan semangat patriotisme di kalangan belia di Malaysia.

## RUJUKAN

- Abdul Latiff, A. B., & Mohd Yusof, H., Wan Zaidah, W. Y., & Asiah, A. R. (2012). *Jati Diri dan Patriotisme: Teras Peradaban Bangsa*. Siri Penyelidikan dan Penerbitan Institut Peradaban Melayu Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdul Rahman, H. I. (1995). Nasionalisme Melayu dan Nasionalisme Melayu Setanah Melayu : Satu Perbincangan Tentang Soal Permulaannya. Dlm. Abu Talib Ahmad dan Cheh Boon Kheng (pnyt.). *Isu-Isu Pensejarahan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Ahmad Fawzi, M. B. (2002). Patriotisme dan Ketahanan Nasional: Suatu Pandangan tentang Kesignifikannya Sebagai Agenda Negara. Kertas Kerja dibentangkan di Kongres Patriotisme Negara, di Institut Latihan keselamatan Sosial KWSP, anjuran Biro Tatanegara dan Universiti Utara malaysia, Bangi pada 22 - 28 Oktober 2002.
- Ahmad, S. P. M., Sulhairil, H. H. S., Muhammad, F. O., Mohd, A. C. J. Y., Hudrus, H. (2011). Patriotism Dilemma Among Malaysian Youth: Between Strategy And Reality. *International Journal of Business and Social Science*, 2(16).
- Agensi Antidadah Kebangsaan. (2011). Laporan dadah bulan disember 2011.
- Ahmad, A. R. (2002). Permasalahan Pelaksanaan Unsur Patriotisme Dalam Mata pelajaran Kajian Tempatan: Punca Daripada Guru Sendiri. Alor Setar: Institut Penguruan Darulaman.
- Azizan, B., Tuan Muhammad, Z. T. S. & Noriah, M. (2007). Permasalahan Sosial Remaja Belia: Usaha Menanganinya Melalui Pendekatan Kerja Komuniti.
- Cik Siti Azizah, A. (2002). Dasar Pertahanan Negara dan Patriotisme. Kertas Kerja dibentangkan di Kongres Patriotisme Negara, di Institut Latihan keselamatan Sosial KWSP, anjuran Biro Tatanegara dan Universiti Utara malaysia, Bangi pada 22 - 28 Oktober 2002.
- Dahlia. (2011). Pemboleh Ubah Bersandar, Tidak Bersandar, Moderator, Intervensi. Diperoleh dari <http://www.cikgudahlia.com/2011/09/pemboleh-ubah-variables-bersandar-tidak.html>.
- David, A. (1999). Should We Teach Patriotism? (157-173): *Netherlands*. Kluwer Academic Publishers.
- Erikson, E. H. (1968). *Identity, Youth And Crisis*. New York: W.W. Norton Company.

- Ezhar Tamam. (2006). Relationship Of Exposure To Public Affairs News With Cognitive, Attitudinal And Behavioural Dimensions Of Ethnic Tolerance Among Malaysian Youths. *Kajian Malaysia*, 24 (1 & 2).171-184.
- Fahda Nur, A.K. (1995). Semangat Patriotisme di Kalangan Remaja. Dewan Siswa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fairbrother, G. P. (2005). Raising A New Generation Of Patriots: Patriotism In Eyes Of Chinese Education And Students (GIS Working Paper No.14) Hong Kong Baptist University, Department of Government and International Studies.
- Gay, L., Mills, G., & Airasian, P. (2006). *Educational Research: Competencies For Analysis And Application* (8th ed.). New York: Prentice Hall.
- Hughes, H., & Deutsch, R. (2010). Holidays Of Older Gay Men: Age Or Sexual Orientation As Decisive Factors? *Tourism Management*. 31(1), 454- 463.
- Ibrahim, S. (1980). Competing Identities in a Plural Society. Singapore: The Institute of South East Asian Studies.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1994). Buku Panduan Program Pengukuhan Pemupukan Patriotisme Sekolah Rendah.
- Kita Lawan. (2015). Diperoleh 30 Julai 2015 dari <https://www.malaysiakini.com/news/306740>
- Ku Hasnita, K. S., & Mohd Haizam, M. N. (2011). Semangat Patriotisme Dalam Kalangan Mahasiswa Bukan Melayu di Institusi Pengajian Tinggi, Sekitar Lembah Kelang. *Jurnal Akademika*, 75, 85-100.
- Mohamed Mustafa, I. (2006). Tun Dr. Mahathir Ant The Notion Of “Bangsa Malaysia” *Journal Of International Studies*. Universiti Utara Malaysia.
- Nathanson, S. (1993). Patriotism, Morality, and Peace, Lanham: Rowman & Littlefield.
- Nazrim, M., & Jamsari, A. (2004). Patriotisme: Konsep Dan Pelaksanaannya Di Malaysia.
- Nordin Kardi. (2003). Konsep Patriotisme. Diperoleh dari <http://www.btn.gov.my/>
- Rizal, U. (2002). Nilai-Nilai Kewarganegaraan di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Tinggi Kajang. Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan: UKM.
- Robiah, S., & Zahara, A. (1992). Pendidikan Sivik Sejak Merdeka - Satu Penilaian dalam Jaffar dan Hazami Habib. Isu-Isu Dalam Pendidikan Sivik. Kamarudin Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Said, K. M. (2004). 500 Tahun Melayu menghadapi Cabaran. Cerdik Publications Sdn Bhd.

- Saifuddin, A. (12 Januari 2007). Perspektif: Pendidikan Seiring Patriotisme: The New Straits Times Press (M) Berhad.
- Saifuddin, A. (2005). Patriotisme Alaf Baru: Dari Semangat kepada Khidmat. Belia dan Patriotisme Malaysia. Dlm Hussain Mohamed. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP).
- Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad. (2009). Patriotisme kemandirian kita. Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Tajul Ariffin, N. (1985). Kedudukan Pengajaran dan Pembelajaran Masa Kini dalam Konteks Pendidikan Kewarganegaraan dalam Adnan Haji Nawang. Pendidikan dan Kewarganegaraan di Malaysia. Kuala Lumpur: Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung.
- Utusan Online. (2007). Lucutkan Kerakyatan Meng Chee. Diperoleh dari [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0821&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Forum&pg=fo\\_02.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0821&pub=Utusan_Malaysia&sec=Forum&pg=fo_02.htm).
- V. Thilagavati, G. (1999). Genesis Autograf Sejarah Melayu. *Jebat: Jurnal Sejarah Malaysia, Politik dan Kajian Strategik*, 26, 101-109.
- Wan Zahid, W. N. (1993). Wawasan Pendidikan: Agenda Pengisian. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Weichselbaumer, D. (2012). Sex, Romance And The Carnivalesque Between Female Tourists And Caribbean Men. *Tourism Management*, 33, 1220-1229.
- World Youth Plan. (1995). World Program of Action of Youth: Adopted by the United Nations General Assembly.
- United Nation, New York (2002). Youth in Malaysia: A Review of the youth situation and National Policies and Programme. Diperoleh 15 Julai 2015 dari [www.unescap.org/esid/hds/youth/youth\\_malaysia.pdf](http://www.unescap.org/esid/hds/youth/youth_malaysia.pdf).
- Zahara, A. (1985). Pengajaran Sivik Sebagai Alat Menanamkan Semangat Cintakan Negara. Pusat Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Zahari, Y., Meer Zhar, F.A. R., & Muhammad Shukri, S. (2006). Persepsi Patriotisme di Kalangan Mahasiswa Tinjauan dari Sudut Pemikiran Mahasiswa High Achievers.

***Profil Penulis:******Yohan Kurniawan***

*Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah  
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)  
yohan@umk.edu.my*

***Noor Raihani Bt Zainol***

*Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan  
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)  
raihani@umk.edu.my*

***Nursalihah Bt Ahmad Raston***

*Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan  
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)  
Nursalihah.ar@umk.edu.my*

***Hishamuddin Md Som***

*Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan  
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)  
hmdsom1@gmail.com*

***Zainai Bin Mohamed***

*UTM Razak School of Engineering & Advance Technology  
Zainai.kl@utm.my*

## PENGAMALAN NILAI PATRIOTISME BELIA DI SABAH

SARJIT S. GILL, AHMAD TARMIZI TALIB & MOHD RAHIMI RAMLI

### ABSTRAK

*Proses pembentukan negara bangsa semakin sukar tanpa melibatkan perkongsian nilai patriotisme dalam masyarakat berbilang budaya dan agama seperti Malaysia. Perkongsian nilai patriotisme yang tidak meletakkan prasyarat identiti etnik dan agama sebagai batas persamaan pasti mampu membentuk identiti individu yang lebih baik. Oleh itu, makalah ini memberi tumpuan untuk menilai perkongsian pengamalan nilai patriotisme sebagai suatu identiti kenegaraan. Namun, belia Malaysia yang lebih mudah mengalami krisis identiti sering dikaitkan dengan hakisan nilai patriotisme dalam kehidupan harian mereka. Kajian ini mengambil kira aspek kepentingan Perlembagaan Malaysia dan ideologi nasional, iaitu Rukun Negara yang melibatkan 429 orang responden di Sabah. Data dikumpul melalui penggunaan soal selidik. Hasil kajian mendapati majoriti belia di Sabah mempunyai tahap pengamalan patriotisme yang tinggi, iaitu 50.1%. Namun, dengan tahap penglibatan belia yang sederhana maka pelbagai program pembangunan kapasiti amat diperlukan bagi membentuk identiti kolektif dalam kalangan komuniti belia di Sabah. Hal ini kerana perkongsian pengamalan nilai patriotisme secara kolektif adalah penting untuk pembinaan negara-bangsa di Malaysia*

**Kata Kunci:** Nilai Patriotisme, Belia, Negara-Bangsa, Sabah

### ABSTRACT

*The formation process of nation-state is increasingly difficult without shared patriotism in a multi-cultural and multi-religious society such as Malaysia. Shared patriotism that does not impose on ethnic and religious identity as preconditions for togetherness and similarities will develop better individual identity. Therefore, this paper sought to examine the practice of shared patriotism as nationhood identity. However, Malaysian youth were more likely to experience identity crises which often associated them with the decline of patriotism in their everyday life. This study examined the importance of Malaysia Constitution and Rukun Negara as a national ideology which involved 429 respondents in Sabah. Data was collected using questionnaires. The findings showed that the majority of youth had high level of patriotism, ie 50.1%. However, with a moderate level of youth involvement, various capacity building program is needed to develop collective identity among the youth in Sabah. This is due to the fact that the practice of shared collective patriotism is important in building the nation-state in Malaysia.*

**Keywords:** Patriotism Values, Youth, Nation-State, Sabah

## PENGENALAN

Patriotisme dirujuk sebagai perasaan cinta akan negara (Daniel Druckman, 1994; Hand, 2011; Jan-Werner Muller, 2006, 2007). Namun, ukuran manifestasi perasaan cinta sukar untuk ditafsirkan tanpa menilai dari sudut nilai-nilai yang mendokong perasaan cinta akan negara (Nazri Muslim & Jamsari Alias, 2004). Nilai-nilai tersebut ialah kebanggaan, kesetiaan, pengorbanan, kekitaan, berdisiplin, serta berusaha dan produktif. Patriotisme ini penting untuk menggambarkan perasaan dan tindakan setiap warganegara terhadap perkara yang bersangkutan dengan negara. Malah dengan adanya nilai patriotisme yang dikongsikan bersama oleh setiap warganegara tanpa melibatkan sempadan perbezaan etnik, agama dan kenegerian, usaha untuk membina bangsa Malaysia yang bersatu padu menjadi lebih mudah.

Namun patriotisme hari ini berbeza kerana pengorbanan pada era pasca kemerdekaan warganegara tidak lagi dituntut untuk berkorban di medan peperangan tetapi pengorbanan membantu negara dalam segala hal yang menuntut penglibatan warganegara untuk turut terlibat. Baru-baru ini timbul tuntutan penglibatan sebagai pengorbanan yang diutarakan oleh Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah ketika Istiadat Pentauliahan Diraja Pegawai Kadet Palapes pada 20 Ogos 2016 (Utusan.com, 2016) berkaitan dengan penghargaan pengorbanan yang dilakukan oleh bekas tentera. Sokongan yang kurang terhadap sumbangan kepada tabung pahlawan yang dilihat dari kaca mata penulis sebagai satu ruang pengorbanan yang perlu diisi oleh setiap warganegara yang berkemampuan. Namun, disebabkan kurangnya tahap penglibatan terhadap aspek itu memungkinkan sambutannya tidak menggalakkan. Dalam hal ini ciri patriotisme yang bersifat membangunkan negara perlu ditanam dalam diri masyarakat terutama golongan belia sebagai acuan membina bangsa Malaysia.

Malah, generasi muda yang terdedah dengan pelbagai media sosial baharu mulai mengalami cabaran hakisan semangat patriotisme. Jika keadaan ini berlaku, usaha untuk merealisasikan pembinaan bangsa Malaysia menjelang tahun 2020 sedikit sukar. Tambahan pula, bentuk manifestasi patriotisme sering berubah mengikut peredaran zaman, tempat, keadaan dan pandangan sarjana (Khoo Kay Kim, 2005; Saifuddin Abdullah, 2005; Samuel P. Huntington, 2008). Walaupun, patriotisme sememangnya digambarkan sebagai nilai positif, namun terdapat juga golongan tertentu memberi pengertian bertentangan dengan alasan masing-masing (Ku Hasnita Ku Samsu, 2014).

Jika dilihat terhadap sejarah penyertaan Sabah dalam dalam Persekutuan Tanah Melayu pada 16 September 1963, selepas mendapat sokongan majoriti masyarakat di Sabah, penyertaan tersebut berlandaskan kepada tuntutan 20 Perkara sebagai perjanjian jaminan terhadap masyarakat di Sabah (Azizah Kasim, 2009). Walau bagaimanapun, perjanjian yang terkandung dalam 20 Perkara tersebut sering dibangkitkan. Malah akibat daripada ketidakpuasan hati terhadap jaminan hak masyarakat Sabah dalam Perkara 20 tersebut, telah mengakibatkan tercetusnya

idea yang memperlihatkan suatu tindakan yang tidak patriotik. Hal ini kerana terdapat tindakan segelintir pihak tertentu di Sabah ingin membawa “Sabah keluar Malaysia” sering timbul akibat ketidakpuasan hati mereka (Catherine Allerton, 2014; Kasmila A, 1980; Mohammad Agus Yusof, 2002; Nidzam Sulaiman et al., 2017; Zaini Othman, 2010). Walaupun, isu ini pada asalnya menjurus kepada isu federalisme namun tindakan tidak berpuas hati sehingga tercetus idea “keluar Malaysia” memperlihatkan tindakan yang tidak patriotik kerana idea untuk keluar itu bertentangan dengan Perlembagaan dan prinsip Rukun Negara. Hal ini kerana salah satu ciri patriotisme adalah merujuk kepada perasaan kesetiaan kepada negara (Abdul Latiff Abu Bakar, 2012), tindakan yang berlandaskan kepada Perlembagaan dan prinsip Rukun Negara (Sivamurugan Pandian & Ronald Kiandee, 2016) serta kesetiaan bukan sahaja kepada wilayah tetapi juga kepada sistem politik sesebuah negara (Samuel P. Huntington, 2008). Namun, persoalannya, adakah tindakan ini merupakan suatu tindakan yang terlahir dari nilai patriotik yang rendah dalam kalangan belia di Sabah atau sekadar bentuk bantahan ketidakpuasan hati semata-mata? Tomohan ini sukar dijawab tanpa melakukan kajian kerana generasi muda berkemungkinan mempunyai cara tersendiri untuk mengekspresikan nilai patriotisme (Lee Kuok Tiung, 2016).

Dalam isu yang lain, terdapat juga tindakan berkerjasama atas alasan hubungan kekeluargaan sehingga membelaangi keselamatan dan kedaulatan negara turut menimbulkan persoalan patriotisme masyarakat di Sabah. Hal ini kerana Wan Shawaluddin Wan Hassan & Ramli Dollah (2013) menjelaskan isu kedatangan pendatang tanpa izin terutama pendatang dari Filipina bukanlah sesuatu yang baru. Kehadiran mereka bukan sahaja disebabkan oleh faktor ekonomi, politik dan persamaan yang hampir sama dalam aspek bahasa dan budaya dengan masyarakat Suluk dan Bajau di Malaysia, namun faktor kekeluargaan turut menyumbang kepada kehadiran mereka. Faktor kekeluargaan ini menyebabkan seseorang individu perlu memilih keutamaan antara keluarga atau negara. Keutamaan terhadap hubungan keluarga bukanlah suatu tindakan yang salah, tetapi apabila keutamaan ini boleh menyebabkan kedaulatan negara tergugat, maka persoalan patriotisme perlu dibangkitkan. Oleh itu, apabila masyarakat di Sabah terpalit dengan isu yang memperlihatkan tindakan kurang patriotik sukar untuk dipastikan kerana kekangan kajian patriotisme di Sabah yang masih terhad.

Selain pada itu, nilai yang terdapat dalam diri seseorang individu berbeza disebabkan perbezaan latar belakang (Samuel P. Huntington, 2008). Dengan keadaan belia di Sabah yang terdiri daripada berbilang etnik ini sudah pasti cabarannya berbeza. Jika tanggapan mereka terhadap nilai patriotik ini dilihat bercanggah dengan budaya mereka, nilai tersebut sukar untuk diamalkan. Oleh itu, perbezaan seperti latar belakang etnik ini penting untuk dikaji kerana pengaruhnya tidak boleh dinafikan. Namun, kajian ini hanya meneliti sama ada terdapat jurang perbezaan yang ketara atau sebaliknya berdasarkan skor pengamalan responden. Faktor sama ada nilai tersebut berbeza atau tidak dengan budaya setempat atau budaya etnik

masing-masing tidak dikaji dalam kajian ini. Dengan generasi muda yang lebih teruja untuk melakukan kegiatan yang dianggap ‘tidak bermoral’ oleh segelintir kelompok (Noor Sulastri Yurni Ahmad, 2010) amat sesuai dikaji supaya segala tohmahan yang dilemparkan terhadap golongan belia ini dapat dibuktikan dengan pengamalan nilai patriotisme yang menekankan aspek jati diri yang lebih kuat dan positif. Dapatkan kajian yang melibatkan belia di Sabah ini menjadi bukti tentang keadaan sebenar golongan ini.

Justeru, kajian ini telah meneliti patriotisme di Sabah dalam konteks patriotisme bercirikan warganegara yang berpegang kepada prinsip kenegaraan. Malah patriotisme ini tidak hanya bersifat kenegerian tetapi meletakkan keutamaan kepada negara secara amnya. Kajian patriotisme yang menekankan prinsip kenegaraan sebagai garis sempadan tingkah laku amat berkurang dan terhad. Oleh itu, kajian patriotisme yang mengambil kira soal persoalan patriotisme di Sabah seperti kajian ini dapat membantu pihak berkepentingan untuk melakukan tindakan yang sewajarnya bagi menjamin keutuhan Persekutuan Malaysia.

### ***Kajian Patriotisme***

Konsep patriotisme bukanlah suatu konsep yang baru malah sering dibincangkan dalam pelbagai bidang. Bagi Igor Primoratz & Aleksandar Pavkovic (2007), konsep patriotisme ini sebenarnya merupakan idea dalam bidang politik, iaitu sejak Rom Purba lagi. Namun pada abad kesembilan belas, wacana patriotik mula membincangkan dalam aspek yang lebih luas termasuk perbincangan negara bangsa oleh pengkaji nasionalisme.

Secara umum konsep patriotisme dirujuk sebagai perasaan cinta terhadap tanah air (Nathanson, 1989, 1993; Primoratz, I & Aleksandar Pavkovic, 2007; Simon Keller, 2007; Walter Berns, 1997; Wang & Jia, 2015). Daripada definisi tersebut, konsep patriotisme dikaitkan dengan perasaan dan tingkah laku. Ikatan perasaan seseorang individu atau kumpulan terhadap sesebuah negara diterjemahkan melalui perasaan bangga dan cinta akan negara di samping bersedia untuk berkorban apa-apa sahaja bagi kepentingan negara (Merle Curti, 1946 dan Walter Berns, 1997).

Pengorbanan yang dimaksudkan sebagai nilai patriotisme, bukan hanya merujuk kepada pengorbanan di medan peperangan sahaja, tetapi pengorbanan dengan meletakkan keutamaan kepentingan negara berbanding kepentingan lain. Manakala, kebanggaan bukanlah semata-mata berlegar dalam hati tetapi memerlukan suatu tindakan yang mencerminkan perasaan bangga tersebut. Namun perasaan bangga dan kesediaan untuk berkorban tidak cukup untuk menunjukkan perasaan cinta terhadap negara tanpa mengambil kira aspek kesetiaan terhadap negara dan bangsa sebagai ikatan perasaan (Leonard William Doob, 1964). Daniel Druckman (1994), turut menambah bahawa kesetiaan kepada negara perlu diterjemahkan dengan kognitif, afektif dan tindakan kolektif yang memperlihatkan taat setia kepada negara serta mempunyai perasaan positif sesama warganegara. Oleh itu, patriotisme ini bukan sahaja terhad kepada hubungan seseorang individu atau kumpulan terhadap negara tetapi turut melibatkan hubungan antara rakan senegara.

Menurut Mohd Taib Osman (2004) konsep patriotisme merujuk kepada aspek perasaan dan kognitif terhadap sasarnya seperti identiti negara atau perkara yang bersangkutan dengan negara. Oleh sebab itu, patriotisme tidak boleh dilihat semata-mata kepada tokoh pahlawan atau wira sahaja tetapi tokoh lain seperti penulis dan guru yang tidak kurang penting dan turut mempunyai peranan besar dalam menyedarkan masyarakat terhadap patriotisme. Oleh itu, manifestasi patriotisme tidak terbatas kepada penyertaan badan beruniform sahaja sebagai indikator patriotisme tetapi aspek tingkah laku lain yang memperlihatkan pengamalan berasaskan nilai-nilai patriotisme seperti berbangga, taat setia dan berdisiplin.

Kajian Aziz Ujang *et al.* (2014) mendapati majoriti responden yang dikaji berada pada tahap yang rendah. Dapatan ini turut disokong dengan Hasnah Hussiin *et al.* (2009), yang menyatakan generasi masa kini alpa dan terlupa dengan kesusahan generasi masa lalu, kerana mereka tidak menghayati erti kemerdekaan, tidak faham tentang semangat patriotisme dan semangat cintakan bangsa dan negara. Malah perkara ini merupakan lumrah bagi generasi muda yang lahir selepas kemerdekaan kurang mempunyai semangat patriotik dalam diri mereka (Ahmad Shah Pakeer Mohamed, 2013).

Sementara itu, kajian Haminah Suhaibo (2007), mendapati sebahagian pelajar yang menjadi responden dalam kajiannya memahami sebahagian unsur-unsur patriotisme, kecuali aspek lambang negara, peka terhadap masalah dan isu bangsa dan negara, muhibah, serta mempertahankan dan menjunjung perlembagaan negara. Walau bagaimanapun dalam aspek pengamalan nilai, pelajar kurang mengamalkan nilai ketaatan dan kesetiaan kepada pemimpin, taat, dan setia kepada pemimpin, taat dan setia kepada raja, sebahagian besar unsur disiplin, serta menyokong dan melibatkan diri dalam pembangunan negara. Justeru, keadaan ini memperlihatkan wujud ketidakupayaan pelajar menterjemahkan perkara yang telah difahami berkaitan patriotisme melalui pengamalan sebagai manifestasi patriotisme. Oleh itu, patriotisme yang merupakan satu elemen penting dalam pembinaan negara bangsa perlu ditangani dengan segera agar generasi baru diangkat sebagai pemimpin bukanlah dalam kalangan warganegara yang tidak patriotik.

Mohmad Noor Mohmad Taib (2006), telah menggunakan tiga nilai patriotisme, iaitu bangga negara, setia negara dan hormat simbol negara sebagai indikator patriotisme dalam kajiannya di tiga buah sekolah menengah dalam satu daerah di Johor yang melibatkan 355 orang pelajar sebagai sampel. Dapatan kajiannya menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian patriotisme berasaskan kumpulan rawatan dan kumpulan jantina. Namun perbezaan berasaskan kepada kumpulan etnik, didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Keadaan ini memperlihatkan bahawa latar belakang etnik bukanlah penentu kepada tahap patriotisme seseorang individu. Tetapi faktor lain turut mempengaruhi nilai patriotisme dalam diri mereka.

Seterusnya Rosin Pinggaton@Panggaton (2006), melalui kajiannya tentang kefahaman patriotisme dan tahap persepsi amalan patriotisme dalam kalangan pelajar di sekolah-sekolah menengah di daerah Kota Marudu, Sabah telah melibatkan 163 pelajar Tingkatan 4 di lima (5) buah sekolah menengah di daerah Kota Marudu sebagai sampel. Lima elemen nilai patriotisme telah digunakan dalam kajiannya, iaitu nilai kebanggaan, kesetiaan, kekitaan, berdisiplin serta berusaha dan produktif. Dapatkan kajiannya telah mendapat bahawa responden kajian mempunyai tahap kefahaman dan tahap amalan patriotisme yang tinggi. Di samping itu, hasil analisis korelasi, terdapat hubungan positif dengan kaitan rendah dan sederhana kuat antara amalan patriotisme dengan tahap kefahaman. Bagi dapatan ujian regresi didapati unsur yang paling mempengaruhi amalan patriotisme adalah bersemangat kekitaan. Dengan penggunaan lima nilai dalam pengukuran kajiannya memperlihatkan penilaian selari dengan nilai-nilai yang dipupuk dalam kurikulum sekolah.

Kajian Rashidah Mamat (2014), dalam kajian patriotisme pelajar Malaysia yang sedang mengikuti pengajian di United Kingdom (UK) telah mendapat responden menyatakan bahawa mereka cintakan negara Malaysia, tetapi kurang berbangga terhadap negara. Malah lebih malang sekali, lampiran perasaan cinta dan bangga ini adalah kerana Malaysia adalah tempat mereka dilahirkan dan terdapat ahli keluarga yang berada di Malaysia semata-mata. Keadaan ini memperlihatkan bahawa responden kajian Rashidah Mamat (2014) patriotik bersebab. Mereka hanya memikirkan faedah yang mereka peroleh berbanding memikirkan apakah yang perlu dilakukan oleh mereka terhadap negara sebagai warganegara yang patriotik? Namun, kajian ini terhad terhadap nilai kekitaan dan kebanggaan sahaja. Dengan ini, kajian lanjutan dengan meneliti aspek nilai yang lain dan cara pengukuran yang lebih tidak hanya melihat perasaan dan emosi semata-mata.

Selain itu, kajian Sarjit S. Gill *et al.*, (2016) mengenai kesedaran nilai patriotisme masyarakat multi etnik di Sabah mendapat majoriti responden kajian mempunyai kesedaran yang tinggi, iaitu 63 peratus berada pada tahap tinggi. Keadaan ini memperlihatkan masyarakat di Sabah adalah masyarakat yang patriotik dari sudut pemikirannya. Namun, patriotisme tidak terbatas dengan pemikiran dan perasaan semata-mata tetapi perlu diperaktikkan. Oleh itu, makalah ini adalah kesinambungan daripada kajian kesedaran patriotism oleh Sarjit S. Gill *et al.*, (2016). Secara umum kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengamalan belia terhadap nilai patriotisme di Sabah.

## METODOLOGI

Dalam kajian ini, pendekatan kuantitatif berdasarkan kajian tinjauan digunakan dengan mengumpul data melalui penggunaan soal selidik. Penentuan saiz sampel berasaskan kepada saiz sampel yang wajar bagi saiz populasi mengikut jadual Krejcie & Morgan (1970). Jumlah populasi ini berasaskan bancian penduduk Jabatan Perangkaan Malaysia (2010). Sampel ini dipilih dari tiga etnik bumiputra, iaitu Kadazan-Dusun-Murut (KDM), Bajau dan Suluk. Ketiga-tiga

etnik menganuti agama Islam dan Kristian. Manakala sampel kajian ini terdiri daripada 429 responden berumur (18-40 tahun) dipilih dari negeri Sabah. Kajian ini menggunakan ‘*Probability Proportional to Size*’ (PPS) sebagai teknik persampelan bagi menentukan daerah terpilih dan jumlah sampel bagi setiap daerah tersebut. Melalui teknik persampelan ini saiz populasi ketiga-tiga etnik ini diambil kira dalam menentukan sesebuah daerah. Antara daerah tersebut ialah Keningau, Kota Belud, Kota Kinabalu, Kota Marudu, Lahad Datu, Papar, Penampang, Ranau, Sandakan, Semporna, Tawau dan Tuaran. Kajian ini memberi tumpuan kepada golongan belia kerana mereka adalah aset dan pelapis kepimpinan negara. Dapatan kajian ini dianalisis secara deskriptif. Analisis secara deskriptif digunakan untuk mengenal pasti jumlah dan peratusan skor setiap domain utama, peratusan skor bagi setiap nilai dan peratusan skor pengamalan mengikut etnik.

### **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Berdasarkan Jadual 1, taburan umur dibahagikan kepada 3 peringkat, iaitu 30.8% yang berumur bawah 25 tahun, 36.2% responden pula terdiri antara 26 hingga 35 tahun manakala responden yang berumur di antara 36 hingga 40 tahun menyumbang sebanyak 18.8%. Taburan jantina, majoriti responden terdiri daripada responden perempuan, iaitu 59.7% dan dikuti 40.3% responden lelaki. Taburan dari segi etnik, secara umumnya menunjukkan majoriti responden adalah Kadazan-Dusun-Murut yang menyumbang sebanyak 42.8% responden. Sementara itu etnik bajau merupakan etnik kedua terbesar selepas etnik Kadazan-Dusun-Murut dan etnik ini terdiri daripada 37.6% terpilih sebagai sampel kajian. Manakala responden daripada etnik Suluk pula menyumbang sebanyak 19.6% terhadap sampel kajian.

**Jadual 1: Taburan Keseluruhan Demografi Responden Belia di Kota Kinabalu, Sabah Terhadap Gagasan 1Malaysia**

<b>Item</b>	<b>(n)</b>	<b>Peratusan (%)</b>
<b>Umur</b>		
< 25	154	30.8
26 – 35	181	36.2
36 – 40	94	18.8
<b>Jantina</b>		
Lelaki	173	40.3
Perempuan	256	59.7
<b>Etnik</b>		
Kadazan-Dusun-Murut	184	42.8
Bajau	161	37.6
Suluk	84	19.6

Jadual 2, menunjukkan majoriti pengamalan nilai patriotisme responden berada pada tahap yang tinggi, iaitu sebanyak 50.1%. Manakala, 49.4% responden yang terpilih mempunyai tahap pengamalan yang sederhana dan 0.5% pula mempunyai tahap pengamalan yang rendah. Keadaan ini telah membuktikan bahawa belia di Sabah adalah belia yang patriotik. Walaupun mereka terpalit dengan beberapa isu yang memperlihatkan tidak patriotik kerana bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia namun kemungkinan isu yang dikatakan tidak patriotik hanya dimainkan oleh segelintir mereka yang tidak bertanggungjawab dan bukan mewakili suara sebenar majoriti belia Sabah. Oleh itu, daptan ini secara tidak langsung telah memperkuatkkan lagi keadaan sebenar belia Sabah. Walau bagaimanapun, tahap pengamalan yang diperolehi ini bukanlah sesuatu yang boleh dibanggakan. Usaha berterusan untuk meningkatkan lagi tahap pengamalan patriotisme belia Sabah harus dilakukan oleh pihak kerajaan khususnya seperti agensi Biro Tatanegara (BTN) yang berfungsi memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara.

Namun demikian, berbeza dengan daptan kajian Rosin Pinggaton@Panggaton (2006), yang mendapat tahap amalan patriotisme responden kajiannya tinggi. Malah kajian Mohd Hairul Anuar Razak (2011, 2010) mengenai pengetahuan, kefahaman dan persepsi patriotisme dalam kalangan pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) juga berada pada tahap yang positif dan tinggi. Namun data kajian Rosin Pinggaton@Panggaton (2006) dan Mohd Hairul Anuar Razak (2011) yang telah melebihi lima tahun dan terhad kepada kepada pelatih PLKN sukar untuk membuktikan keadaan sebenar belia pada masa kini.

**Jadual 2: Tahap Pengamalan Nilai Patriotisme Belia di Sabah**

Tahap	(n)	Peratusan (%)
Tinggi	215	50.1
Sederhana	212	49.4
Rendah	2	0.5
Jumlah	429	100.0

Berdasarkan Jadual 3, menunjukkan taburan skor tahap pengamalan mengikut nilai patriotisme. Bagi nilai kebanggaan, didapati 50.3% responden mendapat skor tinggi. Manakala skor sederhana terdiri daripada 43.6% responden dan 6.1% lagi berada pada tahap rendah. Nilai kebanggaan ini adalah berkaitan amalan mengibar bendera Jalur Gemilang, pembelian barang buatan tempatan dan menghargai tradisi dan budaya tempatan. Selain itu, nilai kekitaan pula majoriti responden berada pada tahap tinggi, iaitu 72.5% responden. Manakala 25.6% responden berada pada tahap sederhana serta 1.9% responden berada pada tahap rendah. Pengamalan nilai kekitaan ini, adalah berkaitan dengan amalan tolong-menolong, berinteraksi dan bekerjasama melangkaui batas etnik dan agama.

Sementara itu, skor nilai berdisiplin didapati 48.5% responden berada pada tahap tinggi. Manakala 49.7% responden pula berada pada tahap sederhana dan selebihnya 1.9% responden berada pada tahap rendah. Nilai berdisiplin ini adalah berkaitan dengan amalan mematuhi peraturan dan undang-undang negara. Di samping itu, nilai berusaha dan produktif majoriti responden berada pada tahap sederhana kerana 51.0% responden berada pada tahap tersebut. Manakala tahap tinggi dan rendah masing-masing terdiri daripada 39.6% responden dan 9.3% responden. Nilai berusaha dan produktif ini adalah berkaitan dengan keterlibatan dalam program atau aktiviti komuniti dan pembinaan negara.

Seterusnya, bagi nilai kesetiaan majoriti responden berada pada tahap sederhana, iaitu 72.7%. Sementara itu, hanya 13.3% responden berada pada tahap tinggi dan 14.0% sahaja berada pada tahap rendah. Nilai kesetiaan ini melibatkan kesetiaan kepada pemimpin negara termasuk Yang Dipertuan Agong. Akhir sekali, nilai pengorbanan didapati majoriti responden berada pada tahap sederhana, iaitu 76.9%. Manakala 11.2% responden barada pada tahap tinggi dan 11.9% responden berada pada tahap rendah.

Keadaan ini jelas memperlihatkan hanya nilai kekitaan sahaja yang boleh dibanggakan terhadap perolehan skor pengamalan responden belia Sabah. Manakala lima nilai yang lain hanya berada pada tahap sederhana. Dengan ini, usaha pemupukan bagi meningkatkan pengamalan nilai patriotisme belia ini perlu dilakukan dan pemupukan tersebut perlu dikhurasukan kepada nilai-nilai yang harus disasarkan. Pemupukan setiap nilai patriotisme ini penting supaya belia lebih memahami nilai patriotisme dan seterusnya akan mempengaruhi pangamalan mereka. Hal ini kerana hasil kajian Rosin Pinggaton@Panggaton (2006) mendapati amalan nilai patriotisme mempunyai perkaitan dengan kefahaman seseorang individu. Malah nilai kekitaan adalah nilai yang paling mempengaruhi pengamalan responden dalam kajiannya.

**Jadual 3: Tahap Pengamalan Nilai Patriotisme Belia di Sabah**

Nilai	Skor Pengamalan		
	Tinggi	Sederhana	Rendah
Kebanggaan	216 (50.3%)	187 (43.6%)	26 (6.1%)
Kekitaan	311 (72.5%)	110 (25.6%)	8 (1.9%)
Berdisiplin	208 (48.5%)	213 (49.7%)	8 (1.9%)
Berusaha & Produktif	170 (39.6%)	219 (51.0%)	40 (9.3%)
Kesetiaan	57 (13.3%)	312 (72.7%)	60 (14.0%)
Pengorbanan	48 (11.2%)	330 (76.9%)	51 (11.9%)

Berdasarkan Jadual 4, menunjukkan skor responden terhadap pengamalan pemupukan nilai patriotisme berdasarkan etnik. Skor pengamalan pemupukan nilai patriotisme berdasarkan etnik Kadazan-Dusun-Murut pada tahap tinggi adalah sebanyak 50.0% responden. Manakala, pada tahap sederhana ialah 49.1% responden dan 0.9% responden mempunyai tahap rendah mengenai pengamalan nilai patriotisme. Selain itu, skor pengamalan nilai patriotisme berdasarkan etnik Bajau pada tahap tinggi adalah 50.0% responden. Manakala, pada tahap sederhana adalah 49.5% responden dan 0.5% sahaja responden mempunyai tahap rendah mengenai pengamalan nilai patriotisme. Seterusnya skor pengamalan nilai patriotisme berdasarkan etnik Suluk pula pada tahap tinggi ialah 55.1% responden. Manakala, pada tahap sederhana adalah sebanyak 43.9% responden dan 1.0% responden mempunyai tahap rendah mengenai pengamalan nilai patriotisme.

Keadaan ini telah memperlihatkan bahawa faktor etnik bukanlah suatu yang membezakan tahap pangamalan nilai patriotisme belia Sabah. Jurang dapatan peratusan antara etnik yang majoritinya berada dalam lingkungan 50% sahaja. Walaupun keadaan tahap pengamalan patriotisme belia Sabah ini bukanlah berada pada tahap yang membanggakan namun, perolehan skor antara etnik tidak menampakkan jurang perbezaan yang ketara. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh kelemahan agen sosialisasi yang membentuk belia di Sabah dan perbezaan etnik bukanlah suatu faktor penghalang untuk seseorang individu itu mempraktikkan nilai patriotisme. Oleh itu, tindakan pemupukan harus sentiasa dilakukan untuk semua etnik kerana semua etnik yang dikaji ini mempunyai tahap pengamalan yang setara.

Tambahan pula, kajian Sarjit S. Gill *et al.*, (2016) mengenai kesedaran nilai patriotisme masyarakat multi-etnik di Sabah turut mendapat skor tahap kesedaran antara etnik hampir setara. Selain itu, kajian Sarjit S. Gill *et al.*, (2014), tentang pemahaman dan kesedaran patriotisme di Semenanjung Malaysia pula turut memperlihatkan tahap pemahaman dan kesedaran belia bandar antara etnik tidak berbeza dan setara. Dapatkan ini telah membuktikan hujah bahawa perbezaan etnik bukanlah suatu penghalang untuk berkongsi nilai patriotisme yang sama.

Jika dilihat hasil kajian Ku Hasnita Ku Samsu (2007), berkaitan dengan tahap patriotisme yang melibatkan 743 responden kalangan penuntut Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) bukan Melayu di Lembah Klang turut menunjukkan tahap patriotisme mereka berada pada tahap sederhana. Dengan ini, keadaan nilai patriotisme etnik bukan Melayu di Semenanjung dan Sabah tidak berbeza. Oleh itu, jelas patriotisme golongan belia Malaysia masih ditahap yang membimbangkan. Namun, manifestasi patriotisme yang diukur oleh Ku Hasnita Ku Samsu (2007) berasaskan aspek pertahanan dan keselamatan sahaja dan ukuran ini mungkin tidak menyeluruh dan terbatas. Justeru, kajian ini juga merupakan antara kajian lanjutan bagi mengenal pasti bentuk manifestasi yang lebih menyeluruh kerana manifestasi patriotisme bukan hanya terhad kepada penyertaan dalam pasukan keselamatan dan pertahanan saja.

#### Jadual 4: Skor Pengamalan Mengikut Etnik

Etnik	Skor Pengamalan			
	Tinggi	Sederhana	Rendah	Jumlah
Kadazan-Dusun-Murut	107 (50.0 %)	105 (49.1 %)	2 (0.9 %)	214 (100 %)
Bajau	94 (50.0 %)	93 (49.5 %)	1 (0.5 %)	188 (100 %)
Suluk	54 (55.1 %)	43 (43.9 %)	1 (1.0 %)	98 (100 %)

#### KESIMPULAN

Walaupun dapatan kajian ini mendapati majoriti responden mengamalkan nilai patriotism, namun masih ramai yang kurang menjadikan nilai patriotisme sebagai suatu amalan hidup. Rentetan daripada hasil kajian ini memperlihatkan usaha Malaysia membina bangsa Malaysia menjelang tahun 2020 masih terlalu jauh. Jurang antara patriotism belia di Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak masih melebar dan perlu dibaiki serta diberikan perhatian oleh pelbagai pemegang taruh. Membina ikatan golongan belia terhadap Malaysia lebih diutamakan melebihi ikatan mereka hanya kepada negeri dan etnik masing-masing. Sejarah telah memperlihatkan masa dan usaha yang diambil untuk pembentukan Malaysia sebagai negara yang berdaulat bukanlah suatu yang mudah dan ini seharusnya dipertahankan. Dengan ini, sudah sampai masanya golongan belia perlu berpaksikan perasaan cinta yang didokong oleh enam nilai merentasi batas negeri, etnik dan agama.

Patriotisme yang positif dalam konteks Malaysia bukan semata-mata melahirkan belia yang tunduk dan patuh kepada segala tindakan yang dilakukan oleh negara sahaja atau mengkritik sewenang-wenangnya tindakan kerajaan tetapi dengan mendokong enam nilai yang diutarakan oleh penulis dalam kajian ini mampu mengukur tanggungjawab bersama antara masyarakat yang diperintah dengan golongan mereka yang memerintah. Pencabulan dan pelanggaran apa jua bentuk terhadap prinsip Perlembagaan Persekutuan dan ideologi Rukun Negara perlu ditolak secara tegas walaupun ada sebahagian mereka yang tidak bertanggungjawab mengaku ianya sebagai patriotik.

#### PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) kerana membiasai penyelidikan ini.

**RUJUKAN**

- Abdul Latiff Abu Bakar. (2012). Jati Diri dan Patriotisme Berpaksikan Sejarah, Perlembagaan dan Dasar Kerajaan. Dlm Abdul Latiff Abu Bakar (pnyt.), *Jati Diri dan Patriotisme Teras Peradaban Malaysia* (ms. 1–34). Tanjung Malim: Gepena & UPSI.
- Ahmad Shah Pakeer Mohamed. (2013). Patriotisme Belia ke Arah Perpaduan dan 1Malaysia. *Jurnal Biro Tatanegara*, 1, 5–20.
- Catherine Allerton. (2014). Statelessness and the lives of the children of migrants in Sabah , East Malaysia, 19 (1-2), 26–34.
- Daniel Druckman. (1994). Nationalism, Patriotism, and Group Loyalty: A Social Psychological Perspective. *Mershon International Studies Review*, 38(1), 43–68.
- Haminah Suhaibo. (2007). *Pemupukan Patriotisme dalam Pendidikan Sejarah Tingkatan Satu*. Universiti Malaya.
- Hand, M. (2011). Patriotism in Schools. *Philosophy of Education Society of Great Britain* (IMPACT), 2011(19), 1–40.
- Hasnah Hussiin, Jamal Rizal Razali, Mohd Azam Mouhd Akhir & Imaduddin Abidin. (2009). Tahap Kesedaran Pelajar Terhadap Aspek-Aspek Kenegaraan: Kajian Kes di UMP. Dlm Hasnah Hussiin (pnyt.), *Artikal Kenegaraan dan Hubungan Etnik* (ms. 83–101). Kuantan: Universiti Malaysia Pahang.
- Jan-Werner Muller. (2006). On The Origins of Constitutional Patriotism. *Contemporary Political Theory*, 5, 278–296.
- Jan-Werner Muller. (2007). *Constitutional Patriotism*. United Kingdom: Princeton University Press.
- Jingxiang Wang & Shaoying Jia. (2015). The Contemporary Value of Patriotism. *Advances in Applied Sociology*, 5, 161–166.
- Kasmila A. (1980). *Politik Sabah Tahun 80an (Sabah tanpa Syed Kechik)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khoo Kay Kim. (2005). Patriotisme di Malaysia. Dlm Mustafa Ishak, Izani Zain & Rohana Yusof (pnyt.), *Prosiding Kongres Patriotisme Negara* (ms. 30–36). Putrajaya: Biro Tatanegara & Universiti Utara Malaysia.
- Ku Hasnita Ku Samsu. (2007). *Patriotisme di Kalangan Generasi Muda Malaysia: Kajian Kes Ke Atas Mahasiswa Bukan Melayu di Institusi Pengajian Tinggi*. Universiti Malaya.
- Ku Hasnita Ku Samsu. (2014). Polemik Konotasi Patriotisme. Dlm Abdul Rahman Abdul Aziz, Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri & Muhammed Nor Azman Nordin (pnyt.), *Isu-isu Ketahanan Nasional Malaysia* (ms. 153–

- 162). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia & Universiti Utara Malaysia.
- Lee Kuok Tiung. (2016). Dinamik Persoalan Patriotisme Masa Kini- Ke Mana Arah Hendak Tuju? Dlm Ronald Kiandee & Sivamurugan Pandian (pnyt.), *Patriotisme Malaysia Sejarah, Isu dan Cabaran* (ms. 166–174). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Leonard William Doob. (1964). *Patriotism and Nationalism: Their Psychological Foundations*. London: Yale University Press.
- Merle Curti. (1946). *The Roots of American Loyalty*. London: Columbia University Press.
- Mohammad Agus Yusof. (2002). Politik Federalisme di Malaysia: Pengalaman Sabah. JATI (*Journal of Southeast Asian Studies*), 7: 1–20.
- Mohd Hairul Anuar Razak. (2011). *Pengetahuan, Persepsi dan Pemahaman Terhadap Penghayatan Patriotisme dan Nasionalisme Dalam Kalangan Pelatih Program Latihan Khidmat Negara di Malaysia*. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Taib Osman. (2004). *Globalisasi, Patriotisme dan Isu-isu Kemasyarakatan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohmad Noor Mohmad Taib. (2006). *Kesan Pengajaran Terus Nilai Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Sejarah Bagi Penerapan Patriotisme*. Universiti Sains Malaysia.
- Nathanson, S. (1989). In Defense of “Moderate Patriotism”\*. *Ethics*, 99(3), 535–552.
- Nathanson, S. (1993). *Patriotism, Morality, and Peace*. Lanham: Rowman & Littlefield.
- Nazri Muslim & Jamsari Alias. (2004). Patriotisme: Konsep dan pelaksanaannya di Malaysia. Dlm *Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme* (SIVIC 2004). Langkawi.
- Nidzam Sulaiman, Katini Aboo Talib @ Khalis & Suzanna M. Isa. (2017). Tuntutan Sabah dan Sarawak Keluar Malaysia (SSKM) Dalam Media Massa- Satu Kajian Eksplorasi. Bangi.
- Noor Sulastry Yurni Ahmad. (2010). 1Semangat Patriotisme Menjana Konsep 1Malaysia: Realiti atau Fantasi. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 2, 77–92.
- Primoratz, I & Aleksandar Pavkovic. (2007). Introduction. Dlm Igor Primoratz and Aleksandar Pavkovic (pnyt.), *Patriotism Philosophical and Political Perspectives* (ms. 1–14). Aldershot: Ashgate.
- Rashidah Mamat. (2014). Sense of Belonging to the Country: Assessing Patriotism, Loyalty. Dlm *Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR* (pp. 561–572). Kota Kinabalu.

- Rosin Pinggaton@Panggaton. (2006). *Kajian Tentang Hubungan Antara Kefahaman Patriotisme Dengan Persepsi Amalan Patriotisme Di Sekolah-Sekolah Menengah Di Daerah Kota Marudu, Sabah*. Universiti Malaysia Sabah.
- Saifuddin Abdullah. (2005). Patriotisme Alaf Baru: Dari Semangat Kepada Khidmat. Dlm Hussain Mohamad (pnyt.), *Belia & Patriotisme Malaysia* (ms. 70–93). Melaka: IKSEP.
- Samuel P. Huntington. (2008). *Siapa Kita? Cabaran Identiti Nasional Amerika*. (Terjemahan oleh Azman Ayub, Ed.). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Sarjit S. Gill, Jayum Anak Jawan, Ahmad Tarmizi Talib, Arif Aris Mundayat & Mohd Rahimi Ramli. (2014). Laporan *Kajian Pemahaman, Kesedaran Patriotisme dan Cabarannya Dalam Kalangan Belia Bandar di Semenanjung Malaysia. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional*, Putrajaya.
- Sarjit S. Gill, A. T. Talib & Mohd Rahimi Ramli. (2016). Nilai Patriotisme Dalam Kalangan Masyarakat Multi-Etnik di Sabah. Dlm Ronald Kiandee & Sivamurugan Pandian (pnyt.), *Patriotisme Malaysia Sejarah, Isu dan Cabaran* (ms. 153–165). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Simon Keller. (2007). How Patriots Think, and Why It Matters. Dlm Igor Primoratz and Aleksander Pavkovic (pnyt.), *Patriotism Philosophical and Political Perspectives* (ms. 63–74). Aldershot: Ashgate.
- Sivamurugan Pandian & Ronald Kiandee. (2016). Patriotisme Di Malaysia: Pertahanan Menyeluruh Sebagai Psikik Kenegaraan. Dlm Ronald Kiandee & Sivamurugan Pandian (pnyt.), *Patriotisme Malaysia Sejarah, Isu dan Cabaran* (ms. 1–15). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Walter Berns. (1997). On Patriotism. *The Public Interest*, (127), 19–32.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan & Ramli Dollah. (2013). *Pendatang dan Isu Keselamatan di Sabah* (Kedua). Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Zaini Othman, Kntayya Mariappan & Ismail Ali. (2010). *Nasionalisme, Etnisiti dan Komuniti Sempadan Negeri Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

**Profil Penulis:**

**Sarjit S. Gill, PhD**

Jabatan Sains Kemasyarakatan & Pembangunan  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
[sarjit@upm.edu.my](mailto:sarjit@upm.edu.my)

**Ahmad Tarmizi Talib, PhD**

Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
[tarmizi@upm.edu.my](mailto:tarmizi@upm.edu.my)

**Mohd Rahimi Ramli, MSc**

Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
[rahimiramli44@gmail.com](mailto:rahimiramli44@gmail.com)



## PANDUAN KEPADA PENYUMBANG

*Malaysian Journal of Youth Studies* ialah sebuah jurnal berwacan yang komited kepada perkembangan ilmu pengajian belia. Jurnal ini menerbitkan artikel yang pastinya boleh menjadi input berguna kepada para pembuat keputusan, sarjana serta individu perseorangan dalam aspek pembangunan belia. Jurnal ini diterbitkan oleh IYRES secara berkala dua (2) kali setahun.

### PROSEDUR PENYERAHAN MANUSKRIP

*Malaysian Journal of Youth Studies* menerbitkan manuskrip yang ditulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Manuskrip yang diserahkan untuk diterbitkan dalam jurnal ini hendaklah merupakan karya asli yang belum pernah diterbitkan atau tidak dihantar untuk pertimbangan oleh mana-mana penerbitan lain. Manuskrip, ditemui selang sebaris di atas kertas bersaiz A4, hendaklah diserahkan kepada Urusetia, *Malaysian Journal of Youth Studies* (MJYS), Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Biodata ringkas penulis juga perlu disertakan bersama.

Para penulis yang manuskripnya telah diterima untuk penerbitan dikehendaki menghantar sesalinan manuskrip akhir yang telah disunting dalam bentuk *soft copy*. Satu nota ringkas biografi penulis perlu disertakan bersama-sama dengan manuskrip. Semasa manuskrip masih dalam pertimbangan Lembaga Editorial, para penulis bertanggungjawab menghubungi editor untuk memaklumkan tentang sebarang perubahan alamat. Setiap artikel yang diterbitkan akan diberikan dua (2) naskhah salinan *Malaysian Journal of Youth Studies*.

### FORMAT DAN GAYA

Tajuk sesuatu manuskrip perlulah ringkas, deskriptif dan seharusnya tidak melebihi 15 perkataan. Setiap manuskrip harus mempunyai abstrak (150 hingga 250 patah perkataan) dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang berkisarkan isi-isi utamanya termasuk kata kunci sekurang-kurangnya lima (5) perkataan, tujuan, objektif, metodologi, dapatan dan rumusan. Penulisan artikel di antara 15 hingga 20 muka surat sahaja.

Semua ilustrasi termasuk rajah, carta dan graf, mesti dilabel dan disediakan dalam halaman bersama dengan teks. Kedudukan ilustrasi seperti yang dikehendaki dalam teks hendaklah ditanda dengan jelas.

Rujukan dalam teks hendaklah menggunakan sistem nama penulis dan diikuti oleh tahun penerbitan. Satu senarai rujukan yang disusun mengikut abjad hendaklah dimasukkan di bahagian akhir sesebuah manuskrip. Kesemua rujukan yang dipetik dalam teks haruslah muncul dalam kesempurnaan maklumat dan senarai rujukan. Semua manuskrip mesti mengikuti garis panduan rujukan A.P.A (*The American Psychological Association*).

## **HAK CIPTA**

Para penulis bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan manuskrip mereka tidak melanggar mana-mana hak cipta sedia ada. Penulis bertanggungjawab untuk membayar ganti rugi kepada para editor dan penerbit ke atas sebarang pelanggaran terhadap hak cipta. Para penulis seharusnya mendapatkan keizinan untuk menerbitkan semula atau mengubahsuai bahan-bahan yang mempunyai hak cipta dan menunjukkan bukti keizinan tersebut semasa menyerahkan naskhah akhir manuskrip.

## **PROSES PEWASITAN**

Sesebuah manuskrip akan dinilai oleh Lembaga Editorial dan diwasitkan. Keputusan tentang penerbitan sesebuah manuskrip berdasarkan kepada saranan ahli-ahli Lembaga Editorial. Sesebuah manuskrip akan dinilai berdasarkan kesesuaianya dengan *Malaysian Journal of Youth Studies* sumbangannya kepada disiplin ilmu, kejituuan analisis, keluasan konseptual, persembahan yang jelas dan kesempurnaan teknikal. Bagi memastikan sesebuah manuskrip dinilai semata-mata berdasarkan meritnya, identiti penulis semasa proses perwasitan tidak didedahkan kepada wasit. Manuskrip yang diserahkan oleh mana-mana anggota Lembaga Editorial juga tertakluk kepada prosedur perwasitan yang sama.

## **GUIDE TO CONTRIBUTORS**

*Malaysian Journal of Youth Studies is a refereed journal committed to youth developmental studies. The articles published in this journal is beneficial to decision makers, scholars or individuals related to youth development. This journal is published by IYRES twice a year.*

## **MANUSCRIPT SUBMISSION PROCESS**

*Malaysian Journal of Youth Studies is published in both Malay and English languages. The manuscript submitted for publication must be authentic and has never been published in any journal or never been sent to any other publication. The manuscript must be single spacing and typed in an A4 paper, to be submitted to the Secretariat, Malaysian Journal of Youth Studies (MJYS), Institute for Youth Research Malaysia. The biodata of the author is to be appended.*

*The authors whose manuscript have been accepted for publication are required to submit a duly edited soft copy version together with a biography of the authors. In the course of the Editorial Board consideration, the authors are responsible to inform of any changes in address. 2 copies of Malaysian Journal of Youth Studies will be given to the authors of the published manuscripts.*

## **FORMAT AND STYLE**

*The title of the manuscript must be concise, descriptive and should not be more than 15 words. Each manuscript must contain an abstract (150-250 words) in Malay and English languages describing its main points including five (5) key words, the aim, objectives, methodology, findings and conclusions. The article should only be between 15-20 pages.*

*All illustration including diagrams, charts and graphs are to be labelled and placed in the same page as the texts. The placement of the illustration must be labelled clearly.*

*References in the text should be indicated by giving the name(s) of the author(s) followed by the year of publications. A list of references in alphabetical order should be appended at the end of the manuscript. All cited information must be accurate and listed in the reference. The manuscripts must adhere to the guidelines format in A.P.A (American Psychological Association).*

## **COPYRIGHT**

*The authors are fully responsible to ensure their manuscripts do not infringe any copyrights, should such infringement occur; the authors shall be made accountable to indemnify the editor and publisher. The authors are expected to obtain consent for any reproduction or modification of any copyrighted materials and to exhibit the consent during the final submission.*

## **REVIEW PROCESS**

*Manuscripts will be reviewed by the Editorial Board. The decision for publication will be based on the recommendation by the Editorial Board. The manuscripts will be evaluated based on its suitability to Malaysian Journal of Youth Studies, contribution to knowledge, accuracy of analysis, conceptual breath, clarity of presentation and technical strength. In order to ensure the manuscripts are evaluated based on merits, the identities of the authors are not disclosed during the review process. Manuscripts submitted by the Editorial Board are subjected to the same procedure.*



*Malaysian Journal of Youth Studies* Malaysia diterbitkan dua kali setahun oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Segala pandangan yang tersiar dalam *Malaysian Journal of Youth Studies*, kecuali dinyatakan sebaliknya, adalah pandangan masing-masing penulis, dan tidak semestinya mencerminkan pandangan Sidang Editor. Semua surat menyurat mengenai makalah dan sehubungan dengannya hendaklah dialamatkan kepada:

*Malaysian Journal of Youth Studies is published biannually by the Institute for Youth Research Malaysia, Ministry of Youth and Sports Malaysia. All views expressed in Malaysian Journal of Youth Studies, unless otherwise stated, are those of the contributors, and do not necessarily reflect the views of the Editorial Board. All correspondence pertaining to articles and related matters should be addressed to:*

*Malaysian Journal of Youth Studies*  
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)  
Aras 10, Menara KBS  
No. 27 Persiaran Perdana, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62570 Putrajaya, Malaysia  
Tel: 03-8871 3705/3790  
Faks: 03-8871 3342  
Email: [malaysianyouth@iyres.gov.my](mailto:malaysianyouth@iyres.gov.my)  
<http://www.iyres.gov.my>

**Profil Psikologi Penjenayah Wanita: Satu Tinjauan Literatur**

Siti Nurkhairina Mohd Nor, Wan Shahrazad Wan Sulaiman & Mohammad Rahim Kamaluddin

**Pemahaman dan Persepsi Mahasiswa Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)**

**Mengenai Aspek Agama dan Kepercayaan di Malaysia**

Charanjit Kaur

**Penggunaan Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara dalam Membangkitkan Semangat Patriotisme dalam Kalangan Belia**

Yohan Kurniawan, Noor Raihani Zainol, Nursalihah Ahmad Raston, Hishamuddin Md Som, & Zainai Mohamed

**Pengamalan Nilai Patriotisme Belia di Sabah**

Sarjit S. Gill, Ahmad Tarmizi Talib & Mohd Rahimi Ramli

*Published by/diterbitkan oleh*

**INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (IYRES)**

Aras 10, Menara KBS

No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62570 Putrajaya, Malaysia

**Tel: 03-8871 3705/3790**

**Faks: 03-8871 3342**

**Website: <http://www.iyres.gov.my>**

